UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi

BUKU ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

2023/2024

Disediakan Oleh:
Jawatankuasa Projek Sarjana Muda (PSM)
Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi
Universiti Teknologi Malaysia

Buku Abstrak Projek Sarjana Muda (PSM)

Disediakan oleh
JAWATANKUASA PROJEK SARJANA MUDA
FAKULTI SAINS PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, Johor Bahru
Malaysia

@Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian daripada penerbitan buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk, sama ada secara elektronik atau mekanikal seperti menyalin, merakam, menyimpan untuk penghasilan semula atau diakses tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.

Semua abstrak dalam buku ini merupakan hasil penulisan Projek Sarjana Muda pelajar Tahun 4 2023/2024 yang telah dibentangkan secara lisan di Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Reka Bentuk Oleh:
Najua Syuhada Ahmad Alhassora

Pruf Oleh:
Megat Aman Zahiri Megat Zakaria
Najua Syuhada Ahmad Alhassora
Chuzairy Hanri
Nur Hazirah Noh@Seth
Syahrul Ridhwan Morazuki

Disunting Oleh:
Najua Syuhada Ahmad Alhassora
Marlina Ali
Chuzairy Hanri
Nur Hazirah Noh@Seth
Mohd Fahmi Adnan
Mohd Rasidi Pairan
Hanifah Jambari
Sharifah Maryam Syed Azman
Faraha Hamidi
Nur Najwa Hanani Abd Rahman
Siti Nur Hadis A Rahman
Syahrul Ridhwan Morazuki
Nur Fatihah Raimi
Mohd Fadzil Hanid
Nur Aleysa Alam Shah

ISI KANDUNGAN

NAMA PROGRAM	MUKA SURAT
Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kimia) dengan Kepujian (**SHPCH**)	4
Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Fizik) dengan Kepujian (**SHPFH**)	44
Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Kemahiran Hidup) dengan Kepujian (**SHPH**)	75
Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) dengan Kepujian (**SHPIH**)	80
Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) dengan Kepujian (**SHPJH**)	117
Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian (**SHPLH**)	145
Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Matematik) dengan Kepujian (**SHPMH**)	207
Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Binaan Bangunan) dengan Kepujian (**SHPQH**)	241
Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian **(SHPRH)**	261
Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Sains Sukan) (**SHPS**)	281
Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian (**SHPSH**)	286

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA SAINS DENGAN PENDIDIKAN (KIMIA) DENGAN KEPUJIAN [SHPCH]

ILMU PEDAGOGI STEM DALAM TEKNOLOGI DRON BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

Abdul Hannan Bin Abd Halim & Fatin Aliah Phang Binti Abdullah
abdul.hannan@graduate.utm.my

Kajian ini berfokus pada bidang STEM dengan penekanan khusus pada teknologi dron dalam pendidikan sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini bertujuan menelaah isu-isu yang dihadapi dan membincangkan penyelesaian untuk meningkatkan pendekatan pedagogi STEM dalam teknologi dron berpandukan TPACK. Metodologi kajian bersifat kualitatif, melibatkan temubual dengan lima orang guru teknologi dron sebagai responden. Data dianalisis menggunakan model Miles, Huberman & Saldana yang merangkumi tiga kaedah: pengecilan data, persembahan data, dan penghasilan kesimpulan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan teknologi yang mencakupi asas mekanik dron, prinsip operasi, kecekapan dalam mengawal dron, serta pemahaman sains dan teknologi yang mendasari fungsi dron. Dari segi pengetahuan pedagogi, guru menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar, mengintegrasikan konsep STEM, serta mendorong penggunaan aktif dan inisiatif pelajar. Pengetahuan kandungan STEM guru melibatkan integrasi teknologi dron dalam kurikulum pendidikan, aplikasi teknologi dron dalam konteks STEM, dan pemikiran rentas disiplin. Kesimpulannya, sebuah modul atau pedagogi STEM dalam teknologi dron perlu dirangka dengan baik dan sesuai untuk pelajar sekolah menengah di Malaysia agar negara tidak ketinggalan dalam bidang teknologi. Kajian ini dapat menyumbang kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam membangunkan pembelajaran teknologi dron di sekolah menengah di Malaysia.

This study focuses on the STEM field with special emphasis on drone technology in secondary school education in Malaysia. This study aims to examine the issues faced and address solutions to improve the STEM pedagogical approach in drone technology based on TPACK. The research methodology is qualitative, involving interviews with five drone technology teachers as respondents. Data was analyzed using the Miles, Huberman & Saldana model, which includes three methods: data reduction, data presentation, and conclusion generation. The results of the study show that teachers have technological knowledge that includes the basics of drone mechanics, operating principles, efficiency in controlling drones, as well as an understanding of science and technology that underlies drone functions. In terms of pedagogical knowledge, teachers use a student-centered learning approach, integrate STEM concepts, and encourage active use and student initiative. Teachers' STEM content knowledge involves the integration of drone technology in the educational curriculum, the application of drone technology in a STEM context, and cross-disciplinary thinking. In conclusion, a module or STEM pedagogy in technology also needs to be well designed and suitable for high school students in Malaysia so that the country does not lag behind in the field of technology. This

study can contribute to related parties in developing learning technology in secondary schools in Malaysia.

MISKONSEPSI PELAJAR TINGKATAN 4 DALAM TAJUK IKATAN KIMIA

Anis Afidah Binti Baharudin & Nina Diana Binti Nawi
anisafidah@graduate.utm.my

Ikatan kimia merupakan satu konsep yang abstrak dan sukar untuk difahami oleh pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti miskonsepsi pelajar mengenai tajuk ikatan kimia. Miskonsepsi dalam ikatan kimia sering menghalang pemahaman yang mendalam tentang tajuk ikatan kimia ini terutamanya dalam ikatan kimia dan ikatan ion menyebabkan kesukaran untuk melanjutkan pelajaran kepada bab yang seterusnya. Bagi mengkaji miskonsepsi yang sering berlaku dalam kalangan pelajar, seramai 123 orang pelajar Tingkatan 4 yang terdiri daripada pelbagai kaum telah dipilih sebagai responden kajian. Pelajar ini terdiri daripada SMK Taman Bukit Indah, SMK Gelang Patah dan SMK Sri Rahmat dimana ketiga-tiga sekolah ini merupakan sekolah yang mempunyai gred pencapaian yang sederhana. Maka, ini sangat sesuai kerana sekolah-sekolah ini mempunyai pelajar yang pandai, sederhana dan lemah yang memudahkan pengkaji untuk menganalisis miskonsepsi yang berlaku dalam diri pelajar. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif iaitu secara soal selidik empat peringkat (4-tier). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi) dan Bahagian B (Soal Selidik Empat Peringkat). Pada Bahagian A, pelajar perlu mengisi maklumat diri misalnya jantina, sekolah dan kaum. Pada Bahagian B pula, terdapat 10 soalan yang berkaitan tajuk ikatan kimia iaitu ikatan ionik dan ikatan kovalen. Setiap soalan akan mengandungi soalan, jawapan, jawapan keyakinan, sebab kepada jawapan yang diberikan dan keyakinan kepada sebab yang diberikan. Soal selidik empat peringkat yang digunakan dalam kajian terdiri daripada soalan untuk menguji pengetahuan asas, pemahaman konsep serta keupayaan pelajar untuk mengkaitkan tajuk ikatan kimia dengan kehidupan sebenar. Alat Diagnostik Ikatan Kimia (CBDT) digunakan sebagai alat mengenalpasti miskonsepsi yang dialami oleh pelajar. Ini kerana instrumen CBDT mempunyai kesahan kandungan yang sangat tinggi iaitu 94.63%. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan terdapat ramai pelajar mengalami miskonsepsi dalam ikatan kovalen iaitu sebanyak 58.4% berbanding ikatan ion dengan peratusan sebanyak 53.0%. Maka, purata pelajar yang mengalami miskonsepsi dalam tajuk ikatan kimia adalah sebanyak 55.7%. Kesimpulannya, usaha yang bersepadu dari semua pihak diperlukan untuk mengatasi miskonsepsi pelajar dalam tajuk ikatan kimia ini. Pemahaman yang konsep yang bagus dapat meningkatkan proses pembelajaran sekaligus melahirkan pelajar yang lebih kompeten dan berpengetahuan.

Chemical bonding is an abstract concept that is difficult for students to understand. This study aims to identify students' misconceptions about the topic of chemical bonding. Misconceptions in chemical bonding often hinder a deep understanding of this topic, especially in ionic and covalent bonds, making it difficult for students to progress to the next chapter. To investigate the common misconceptions among students, a total of 123 Form 5 students from various ethnic backgrounds were selected as study respondents. These students were from SMK Taman Bukit Indah, SMK Gelang Patah, and SMK Sri Rahmat, all of which are schools with average achievement grades. This selection is appropriate because these schools have a mix of high-achieving, average, and low-performing students, making it easier for researchers to analyze the misconceptions occurring among students. The research design used is a qualitative study employing a four-tier diagnostic test. The questionnaire consists of two sections: Section A (Demographics) and Section B (Four-Tier Questionnaire). In Section A, students are required to fill in their personal information such as gender, school, and ethnicity. In Section B, there are 10 questions related to the topic of chemical bonding, specifically ionic and covalent bonds. Each question includes the question itself, the answer, answer confidence, the reason for the given answer, and confidence in the reason provided. The four-tier questionnaire used in this study comprises questions to test basic knowledge, conceptual understanding, and students' ability to relate the topic of chemical bonding to real life. The Chemical Bonding Diagnostic Tool (CBDT) was used as an instrument to identify students' misconceptions. This is because the CBDT instrument has a very high content validity of 94.63%. Findings from this study show that many students have misconceptions about covalent bonds, with 58.4% compared to ionic bonds at 53.0%. Therefore, the average number of students experiencing misconceptions in the topic of chemical bonding is 55.7%. In conclusion, a concerted effort from all parties is needed to overcome students' misconceptions about the topic of chemical bonding. A good conceptual understanding can enhance the learning process, resulting in more competent and knowledgeable students.

TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN PENGAJARAN PEDAGOGI TERBEZA OLEH GURU KIMIA

Arnani Naziha Binti Mat Jaliani & Chuzairy Bin Hanri
arnaninaziha@graduate.utm.my

Kementerian telah mengambil pendekatan baharu pedagogi terbeza dalam Pogram Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2016–2020). Pedagogi terbeza ialah pendekatan pengajaran yang mengiktiraf kepelbagaian pelajar. Ia fleksibel untuk digunakan dalam bilik darjah yang mempunyai profil pelajar yang pelbagai dari segi tahap kesediaan, minat dan tahap pembelajaran. Pengajaran pedagogi yang berbeza ini mendorong guru untuk mengubah kandungan, proses, hasil dan persekitaran

pengajaran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan dan amalan guru kimia tentang pengajaran pedagogi terbeza. Data dikumpul daripada soal selidik yang dihantar kepada tiga puluh guru kimia untuk mengkaji pelbagai tahap pengetahuan pedagogi dan untuk mengkaji pelbagai amalan pengajaran pedagogi, tiga guru kimia disoal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru adalah sederhana dengan min 3.45. Selain itu, hasil kajian amalan menunjukkan bahawa guru melaksanakan pengajaran pedagogi dengan cara yang berbeza daripada maklum balas yang diterima. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk menyebarkan maklumat tentang pengajaran pedagogi terbeza supaya ia boleh digunakan untuk mengajar dan memberikan panduan kepada guru untuk menghasilkan sebuah pengajaran yang berkesan.

The Ministry has adopted a new differentiated pedagogy approach in the Malaysian Education Development Program (PPPM 2016–2020). Differentiated pedagogy is a teaching approach that recognizes the diversity of students. It is flexible for use in classrooms with diverse student profiles in terms of readiness levels, interests, and learning stages. This differentiated pedagogy encourages teachers to modify the content, process, outcomes, and teaching environment. The purpose of this study is to examine the knowledge and practices of chemistry teachers regarding differentiated pedagogy teaching. Data was collected from a questionnaire sent to thirty chemistry teachers to examine various levels of pedagogical knowledge and to study various pedagogical teaching practices, with three chemistry teachers being surveyed. The study results show that the teachers' knowledge is moderate, with a mean of 3.45. Additionally, the study results on practices indicate that teachers implement differentiated pedagogy in various ways based on the feedback received. Therefore, the aim of this study is to disseminate information about differentiated pedagogy teaching so that it can be used for teaching and provide guidance to teachers to create effective teaching.

EFFECT OF INTERACTIVE VIDEO TOWARDS STUDENTS' ENGAGEMENT AND UNDERSTANDING IN FLIPPED CLASSROOM

Chan Chen Hoe & Chuzairy Bin Hanri
chanhoe@graduate.utm.my

"Flipped classroom" digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan bagi pembelajaran murid sebelum menghadiri kelas secara fizikal agar menjimatkan masa pembelajaran dan pengaturcaraan di dalam kelas untuk murid bersedia dalam pembelajaran aktif di dalam kelas. Antara aktiviti flipped classroom yang biasa digunakan adalah dengan memberi video pra-kelas kepada murid sebagai bahan pembelajaran. Walaubagaimanapun, penglibatan murid dalam aktiviti flipped classroom tersebut dilaporkan rendah dalam kajian lepas. Video interaktif dengan unsur interaktif telah dikemukakan bagi meningkatkan penglibatan murid. Oleh itu, amat penting untuk kita memahami bagaimana murid berinteraksi dengan video interaktif dan mengesan keberkesanan video interaktif terhadap kefahaman murid.

Objektif bagi kajian tersebut adalah untuk mengkaji bagaimanakah penglibatan murid terhadap video interaktif, mengkaji kesan video interaktif terhadap kefahaman murid, dan mengkaji perhubungan antara penglibatan murid dan kefahaman mereka. Sejumlah 30 orang responden dipilih dari sebuah kelas Tingkatan 4 dari Johor, Malaysia bagi kajian kuasi-eksperimen satu kumpulan ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah ujian-pra, video interaktif yang diselit dengan kuiz, dan ujian-pos. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Data penglibatan murid terhadap video interaktif terdiri daripada peratusan video yang ditonton, masa yang digunakan, dan bilangan soalan yang dijawab betul bagi kuiz dalam video. Hasil kajian menunjukkan murid mempunyai interaksi yang tinggi dengan video interaktif dan kefahaman murid meningkat sebanyak 94.96% daripada ujian-pra ke ujian-pos. Ketiga-tiga data penglibatan murid menunjukkan korelasi positif dengan kefahaman mereka. Ini menunjukkan bahawa video interktif dapat meningkatkan penglibatan murid dan kefahaman mereka dalam flipped classroom sebelum hadir ke kelas secara fizikal. Kesimpulannya, video interaktif dapat memberi kesan yang positif terhadap kefahaman murid, cikgu dan para pendidik boleh menggunakan video interaktif sebagai satu aktiviti flipped classroom dalam proses pembelajaran.

Flipped classroom was widely use in education to enable students to learn before attending class physically which able to save time for the teaching and learning at class and prepared students for learning activities in class. An ordinary flipped classroom activity was providing pre-class video for students to learn before class. However, low students' engagement in the flipped classroom activity were reported in previous study. Interactive video with interactive elements was introduced to promote students' engagement. It was essential for us to understand how students engage with the interactive video and understand the effectiveness of interactive video towards students' understanding. The research objectives were to identify students' engagement behaviour in interactive video, identifying the effect of interactive video towards students understanding, and identifying the relationship between students' engagement with their understanding. A total of 30 respondents were taken from a Form 4 class in secondary school in Johor, Malaysia as the sample in this one-group quasi-experimental research. The instrument used in this study was a pre-test, interactive video with embed quiz, and a post-test. The collected data were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0. The engagement data consist of percentage of video watched, time spent, and number of correct answers in embed quiz. Findings show students highly engage with interactive video and students' understanding improve for 94.96% from pre-test to post-test. Three of the engagement data of students also had a positive correlation with their understanding. Meanwhile, interactive video able to enhance students' engagement and understanding in flipped classroom before attending to class physically. In conclusion, teachers dan educators can implement interactive video as a flipped classroom activity as it will bring positive effects to students' understanding.

MISKONSEPSI DAN KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH BAKAL GURU KIMIA TERHADAP TOPIK ELEKTROKIMIA

Dhabitah Batrisyia Binti Yusof & Chuzairy Bin Hanri
dhabitahbatrisyia@graduate.utm.my

Kajian ini dilaksanakan dengan bertujuan untuk mengenal pasti miskonsepsi yang dihadapi oleh bakal guru Kimia terhadap topik Elektrokimia dan faktor yang menyumbang kepada kesukaran bakal guru Kimia untuk menguasai topik Elektrokimia. Dua instrumen telah diaplikasikan bagi melaksanakan kajian ini iaitu ujian diagnostik dan temu bual separa berstruktur. Seramai 101 pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah mengambil bahagian sebagai responden bagi pelaksanaan ujian diagnostik, manakala tiga pelajar yang mendapat markah ujian terendah telah dipilih untuk melaksanakan sesi temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa bakal guru Kimia menghadapi miskonsepsi dalam elektrokimia melibatkan konsep pengaliran arus elektrik dalam konduktor logam dan bukan logam, konsep elektrolit, konsep pengoksidaan dan penurunan serta penentuan anod dan katod. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa terdapat faktor yang menyumbang kepada kesukaran bakal guru Kimia untuk menguasai topik Elektrokimia seperti faktor kesukaran berdasarkan kajian, faktor kesukaran berdasarkan pandangan responden dan faktor pengetahuan asas topik Elektrokimia. Implikasi kajian berdasarkan hasil dapatan kajian adalah pelaksanaan latihan secara konsisten terhadap topik asas Kimia serta pembinaan modul pembelajaran interaktif.

This study was carried out with the aim of identifying the misconceptions faced by prospective Chemistry teachers regarding the topic of Electrochemistry and the factors that contribute to the difficulty of prospective Chemistry teachers in mastering the topic of Electrochemistry. Two instruments were applied to carry out this study, namely diagnostic tests and semi-structured interviews. A total of 101 Bachelor of Science (Chemistry) with Education students at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor participated as respondents for the implementation of the diagnostic test, while the three students with the lowest test scores were selected to perform the interview session. The results of the study found that prospective Chemistry teachers face misconceptions in electrochemistry involving the concept of electric current flow in metallic and non-metallic conductors, the concept of electrolytes, the concept of oxidation and reduction and the determination of anodes and cathodes. The findings of the study also prove that there are factors that contribute to the difficulty of prospective Chemistry teachers in mastering Electrochemistry topics such as difficulty factors based on research, difficulty factors based on respondents' views and factors of basic knowledge of Electrochemistry topics. Implikasi kajian berdasarkan hasil dapatan kajian adalah pelaksanaan latihan secara konsisten terhadap topik asas Kimia serta pembinaan modul pembelajaran interaktif.

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM PEMBELAJARAN KIMIA

Insyirah Binti Ashari & Corrienna Binti Abdul Talib
insyirah01@graduate.utm.my

Dalam dunia pendidikan saat ini, penggunaan media sosial sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran sudah diterima dan dipraktikkan secara meluas. Perkembangan ini sejajar dengan gaya hidup pelajar zaman kini dalam mengakses maklumat dan berkomunikasi. Meskipun begitu, kajian berkaitan pengintegrasian media sosial dalam pembelajaran kimia masih lagi kuran dilakukan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menyiasat pengalaman pelajar dan kesan terhadap penggunaan media sosial sekiranya digunakan sebagai alat bantu pembelajaran kimia dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui persampelan bertujuan di mana kaedah tinjauan dengan satu set soal selidik diberikan kepada pelajar. Seramai 56 orang pelajar daripada dua buah sekolah di Skudai, Johor telah terlibat sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman pelajar terhadap penggunaan media sosial dalam pembelajaran kimia berada pada tahap yang memuaskan. Kesan penggunaan terhadap kemahiran saintifik, kemahiran komunikasi dan pemahaman kandungan pembelajaran juga pada tahap yang memuaskan. Hasil kajian ini dapat menjadi panduan untuk mengenalpasti perisian yang sesuai diimplementasikan dalam membantu pelajar mempelajari kimia dengan lebih efektif dan berkesan.

In today's educational world, the use of social media as a tool for teaching and learning has been widely accepted and practiced. This development aligns with the current lifestyle of students in accessing information and communicating. However, studies on the integration of social media in chemistry education are still relatively scarce. Therefore, this study was conducted to investigate students' experiences and the effects of using social media as a tool for learning chemistry among students. The study employed a quantitative design through purposive sampling, where a survey questionnaire was administered to students. A total of 56 students from two schools in Skudai, Johor participated as respondents. The study findings indicate that students' experiences with the use of social media in learning chemistry are satisfactory. The effects on scientific skills, communication skills, and understanding of learning content are also reported to be satisfactory. The results of this study can serve as a guide to identify suitable software implementations aimed at assisting students in learning chemistry more effectively and efficiently.

TAHAP MINAT MURID TERHADAP MATA PELAJARAN KIMIA BERDASARKAN SIKAP DAN MOTIVASI & FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA.

Iszuzuldin Mukmin Bin Mohd Janudin & Chuzairy Bin Hanri
iszuzuldinmukmin@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap minat murid terhadap mata pelajaran kimia berdasarkan sikap dan motivasi mereka serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian lepas mendapati bahawa peratusan penyertaan murid dalam mata pelajaran kimia masih rendah dan tidak mencapai sasaran 60%yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan penurunan yang amat membimbangkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap minat pelajar kimia terhadap matapelajaran kimia serta cabaran yang mereka hadapi semasa mempelajari matapelajaran kimia. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk mod campuran yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif secara sequential explanatory. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap minat murid terhadap mata pelajaran kimia berada pada tahap sederhana. Perbincangan dalam kajian ini mengemukakan faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap minat yang sederhana ini, termasuk aspek sikap murid, motivasi, serta peranan guru dan kaedah pengajaran yang digunakan. Penemuan ini memberikan implikasi penting untuk strategi pengajaran dan pendekatan motivasi yang boleh meningkatkan minat murid terhadap kimia di masa hadapan.

This study aims to investigate the level of student interest in chemistry subjects based on their attitudes and motivation, as well as the factors influencing it. Based on past research, the percentage of students enrolling in chemistry subjects remains low, not reaching the 60% target set by the Ministry of Education Malaysia (MOE), with a worrying decline. Therefore, this research aim to investigate the level of interest of chemistry students towards chemistry subject and challenges that they faced when learning chemistry. The methodology of this study employs a mixed-method approach using a sequential explanatory design that combines quantitative and qualitative methods. The results indicate that students' interest in chemistry subjects is at a moderate level. The discussion explores the factors contributing to this moderate interest level, including students' attitudes, motivation, and the role of teachers and teaching methods. These findings have important implications for teaching strategies and motivational approaches that could enhance students' interest in chemistry in the future.

IMPLEMENTATION OF DIFFERENTIATED INSTRUCTION IN CHEMISTRY

Jievieya A/p Sugumaran & Chuzairy Bin Hanri
jievieya@graduate.utm.my

Pengajaran terbeza ialah kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan pembelajaran dan minat pelajar yang pelbagai dengan menyesuaikan pengajaran, kandungan dan penilaian agar sepadan dengan kesediaan, profil pembelajaran dan minat setiap pelajar, bertujuan untuk memaksimumkan pemahaman dan kejayaan mereka. Matlamat kajian ini adalah untuk meneroka pelaksanaan pengajaran terbeza dan cabaran yang dihadapi oleh guru kimia semasa mengaplikasikannya. Pendekatan kaedah campuran telah digunakan, menggunakan kedua-dua soal selidik kuantitatif dan temu bual kualitatif dengan 30 responden yang terdiri daripada guru - guru kimia sekolah menengah. Analisis data melibatkan analisis deskriptif dan analisis tematik untuk memberikan pemahaman yang mendalam mengenai pelaksanaan dan cabaran pendekatan pengajaran yang berbeza. Kajian itu memastikan kebolehpercayaan melalui pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach iaitu 0.603 dan pengesahan pakar daripada dua pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Penemuan mendedahkan bahawa guru kimia Malaysia melaksanakan pengajaran yang berbeza untuk memenuhi keperluan unik pelajar mereka dan meningkatkan penglibatan. Walau bagaimanapun, cabaran seperti efikasi guru, kepercayaan guru, bimbingan yang tidak mencukupi dan kekangan masa menghalang kejayaan pelaksanaannya. Untuk menangani cabaran ini, mereka menekankan pembangunan profesional, teknik yang dipermudahkan, kerjasama semasa rakan sekerja, dan sokongan institusi, mencadangkan program latihan yang disesuaikan dan peruntukan sumber boleh meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dalam kelas kimia sekolah menengah. Kesimpulannya menggariskan kepentingan mengenal pasti dan menangani can]baran - cabaran ini, menyediakan peluang pembangunan profesional, memperuntukkan sumber, dan menilai secara berterusan untuk mengenal pasti jurang dan membuat pelarasan, akhirnya membantu guru Kimia untuk melaksanakan pendekatan pengajaran yang berbeza dengan berkesan. Kajian ini menekankan keperluan taktik yang disesuaikan untuk melaksanakan pengajaran yang berbeza dengan cekap dalam pendidikan kimia, serta menambah baik prosedur pedagogi untuk memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai.

Differentiated instruction is a teaching method that caters to the diverse learning needs and interests of students by tailoring instruction, content, and assessments to match each student's readiness, learning profile, and interests, aiming to maximize their growth and success. The aim of this research is to explore the implementation of differentiated instruction and the challenges faced by the chemistry teachers when implementing it. Mixed method approach was employed, utilizing both quantitative questionnaires and qualitative interviews with 30 respondents consisting of secondary school chemistry teachers. Data analysis involved descriptive analysis and thematic analysis to provide an in-depth understanding regarding the

implementation and the challenges of differentiated instruction approach. The study ensured trustworthiness through a Cronbach alpha reliability coefficient of 0.603 and expert validation from two lecturers at the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia. Findings revealed that Malaysian chemistry teachers are implementing differentiated instruction in order to cater the unique requirements of their students and enhance engagement. However, issues such as teacher efficacy, teacher efficiency, inadequate guidance and professional development and time constraints hinder its successful implementation. In order to tackle these challenges, they emphasize professional development, simplified techniques, collaboration, and institutional support, proposing that tailored training programs and resource allocation can enhance student learning outcomes in secondary school chemistry classes. The conclusion underscores the importance of identifying and addressing these issues, providing professional development opportunities, allocating resources, and continuously evaluating to identify gaps and make adjustments, ultimately helping the Chemistry teachers to effectively implement differentiated instruction approaches. The study emphasizes the need of tailored tactics for efficiently implementing differentiated instruction in chemistry education, as well as improving pedagogical procedures to meet the requirements of diverse learners.

KAJIAN TERHADAP IMPLEMENTASI KONSEP-KONSEP KIMIA BERDASARKAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN DALAM KALANGAN GURU KIMIA DI DAERAH JOHOR BAHRU

Julit Anak Jagat & Corrienna Binti Abdul Talib
julit@graduate.utm.my

Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) adalah penting bagi kesedaran seluruh masyarakat tentang kelestarian. Pendidikan kimia kurang menekankan dimensi sosial dan ekonomi kerana sering dikaitkan dengan kimia hijau yang berfokus kepada kelestarian alam sekitar bagi dimensi ekologi. Kajian ini akan mengkaji bagaimana Pendidikan kimia boleh menyumbang secara berkesan kepada pencapaian keseluruhan Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) dalam ketiga-tiga dimensi sosial, ekonomi dan ekologi dengan meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kelestarian di kalangan guru kimia dan seterusnya pelajar kimia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pemahaman guru terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) dalam konteks Pendidikan Kimia dan mengenalpasti kesedaran para guru terhadap kepentingan menyampaikan Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) dalam konteks Pendidikan Kimia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dimana kaedah tinjauan dengan satu set soal selidik kepada guru-guru kimia di daerah Johor Bahru. Seramai 43 guru kimia telah melibatkan diri sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman guru adalah sederhana dan kesedaran guru terhadap kepentingan menyampaikan Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) dalam konteks Pendidikan Kimia adalah

memuaskan. Kajian ini menyumbang kepada kepentingan memahami peranan seorang guru kimia untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) dan dapat menghubungkan kepentingan pelaksanaanya di dalam kelas. Kesimpulannya, dengan harapan kajian ini akan menghasilkan usaha-usaha pembentukkan kurikulum Pendidikan Kimia dan guru-guru kimia sebagai agen penyampainya yang berkualiti selaras dengan MPM ke-4 iaitu Pendidikan berkualiti.

The Sustainable Development Goals (SDGs) are important for the entire community's awareness of sustainability. Chemical education lacks emphasis on social and economic dimensions because it is often associated with green chemistry that focuses on environmental sustainability for the ecological dimension. This study will examine how chemistry education can contribute effectively to the overall achievement of the Sustainable Development Goals (SDGs) in all three social, economic and ecological dimensions by increasing awareness and understanding of sustainability among chemistry teachers and then chemistry students. The purpose of this study is to identify the level of teachers' understanding of the Sustainable Development Goals (SDGs) in the context of Chemical Education and to identify the teachers' awareness of the importance of delivering the Sustainable Development Goals (SDGs) in the context of Chemical Education. This study uses a quantitative method which is a survey method with a set of questionnaires to chemistry teachers in the Johor Bahru district. A total of 43 chemistry teachers have been involved as respondents. The findings of the study show that the level of teacher understanding is moderate and the teacher's awareness of the importance of delivering the Sustainable Development Goals (SDGs) in the context of Chemistry Education is satisfactory. This study contributes to the importance of understanding the role of a chemistry teacher to increase the level of understanding of the Sustainable Development Goals (SDGs) and to be able to connect the importance of its implementation in the classroom. In conclusion, with the hope that this study will result in efforts to form a Chemistry Education curriculum and chemistry teachers as quality delivery agents in line with the SDG-4 which is quality education.

READINESS OF CHEMISTRY TEACHER IN IMPLEMENTING 21ST CENTURY LEARNING

Koay Xin Yuan & Chuzairy Bin Hanri
koayyuan@graduate.utm.my

Pembelajaran abad-ke-21 telah digalakkan sejak dahulu, banyak faedah dapat diperoleh daripada pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dalam pendidikan kimia. Penyelidikan ini fokus kepada kesediaan guru kimia dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 berdasarkan aplikasi pedagogi, teknologi pendidikan, penggunaan teknologi pendidikan dalam aplikasi pedagogi dan cabaran yang dihadapi oleh guru kimia semasa melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Untuk

mengumpul data, kaedah kuantitatif digunakan dengan reka bentuk kajian deskriptif. Soal selidik telah diedarkan kepada 30 guru kimia yang masih berkhidmat di sekolah awam di Johor Bahru, Malaysia. Kaedah persampelan adalah persampelan mudah. Median dikira untuk mewakili data pusat kajian ini. Untuk menilai kebolehpercayaan, ujian rintis telah dilakukan dengan ukuran alpha Cronbach dalam setiap bahagian soal selidik. Pakar yang berpengalaman telah dipilih untuk mengesahkan instrumen. Dapatan kajian membuktikan bahawa guru kimia bersedia untuk melaksanakan pembelajaran abad ke-21 dalam aspek aplikasi pedagogi dan menggunakan teknologi dalam pedagogi dan kurang kesediaan ditunjukkan oleh guru kimia dalam melaksanakan kepelbagaian teknologi pendidikan di dalam bilik darjah. Cabaran yang dihadapi oleh guru kimia semasa pelaksanna abad ke-21 adalah kekangan sumber. Penyelidikan ini memberi pandangan yang berharga kepada guru kimia untuk meningkatkan pendedahan diri dalam pembelajaran abad ke-21 manakala untuk sekolah dan jabatan pendidikan untuk memahami keperluan guru kimia dan memberi bantuan dan sokongan untuk memudahkan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21.

21st century learning has been promoted since a long time ago, there are many benefits obtained from implementing 21st century learning in chemistry education. This research focuses on the readiness of chemistry teachers in implementing 21st century learning based on pedagogy application, educational technologies, using educational technologies in pedagogical application and the challenges that chemistry teachers met while implementing 21st century learning. To collect the data, a quantitative method is used with descriptive research design. A survey questionnaire has been distributed to 30 in-service chemistry teachers in public schools in Johor Bahru, Malaysia. The sampling method is convenience sampling. A descriptive data analysis approach is used, median was calculated to represent the central data. In assessing the reliability of this research, a pilot test has been done with the calculating of alpha Cronbach measurement for each section of the survey questionnaire. An experienced expert has been chosen to validate the instrument. The findings proved that chemistry teachers are ready to implement 21st century learning in the aspect of pedagogy and using technology in pedagogy, less readiness shown by chemistry teachers in implementing diverse educational technology in the classroom and the challenges met by chemistry teachers while implementing 21st century learning is lack of resources. This research provides valuable insight for chemistry teachers to expose themselves more in 21st century learning and for schools and related educational departments to understand the need of chemistry teachers and provide help and support to facilitate the implementation of 21st century learning.

PERSPECTIVES ON IMPLEMENTING GREEN CHEMISTRY IN CHEMISTRY TEACHING AND LEARNING AMONG CHEMISTRY TEACHERS IN JOHOR BAHRU

Logavani A/p Rajesvaran & Corrienna Binti Abdul Talib
logavani@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menangani jurang dalam strategi berkesan bagi mengintegrasikan kimia hijau ke dalam pengajaran dan pembelajaran kimia di sekolah menengah. Dengan mengenal pasti dan menganalisis tema-tema yang lazim dalam strategi guru untuk memperkenalkan kimia hijau dalam pengajaran, kajian ini menyiasat perspektif guru mengenai integrasi kimia hijau, sekaligus memberikan pandangan penting tentang cabaran, pedagogi yang berkesan, dan masa depan kimia hijau dalam pendidikan kimia. Kajian kaedah campuran ini menggunakan analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman (SWOT), yang menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini mengumpul pandangan daripada guru kimia menggunakan soal selidik berstruktur dengan item terbuka dan tertutup (Skala Likert-5). Responden kajian ini ialah 77 orang guru kimia sekolah menengah menggabungkan guru awal kerjaya dengan pengalaman 1-5 tahun, guru pertengahan kerjaya dengan pengalaman 6-15 tahun dan guru berpengalaman yang telah mengajar kimia selama 16 tahun lebih. Guru-guru kimia yang berasal dari pelbagai sekolah menengah di seluruh daerah Johor Bahru ini telah dipilih untuk mengkaji perspektif mereka tentang integrasi prinsip kimia hijau ke dalam pengajaran dan pembelajaran kimia. Kajian ini diakhiri dengan cadangan berguna untuk meningkatkan keberkesanan integrasi kimia hijau dalam pengajaran dan pembelajaran, yang selaras dengan objektif yang lebih besar untuk mendidik generasi akan datang bagi masa depan yang mampan.

This study aims to address the gap in effective strategies for integrating green chemistry into secondary school chemistry teaching and learning. By identifying and analyzing common themes in teachers' strategies for introducing green chemistry into teaching, it investigates teachers' perspectives on green chemistry integration, providing vital insights into the challenges, effective pedagogy, and the future of green chemistry in chemistry education. This mixed-methods study employs a Strengths, Weaknesses, Opportunities, and Threats (SWOT) analysis, integrating both qualitative and quantitative data. The study gathers insights from chemistry teachers using a structured questionnaire with open-ended and closed-ended items (Likert Scale-5). The respondents of this study are 77 secondary school chemistry teachers combining early-career teachers with 1-5 years of experience, mid-career teachers with 6-15 years of experience, and experienced teachers who have been teaching chemistry for 16 plus years. These chemistry teachers, from various secondary schools across Johor Bahru, were selected to examine their perspectives on the integration of green chemistry principles into chemistry teaching and learning. The study concludes with practical recommendations to enhance the effectiveness of green chemistry integration in educational practices, emphasizing

its broader implications for fostering a sustainable mindset among future generations and contributing to the global sustainability movement.

PERSEPSI GURU PRA-PERKHIDMATAN KIMIA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) TERHADAP PENGGUNAAN MAKMAL MAYA DAN MAKMAL FIZIKAL

Muhammad Farihin Bin Azlin & Corrienna Binti Abdul Talib
muhammadfarihin@graduate.utm.my

Terdapat pelbagai kekangan dalam memastikan sesebuah pengajaran eksperimen dilaksanakan dengan baik seperti kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan eksperimen dalam kalangan pelajar. Justeru, bagi mengatasi masalah tersebut, teknologi makmal maya diperkenalkan untuk membantu meningkatkan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengendalikan eksperimen. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pra-perkhidmatan kimia di sebuah universiti awam terhadap penggunaan makmal maya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan makmal maya dan makmal fizikal. Kaedah kajian yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik dimana responden terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga 4 Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kimia). Kajian soal selidik dilakukan dan responden dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar tanpa mengambil kira kaum, agama dan latar belakang pendidikan masa lalu. Lingkungan umur pelajar adalah 20 tahun dan ke atas. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap makmal maya berada pada tahap sederhana tinggi. Selain itu kedua-dua faktor yang mempengaruhi kecenderungan untuk menggunakan kedua-dua makmal maya dan fizikal juga adalah pada tahap sederhana tinggi. Walaupun pelbagai kelebihan penggunaan makmal maya, guru pra-perkhidmatan juga masih cenderung untuk menggunakan makmal fizikal untuk meningkatkan kemahiran melakukan proses saintifik secara langsung. Implikasi kajian ini telah menunjukkan keperluan bagi guru pra-perkhidmatan kimia mempunyai kemahiran kandungan topik kimia dan pengetahuan terhadap penggunaan teknologi dalam pedagogi untuk merancang pembelajaran yang berkesan. Hal ini dapat meningkatkan pemahaman kimia pelajar melalui teknologi maya.

There are various constraints in ensuring an experimental teaching implemented well such as lack of knowledge and skills in conducting experiments among students. Therefore, to overcome the problem, virtual lab technology is introduced to help improve understanding and student skills in conducting experiments. The purpose of this study is to identify the level of knowledge of pre-service chemistry teachers at a university public against the use of virtual labs. In addition, this study also aims to identify factors that influence the use of virtual labs and physical labs. The research method used is in the form of a questionnaire which consists of respondents

from 1st to 4th year Bachelor of Science with Education (Chemistry) students. A questionnaire study was conducted and respondents were randomly selected among students regardless of race, religion and past educational background. Environment student age is 20 years and above. The data obtained were analyzed descriptively. The findings of the study show that the level of students' knowledge of the virtual laboratory is at a moderately high level. In addition to both influencing factors the tendency to use both virtual and physical laboratories is also on medium high level. Despite the various advantages of using virtual labs, teachers pre-services also still tend to use physical laboratories for improve the skills of doing the scientific process directly. Implications of this study has shown the need for pre-service chemistry teachers to have skills content of chemical topics and knowledge of the use of technology in pedagogy to plan effective learning. This can improve understanding students' chemistry through virtual technology.

PEMBANGUNAN APLIKASI TOPIK KIMIA ORGANIK (CHEMGITAL) UNTUK GURU PRA-PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Muhammad Haziq Aiman Bin Nor Halim & Abdul Halim Bin Abdullah
haziq2001@graduate.utm.my

Penggunaan aplikasi digital merupakan aspek yang penting dalam menghadapi pembelajaran abad-21. Sebagai guru pra-perkhidmatan kimia, menjadi keperluan kepada mereka untuk mempunyai pengetahuan yang baik dalam penggunaan teknologi digital ini dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mereka. Salah satu kursus yang sesuai diajar menggunakan teknologi aplikasi digital ialah Kimia Organik. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah aplikasi untuk topik Kimia Organik yang dinamakan sebagai Chemgital. Aplikasi ini membolehkan proses PdPc lebih menarik perhatian pelajar dalam topik tersebut. Kajian pembangunan aplikasi Kimia Organik Chemgital ini dilaksanakan untuk membantu guru pra-perkhidmatan dalam memahami dan menguasai topik mekanisma di dalam subjek Kimia Organik. Kajian ini berrnula dengan mengenal pasti keperluan aplikasi kimia digital ini dalam kalangan guru pra-perkhidmatan kimia tahun empat Universiti Teknologi Malaysia serta pendapat mereka tentang aplikasi yang dibangunkan. Reka bentuk projek dan kajian ini menggunakan model pengajaran ADDIE dan menggunakan pendekatan kuantitatif oleh seramai 29 guru pra-perkhidmatan kimia. Aplikasi Kimia Organik Chemgital ini dibangunkan menggunakan perisian Flutter. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan IBM Statistic Package for Sosial Science (SPSS). Analisis yang terlibat dalam kajian ini adalah deskriptif yang melibatkan statistik median dan frekuensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa keperluan aplikasi digital kimia organik ini dibina pada tahap yang tinggi iaitu purata (median = 4). Tahap penilaian aplikasi Chemgital ini dalam kalangan guru pra perkhidmatan tahun empat mendapat tahap tinggi iaitu purata (median = 4). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keperluan aplikasi

Chemgital ini dalam kalangan guru pra-perkhidmatan kimia semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) adalah sangat tinggi dan penilaian akhir Chemgital ini juga mendapat sambutan yang baik oleh responden. Kesimpulannya, pembangunan teknologi aplikasi Chemgital ini dapat dibina dan boleh digunakan kepada para pelajar dan guru pra perkhidmatan kimia bagi mengukuhkan lagi pengetahuan asas Kimia Organik mereka dan lebih bersedia sebelum memasuki alam perguruan kelak.

The use of digital application is an important aspect in facing 21st century learning. *As pre-service chemistry teachers, it is necessary for them to have good knowledge in the use of digital technology in their learning and teaching process (PDP). This Chemgital Organic Chemistry digital application technology enables the learning and teaching process (PDP) to be more interesting to the student about the lesson. Therefore, this Chemgital Organic Chemistry application research development was implemented to assist pre-service teachers in understanding and mastering the mechanism topic in the subject of Organic Chemistry. This study was conducted to find out the needs of this digital chemistry application among fourth-year pre-service chemistry teachers at Universiti Teknologi Malaysia as well as their opinions about the developed application. The design of this project and study uses the ADDIE teaching model and uses a quantitative approach by a total of 29 fourth-year pre-service chemistry teachers. This Chemgital Organic Chemistry application is developed using Flutter software. The data obtained was analyzed using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS). The analysis involved in this study is descriptive involving median and frequency statistics. The results of the study show that the needs of this digital organic chemistry application among the pre-service chemistry teacher are built at a high level which is average (median= 4). The evaluation level of this Chemgital application among fourth-year pre-service teachers got a high level which is average (median = 4). The findings of this study show that the needs for this Chemgital application among pre-service chemistry teachers during the teaching and learning session (PDP) is very high and the final evaluation of this Chemgital also received a good response from the respondents. In conclusion, the development of this Chemgital application technology can be built and can be used by pre-service chemistry students to further strengthen their basic knowledge of Organic Chemistry and be prepared well before they entering the school.*

KESAN PEMBELAJARAN TIDAK FORMAL TERHADAP MINAT DAN KESEDARAN KERJAYA MURID TERHADAP STEM MENERUSI PROGRAM STEM

Muhammad Irham Aidid Bin Sabri & Nor Hasniza Binti Ibrahim
muhammadirhamaidid@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembelajaran tidak formal melalui program STEM terhadap minat dan kesedaran kerjaya pelajar dalam bidang STEM. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama dengan melibatkan pelajar tingkatan 3 sebagai responden. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang terdiri daripada 23 soalan, merangkumi aspek demografi, minat, dan kerjaya. Analisis data menunjukkan bahawa program STEM tidak formal memberikan impak positif terhadap motivasi dan minat pelajar dalam bidang STEM. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan peningkatan kesedaran pelajar mengenai kerjaya dalam bidang STEM. Kajian ini memberikan manfaat kepada pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru, dan ibu bapa dalam usaha memperbaiki dan meluaskan program STEM di sekolah-sekolah.

This study aims to examine the impact of informal learning through STEM programs on students' interest and career awareness in STEM fields. The study was conducted at Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, involving Form 3 students as respondents. Data were collected through a questionnaire consisting of 23 questions, covering aspects of demographics, interest, and career. Data analysis showed that informal STEM programs had a positive impact on students' motivation and interest in STEM fields. Additionally, the findings also indicated an increase in students' awareness of careers in STEM fields. This study benefits various parties, including the Ministry of Education Malaysia, teachers, and parents, in efforts to improve and expand STEM programs in schools.

PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH CHEMAPP BERINTEGRASIKAN KECERDASAN BUATAN CHEMBOT

Muhammad Irsyad Bin Hassan & Corrienna Binti Abdul Talib
irsyad01@graduate.utm.my

Pembangunan ChemApp, aplikasi mudah alih yang direka untuk mengajar sifat fizikal kumpulan berfungsi dalam kimia organik. Sifat fizikal kumpulan berfungsi dalam kimia organik mendapat kurang perhatian yang daripada pelajar kerana sukar untuk diingati. Pembangunan aplikasi mudah alih ChemApp bertujuan membantu mahasiswa untuk menjalankan pembelajaran kendiri secara fleksibel. Kaedah yang digunakan dalam membangunkan aplikasi ini adalah dengan model ADDIE bagi tujuan pembangunan dan teori konstruktivisme sebagai asas teori bagi membantu pelajar membina pengetahuan mereka sendiri. Hasil dapatan penilaian yang dilakukan, aplikasi ini menepati keperluan mahasiswa tetapi perlu ditambah baik

dari segi teori konstruktivisme dan reka bentuk antara muka yang lebih menarik dan berkesan. Hasilnya, aplikasi ini mampu membantu mahasiswa menjalankan pembelajaran kendiri dengan dibantu oleh kecerdasan buatan yang dinamakan ChemBot bagi melancarkan proses pengukuhan.

Development of ChemApp, a mobile application designed to teach the physical properties of functional groups in organic chemistry. The physical properties of functional groups in organic chemistry receive less attention from students because they are difficult to remember. The development of the ChemApp mobile application aims to help students conduct self-learning flexibly. The method used in developing this application is the ADDIE model for the purpose of development and constructivism theory as a theoretical basis to help students build their own knowledge. As a result of the evaluation, this application meets the needs of students but needs to be improved in terms of constructivism theory and a more attractive and effective interface design. As a result, this application is able to help students carry out self-learning with the help of an artificial intelligence called ChemBot to launch the reinforcement process.

PERSEPSI GURU KIMIA PRA-PERKHIDMATAN TERHADAP PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN ETNO-KIMIA

Muhammad Saif Aiman Bin Sadon & Corrienna Binti Abdul Talib
saifaimansadon@gmail.com

Pembelajaran berasaskan etno-kimia merupakan suatu pembelajaran kimia yang menerapkan pelbagai unsur budaya tempatan ke dalam pengajaran. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan guru kimia pra-perkhidmatan univesiti awam terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan etno-kimia, topik-topik dalam kimia yang sesuai untuk pembelajaran berasaskan etno-kimia dan faktor yang mempengaruhi penerapan pembelajaran berasaskan etno-kimia ini di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian kuantitatif digunakan melalui tinjauan dan instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Jumlah responden adalah sebanyak 102 orang guru kimia pra-perkhidmatan universiti awam yang terdiri daripada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4. Teknik persampelan bertujuan digunakan iaitu sampel dari kalangan pelajar yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kimia) di sebuah universiti awam. Analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu spearman' rho untuk mencari hubungan di antara pengetahuan terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan etno-kimia dengan faktor yang mempengaruhi penerapan teknik ini di dalam PdP. Nilai alpha cronbach keseluruhan adalah .822. Kajian mendapati bahawa pengetahuan sederhana rendah pada istilah pembelajaran berasaskan etno-kimia tetapi sederhana tinggi pada pengaplikasian dan pengetahuan budaya. Kelima-lima topik kimia yang dinyatakan mempunyai sederhana tinggi untuk diaplikasikan dalam teknik ini. Terdapat beberapa faktor yang utama menyebabkan teknik pembelajaran ini tidak diaplikasikan antaranya tiada sumber rujukan yang berteraskan budaya. Implikasi kajian ini ialah

memberikan kesedaran tentang beberapa aspek utama seperti pengetahuan asas tentang pembelajaran berasaskan etno-kimia. Tiada hubungan yang signifikan antara pengetahuan pembelajaran berasaskan etno-kimia dan faktor yang mempengaruhi penerapan teknik ini dalam PdP menjelaskan bahawa pengetahuan guru kimia sahaja tidak memainkan peranan penting dalam penerapan. Kesimpulannya, terdapat banyak cara yang boleh diambil kira sebagai bentuk perubahan dalam bidang pendidikan antaranya melakukan perubahan terhadap peningkatan pengetahuan guru kimia pra-perkhidmatan terhadap teknik ini.

Ethno-chemistry-based learning is a chemistry learning that applies various elements of local culture. This study aims to see the level of knowledge of public university pre-service chemistry teachers on the implementation of ethno-chemistry-based learning, topics in chemistry that are suitable for ethno-chemistry-based learning and the factors that influence the application of this ethno-chemistry-based learning in teaching and learning (T&L). Quantitative research is used through surveys and the instruments used are questionnaires. The total number of respondents was 102 pre-service chemistry teachers consisting of Year 1 to Year 4 students. The purposive sampling technique was used, which was a sample of students who were taking the Bachelor of Science with Education (Chemistry) course at public university. Descriptive analysis and inferential analysis which is spearman' rho to find the relationship between the knowledge of the implementation of ethno-chemistry-based learning and the factors that influence the application of this technique in T&L. The overall Cronbach's alpha value is .822. The study found that the knowledge is moderately low on ethno-chemistry-based learning terms but moderately high on application and cultural knowledge. The five chemical topics mentioned have medium to high application in this technique. There are several main factors that cause this learning technique not to be used, including the lack of culturally based reference sources. The implication of this study is to provide awareness of some key aspects such as basic knowledge about ethno-chemistry-based learning. There is no significant relationship between ethno-chemistry-based learning knowledge and the factors that influence the application of this technique in T&L, so it explains that the knowledge of chemistry teachers alone does not play an important role in application. In conclusion, there are many ways that can be considered as a form of change in the field of education, including making changes to increase the knowledge of pre-service chemistry teachers about this technique.

PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN ALCHEMY SPECTRUM MENGGUNAKAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM MENINGKATKAN PEMIKIRAN KRITIS PELAJAR BAGI TOPIK ASID DAN ALKALI

Noor Fazzlin Binti Zaluddin & Nor Hasniza Binti Ibrahim
noorfazzlin@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan membangunkan Modul Pengajaran Alchemy Spectrum menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan projek. Kajian ini juga turut dibina untuk mengenalpasti kesesuaian modul pengajaran ini dalam meningkatkan pemikiran kritis dalam topik asid dan alkali kerana berdasarkan tinjauan literatur, pemikiran kritis dalam kalangan pelajar masih pada tahap yang rendah menyebabkan pelajar juga mengalami kesukaran dalam mempelajari topik ini. Ketidakberhasilan guru dalam menghubungkaitkan konsep kimia dengan kehidupan seharian juga penyumbang kepada kesukaran dalam subtopik ini(Timilsena et al., 2022). Untuk mencapai tujuan tersebut, modul pengajaran ini telah dibangunkan dengan mengadaptasikan Model Pembangunan ADDIE. Seramai 15 orang guru dan pensyarah kimia telah dipilih sebagai responden kajian dan tiga guru kimia dalam kalangan responden dipilih untuk ditemubual. Kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah campuran (mixed method) kerana ia melibatkan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam menganalisis data. Data dianalisis melalui nilai peratusan dan frekuensi serta analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden memberikan tanggapan positif antaranya semasa temu bual ketiga-tiga responden bersetuju bahawa modul pengajaran Alchemy Spectrum ini mampu dalam meningkatkan pemikiran kritis pelajar di dalam subtopik nilai pH serta kekuatan asid dan alkali. Secara keseluruhannya, tahap kesesuaian Modul Pengajaran Alchemy Spectrum adalah tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan turut dikemukakan untuk tujuan penambahbaikan antaranya ialah dengan menguji tahap keberkesanan modul ini. Justeru, dengan pembangunan modul ini dapat membantu guru sebagai salah satu bahan persediaan pengajaran serta membantu pelajar dalam menghubung kaitkan konsep kimia dengan kehidupan sebenar serta mampu meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar.

This study was conducted to develop the Alchemy Spectrum Teaching Module using project-based learning methods. This study is also designed to identify the suitability of this teaching module in improving critical thinking in the topic of acid and alkali because based on the literature review, critical thinking among students is still at a low level causing students to also experience difficulty in learning this topic. The failure of teachers in connecting chemistry concepts with everyday life as well as contributing to the difficulties in this subtopic (Timilsena et al., 2022). To achieve that goal, this teaching module has been developed using the adaptation of ADDIE Development Model. A total of 15 chemistry teachers and lecturers were selected as study respondents and three chemistry teachers among the respondents were

selected to be interviewed. This research study uses a mixed method because it involves a combination of quantitative and qualitative methods in analysing data. Data was analysed through percentage and frequency values as well as content analysis. The findings of the study show that the majority of respondents gave a positive response, among which during the interview all three respondents agreed that the Alchemy Spectrum teaching module was able to improve students' critical thinking in the subtopic of pH value as well as the strength of acids and alkalis. Overall, the level of suitability of the Alchemy Spectrum Teaching Module is high. However, there are several suggestions for further research also submitted for the purpose of improvement, one of which is to test the level of effectiveness of this module. Thus, with this development module it can help teachers as one of the teaching preparation materials as well as help students in connecting chemistry concepts with real life as well as being able to improve critical thinking among students.

KEBERKESANAN MAKMAL MAYA SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN MAYA MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN MANIPULATIF

Nur Qhatrun Nadia Binti Abd Hamid & Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin
nurqhatrunnadia@graduate.utm.my

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan makmal maya sebagai medium penyampaian maya dalam pembangunan kemahiran manipulatif pelajar. Kemahiran manipulatif adalah salah satu aspek penting dalam asas saintifik yang memerlukan pelajar berkebolehan dalam mengendalikan alatan radas makmal serta menjayakan eksperimen. Makmal maya ini merupakan alternatif bagi pelajar atau guru di sekolah kepada pendekatan tradisional dengan menyediakan simulasi interaktif yang membolehkan pengguna untuk melakukan eksperimen tanpa memerlukan kehadiran secara fizikal ke makmal sebenar. Kajian ini dimulakan dengan sorotan literatur secara menyeluruh untuk menyemak pendekatan-pendekatan kajian-kajian sebelum ini dalam penggunaan makmal maya dalam pendidikan, serta bagi mengenal pasti kelebihan serta kekurangan makmal maya yang telah dikenal pasti. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui pengumpulan data secara kuantitatif di mana ujian pra dan pasca dijalankan ke atas sampel kajian sebagai soal selidik berskala Likert. Instrumen kajian telah dirangka khas untuk menilai kemahiran manipulatif pelajar menggunakan makmal maya berbanding makmal fizikal biasa. Analisis data dilakukan melalui SPSS untuk membandingkan prestasi pelajar dalam kedua-dua kumpulan, dengan memberi tumpuan kepada keberkesanan pembelajaran dan kepuasan pelajar terhadap pengalaman penggunaan makmal maya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan makmal maya dapat meningkatkan kemahiran manipulatif pelajar dengan cara yang bermakna berbanding dengan makmal fizikal. Implikasi kajian ini

untuk menerapkan amalan pengajaran dan pembelajaran juga dibincangkan, termasuk cadangan penambahbaikan serta cadangan kajian lanjutan untuk mengintegrasikan makmal maya dalam kurikulum pendidikan sebagai medium yang menjadi pelengkap kepada pembelajaran kimia secara tradisional. Kesimpulan, ini dapat dirumuskan bahawa kajian ini bukan hanya memberikan sumbangan secara teoritikal dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan kimia malah memberikan panduan secara praktikal kepada guru serta pelajar bagi mengembangkan lagi penggunaan makmal maya dalam memperkukuhkan pembangunan kemahiran manipulatif pelajar.

This study was conducted to evaluate the effectiveness of using a virtual laboratory as a medium of virtual delivery in the development of students' manipulative skills. Manipulative skills are one of the important aspects of the scientific foundation that require students to be able to handle laboratory equipment and conduct successful experiments. This virtual laboratory is an alternative for students or teachers in schools to the traditional approach by providing interactive simulations that allow users to perform experiments without the need to physically attend a real laboratory. This study began with a comprehensive literature review to review the approaches of previous studies in the use of virtual laboratories in education, as well as to identify the advantages and disadvantages of virtual laboratories that have been identified. The methodology used in this study is through quantitative data collection where pre and post tests are conducted on the study sample as a Likert scale questionnaire. The study instrument was specially designed to evaluate the manipulative skills of students using a virtual laboratory compared to a normal physical laboratory. Data analysis was performed through SPSS to compare student performance in both groups, focusing on learning effectiveness and student satisfaction with the experience of using the virtual lab. The findings of the study show that the use of virtual laboratories can improve students' manipulative skills in a meaningful way compared to physical laboratories. The implications of this study for applying teaching and learning practices are also discussed, including suggestions for improvement as well as suggestions for further studies to integrate the virtual laboratory in the educational curriculum as a complementary medium to traditional chemistry learning. In conclusion, it can be concluded that this study not only provides a theoretical contribution in the use of technology in chemistry education but also provides practical guidance to teachers and students to further develop the use of virtual laboratories in strengthening the development of students' manipulative skills.

PEMBANGUNAN MODUL " EASY TO GRASP SALT " BERASASKAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK BAGI MENINGKATKAN PEMIKIRAN KRITIS PELAJAR BAGI TOPIK GARAM KIMIA TINGKATAN 4

Nur Sazwani Binti Mohd Zainun & Nor Hasniza Binti Ibrahim
nursazwani@graduate.utm.my

Subjek Kimia dikategorikan sebagai subjek yang sukar bagi kebanyakan pelajar, malah mengalami pengurangan dalam bilangan pelajar yang mempelajari kimia di seluruh negara (Reid, 2018). Perkara ini dipengaruhi oleh kandungan pembelajaran mata pelajaran Kimia yang memerlukan kemahiran kognitif dalam memahami isi kandungan dan konsep kimia Dalam kajian ini, sebuah modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek telah dibangunkan bagi membantu guru kimia sekolah menengah tingkatan empat dalam mengatasi isu kesukaran yang dialami oleh pelajar dalam topik garam kimia tingkatan empat dengan meningkatkan daya pemikiran kritikal pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran topik ini. Modul ini dibangunkan berasaskan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul berdasarkan Model ADDIE, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky dan mengandungi tiga subtopik yang meliputi keseluruhan topik melibatkan garam. Aktiviti yang dibentuk adalah meliputi semua topik yang terkandung dalam modul. Kemudian, modul ini akan diuji kesesuaian melalui borang soal selidik penilaian modul menggunakan skala likert tahap empat yang telah disahkan oleh pakar kepada lima belas orang responden daripada persampelan bertujuan yang mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan Kimia. Data sokongan iaitu kaedah temubual dilaksanakan kepada dua orang guru kimia bagi mengukuhkan dan menyokong hasil dapatan kajian melalui set data pertama serta meningkatkan tahap kebolehpercayaan kualiti kesesuaian modul yang dibangunkan. Set data pertama di analisis dengan nilai peratusan dan frekuensi, dan mendapati bahawa majoriti daripada responden bersetuju bahawa modul berada pada tahap yang baik dan sesuai untuk diimplementasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran topik garam. Manakala bagi set data sokongan tembual semistruktur di analisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara deskriptif dan menunjukkan maklum balas yang positif serta selari dengan set data pertama iaitu kandungan modul adalah bersesuaian dan berada pada tahap yang baik serta memuaskan. Modul ini boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar yang khusus kepada guru kimia sekolah menengah dalam membantu meningkatkan daya pemikiran kritikal pelajar sewaktu pembelajaran topik garam kimia tingkatan empat menggunakan strategi pembelajaran berasaskan projek.

Chemistry was categorized as a difficult subject for most students, even experiencing a decrease in the number of students studying chemistry across the country. (Reid, 2018). This subject is influenced by the learning content of the chemistry subject that requires cognitive skills in understanding the content and concepts of chemistries. In this study, a project-based teaching and learning module has been developed to

help chemistry teachers and the difficulties experienced by students in salt topic by improving the critical thinking of students during the teaching process and learning of the subject. The module was developed on the basis of a module design and development study approach based on the ADDIE Model, Vygotsky's Theory of Social Constructivism and contains three sub-topics that cover the entire topic involving salt. The formed activity covers all the topics contained in the module. Subsequently, the module will be tested for suitability through a module evaluation questionnaire using a four-level likert scale that has been certified by an expert to fifteen respondents from the target sample who have a background in chemistry education. Support data is a method of interviewing two chemistry teachers to confirm and support the findings of the study through the first data set as well as to improve the level of reliability of the quality compatibility of the developed module. The first data set was analysed with percentage and frequency values, and found that the majority of respondents agreed that the module was at a good level and suitable for implementation in the teaching and learning process of salt topics. While for the qualitative semi-structural interviewing support data set in the analysis using methods of content analysis descriptively and showing a positive feedback as well as consistent with the first data set that the content of the module is suitable and is at a good level and satisfying. This module can be used as a dedicated teaching tool for high school chemistry teachers to help enhance students' critical thinking skills while learning fourth-level chemical salt topics using project-based learning strategies.

KEBERKESANAN PELAKSANAAN AMALI TERHADAP PENCAPAIAN MATA PELAJARAN KIMIA PELAJAR BAGI TOPIK JADUAL BERKALA UNSUR.

Nurfarhanah Binti Abdul Hadi & Noorzana Binti Khamis
nurfarhanah01@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji keberkesanan pelaksanaan amali terhadap tahap pencapaian mata pelajaran kimia pelajar dalam topik jadual berkala unsur. Responden kajian terdiri daripada 80 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil aliran sains tulen serta mengambil mata pelajaran kimia yang berada di sekitar kawasan Johor Bahru. Kajian ini menggunakan soalan ujian objektif sebagai instrumen yang terdiri daripada 15 soalan objektif dengan 4 pilihan jawapan. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 28. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar bagi topik jadual berkala unsur berada pada tahap rendah. Sementara itu, hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan tahap pencapaian pelajar dari rendah kepada sederhana setelah mereka menjalankan amali. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat kesan yang signifikan terhadap pelaksanaan amali bagi pelajar tingkatan 4

dengan tahap pencapaian topik jadual berkala unsur. Beberapa cadangan telah diberikan bagi menambah baik limitasi kajian untuk kajian lanjutan.

This study was conducted to examine the effectiveness of practical implementation on the achievement level of students' chemistry subjects in the topic of the periodic table of elements. The study respondents consisted of 80 form 4 students who took the pure science stream and took chemistry subjects located around the Johor Bahru area. This study uses objective test questions as an instrument consisting of 15 objective questions with 4 answer options. The data obtained was analysed using SPSS software (Statistical Package for the Social Sciences) version 28. Descriptive and inferential analysis was used to answer the research questions. The results of the study show that the level of student achievement for the topic of the periodic table of elements is at a low level. Meanwhile, the results of the study show that there is an increase in students' achievement levels from low to medium after they carry out the practical. The results of the study also show that there is a significant effect on the practical implementation for 4th grade students with the achievement level of the periodic table of elements topic. Some suggestions have been given to improve the limitations of the study for further research.

PEMBANGUNAN MODUL CHEMBONDNOVATE BAGI MENINGKATKAN KEFAHAMAN KONSEPTUAL PELAJAR TINGKATAN 4 DI DALAM TOPIK IKATAN KIMIA

Nurul Izzah Binti Mohd.idris & Nor Hasniza Binti Ibrahim
nurul-00@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membangunkan Modul Chembondnovate bagi meningkatkan kefahaman konseptual pelajar tingkatan 4 di dalam topik ikatan kimia dan mengenalpasti kesesuaian Modul Chembondnovate yang telah dibina. Ikatan kimia merupakan salah satu topik yang telah dikenalpasti sebagai topik yang sukar bagi pelajar di dalam kajian ini kerana konsepnya yang abstrak dan simbolik. Masalah konseptual pelajar yang telah dikenalpasti adalah dari segi memahami dan mengenal pasti konsep ikatan kimia. Tambahan pula, strategi pengajaran guru di dalam kelas juga perlu diambil kira kerana ia dapat mempengaruhi tahap kefahaman pelajar di dalam kelas. Pemilihan model pembelajaran berasaskan projek yang telah diubahsuai mengikut kajian yang sedia ada dan seterusnya diaplikasikan ke dalam pembangunan modul ini bagi mengatasi masalah konseptual pelajar di dalam ikatan kimia. Bagi mencapai tujuan tersebut, seramai lima belas orang pakar yang terdiri daripada guru kimia yang mempunyai latar belakang akademik yang berbeza dipilih sebagai responden kajian. Borang soal selidik dan instrumen temu bual separa struktur telah digunakan sebagai instrumen untuk menilai perspektif guru-guru terhadap kualiti kandungan modul, potensi keberkesanan modul dan kepuasan keseluruhan modul. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu frekuensi serta peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar guru kimia telah memberikan pandangan yang positif berkaitan

dengan pelaksanaan model pembelajaran berasaskan projek yang terdiri daripada 1)suai kenal masalah, 2)pelan pelaksanaan dan analisis secara berkumpulan, 3)pembangunan projek, 4)pembinaan, pengujian dan penilaian dan 5)pembentangan hasil projek. Dapatan kajian yang lain juga mendapati bahawa Modul Chembondnovate ini berpotensi meningkatkan kefahaman konseptual pelajar tingkatan 4 dalam memahami konsep ikatan kimia. Beberapa cadangan turut dikemukakanan oleh pakar untuk memperbaiki modul agar lebih menarik dan efektif bagi menaik taraf kualiti pendidikan kimia yang dapat diberikan manfaatnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru, serta pelajar.

This study was conducted with the aim of developing the Chembondnovate Module to improve the conceptual understanding of grade 4 students in the topic of chemical bonds and identify the appropriateness of the Chembondnovate Module that has been built. Chemical bonding is one of the topics that has been identified as a difficult topic for students in this study because of its abstract and symbolic concept. The students' conceptual problem that has been identified is in terms of understanding and identifying the concept of chemical bonds. Furthermore, the teacher's teaching strategy in the classroom also needs to be taken into account because it can affect the level of understanding of the students in the classroom. The selection of a project-based learning model that has been modified according to existing studies and subsequently applied to the development of this module to overcome students' conceptual problems in chemical bonds. In order to achieve that goal, a total of fifteen experts consisting of chemistry teachers with different academic backgrounds were selected as study respondents. Questionnaires and semi-structured interview instruments were used as instruments to assess the teachers' perspective on the quality of the module content, the potential effectiveness of the module and the overall satisfaction of the module. The data obtained was analyzed using descriptive analysis which is frequencies and percentages. The findings of the study show that the majority of chemistry teachers have given positive views related to the implementation of the project-based learning model which consists of 1) familiarization with the problem, 2) implementation plan and group analysis, 3) project development, 4) construction, testing and evaluation and 5) presentation of project results. Other research findings also found that this Chembondnovate Module has the potential to improve the conceptual understanding of form 4 students in understanding the concept of chemical bonds. Several suggestions were also presented by experts to improve the module to make it more attractive and effective in order to upgrade the quality of chemistry education that can benefit the Malaysian Ministry of Education (MOE), teachers, and students.

DEVELOPMENT OF A MODULE BECOME A CHEMIST TO ENHANCE STUDENTS' PROBLEM-SOLVING SKILLS IN THE MOLE CONCEPT AND CHEMICAL EQUATIONS

Pang Kai Rou & Nor Hasniza Binti Ibrahim
pangrou@graduate.utm.my

Konsep mol dan persamaan kimia adalah topik asas dalam pendidikan kimia, namun banyak kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak dapat menyelesaikan masalah dalam topik-topik ini. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar dalam topik konsep mol dan persamaan kimia melalui pembangunan modul "Become A Chemist" yang berdasarkan model pembelajaran berasaskan masalah. Kajian ini juga akan menyelidiki kesesuaian modul yang telah dibangunkan. Dalam kajian ini, pendekatan kaedah campuran telah digunakan untuk mengumpul data, reka bentuk penyelidikan menggabungkan kuantitatif analisis deskriptif dan kualitatif analisis kandungan. Instrumen penyelidikan pula terdiri daripada soal selidik dan temu bual separa berstruktur. 15 pendidik kimia yang berpengalaman telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini kerana mereka dapat memberi pandangan mereka terhadap kesesuaian modul "Become A Chemist" yang telah dibangunkan. Analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif yang menunjukkan kekerapan dan peratusan serta analisis kandungan kualitatif yang mengenal pasti tema-tema berulang dalam maklum balas. Dalam menilai kebolehpercayaan kajian, instrumen penyelidikan telah disahkan oleh pakar dalam pendidikan kimia untuk memastikan kebolehpercayaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul "Become A Chemist" menerima penilaian positif dalam kualiti kandungannya (79% sangat setuju), potensi kesesuaian (69% sangat setuju) dan keseluruhan kepuasan (77% sangat setuju), mencadangkan ia dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar. Namun begitu, kajian ini juga mengenal pasti kelemahan modul pengajaran. 53% pakar menyatakan kelemahannya dari segi peruntukan masa dan 2.6% pakar menyatakan modul hanya meliputi dua topik, langkah panjang yang diambil untuk pengajaran dan kesukaran untuk menampung kepelbagaian pelajar yang besar. Kajian ini menyumbang pandangan berharga untuk meningkatkan kemahiran penyelesaikan masalah pelajar dengan mengintegrasikan model pembelajaran berasaskan masalah dalam topik konsep mol dan persamaan kimia.

The mole concept and chemical equations are fundamental topics in chemistry education, yet numerous past studies have shown that most students cannot solve problems in these topics. This study aims to enhance students' problem-solving skills in the topic of mole concept and chemical equations through the development of the "Become A Chemist" module based on the problem-based learning model. The study also investigates the suitability of the developed module. In this study, a mixed methods approach was used to collect data, combining descriptive quantitative analysis and qualitative content analysis in the research design. The research instruments consisted of a questionnaire and semi-structured interviews. 15

experienced chemistry educators were selected as respondents in this study because they could provide their perspectives on the suitability of the developed "Become A Chemist" module. Data analysis in this study involved descriptive analysis showing frequency and percentage, as well as qualitative content analysis that identified recurring themes in the feedback. In assessing the reliability of the study, the research instruments were validated by experts in chemistry education to ensure reliability. The findings indicate that the "Become A Chemist" module received positive evaluations in its content quality (79% totally agreement), potential suitability (69% totally agreement) and overall satisfaction (77% totally agreement), suggesting it can enhance students' problem-solving skills. However, this study also identified weaknesses in the teaching module. 53% experts state its weaknesses in terms of time allocation and 2.6% experts state the module only cover two topic, long step taken for teaching and difficulty in accommodating the large diversity of students. This study contributes valuable insights to enhance students' problem-solving skills by integrating the problem-based learning model in the topics of the mole concept and chemical equations.

KEBERKESANAN BAHAN BANTU MENGAJAR 'COVALENT PUZZLE' DALAM TOPIK IKATAN KOVALEN TERHADAP TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR KIMIA TINGKATAN 4

Siti Aminah Binti Mohamad Razak & Marlina Binti Ali
aminahrazak67@gmail.com

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi tumpuan kepada menilai keberkesanan 'Covalent Puzzle' sebagai alat bantu pengajaran dalam topik ikatan kovalen. Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk pra-eksperimen yang dikenali sebagai Reka Bentuk Satu Kumpulan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Sampel terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 yang mengambil bahagian dalam penggunaan 'Covalent Puzzle' semasa pembelajaran kimia mereka. Kaedah pengumpulan data merangkumi ujian pra dan ujian pasca untuk menilai pemahaman dan aplikasi konsep ikatan kovalen oleh pelajar. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pemahaman pelajar terhadap konsep ikatan kovalen selepas menggunakan 'Covalent Puzzle', seperti yang dibuktikan dengan skor N-gain sebanyak 1.27, menandakan peningkatan yang ketara dalam hasil pembelajaran kognitif. Kajian ini menyimpulkan bahawa 'Covalent Puzzle' berkesan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pemahaman pelajar terhadap ikatan kovalen dalam pendidikan kimia.

The purpose of this study is to focus on evaluating the effectiveness of the 'Covalent Puzzle' as a teaching aid in the topic of covalent bonds. The research methodology used is a quantitative approach using a pre-post experimental design known as a One Group Pre-Test and Post-Test Design. The sample consists of Form 4 students.

The data collection method includes a pre-test and a post-test to assess students' understanding and application of the concept of covalent bonds. The results of the study show a significant increase in students' understanding of the concept of covalent bonds after using the 'Covalent Puzzle', as evidenced by an N-gain score of 1.27, indicating a significant increase in cognitive learning outcomes. This study concludes that the 'Covalent Puzzle' is effective in improving the learning experience and students' understanding of covalent bonds in chemistry education.

PEMBANGUNAN KOMIK PEMBELAJARAN CHEMREACTION BERTERASKAN MODEL PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH BAGI TOPIK KADAR TINDAK BALAS

Siti Atiqah Binti Nazar & Nor Hasniza Binti Ibrahim
siti.atiqah@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan untuk membina komik pembelajaran yang berteraskan strategi pembelajaran berasaskan masalah (PBM) tentang subtopik faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas iaitu saiz bahan, kepekatan, suhu dan kehadiran mangkin. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian komik pembelajaran yang dibina. Komik pembelajaran yang dibangunkan dinamakan sebagai ChemReaction. Bagi mengkaji kesesuaian komik pembelajaran ChemReaction, seramai 15 orang responden yang terdiri daripada pensyarah pendidikan Kimia dan guru Kimia di sekitar Johor Bahru telah diminta untuk menjawab soal selidik dan tiga orang daripadanya telah ditemu bual. Instrumen soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan maklumat demografik responden dan Bahagian B adalah berkaitan penilaian kualiti komik pembelajaran. Bahagian B adalah melibatkan kualiti isi kandungan, kesesuaian dan penilaian keseluruhan komik pembelajaran ChemReaction. Jumlah item yang terkandung dalam soal selidik Bahagian B adalah sebanyak 24 item. Instrumen temu bual pula berkaitan penilaian umum daripada responden bagi mendapatkan maklum balas mereka tentang kesesuaian penggunaan komik pembelajaran yang dibina. Penyelidik menggunakan pendekatan kajian campuran (mixed method) kerana melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam menganalisis data. Data kuantitatif telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi dan peratusan manakala data kualitatif dianalisis secara analisis kandungan. Komik pembelajaran tersebut dibina dengan menggunakan model pembangunan ADDIE tetapi fasa ‘Implement’ tidak dijalankan kerana kajian ini tidak menjalankan ujian keberkesanan. Dapatan kajian mendapati bahawa komik pembelajaran yang dibina adalah sesuai untuk digunakan tetapi masih memerlukan penambahbaikan pada bahagian yang tertentu. Kesimpulannya, cadangan penambahbaikan yang dikemukakan telah diambil kira supaya objektif pembinaannya dapat dicapai iaitu membantu murid memahami konsep yang abstrak melalui penerapan PBM dalam komik pembelajaran ChemReaction.

This study was conducted to build learning comics based on problem-based learning strategies (PBL) about the subtopic of factors that affecting rate of reaction. There are four factors that affect the rate of reaction, which are the size of the substance, concentration, temperature and the presence of a catalyst. This study also aims to verify the appropriateness of the constructed educational comics. The educational comic is called ChemReaction. To examine the appropriateness of the ChemReaction educational comic, a total of 15 respondents consisting of Chemistry education lecturers and Chemistry teachers around Johor Bahru were asked to answer the questionnaire and three of them were interviewed. The questionnaire instrument consists of two parts, namely Part A and Part B. Part A is related to the respondent's demographic information and Part B is related to the evaluation of the quality of educational comic. Part B involves the content quality, appropriateness and overall evaluation of the ChemReaction educational comic. The total number of items contained in the Part B questionnaire is 24 items. The interview instrument is related to the general evaluation from the respondents to get their feedback about the suitability of using the constructed educational comics. Researchers use a mixed method approach because it involves quantitative and qualitative methods in analyzing data. Quantitative data was analyzed using descriptive statistics which are frequency and percentage while qualitative data was analyzed using content analysis. The learning comic was built using the ADDIE development model but the 'Implementation' phase was not carried out because this study did not carry out an effectiveness test. The findings of the study found that the learning comic that was built is suitable for use but still needs improvement in certain parts. In conclusion, the improvement suggestions presented have been taken into account so that the objective can be achieved, which is to help students understand abstract concepts through the application of PBL in ChemReaction educational comics.

PEMBANGUNAN CHEMONOPOLY DALAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP KONSEP GARAM

Siti Mahirah Binti Mohd Alias & Johari Bin Surif
sitimahirah@graduate.utm.my

Literasi kimia amatlah penting untuk diterapkan dalam diri setiap pelajar bagi melahirkan masyarakat saintifik serta menjadi peneraju arus kemodenan negara. Namun, terdapat sebahagian pelajar sukar untuk menguasai konsep kimia yang merupakan teras utama dalam pembentukan literasi kimia pelajar. Sebagai contoh, konsep garam merupakan salah satu konsep yang terdapat dalam kimia seringkali dianggap sukar dalam kalangan pelajar. Antara kesukaran yang dihadapi adalah pelajar tidak dapat membezakan jenis garam terlarut dan tidak larut serta tindak balas dalam garam, tidak memahami definisi dan istilah dalam garam serta tidak memahami aplikasi kegunaan garam dalam pertanian. Maka, strategi yang dicadangkan untuk mengatasinya adalah strategi berasaskan permainan. Cadangan alat bahan bantu belajar yang akan digunakan bagi strategi ini adalah menggunakan

papan permainan yang dinamakan sebagai CheMonopoly. Dalam kajian ini, pembangunan CheMonopoly dilakukan melalui set ujian bagi menganalisis kefahaman pelajar terhadap konsep Garam serta mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Kemudian, penilaian CheMonopoly akan dilakukan bagi menilai kesesuaian alat bahan bantu belajar yang dibina untuk digunakan bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep Garam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif di mana kaedah tinjauan digunakan bagi mencapai objektif kajian. Lokasi kajian ini adalah empat buah sekolah di sekitar Johor Bahru dan menggunakan kaedah persampelan rawak bagi membangunkan CheMonopoly di mana 148 orang pelajar Tingkatan 4 Kimia dipilih sebagai sampel manakala kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam mengkaji kesesuaian CheMonopoly di mana tiga orang pensyarah yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang pendidikan dipilih bagi menilai alat bahan bantu belajar yang dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesukaran yang dihadapi oleh pelajar terhadap konsep Garam serta CheMonopoly yang dibina ini adalah sesuai digunakan bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep Garam. Kajian ini juga dapat memberikan implikasi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Guru Kimia serta pelajar sekolah yang mempelajari subjek Kimia. Namun, masih terdapat beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti CheMonopoly yang dibina pada masa akan datang.

Chemistry literacy is very important to instill in every student to create a scientific society and become the leaders of the nation's modernization. However, some students find it difficult to master chemistry concepts, which are the core of developing students' chemistry literacy. For example, the concept of salt is one of the chemistry concepts often considered difficult among students. Some of the difficulties faced are that students cannot distinguish between soluble and insoluble salts and their reactions, need help understanding in the definitions and terms related to salts and do not understand the applications of salt in agriculture. Therefore, the suggested strategy to overcome this is a game-based strategy. The proposed learning aid tool for this strategy is a board game called CheMonopoly. In this study, CheMonopoly is developed through a set of tests to analyze students' understanding of the salt concept and identify the difficulties they face. Then, the evaluation of CheMonopoly will be conducted to assess the suitability of the learning aid tool built to improve students' understanding of the salt concept. Furthermore, this study uses a quantitative design where the survey method is used to achieve the research objectives. The study location is four schools around Johor Bahru, and a random sampling method is used to develop CheMonopoly, where 148 Form 4 Chemistry students are selected as samples. Meanwhile, a purposive sampling method is used to study the suitability of CheMonopoly, where three lecturers with more than 10 years of experience in the field of education are selected to evaluate the built learning aid tool. The study findings show that students face difficulties with the salt concept and that the built CheMonopoly is suitable for improving students' understanding of the salt concept. This study can also give implications to the Malaysian Ministry of Education, Chemistry Teachers as well as school students

who study the Chemistry subject. However, there are still some improvements suggested to enhance the quality of the built CheMonopoly in the future.

THE EFFECT OF THE 5E INQUIRY MODEL IN ENHANCING STUDENTS' ACHIEVEMENT IN REACTION RATES BASED ON THE REVISED BLOOM'S TAXONOMY

Siti Nur Fatin Hakimah Binti Ibnuzaman & Johari Bin Surif
sitinurfatinhakimah@graduate.utm.my

Pelajar Kimia sering mengalami kesukaran dalam topik kadar tindak balas, terutamanya dalam masalah pemikiran aras tinggi, yang mengurangkan pencapaian mereka dalam empat subtopik: 1) menentukan kadar tindak balas, 2) faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas, 3) aplikasi dalam kehidupan seharian, dan 4) teori perlanggaran dan tenaga pengaktifan. Kajian ini meneliti kesukaran dan menilai kesan Model Inkuiri 5E dalam mengatasi-cabaran ini. Reka bentuk pra dan pasca-ujian satu kumpulan telah digunakan dengan metodologi kuasi-eksperimen kuantitatif. 33 pelajar Kimia Tingkatan 4 terlibat dalam mengenal pasti kesukaran, dan 30 pelajar telah terlibat untuk menilai kesan model inkuiri 5E menggunakan soalan pelbagai pilihan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens, seperti ujian-t sampel berpasangan dan N-gain. Pensampelan bertujuan telah digunakan. Pengesahan daripada dua pensyarah pakar dan seorang guru kimia menunjukkan bahawa instrumen untuk menilai kesukaran pelajar dan ujian pra-pasca adalah sangat sah, dengan kadar pengesahan 85%. Kebolehpercayaan juga disahkan, dengan alpha Cronbach 0.834, yang dianggap baik. Keputusan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mendapati pembelajaran kadar tindak balas mencabar: 21% mendapati ia agak sukar, 48% sukar, dan 18% sangat sukar. Secara khusus, menentukan kadar tindak balas, faktor yang mempengaruhi mereka, dan aplikasi dalam kehidupan seharian dinilai agak sukar, manakala teori perlanggaran dan tenaga pengaktifan dinilai sangat sukar. Penemuan pasca-intervensi menunjukkan peningkatan yang ketara: skor untuk menentukan kadar tindak balas meningkat daripada 34.44% kepada 86.67%, faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas daripada 27.50% kepada 84.88%, aplikasi dalam kehidupan seharian daripada 30.56% kepada 85.33%, dan teori perlanggaran dan tenaga pengaktifan daripada 21.11% kepada 81.00%. Peningkatan ini untuk setiap subtopik adalah signifikan secara statistik ($p < 0.05$). Penyelarasan Model Inkuiri 5E dengan Taksonomi Bloom Semakan dengan ketara meningkatkan pemahaman pelajar tentang kadar tindak balas, dengan nilai $p < 0.001$ dan skor N-Gain 0.78 (kategori tinggi). Untuk proses kognitif dalam Taksonomi Bloom Semakan, peningkatan yang signifikan diperhatikan dalam kedua-dua kemahiran pemikiran aras rendah (mengingati, memahami, menerapkan) dan kemahiran pemikiran aras tinggi (menganalisis, menilai), dengan nilai $p < 0.05$. Kesimpulannya, Model Inkuiri 5E berkesan mengukuhkan pemahaman pelajar tentang konsep-konsep yang berkaitan dengan kadar tindak balas berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan.

Kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan Model Inkuiri 5E dan alat pendidikan seperti Arduino dalam kelas kimia boleh meningkatkan proses kognitif pelajar dan meningkatkan pemahaman mereka tentang aplikasi praktikal, termasuk risiko yang berkaitan dengan bahaya merokok.

Chemistry students frequently experience difficulties with the reaction rates topic, *especially in higher-order thinking problems, which degrade their achievement in its four subtopics: 1) determining reaction rates, 2) factors affecting reaction rates, 3) applications in daily life, and 4) collision theory and activation energy. This study examines these difficulties and assesses the effect of the 5E Inquiry Model in addressing these challenges. A one-group pre-test and post-test design was employed using a quantitative, quasi-experimental methodology. Thirty-three Form 4 chemistry students participated in identifying difficulties, and thirty students were assessed for the effect of the 5E Inquiry Model using multiple-choice questions. Data were analysed using descriptive and inferential statistics, such as paired sample t-tests and N-gain. Purposive sampling was utilized. Validation from two expert lecturers and one chemistry teacher indicated that the instruments for assessing students' difficulties and the pre-post test were highly valid, with an 85% validation rate. The reliability was also confirmed, with a Cronbach's alpha of 0.834, which is considered good. The results revealed that most students found learning reaction rates challenging: 21% found it quite difficult, 48% found it difficult, and 18% found it very difficult. Specifically, determining reaction rates, factors affecting them, and applications in daily life were rated as quite difficult, while collision theory and activation energy were rated as very difficult. Post-intervention findings showed significant improvements: scores for determining reaction rates rose from 34.44% to 86.67%, factors affecting reaction rates from 27.50% to 84.88%, applications in daily life from 30.56% to 85.33%, and collision theory and activation energy from 21.11% to 81.00%. These improvements for each subtopic were statistically significant ($p < 0.05$). The 5E Inquiry Model alignment with Revised Bloom's Taxonomy significantly enhanced students' comprehension of reaction rates, with a p-value < 0.001 and an N-Gain score of 0.78 (high category). For the cognitive processes in the Revised Bloom's Taxonomy, significant improvements were observed in both lower-order thinking skills (remembering, understanding, applying) and higher-order thinking skills (analysing, evaluating), with p-values < 0.05. In summary, the 5E Inquiry Model effectively strengthens students' achievement of concepts related to reaction rates based on Revised Bloom's Taxonomy. The study suggests that using the 5E Inquiry Model and educational tools like Arduino in chemistry classes can improve students' cognitive processes and enhance their comprehension of practical applications, including the risks associated with early smoking initiation*.

PEMBANGUNAN CHEM-X-O YANG BERTERASKAN STRATEGI PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN TERHADAP TOPIK PERSAMAAN KIMIA BAGI KONSEP HUJAN ASID

Siti Sarah Binti Mohd Khalid & Johari Bin Surif
sarah01@graduate.utm.my

Literasi kimia dapat difahami sebagai kebolehmampuan seseorang pelajar dalam mengenal pasti, membuat analisis dan menghubungkaitkan setiap konsep asas Kimia dengan masalah dalam kehidupan seharian. Maka, kajian ini dijalankan untuk membangunkan kit permainan iaitu Chem-X-O yang berteraskan strategi pembelajaran berasaskan permainan bagi topik Persamaan Kimia melalui pengaplikasiannya dalam konsep hujan asid. Kajian ini telah dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu fasa analisis, reka bentuk dan pembangunan menggunakan reka bentuk kajian campuran. Satu set ujian kefahaman telah diedarkan kepada 148 orang pelajar Tingkatan 4 di sekitar Skudai menggunakan teknik persampelan rawak berkelompok bagi menganalisis kesukaran dan kerangka alternatif pelajar bagi topik Persamaan Kimia dan konsep hujan asid. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar mengalami kesukaran dalam membina persamaan kimia seimbang, membezakan fungsi pekali dan subskrip dalam suatu persamaan kimia seimbang dan mereka beranggapan bahawa hujan asid dan penipisan lapisan ozon adalah fenomena yang sama. Bagi mengkaji kesesuaian kit tersebut bagi topik Persamaan Kimia melalui konsep hujan asid, seramai tiga orang pakar daripada bidang Pendidikan STEM dipilih sebagai responden kajian bagi membuat penilaian terhadap kit permainan yang telah dibangunkan ini. Dapatan kajian dinilai daripada 25 item yang terbahagi kepada empat konstruk utama iaitu kandungan, kaedah pengajaran, motivasi dan kefahaman menggunakan soal selidik iaitu soalan ‘Ya’ atau ‘Tidak’. Nilai kesahan yang diperoleh telah dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan. Pakar juga telah memberikan komen, maklum balas dan cadangan penambah baikan, maka data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan reka bentuk kualitatif secara teknik analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan Chem-X-O ini menarik untuk digunakan sebagai pentaksiran formatif dan aktiviti pembelajaran dalam kelas. Ia juga telah mengambil kira strategi pembelajaran berasaskan permainan iaitu menggunakan model Magic Circle. Akan tetapi, beberapa komen dan cadangan penambah baikan telah dikemukakan bagi menambah baik kit permainan ini dalam usaha menghasilkan kit permainan yang lebih lengkap dan efektif kelak.

Chemical literacy can be understood as a student's ability to identify, analyse, and relate each basic concept of Chemistry to real-life problems. Therefore, this study was conducted to develop a game kit called Chem-X-O based on game-based learning strategy for Chemical Equation topic through its application, which is acid rain. This study was divided into three main phases: the analysis phase, the design phase, and the development phase, using a mixed-methods research design. A set of tests was distributed to 148 Form 4 students around Skudai using a cluster random

sampling technique to analyse students' difficulties and alternative frameworks for Chemical Equation topic and acid rain concept. The findings of the study indicate that most students face difficulties in constructing balanced chemical equations, distinguishing the function of coefficients and subscripts in a balanced chemical equation, and they mistakenly believe that acid rain and ozone layer depletion are the same phenomenon. To examine the suitability of the kit for Chemical Equation topic through the concept of acid rain, three experts from the field of STEM Education were selected as respondents to evaluate the game kit. The study's findings were assessed using 25 items divided into four main constructs: content, teaching method, motivation, and understanding, using a 'Yes' or 'No' questionnaire. The validity values obtained were analysed using frequency and percentage. The experts also provided comments, feedback and suggestions for improvements, and the data obtained were analysed using a qualitative design with content analysis technique. The findings of the study reveal that Chem-X-O is interesting to use as formative assessment and learning activities in the classroom. It also considers game-based learning strategy by using Magic Circle model. However, several comments and suggestions for improvements were made to enhance the game kit in order to produce a more complete and effective game kit in the future.

ENHANCING THE UNDERSTANDING OF STUDENTS OF MOLE CONCEPT AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS THROUGH MOLES AND CHUTES

Thulasi A/p Subramani & Johari Bin Surif

Tujuan kajian penyelidikan ini adalah untuk menguji keberkesanan permainan Moles and Chutes pembelajaran berasaskan permainan dalam meningkatkan pemahaman pelajar mengenai konsep mol dan pengaplikasiannya pada nitrogen dalam baja. Permainan Moles and Chutes dibina berdasarkan model ADDIE, yang melibatkan analisis miskoonsepsi, rekabentuk papan permainan, membangunkan soalan berdasarkan topik miskonsepsi pelaksanaan melalui kajian perintis dan penilaian oleh pakar. Pelaksanaan Moles and Chutes berdasarkan pembelajaran berasaskan permainan yang melibatkan tiga langkah iaitu cabaran, respons, dan maklum balas dalam kalangan pelajar kimia. Kaedah kuantitatif menggunakan reka bentuk penyelidikan pra-ujian dan pasca-ujian kuasi eksperimen kumpulan tunggal dijalankan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada tiga puluh pelajar Tingkatan 4 dari sebuah sekolah yang terletak di daerah Pasir Gudang. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pra dan pasca-ujian dengan kebolehpercayaan, Cronbach Alpha 0.897 dan kesahan oleh pakar dengan 79% yang menunjukkan sah. Hasil data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan statistik inferensi menggunakan ujian t-test dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pelajar dan memperbaiki miskonsepsi mereka dalam konsep mol dalam ujian selepas pelaksanaan permainan Moles and Chutes dalam kelas kimia. Kesimpulannya,

pembelajaran berasaskan permainan boleh bertindak sebagai bahan bantu mengajar alternatif dan meningkatkan pemahaman pelajar dalam konsep mol dan pengaplikasiannya dalam kehidupan sebenar melalui proses pengajaran dan pembelajaran konsep mol di kalangan pelajar memberikan impak positif.

The purpose of this research study is to test the effectiveness of game board based on game-based learning in enhancing the understanding of students in mole concept and its application of nitrogen in fertilizer. The Moles and Chutes board game is built based on the ADDIE model, analyzing the misconceptions, designing the game board, developing questions based on the area of misconceptions, implementation by pilot study and evaluation by experts. Implementation of moles and chutes is based on game-based learning which involve three steps, challenge, response and feedback among chemistry students. Quantitative methods by using one group pre-test and post-test quasi experimental research design were conducted in this research. The research samples consist of thirty Form 4 students from a school located in Pasir Gudang district. The instrument used in this research study is pre and post-test with reliability, Cronbach Alpha 0.883 and validity by experts with 79% which show valid. The result of the data is analyzed by using descriptive analysis and inferential statistic using paired t-test by using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). The finding showed students improvement and reframed their misconception in the mole concept in post-test after the implementation of the Moles and Chutes board game in the chemistry classroom. In conclusion, game board based on game-based learning can act as an alternative teaching aid and enhance students understanding in mole concept and its application in real lives through teaching and learning process of mole concept among students produces a positive impact.

PEMBANGUNAN KOMIK KESEIMBANGAN REDOKS BERDASARKAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN PENCERITAAN TERHADAP PEMAHAMAN DALAM KONSEP KESEIMBANGAN REDOKS DAN APLIKASINYA DALAM KEHIDUPAN

Voon Chen Ni & Johari Bin Surif
voonni@graduate.utm.my

Pembangunan komik digital ini adalah bagi tajuk ‘Keseimbangan Redoks’ berdasarkan pendekatan pembelajaran penceritaan. Tajuk keseimbangan redoks ialah salah satu topik bagi mata pelajaran kimia yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Kimia Tingkatan 5. Pembangunan komik digital ini bertujuan untuk mengatasi miskonsepsi bagi konsep keseimbangan redoks dan aplikasinya dalam kehidupan harian. Model reka bentuk yang digunakan dalam pembangunan komik digital ini ialah adaptasi Model ADDIE. Laman sesawang ‘storyboardthat’ telah digunakan bagi mereka bentuk komik digital dalam kajian ini. Seramai 214 orang pelajar dari daerah Pasir Gudang, Johor telah dipilih secara persampelan bertujuan

untuk mengenal pasti miskonsepsi bagi konsep keseimbangan redoks dan aplikasinya dalam kehidupan harian. Instrumen ujian diagnostik telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data ini. Berdasarkan hasil analisis, didapati wujudnya miskonsepsi dalam konsep fungsi titian garam dan perubahan jisim besi yang berkarat. Seramai tiga pakar telah dilibatkan bagi menguji kesesuaian komik digital menggunakan borang soal selidik. Data dianalisis dengan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan. Segala maklum balas yang diberikan oleh pakar telah dianalisis dengan analisis kandungan untuk mengetahui secara mendalam. Dapatan menunjukkan komik digital mempunyai potensi kebergunaan dan mampu menarik minat pelajar untuk membaca. Komik digital yang dibangunkan ini diharapkan dapat dijadikan salah satu bahan bacaan atau bahan bantu mengajar yang boleh memberi impak positf dalam pendidikan kimia. Pembangunan komik digital ini adalah bagi tajuk ‘Keseimbangan Redoks’ berdasarkan pendekatan pembelajaran penceritaan. Tajuk keseimbangan redoks ialah salah satu topik bagi mata pelajaran kimia yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Kimia Tingkatan 5. Pembangunan komik digital ini bertujuan untuk mengatasi miskonsepsi bagi konsep keseimbangan redoks dan aplikasinya dalam kehidupan harian. Model reka bentuk yang digunakan dalam pembangunan komik digital ini ialah adaptasi Model ADDIE. Laman sesawang ‘storyboardthat’ telah digunakan bagi mereka bentuk komik digital dalam kajian ini. Seramai 214 orang pelajar dari daerah Pasir Gudang, Johor telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk mengenal pasti miskonsepsi bagi konsep keseimbangan redoks dan aplikasinya dalam kehidupan harian. Instrumen ujian diagnostik telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data ini. Berdasarkan hasil analisis, didapati wujudnya miskonsepsi dalam konsep fungsi titian garam dan perubahan jisim besi yang berkarat. Seramai tiga pakar telah dilibatkan bagi menguji kesesuaian komik digital menggunakan borang soal selidik. Data dianalisis dengan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan. Segala maklum balas yang diberikan oleh pakar telah dianalisis dengan analisis kandungan untuk mengetahui secara mendalam. Dapatan menunjukkan komik digital mempunyai potensi kebergunaan dan mampu menarik minat pelajar untuk membaca. Komik digital yang dibangunkan ini diharapkan dapat dijadikan salah satu bahan bacaan atau bahan bantu mengajar yang boleh memberi impak positf dalam pendidikan kimia.

The development of this digital comic is for the topic of 'Redox Equilibrium' based on a storytelling learning approach. The topic of redox equilibrium is one of the subjects in the Chemistry syllabus for Form 5. The aim of developing this digital comic is to overcome misconceptions about the concept of redox equilibrium and its applications in daily life. The design model used in the development of this digital comic is an adaptation of the ADDIE Model. The website 'storyboardthat' was used to design the digital comic in this study. A total of 214 students from the Pasir Gudang district in Johor were purposively sampled to identify misconceptions about the concept of redox equilibrium and its applications in daily life. A diagnostic test instrument was used for data collection purposes. Based on the analysis results, misconceptions were found in the concepts of the function of the salt bridge and the

change in mass of rusted iron. Three experts were involved in testing the suitability of the digital comic using a questionnaire. Data were analyzed using descriptive statistics involving frequency and percentage. All feedback provided by the experts was analyzed using content analysis to gain in-depth understanding. The findings show that the digital comic has the potential for usefulness and can attract students' interest in reading. This developed digital comic is expected to become one of the reading materials or teaching aids that can have a positive impact on chemistry education.

PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENCERITAAN TERHADAP PEMAHAMAN DALAM TOPIK IKATAN KIMIA DAN APLIKASINYA DALAM KEHIDUPAN

Zuliana Amira Binti Zainal Aripin & Johari Bin Surif
zulianaamira@graduate.utm.my

Pembangunan komik digital ini adalah bagi tajuk ‘Ikatan Kimia’ berdasarkan pendekatan pembelajaran penceritaan. Tajuk ikatan kimia ialah salah satu topik bagi mata pelajaran kimia yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Kimia Tingkatan 4. Pembangunan komik digital ini bertujuan untuk mengatasi miskonsepsi bagi konsep ikatan kimia dan aplikasinya dalam kehidupan harian. Model reka bentuk yang digunakan dalam pembangunan komik digital ini ialah Model ADDIE dalam kajian ini, seramai 148 orang pelajar Tingkatan 4 dari sekolah menengah di daerah Skudai dipilih secara persampelan bertujuan bagi mengetahui kerangka alternatif mereka dalam konsep ikatan kimia dan aplikasinya dalam kehidupan. Seterusnya, 3 orang pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia yang mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan kimia telah dipilih secara persampelan bertujuan sebagai penilai pakar dalam kajian ini untuk mengenal pasti kesesuaian komik digital kepada pelajar dalam memahami konsep ikatan kimia dan aplikasinya dalam kehidupan. Dalam kajian ini, pendekatan mixed-method telah digunakan iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk digunakan pada fasa pembangunan komik digital dan fasa kesesuaian bagi membantu pelajar memahami konsep ikatan kimia dan aplikasinya dalam kehidupan. Reka bentuk kajian tinjauan akan dilakukan bagi tujuan kajian deskriptif. Pendekatan kualitatif akan melibatkan kepada penilaian pakar untuk melihat kesesuaian komik digital ini. Dalam kajian ini, analisis kandungan telah digunakan untuk mengenal pasti komen dan cadangan yang diberikan oleh responden dalam mengkaji kesesuaian komik digital ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman pelajar dalam topik ikatan kimia masih rendah. Selain itu, hasil kajian menunjukkan komik digital ini sesuai untuk diguna pakai semasa di dalam kelas tetapi memerlukan sedikit penambahbaikan yang lebih lanjut. Beberapa cadangan telah diberikan bagi menambah baik limitasi kajian untuk kajian lanjutan.

The development of this digital comic, titled "Chemical Bonds," is based on a storytelling learning approach. The topic of chemical bonds is part of the Chemistry

curriculum for Form 4 students. This digital comic aims to address misconceptions about the concept of chemical bonds and their applications in daily life. The ADDIE model was used in developing this digital comic. In this study, 148 Form 4 students from secondary schools in the Skudai district were purposefully sampled to understand their alternative frameworks regarding chemical bond concepts and their applications. Additionally, three lecturers from Universiti Teknologi Malaysia, with experience in chemistry education, were purposefully selected as expert evaluators to assess the suitability of the digital comic for helping students understand the concept of chemical bonds and their applications in life. A mixed-method approach, combining quantitative and qualitative methods, was employed during the digital comic development and suitability phases to aid student understanding of chemical bond concepts and their real-life applications. A survey research design was used for descriptive study purposes. The qualitative approach involved expert evaluations to assess the digital comic's suitability. Content analysis was used to identify feedback and suggestions provided by respondents regarding the comic's suitability. The results showed that students' understanding of the topic of chemical bonds is still low. Moreover, the findings indicated that the digital comic is suitable for classroom use but requires further improvements. Several recommendations were made to enhance the study's limitations for future research.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA SAINS DENGAN PENDIDIKAN (FIZIK) DENGAN KEPUJIAN [SHPFH]

PRE-SERVICE PHYSICS TEACHERS' KNOWLEDGE, SKILLS AND ATTITUDES TOWARDS TECHNOLOGY-BASED LEARNING

Aina Amira Binti Nawawi & Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin
ainaamira@graduate.utm.my

Penyepaduan teknologi dalam pendidikan, khususnya dalam pendidikan fizik, adalah penting untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru pra perkhidmatan memainkan peranan penting dalam penyepaduan ini, memerlukan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang mencukupi terhadap pembelajaran berasaskan teknologi. Kajian ini menyiasat guru fizik pra perkhidmatan dalam tiga bidang ini, menangani jurang penguasaan mereka dengan alat pembelajaran berasaskan teknologi dan aplikasi mereka dalam pengajaran. Menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif, satu tinjauan telah diedarkan kepada 30 guru fizik pra perkhidmatan untuk mengukur pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap pembelajaran berasaskan teknologi. Analisis data menunjukkan tahap tinggi bagi tiga konstruk dengan nilai min 3.52 untuk pengetahuan, 3.59 untuk kemahiran dan 3.65 untuk sikap. Kebolehpercayaan konstruk telah disahkan dengan nilai Alpha Cronbach 0.614 untuk pengetahuan, 0.741 untuk kemahiran, dan 0.892 untuk sikap, menunjukkan konsistensi dalaman yang baik hingga sangat baik. Penemuan ini menyerlahkan bahawa guru fizik praperkhidmatan mempunyai sikap positif dan tahap kemahiran dan pengetahuan yang tinggi yang penting untuk menggabungkan teknologi secara berkesan dalam bilik darjah masa depan mereka. Kajian ini menekankan kepentingan integrasi teknologi dalam program pendidikan guru, menunjukkan bahawa penekanan berterusan terhadap pembangunan kecekapan teknologi dan memupuk sikap positif terhadap teknologi adalah perlu. Ini memastikan bahawa pendidik masa depan dilengkapi dengan baik untuk melibatkan pelajar melalui kaedah pengajaran yang inovatif dan dapat mengharungi cabaran persekitaran pendidikan moden dengan berkesan. Akibatnya, mempertingkatkan kesediaan teknologi guru praperkhidmatan bukan sahaja memberi manfaat kepada pembangunan profesional mereka tetapi juga memberi kesan ketara kepada pengalaman pembelajaran pelajar, menggalakkan proses pendidikan yang lebih interaktif dan menarik. Oleh itu, program penyediaan guru harus mengutamakan latihan komprehensif dalam pembelajaran berasaskan teknologi untuk menyokong keperluan pendidikan abad ke-21 yang semakin berkembang.

The integration of technology in education, particularly in physics education, is crucial for enhancing the teaching and learning process. Pre-service teachers play a significant role in this integration, requiring adequate knowledge, skills, and attitudes towards technology-based learning. This study investigates the pre-service physics teachers in these three areas, addressing the gap in their proficiency with technology-based learning tools and their application in teaching. Utilizing a quantitative research design, a survey was distributed to 30 pre-service physics teachers to measure their knowledge, skills, and attitudes towards technology-based learning. Data analysis revealed high levels of three constructs with mean values of

3.52 for knowledge, 3.59 for skills, and 3.65 for attitudes. The reliability of the constructs was confirmed with Cronbach's alpha values of 0.614 for knowledge, 0.741 for skills, and 0.892 for attitudes, indicating good to very good internal consistency. These findings highlight that pre-service physics teachers possess positive attitudes and high levels of skills and knowledge essential for effectively incorporating technology in their future classrooms. The study underscores the importance of technology integration in teacher education programs, suggesting that continued emphasis on developing technological competence and fostering positive attitudes towards technology is necessary. This ensures that future educators are well-equipped to engage students through innovative teaching methods and can effectively navigate the challenges of modern educational environments. Consequently, enhancing the technological readiness of pre-service teachers not only benefits their professional development but also significantly impacts students' learning experiences, promoting a more interactive and engaging educational process. Therefore, teacher preparation programs should prioritize comprehensive training in technology-based learning to support the evolving needs of 21st-century education.

UNRAVELING FACTORS AFFECTING FEMALE PRESENCE IN STEM AT PUBLIC UNIVERSITY

Ashmimi Maisara Binti Ashaari & Nor Farahwahidah Binti Abdul Rahman
ashmimi@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka faktor kontekstual dan individu yang mempengaruhi penyertaan pelajar wanita sarjana muda dalam kursus STEM di universiti awam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai metodologi penyelidikan dengan menjalankan kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang telah diguna pakai oleh Mahoney (2010), Kulim (1973), Springer et al. (2001), dan Jenson et al. (2011). Dalam kajian ini, seramai 70 pelajar wanita sarjana muda yang sedang mengambil kursus STEM di sebuah universiti awam di Malaysia (wilayah Selatan) telah dipilih. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian yang dikenali sebagai persampelan rawak berstrata. Analisis deskriptif dijalankan untuk meneroka faktor kontekstual dan individu yang mempengaruhi penyertaan pelajar wanita sarjana muda dalam kursus STEM di university awam dan mengenal pasti pemilihan kerjaya sebagai pelajar STEM wanita sarjana muda selepas menamatkan pengajian. Analisis inferens juga digunakan untuk mencari hubungan antara faktor kontekstual dan individu dalam penyertaan pelajar wanita dalam kursus STEM melalui korelasi Spearman. Kedua-dua analisis deskriptif dan inferens dilaksanakan menggunakan SPSS versi 29.0. Faktor kontektual yang diukur dalam kajian ini diwakili oleh sikap terhadap Pendidikan STEM, jangka hasil kerjaya, dan efikasi kendiri STEM. Sementara itu, faktor individu merujuk kepada konsep kendiri STEM. Penemuan kajian ini menekankan bahawa efikasi kendiri STEM adalah faktor kontekstual yang mempengaruhi pelajar wanita sarjana muda untuk mengikuti kursus STEM.

Tambahan pula, faktor individu diikuti oleh konsep kendiri STEM. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti bahawa terdapat hubungan antara faktor kontekstual dan individu terhadap pelajar wanita dalam mengikuti kursus STEM di universiti awam. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa sebilangan besar pelajar wanita sarjana muda memilih untuk memasuki sektor industry sebagai pilihan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Penemuan kajian ini memberikan pandangan dan cadangan untuk meneroka lebih lanjut faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan wanita dalam bidang STEM dan menggalakkan ekuiti dalam Pendidikan STEM dan peluang kerjaya STEM.

The purpose of this study is to explore the contextual and individual factors influencing female undergraduate students' participation in STEM courses at public university. This study uses a quantitative approach as a research methodology by conducting a survey using questionnaires adopted by Mahoney (2010), Kulim (1973), Springer et al. (2001), and Jenson et al. (2011). For this study, 70 female undergraduate students currently enrolled in STEM courses at a public university in Malaysia (southern region) were selected. This study used a probability sampling technique known as stratified random sampling. Descriptive analysis is conducted to explore the contextual and individual factors affecting female undergraduate students' presence in STEM courses at public university and to identify the career projection as an undergraduate female STEM student after graduating. Inferential analysis is also used to find the relationship between contextual and individual factors in female students' participation in STEM courses through Spearman's Correlation. Both descriptive and inferential analyses are conducted using SPSS ver 29.0. The contextual factors measured in this study are represented by attitude toward STEM education, career outcome expectancy, and STEM self-efficacy. Meanwhile, the individual factor refers to the STEM self-concept. This study's findings highlighted that self-efficacy is the contextual factor influencing female undergraduate students to pursue STEM courses. In addition, the individual factor is followed by STEM self-concept. Other than that, this study also identifies that there is a relationship between contextual and individual factors towards female students in pursuing STEM courses at public university. This study's results revealed that a significant number of female undergraduate students opt to enter the industry sector as their job choice after graduating. The study's findings provide valuable insight for further exploring factors influencing female inclination in the STEM field and promoting equity in STEM education and STEM career opportunities.

TAHAP KECERDASAN EMOSI GURU PELATIH DALAM PEMBELAJARAN FIZIK

Athifah Najihah Binti Norizan & Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin
athifah01@gmail.com

Kajian ini meneliti masalah yang berlaku terhadap kecerdasan emosi guru pelatih dalam pembelajaran Fizik di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Pengetahuan tentang kecerdasan emosi guru pelatih Fizik dapat meningkatkan keinginan mereka untuk mengetahui cara meningkatkan atau mengembangkannya. Kecerdasan emosi sering diabaikan tidak seperti kecerdasan intelektual yang dijadikan keutamaan sewaktu di universiti. Terdapat lima dimensi yang terlibat iaitu kesedaran kendiri, regulasi kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Pengkaji juga ingin mengetahui adakah guru pelatih lelaki dan perempuan memiliki kecerdasan emosi yang sama. Tujuan kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi guru pelatih Fizik secara keseluruhan dan mengenal pasti perbezaan signifikan berdasarkan jantina. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengumpulkan data melalui soal selidik dan mengumpul data melalui kaedah deskriptif dan inferensi. Sampel terdiri daripada 63 orang guru pelatih Fizik tahun dua, tiga dan empat. Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu terhadap 25 orang guru pelatih Fizik tahun satu. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru pelatih Fizik mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi bagi kelima-lima dimensi. Selain itu, jantina guru pelatih Fizik tidak memberikan perbezaan yang signifikan terhadap dapatan kajian yang diperoleh. Penemuan ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi kecerdasan emosi seseorant. Dalam perbincangan juga, pengkaji telah memberikan beberapa huraian bagi dimensi kecerdasan emosi serta langkah-langkah yang efektif untuk meningkatkannya semasa melanjutkan pengajian dalam kursus pendidikan Fizik. Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang pengetahuan ini dengan menilai tahap kecerdasan emosi guru pelatih Fizik dan seterusnya melihat kesannya terhadap pencapaian akademik serta kesejahteraan mereka.

This study examines the issues related to the emotional intelligence of trainee physics teachers at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Understanding the emotional intelligence of these trainees can enhance their desire to learn how to improve or develop it. Emotional intelligence is often overlooked compared to intellectual intelligence which is prioritized in university settings. Five dimensions are involved: self-awareness, self-regulation, motivation, empathy, and social skills. The researcher also aims to determine whether male and female trainee teachers possess the same level of emotional intelligence. The purpose of this study is to identify the overall level of emotional intelligence among trainee physics teachers and to ascertain any significant differences based on gender. This quantitative study collected data through questionnaires and analyzed it using descriptive and inferential methods. The sample consisted of 63 second, third, and fourth-year

trainee physics teachers. A pilot study was first conducted with 25 first-year trainee physics teachers. The results showed that trainee physics teachers had high levels of emotional intelligence across all five dimensions. Additionally, gender did not significantly affect the findings, indicating that gender does not influence a person's emotional intelligence. The discussion section provides detailed explanations for each dimension of emotional intelligence and offers effective steps to enhance them during the course of their physics education studies. This study aims to fill the knowledge gap by assessing the emotional intelligence levels of trainee physics teachers and examining its impact on their academic achievement and overall well-being.

PRE-SERVICE TEACHERS' PERCEPTION OF THEIR PREPAREDNESS, ENGAGEMENT AND SELF-EFFICACY IN PHYSICS TEACHING

Hoo Xin Ting & Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin
hooting@graduate.utm.my

Kajian literatur semasa membuktikan banyak kajian memfokus kepada mengkaji tahap kesediaan bakal guru untuk mengajar dalam pendidikan fizik dan efikasi kendiri. Pada masa yang sama, terdapat beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada tahap penglibatan bakal guru dengan profesion dan berkaitan efikasi kendiri. Walaubagaimanapun, terdapat kekurangan konsensus mengenai hubungan ketiga-tiga domain tersebut. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk menyiasat tahap kesediaan, tahap penglibatan dan tahap efikasi kendiri dalam kalangan bakal guru dalam pengajaran fizik dan meneroka hubungan ketiga-tiga domain tersebut. Reka bentuk korelasi digunakan untuk mencari hubungan antara tiga domain. Data kuantitatif diperoleh dengan menggunakan soal selidik bertajuk Pre service Teacher Professional Experience (PTPE) menggunakan skala Likert 5 mata dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Hasil analisis menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan bakal guru fizik di UTM, tahap penglibatan dan penglibatan aktif bakal guru fiizk yang tinggi dengan guru penyelia dan tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar fizik. Selain daripada itu, kajian menunjukkan korelasi signifikan yang sederhana positif antara tahap kesediaan dan tahap penglibatan, korelasi positif yang lemah antara tahap penglibatan dan tahap efikasi kendiri, serta korelasi positif yang lemah antara tahap kesediaan bakal guru dan tahap efikasi kendiri bakal guru dalam pengajaran fizik.

A review of the current literature reveals numerous studies exploring the level of preparedness of PSTs to teach in physics education and their efficacy. While some studies focus on the level of engagement of PSTs with the professions and relates to their efficacy, but there is a lack of consensus regarding the relationship of those three domains. Hence, the purpose of this study is to investigate the level of preparedness, level of engagement and level of self-efficacy among pre-service teachers (PSTs) in teaching physics and the relationship on all three domains. A

correlational design is used to find the relationship between three domains. The quantitative data was obtained by using the Pre service Teacher Professional Experience (PTPE) using 5-point Likert scale and analysed by using Statistical Package for Social Sciences software (SPSS). The findings demonstrate a high level of preparedness among pre-service physics teachers at UTM, a high level of engagement and active participation of pre-service physics teachers with their supervising teachers and high level of confidence and readiness in teaching physics. Apart from that, the study shows a moderately positive significant correlation between the level of preparedness and level of engagement, a weakly positive correlation between the level of engagement and the level of self-efficacy, as well as a weakly positive correlation between the level of preparedness of PST and the level of self-efficacy of PSTs in physics teaching.

TAHAP KEFAHAMAN DAN SALAH KONSEP BAKAL GURU FIZIK DALAM FIZIK KUANTUM

Khairudin Helmy Bin Kamaruzaman & Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin
khairudinhelmy@graduate.utm.my

Fizik Kuantum mempunyai sifat yang bertentangan dengan intuisi kehidupan fizikal, menyebabkan pelajar dan guru mengalami kesukaran konseptual dalam memahaminya. Salah konsep dalam kalangan guru biasanya bermula semasa mereka masih di universiti sebagai bakal guru. Bakal guru Fizik juga menghadapi kesukaran konseptual dalam mempelajari Fizik Kuantum iaitu salah konsep dan penggunaan model yang salah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kefahaman dan salah konsep dalam kalangan bakal guru Fizik mengenai Fizik Kuantum. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan data dianalisis secara kuantitatif deskriptif. Instrumen bagi kajian ini ialah ujian konsep iaitu Quantum Physics Conceptual Survey (QPCS) dan setiap soalan disertakan dengan skala Certainty Response Index (CRI). Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dengan sampel terdiri daripada 65 orang bakal guru Fizik Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi penentuan tahap kefahaman manakala analisis penentuan matriks digunakan bagi penentuan salah konsep. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman bakal guru Fizik berada pada tahap yang rendah dengan min markah yang diperoleh ialah 38.4% dan sisihan piawai 11.5%. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bakal guru Fizik mengalami salah konsep yang tinggi dengan jumlah empat belas soalan berada pada kategori salah konsep. Empat belas soalan ini terdiri daripada tema Gelombang dan Zarah, Panjang Gelombang de Broglie, Interferens Dwicelah dan Prinsip Ketakpastian. Bakal guru Fizik masih berpegang kepada pemahaman Fizik Klasik, yang menghalang pemahaman mereka tentang fenomena Kuantum. Sebagai contoh, salah konsep tentang Sifat Kedualan Gelombang dan Zarah yang bertentangan dengan Fizik Klasik. Kajian ini menyimpulkan keperluan bagi meningkatkan kualiti

pengajaran Fizik Kuantum untuk meningkatkan kefahaman bakal guru perlulah dilakukan segera. Kajian ini juga menekankan bahawa masalah salah konsep ini perlu ditangani secepat mungkin untuk mengelakkan kesan negatif jangka panjang pada pendidikan.

Quantum Physics has properties that contradict the intuition of physical life, causing students and teachers to experience conceptual difficulties in understanding it. Misconceptions among teachers usually begin while they are still in university as prospective teachers. Prospective Physics teachers also face conceptual difficulties in learning Quantum Physics, including misconceptions and the use of incorrect models. This study aims to determine the level of understanding and misconceptions among prospective Physics teachers regarding Quantum Physics. The design of this study is a survey, and the data is analyzed descriptively and quantitatively. The instrument for this study is the Quantum Physics Conceptual Survey (QPCS), with each question accompanied by the Certainty Response Index (CRI) scale. A simple random sampling method was used, with a sample consisting of 65 prospective Physics teachers from Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Data was analyzed using descriptive analysis to determine the level of understanding, while matrix analysis was used to determine misconceptions. The results showed that the level of understanding among prospective Physics teachers was low, with an average score of 38.4% and a standard deviation of 11.5%. The findings also indicated that prospective Physics teachers had high misconceptions, with fourteen questions categorized under misconceptions. These fourteen questions covered themes such as Wave-Particle Duality, de Broglie Wavelength, Double-Slit Interference, and the Uncertainty Principle. Prospective Physics teachers still hold onto Classical Physics understanding, which hinders their comprehension of Quantum phenomena. For example, misconceptions about the Wave-Particle Duality contradict Classical Physics. This study concludes that it is critical to improve the quality of Quantum Physics teaching to enhance prospective teachers' understanding. The study also emphasizes that these misconceptions need to be addressed promptly to avoid long-term negative impacts on education.

TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH DALAM PENGAJARAN SUBJEK FIZIK TERHADAP PENCAPAIAN MURID

Mohamad Hafiz Bin Fadzil & Nina Diana Binti Nawi
mohamadhafiz.f@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan guru pelatih dalam pengajaran subjek Fizik dan bagaimana ia mempengaruhi pencapaian murid. Kajian ini melibatkan 28 orang responden daripada sekolah pendidikan Fizik tahun 3 dan 280 orang murid tingkatan 4 aliran sains yang mengambil mata pelajaran fizik di sekolah. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, di mana data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi skala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi

22/23, dengan analisis deskriptif dan inferensi untuk mengkaji hubungan antara tahap kesediaan guru pelatih dan pencapaian pelajar dalam subjek Fizik. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara dua pembolehubah ini. Daripada data yang dianalisis didapati bahawa guru pelatih menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi dalam aspek sikap dengan min keseluruhan ialah 4.40, 4.54 bagi aspek isi kandungan dan 4.46 bagi aspek kaedah pengajaran. Bagi pencapaian pelajar pula, min purata markah keseluruhan bagi semua sekolah yang dianalisis adalah 70.86. Analisis korelasi Pearson menunjukkan adanya hubungan yang sangat kuat dan signifikan secara statistik antara tahap kesediaan guru pelatih dan pencapaian pelajar dalam subjek Fizik, dengan koefisien korelasi $r=0.906$ dan nilai signifikan $p<0.001$.

This study aims to assess the preparedness of trainee teachers in teaching Physics and how it affects student achievement. The study involves 28 respondents from the third-year Physics education program and 280 fourth-form science stream students taking Physics in schools. The methodology used is a quantitative approach with a survey design, where data is collected using a questionnaire containing a fivepoint Likert scale. The data is analyzed using IBM SPSS version 22/23 software, with descriptive and inferential analyses to examine the relationship between the preparedness of trainee teachers and student achievement in Physics. Pearson correlation analysis is used to determine the strength and direction of the relationship between these two variables. The analyzed data shows that trainee teachers demonstrate a high level of preparedness in terms of attitude with an overall mean of 4.40, 4.54 for content knowledge, and 4.46 for teaching methods. For student achievement, the average overall score mean for all analyzed schools is 70.86. Pearson correlation analysis indicates a very strong and statistically significant relationship between the preparedness of trainee teachers and student achievement in Physics, with a correlation coefficient $r = 0.906$ and a significance value $p < 0.001$.

PENGGUNAAN KAEDAH SIMULASI INTERAKTIF DAN ANIMASI 3D DALAM GEOMETRI OPTIK SERTA TAHAP MOTIVASI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN FIZIK

Muhammad Erwan Hakimi Bin Abdullah & Noorzana Binti Khamis
muhammaderwanhakimi@graduate.utm.my

Geometri Optik merupakan antara salah satu topik dalam mata pelajaran Fizik yang mempunyai sifat abstraknya tersendiri. Walaubagaimanapun, pelajar perlu memahami Geometri Optik untuk memahami sifat cahaya dan cermin yang ada pada silibus. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk menekankan penggunaan kaedah pengajaran iaitu simulasi interkatif dan 3D animasi dapat bantu meningkatkan tahap motivasi pelajar terhadap mata pelajaran fizik. Kajian ini telah dijalankan di 3 buah sekolah di sekitar Johor Bahru dengan melibatkan 80 orang pelajar tingkatan 4 yang

mengambil mata pelajaran fizik. Metodologi kajian yang ditekankan pada kajian ini ialah jenis kajian kuantitatif dimana soalan berkaitan sub topik Geometri Optik telah diberikan kepada pelajar tingkatan 4 dan soalan soal selidik mengenai tahap motivasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Fizik bagi melihat adakah terdapat perbezaan sebelum dan selepas penggunaan kaedah simulasi. Kaedah penyelidikan bagi kajian ini adalah reka bentuk kajian yang menggunakan pendekatan pra dan pasca ujian terhadap satu kumpulan pelajar dan data kuantitatif akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Hasil dapatan menunjukkan sebelum penggunaan kaedah simulasi, tahap pencapaian pelajar dalam ujian Geometri Optik berada pada tahap sangat lemah dan untuk tahap motivasi berada pada rendah. Selepas menggunakan kaedah simulasi interaktif dan animasi 3d, tahap pencapaian pelajar dalam ujian Geometri Optik berubah kepada sederhana begitu juga untuk tahap motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Fizik telah menjadi sederhana. Nilai $p<0.001$ dicatat untuk ujian T berpasangan yang menandakan terdapat perbezaan signifikan setelah penggunaan kaedah simulasi interaktif dan animasi 3d terhadap tahap pencapaian dan tahap motivasi pelajar dalam mata pelajaran Fizik. Seterusnya, hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu guru menggunakan kaedah simulasi sebagai salah satu inisiatif dalam membantu pelajar memahami tajuk-tajuk yang abstrak dalam mata pelajaran Fizik.

Geometric Optics is one of the topics in Physics that has its own abstract nature. However, students need to understand Geometric Optics to comprehend the properties of light and mirrors included in the syllabus. Therefore, the purpose of this study is to emphasize that the use of teaching methods such as interactive simulation and 3D animation can help increase students' motivation towards the subject of Physics. This study was conducted in three schools around Johor Bahru, involving 80 Form 4 students taking Physics. The methodology of this study is quantitative, where questions related to the sub-topic of Geometric Optics were given to Form 4 students and a questionnaire regarding the motivation level of students taking Physics was used to see if there were differences before and after using the simulation method. The research method for this study is a research design that uses a pre-test and post-test approach on one group of students, and quantitative data will be analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software. The results showed that before using the simulation method, students' achievement levels in the Geometric Optics test were very weak, and their motivation levels were low. After using interactive simulation and 3D animation methods, students' achievement levels in the Geometric Optics test improved to moderate, and their motivation levels towards Physics also became moderate. A p-value of <0.001 was recorded for the paired T-test, indicating a significant difference after using interactive simulation and 3D animation methods on students' achievement and motivation levels in Physics. Furthermore, the findings of this study are expected to help teachers use simulation methods as one of the initiatives to assist students in understanding abstract topics in Physics.

TAHAP KEFAHAMAN DAN MISKONSEPSI GURU PELATIH FIZIK DALAM KONSEP ASAS OPTIK GEOMETRI

Muhammad Harith Ilham Bin Zulkafli & Fatin Aliah Phang Binti Abdullah
muhammadharithilham@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru pelatih Fizik dan miskonsepsi yang wujud dalam konsep asas optik geometri. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif. Sampel rawak mudah digunakan di mana seramai 30 orang responden daripada program pendidikan Fizik UTM tahun 4 dan tahun 1 terlibat dalam kajian ini. Tahap kefahaman dan miskonsepsi optik geometri responden dikenal pasti dengan menggunakan instrumen aneka pilihan ujian dua peringkat optik geometri yang telah diubahsuai daripada ujian empat peringkat optik geometri (FTGOT). Kandungan instrumen ini kemudian oleh pakar dan nilai kebolehpercayaan Cronbach alpha didapati memuaskan dan boleh diterima iaitu 0.689. Analisis data telah dijalankan dengan menentukan statistik deskriptif dan mengkelaskan tahap kefahaman pelajar berdasarkan min skor yang telah diperoleh. Tahap kefahaman termasuk tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah.Miskonsepsi pula disenaraikan mengikut kekerapan dalam sub-kandungan dan peratus keseluruhan. Daripada analisis data, tahap kefahaman pelajar pendidikan Fizik UTM didapati sederhana dengan purata markah 56.85%. Sub-kandungan kanta cekung didapati memiliki tahap kefahaman yang rendah dengan purata markah 45.00% manakala sub-kandungan cermin satah tunggal, cermin satah berengsel, cermin cembung, kanta cekung dan kanta cembung adalah pada tahap kefahaman sederhana dengan skor 58.89%, 60.00%, 57.78%, 58.33% dan 61.11 masing-masing. Sementara itu, 25 miskonsepsi telah dikesan dan disenaraikan daripada kajian ini dengan dua miskonsepsi berkaitan pembentukan imej pada cermin satah tunggal dengan peratusan paling tinggi iaitu 43.33%.

This study aims to identify the level of understanding of Physics trainee teachers and the misconceptions that exist in the basic concepts of geometric optics. This study is a descriptive quantitative study. A simple random sample was used where a total of 30 respondents from the UTM Physics education program in year 4 and year 1 were involved in this study. The level of understanding and misconceptions of geometric optics of respondents was identified by using a multiple-choice instrument of a two-level geometric optics test that was modified from a four-level geometric optics test (FTGOT). The content of this instrument was then by experts and the Cronbach alpha reliability value was found to be satisfactory and acceptable which is 0.689. Data analysis was carried out by determining descriptive statistics and classifying the level of understanding of students based on the mean score obtained. The level of understanding includes high, medium, low and very low. Misconceptions are listed according to frequency in sub-content and overall percentage. From the data analysis, the level of understanding of UTM Physics education students was found to be moderate with an average score of 56.85%. The sub-content of concave lens was found to have a low level of understanding with an average score of 45.00%

while the sub-content of single plane mirror, hinged plane mirror, convex mirror, concave lens and convex lens was at a medium level of understanding with scores of 58.89%, 60.00%, 57.78 %, 58.33% and 61.11 respectively. Meanwhile, 25 misconceptions have been detected and listed from this study with two misconceptions related to image formation on a single plane mirror with the highest percentage of 43.33%.

HUBUNGAN ANTARA MINAT DAN PENCAPAIAN PELAJAR SEKOLAH TERHADAP MATA PELAJARAN FIZIK MENGIKUT JANTINA DI JOHOR

Nor Aina Binti Madon & Fatin Aliah Phang Binti Abdullah
noraina@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji hubungan antara minat dan pencapaian pelajar sekolah terhadap mata pelajara Fizk mengikut jantina di Johor. Seramai 60 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki tingkatan 4 dan 30 orang pelajar perempuan tingkatan 4 di dua buah sekolah sekitar Johor. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 10 item soalan mengenai minat Fizik dengan menggunakan Skala Likert. Kajian mendapati tahap minat mata pelajaran Fizik pelajar di Johor adalah sederhana tinggi dengan min 3.52. Kajian juga mendapati tahap pencapaian mata pelajaran Fizik pelajar di Johor adalah tinggi dengan min 4.87. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam minat pelajar mengikut jantina di Johor ($p = .007$, $p < .05$). Terdapat perbezaan yang ketara dalam pencapaian mata pelajaran Fizik mengikut jantina di Johor ($p = .003$, $p < .05$) dan tiada hubungan yang ketara antara minat dan pencapaian mata pelajaran Fizik mengikut jantina di Johor ($r = .24$).

The purpose of this study is to investigate, for each gender in Johor, the relationship between academic achievement and students' interest in Physics. This survey involved 60 respondents in total, 30 of whom were form 4 male students and 30 of whom were form 4 female students from two schools in the Johor area. The instrument of investigation used in this study was a Likert-scaled questionnaire with 10 questions that investigate about interest in physics. According to the results of the study, Johor students' interest in Physics is relatively strong, with a mean score of 3.52. The survey also discovered that Johor students had a high achievement level in Physics, with a mean score of 4.87. The investigation further discovered that there was a significant difference in student interest according to gender in Johor ($p = .007$, $p < .05$).There is a significant difference in Physics subject achievement by gender in Johor ($p = .003$, $p < .05$) and there is no significant relationship between interest and Physics subject achievement by gender in Johor ($r = .24$).

STRATEGI *THINK-PAIR-SHARE* DALAM PENYELESAIAN MASALAH TOPIK HABA

Nur Amira Soleha Binti Nor Aminni & Noorzana Binti Khamis
nuramirasoleha@graduate.utm.my

Cabaran masa depan atau pembelajaran moden menuntut pelajar bukan sahaja menguasai konsep tetapi juga mengembangkan kemahiran penyelesaian masalah terutamanya dalam topik haba. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran penyelesaian masalah dalam topik haba di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah di Johor Bahru serta mengkaji keberkesanan strategi 'Think-Pair-Share' dalam meningkatkan kemahiran tersebut. Kaedah kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan pendekatan ujian pra dan pasca. Sampel kajian terdiri daripada 90 responden yang dipilih dari ketiga-tiga sekolah di sekitar daerah Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap awal penyelesaian masalah pelajar di ketiga buah sekolah adalah sangat lemah pada permulaan kajian. Walau bagaimanapun, hasil ujian pasca menunjukkan peningkatan yang signifikan selepas penerapan strategi 'Think-Pair-Share'. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa kemahiran penyelesaian masalah topik haba pelajar meningkat secara keseluruhan setelah melibatkan strategi tersebut. Oleh itu, strategi 'Think-Pair-Share' terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar dalam topik haba.

Future challenges or modern learning demand that students not only master concepts but also develop problem solving skills especially in heat topics. Therefore, this study aims to examine the level of problem solving skills in the topic of heat among fourth form students in three schools in Johor Bahru as well as examine the effectiveness of the 'Think-Pair-Share' strategy in improving these skills. The research method used is quantitative with a pre-test and post-test approach. The study sample consisted of 90 respondents who were selected from the three schools around the Johor Bahru district. The findings of the study show that the initial level of student problem solving in the three schools was very weak at the beginning of the study. However, the results of the post-test showed a significant improvement after the application of the 'Think-Pair-Share' strategy. In addition, the study also found that students' problem-solving skills on heat topics increased overall after engaging in the strategy. Therefore, the 'Think-Pair-Share' strategy proved to be effective in improving students' problem-solving skills in heat topics.

FAKTOR PERSEKITARAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN 3 YANG MENYUMBANG KEPADA PEMILIHAN ALIRAN STEM

Nur Anissha Najwa Binti Mohd Yusrinor & Nina Diana Binti Nawi
nuranisshanajwa@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui apakah faktor persekitaran pembelajaran dalam kalangan murid tingkatan tiga yang menyumbang kepada pemilihan aliran STEM. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah metodologi penyelidikan. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soalan soal selidik dan soalan tersebut dijawab oleh 50 orang murid tingkatan 3. Soal selidik ini diambil daripada pengkaji Nugent et al. (2015), Kier et al. (2013) dan Buday et al. (2012). Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada murid tingkatan tiga di dua buah sekolah menengah di Johor. Di dalam kajian ini, terdapat tiga faktor persekitaran pembelajaran (ibu bapa, guru dan pengalaman pelajar) yang ingin diukur dan hal ini bertujuan untuk mengetahui faktor manakah yang memberi impak yang besar terhadap minat murid dalam pemilihan aliran STEM. Kajian ini juga mengukur tahap minat murid tingkatan tiga dalam pemilihan aliran STEM. Selain itu, kajian ini juga mengkaji hubungan faktor persekitaran pembelajaran dengan minat murid tingkatan 3 terhadap pemilihan aliran STEM. Hasil data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) VERSI 29.0. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kajian korelasi untuk mengetahui serta memprediksi skor dan hubungan antara dua pembolehubah. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran pembelajaran dari aspek pengaruh guru memberikan pengaruh yang tinggi kepada pemilihan aliran STEM. Bukan itu sahaja, hasil penemuan juga mendapati tahap minat murid dalam pemilihan aliran STEM berada di tahap yang sederhana. Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat di antara faktor persekitaran pembelajaran dari aspek pengaruh guru dan juga tahap minat murid.

The purpose of the study was to determine if the STEM flow choice was influenced by the learning environment characteristics of form three students. The study's methodological approach to research is quantitative. The tools utilised were questionnaire questions, which were answered by 50 form three students. The survey question came from the following researchers: Buday et al. (2012), Kier and al. (2013), and Nugent et al. (2015). The study's intended population is form 3 students from two high schools in Johor. In this study, there are three learning environment factors (parents, teachers and student experience) to be measured and this aims to find out which factors have a major impact on student interest in the selection of STEM streams. The study also measured the level of interest of third-level students in the selection of STEM streams. In addition, the study also examines the relationship of the learning environment factors with the interest of form three students in the selection of STEM flows. The data obtained was analyzed using the

Statistical Package for Social Science (SPSS) VERSI 29.0. The study also uses the design of a correlation study to identify and predict scores and relationships between two variables. The results of the study show that the learning environment factor from the teacher's influence aspect has a high influence on the selection of the STEM flow. Not only that, the findings also found that the level of students' interest in the selection of STEM streams was at a moderate level. In addition, the findings of the study also show that there is a very strong relationship between the factors of the learning environment in terms of the influence of the teacher and also the level of interest of the student.

PERANAN GURU, IBU BAPA DAN RAKAN SEBAYA TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN FIZIK

Nur Ashiqin Binti Mohamad Azmy & Noorzana Binti Khamis
nurashiqin@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji tahap peranan guru, peranan ibu bapa dan peranan rakan sebaya terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik dan hubungan yang signifikan antara perana guru, ibu bapa dan rakan sebaya di sekolah dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi dengan kaedah tinjauan bagi menjawab semua soalan kajian Sampel kajian ini ialah pelajar tingkatan 4 yang mengambil subjek fizik di 2 buah sekolah menengah di negeri Johor yang terdiri daripada 86 orang pelajar. Sampel ini dipilih disebabkan pelajar tingkatan 4 mempunyai pendedahan yang baru berkaitan subjek fizik selepas memilih aliran sains Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap peranan guru, ibu bapa dan rakan sebaya di sekolah terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik adalah di tahap yang sederhana. Terdapat hubungan yang signifikan antara peranan ibu bapa dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik dan terdapat hubungan yang signifikan antara peranan rakan sebaya di sekolah dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik serta tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peranan guru dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik. Oleh itu, guru, ibu bapa dan rakan sebaya memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran fizik.

This study aims to examine the level of the role of teachers, the role of parents and *the role of peers on student achievement in learning physics and the significant relationship between the role of teachers, parents and peers in school with student achievement in learning physics. The research method used in this study is a quantitative method that uses a descriptive and inferential research design with a survey method to answer all the research questions. The sample of this study is form 4 students who take the subject of physics in 2 secondary schools in the state of Johor consisting of 86 people of student. This sample was chosen because the form 4 students had a new exposure to the subject of physics after choosing the science*

stream The findings of the study show that the role of teachers, parents and peers at school on student achievement in learning physics is at a moderate level. There is a significant relationship between the role of parents and student achievement in learning physics and there is a significant relationship between the role of peers in school and student achievement in learning physics and there is no significant relationship between the role of teachers and student achievement in learning physics. Therefore, teachers, parents and peers play an important role in student achievement in learning physics.

TAHAP PENGUASAAN KONSEP PADA SUBTOPIK ELEKTRIK DAN MAGNETIK DALAM KALANGAN GURU PELATIH FIZIK DI UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nur Ayu Marissa Binti Ariffpudin & Marlina Binti Ali
nurayumarissa@garduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji tahap penguasaan konsep dalam kalangan guru pelatih fizik pada subbtopik elektrik dan magnetik. Seramai 39 guru pelatih fizik yang terdiri daripada tahun tiga dan tahun empat daripada Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen yang digunakan untuk mengkaji tahap penguasaan ini ialah Conceptual Survey Electric and Magnetism (CSEM) yang telah dibangunkan oleh Maloney (2001) yang mengandungi 32 soalan objektif. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, min dan sisihan piawai dan ujian-t. Keputusan daripada min dan sisihan piawai bagi keseluruhan tahap penguasaan kandungan adlaah pada tahap memuaskan. Manakala keputusan ujian-t satu sampel menunjukkan bahawa markah ujian pemahaman konsep untuk elektrik dan magnetik merentas jantina adalah pada tahap memuaskan. Kesimpulannya, tahap penguasaan dalam kalangan guru pelatih fizik bagi subtopik elektrik dan magnetik adalah masih lagi pada tahap memuaskan.

This study was conducted to examine the level of mastery of concepts among physics trainee teachers on electrical and magnetic subtopics. A total of 39 physics trainee teachers consisting of third and fourth year students from Universiti Teknologi Malaysia. The instrument used to study this level of mastery is the Conceptual Survey Electric and Magnetism (CSEM) developed by Maloney (2001) which contains 32 objective questions. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics, mean and standard deviation of t-test. Results from the mean and standard deviation for the overall level of mastery of adlaah content at a satisfactory level. While the results of the one-sample t-test show that the conceptual understanding test scores for electricity and magnetics across genders are at a satisfactory level. In conclusion, the level of mastery among physics trainee teachers for electrical and magnetic subtopics is still at a satisfactory level.

CLASSROOM MANAGEMENT AND SENSE OF EFFICACY AMONG PHYSICS PRE-SERVICE TEACHERS

Nur Farihin Amanda Binti Muhammad Razali & Nina Diana Binti Nawi
nurfarihinamanda@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara tahap pengurusan bilik darjah dan tahap efikasi dalam kalangan guru pra-perkhidmatan fizik. Kemahiran pengurusan bilik darjah merupakan salah satu penyumbang kepada pembelajaran dan pengajaran yang berkesan dan kemahiran ini akan memberikan impak yang besar kepada efikasi kendiri guru pra-perkhidmatan. Mereka yang mempunyai kemahiran pengurusan bilik darjah yang baik cenderung mempunyai tahap efikasi yang lebih tinggi, manakala mereka yang mempunyai tahap pengurusan bilik darjah yang lemah cenderung mempunyai tahap efikasi yang rendah. Kajian deskriptif dan korelasi ini telah mengadaptasi Behaviour and Instructional Management Scale dan Teacher Sense of Efficacy Scale. 42 guru pra-perkhidmatan fizik telah dipilih secara persampelan konvenien. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif, analisis korelasi Pearson, dan analisis ujian-t tidak bersandar. Keputusan menunjukkan bahawa guru pra-perkhidmatan fizik mempunyai tahap pengurusan bilik darjah yang tinggi terutamanya dalam pengurusan tingkah laku murid. Guru pra-perkhidmatan fizik juga mempunyai tahap efikasi yang tinggi terhadap pengurusan bilik darjah. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa guru pra-perkhidmatan fizik yang mempunyai pengalaman mengajar selain daripada latihan mengajar mempunyai tahap pengurusan bilik darjah dan tahap efikasi yang lebih rendah berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman mengajar tambahan. Cadangan kajian akan datang, implikasi, dan batasan kajian telah dibincangkan dengan lebih lanjut dalam penyelidikan.

The purpose of this study is to determine the relationship between the level of classroom management and sense of efficacy among physics pre-service teachers. Classroom management skills is one of the contributors to effective teaching and learning and this skill can have a big impact on a pre-service teacher's sense of efficacy. Those with good classroom management skill tend to have higher level of efficacy, while those with poor classroom management tend to have lower level of efficacy. This descriptive and correlation research has adapted the Behaviour and Instructional Management Scale and Teacher Sense of Efficacy Scale. 42 physics pre-service teachers were conveniently selected as the research sample. The data obtained were analysed using descriptive analysis, Pearson correlation analysis, and independent t-test analysis. Result indicated that the physics pre-service teachers have high level of classroom management particularly on behaviour management. The physics pre-service teachers also have high level of sense of efficacy on classroom management. In addition, findings also shows that there is a moderate relationship between the classroom management and sense of efficacy. However, result shows that physics pre-service teachers with additional teaching

experience other that teaching practice have lower level of classroom management and sense of efficacy compared to those without additional teaching experience. Suggestions for future study, implications, and limitations of study were further discussed in this study.

PERSEPSI DAN MOTIVASI GURU PELATIH FIZIK TERHADAP PENDEKATAN GAMIFIKASI DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

Nur Farisya Binti Mohd Nor Wir & Noorzana Binti Khamis
nur.farisya@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap persepsi dan motivasi guru pelatih fizik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap penggunaan pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Gamifikasi, yang melibatkan penggunaan elemenelemen permainan dalam konteks bukan permainan, telah diakui berpotensi meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif di mana soal selidik telah diberikan kepada 52 orang guru pelatih fizik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Analisis data menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap gamifikasi dengan min keseluruhan 3.73. Ini menunjukkan bahawa majoriti guru pelatih mempunyai pandangan yang baik dan percaya bahawa gamifikasi boleh meningkatkan keberkesanan PdPc fizik. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa gamifikasi dapat meningkatkan motivasi guru pelatih melalui elemen-elemen seperti sistem ganjaran, tahap kemajuan dan interaksi sosial dengan min keseluruhan bagi motivasi guru pelatih fizik menggunakan pendekatan gamifikasi adalah 3.71. Analisis korelasi Pearson antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan hubungan yang kuat dengan nilai r=0.879, yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap gamifikasi dan tahap motivasi mereka. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih yang mempunyai persepsi positif terhadap gamifikasi cenderung mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam pengajaran mereka. Penemuan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pendidikan fizik di sekolah dan pusat pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan gamifikasi bukan sahaja meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar, tetapi juga dapat memperkukuhkan proses pengajaran guru. Kajian ini menyarankan agar gamifikasi diterapkan secara lebih meluas dalam kurikulum pendidikan untuk mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik dan berkesan.

This study aims to evaluate the level of perception and motivation of pre-service physics teachers at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) towards the use of gamification in learning and facilitating (PdPc). Gamification, which involves the use of game elements in non-game contexts, has been recognized for its potential to enhance student motivation and engagement. The methodology used in this study is

quantitative, with a questionnaire administered to 52 pre-service phyiscs teachers at UTM. Data analysis reveals that the pre-service teachers have a very positive perception of gamification, with an overall mean score of 3.73. This indicates that the majority of pre-service teachers have a favorable view and believe that gamification can enhance the effectiveness of physics PdPc. The study also shows that gamification can increase pre-service teacher motivation through elements such as reward systems, progress levels, and social interaction, with an overall mean motivation score of 3.71 for pre-service physics teachers using the gamification approach. Pearson correlation analysis between these two variables shows a strong relationship with an r value of 0.879, meaning there is a significant relationship between pre-service physics teachers' perceptions of gamification and their level of motivation. This indicates that pre-service teachers with a positive perception of gamification tend to have high motivation to apply this approach in their teaching. The findings of this study have important implications for physics education in schools and higher education institutions in Malaysia. The study demonstrates that the use of gamification not only increases student motivation and engagement but can also strengthen the teaching process of teachers. This study recommends that gamification be more widely implemented in educational curricula to achieve better and more effective learning outcomes.

THE ROLE OF HUMOR IN LEARNING FORCE AMONG PRIMARY STUDENTS

Nur Hasyifa Binti Chek Hassan & Nor Farahwahidah Binti Abdul Rahman
nurhasyifa@graduate.utm.my

Penggunaan jenaka dalam pengajaran fizik menjadikan pelajar lebih bermotivasi, berminat dalam kelas, dan kurang cemas. Namun begitu, persepsi umum dalam kalangan pelajar ialah fizik merupakan subjek yang mencabar dan tidak menarik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan humor dalam pembelajaran Daya dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Kajian ini menggunakan penyelidikan berasaskan reka bentuk menggunakan Successive Approximation Model (SAM). Sampel kajian adalah seramai 35 orang murid darjah enam di salah sebuah sekolah rendah di Johor Bahru, dan 13 orang guru pakar dalam bidang pendidikan rendah sains. Penyelidikan menghasilkan modul pembelajaran dalam bentuk komik menggunakan Teori Pemprosesan Humor Instruksional (IHPT), berdasarkan analisis keperluan yang dijalankan ke atas penglibatan kognitif, emosi dan tingkah laku pelajar dalam pembelajaran Daya menggunakan bahan konvensional (seperti buku teks). Data yang dikumpul daripada pakar telah dianalisis menggunakan nombor kabur segi tiga dan pemeringkatan setiap pembolehubah dikenal pasti menggunakan proses defuzzifikasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pakar menerima semua elemen dan mendapat konsensus yang kuat di kalangan kumpulan pakar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan modul pembelajaran ‘Merungkai Rahsia

Daya' dapat meningkatkan minat dan penglibatan murid-murid sekolah rendah darjah enam dalam subjek Sains.

The use of humor in teaching physics makes students more motivated, interested in the class, and less anxious. However, a common perception among students is that physics is a challenging and uninteresting subject. The aim of this research is to investigate the role of humor in learning Force among primary school students. The study employed design-based research using Successive Approximation Model (SAM). The sample of the research were 35 sixth-grade students in one of primary schools in Johor Bahru, and 13 expert teachers from science primary educational field. The research produced a learning module in the form of comic using Instructional Humor Processing Theory (IHPT), based on the needs analysis that conducted on students' cognitive, emotional and behavioural engagement in learning Force using conventional materials (such as textbooks). The data collected from the experts were analyzed using the triangular fuzzy number and the ranking of each variable was identified using defuzzification process. The findings of the study show that the experts accepted all the elements and obtain a strong consensus among the expert group. The result revealed that the development of learning module 'Merungkai Rahsia Daya' could enhance the interest and engagement of sixth grade primary school students in the subject of Science.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN PROGRAM PENGAJIAN FIZIK DALAM KALANGAN PRASISWAZAH

Nursyahirah Binti Ralimon & Nor Farahwahidah Binti Abdul Rahman
irasyahirah06@gmail.com

Bilangan pelajar yang memilih Fizik sebagai pengkhususan utama semakin berkurangan disebabkan oleh pendekatan guru dan kesukaran mata pelajaran tersebut. Wanita juga cenderung mempunyai rasa minat yang kurang dalam Fizik, yang boleh menjejaskan motivasi dan kegigihan mereka dalam bidang ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan program pengajian Fizik di peringkat universiti dalam kalangan pelajar prasiswazah menggunakan teori Tingkah Laku Terancang (TPB) oleh Ajzen (1991). Kajian tinjauan ini melibatkan 80 orang responden dalam kalangan pelajar prasiswazah di Insitutisi Pengajian Tinggi (IPT) di bahagian Selatan Malaysia iaitu negeri Johor. Soal selidik yang diaptasi daripada kajian lepas (Salleh, 2013; Alam et al., 2021; Khalik dan Abdul Talib, 2022) digunakan untuk mengukur sikap terhadap Fizik, faktor sosial (jantina, ibu bapa, guru dan rakan), faktor maklumat (pengetahuan dan pengalaman) dan niat pelajar prasiswazah dalam memilih program pengajian Fizik di peringkat universiti. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor maklumat iaitu pengalaman merupakan faktor utama yang mempengaruhi niat pelajar prasiswazah dalam memilih program pengajian Fizik di

peringkat universiti dengan nilai min tertinggi iaitu 3.47. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, faktor sosial, faktor maklumat dengan niat pelajar prasiswazah memilih program pengajian Fizik.

The decreasing number of students opting for physics as their major specialization is attributed to teaching approaches by educators and the perceived difficulty of the subject. Women also tend to have less interest in physics, which can affect their motivation and persistence in this field. Therefore, this study was conducted to examine the factors influencing the choice of physics study programs at the universiti level among undergraduate students using the Theory of Planned Behavior (TPB) by Ajzen (1991). This survey study involved 80 respondents among undergraduate students at an Institution of Higher Learning (IPT) in the southern part of Malaysia, specifically in the state of Johor. A questionnaire adapted from previous studies (Salleh, 2013; Alam et al., 2021; Khalik and Abdul Talib, 2022) was used to measure attitudes towards physics, social factors (gender, parents, teachers, and peers), information factors (knowledge and experience), and the intention of undergraduate students in choosing physics study programs at the universiti level. The findings of the study indicated that information factors, particularly experience, are the primary influences on the intention of undergraduate students in selecting physics study programs at the universiti level, with the highest mean value of 3.47. Additionally, the study findings demonstrated significant relationships between attitudes, social factors, information factors, and the intention of undergraduate students to choose physics study programs.

PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN BAKAL GURU FIZIK PADA ERA PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Nurul Atiqah Binti Zahar & Nor Farahwahidah Binti Abdul Rahman
atiqah-01@graduate.utm.my

Kajian ini mengkaji tahap Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan Fizik, Pengetahuan Pedagogi Kandungan dan Pengetahuan Pembelajaran Abad Ke-21. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang dijalankan keatas bakal guru-guru Fizik yang terdiri daripada pelajar tahun tiga dan tahun empat yang mengikuti kursus Pendidikan Fizik di salah sebuah institusi selatan Malaysia. Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi memperoleh dapatan kajian. Sampel bakal guru yang terlibat berjumlah 40 orang iaitu 14 lelaki dan 26 perempuan. Kajian ini menggunakan perisian Statistical Package for the Social Windows (SPSS) versi 22 untuk menganalisis data kajian. Hasil analisis mendapati tahap pengetahuan pedagogi kandungan dan tahap pengetahuan PAK-21 berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara Pengetahuan Pedagogi Kandungan dengan Pengetahuan PAK-21. Walaubagaimanapun terdapat juga beberapa komponen dalam Pengetahuan

Pedagogi Kandungan dan Pengetahuan PAK-21 yang berada pada tahap yang tinggi. Kajian yang lebih mendalam harus dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan profesionalisme dan amalan guru dalam kalangan guru Fizik di sekolah menengah Malaysia.

This study examines the levels of Pedagogical Knowledge, Physics Content Knowledge, Pedagogical Content Knowledge, and 21st Century Learning Knowledge. It is a quantitative study conducted on prospective Physics teachers who are third- and fourth-year students enrolled in a Physics Education course at an institution in southern Malaysia. The study utilized a questionnaire to collect data. The sample involved 40 prospective teachers, comprising 14 males and 26 females. The data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22. The analysis revealed that the levels of Pedagogical Content Knowledge and 21st Century Learning Knowledge were at a moderate level. The study also found a significant relationship between Pedagogical Content Knowledge and 21st Century Learning Knowledge. However, there were also several components within Pedagogical Content Knowledge and 21st Century Learning Knowledge that were at a high level. More in-depth research should be enhanced in efforts to improve the professionalism and practices of Physics teachers in Malaysian secondary schools.

TAHAP PENGUASAAN MATEMATIK DAN TAHAP PENGUASAAN PENYELESAIAN MASALAH FIZIK

Nurul Faizah Binti Ahmad & Marlina Binti Ali
faizah01@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan Matematik dan tahap penguasaan penyelesaian masalah Fizik di kalangan pelajar sekolah menengah. Setelah itu, hubungan antara kedua-dua tahap penguasaan ini juga dikenal pasti. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kuantitatif yang melibatkan sejumlah 100 pelajar Tingkatan 4 yang mengambil aliran sains di empat buah sekolah menengah di Johor Bahru. Ujian Matemmatik dan Ujian Fizik digunakan sebagai instrumen bagi mengukur tahap penguasaan pelajar dalam Matematik khusus bagi topik akgebra dan tahap penguasaan penyelesaian masalah Fizik khusus bagi topik Daya dan Gerakan I. Hasil analisis yang dijalankan mendapati tahap penguasaan Matematik dan tahap penguasaan Fizik adalah berada pada tahap yang sederhana. Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan postif yang kuat dan signifikan antara tahap penguasaan Matematik dan tahap penguasaan penyelesaian masalah Fizik dengan nilai $r = 0.901$ dan $p < 0.005$. Implikasi kajian mencadangkan penambahbaikan dalam pendekatan pengajaran untuk memperkukuhkan penguasaan Matematik bagi membantu pelajar menguasai konsep Fizik dengan lebih baik. Kajian juga mencadangkan supaya guru memberikan perhatian yang lebih

terhadap kelemahan pelajar dalam Matematik untuk meningkatkan pencapaian dalam Fizik.

This study aims to identify the level of mathematics proficiency and physics problem solving proficiency among secondary school students. Additionally, the relationship between these two proficiencies was also examined. The study employed a descriptive quantitative method involving 100 Form 4 science stream students from four secondary schools in Johor Bahru. Mathematics and Physics Tests were used as instruments to measure students' proficiency in mathematics, specifically in the topic of algebra, and their physics problem-solving proficiency, specifically in the topic of Forces and Motion I. The analysis results indicated that both mathematics proficiency and physics proficiency were at a moderate level. Pearson correlation test showed a strong and significant positive relationship between mathematics proficiency and physics problem-solving proficiency, with a value of r = 0.901 and p < 0.005. The study's implications suggest improvements in teaching approaches to strengthen mathematics proficiency to help students better grasp physics concepts. The study also recommends that teachers pay more attention to students' weaknesses in mathematics to enhance their achievement in physics.

DEVELOPMENT OF COMIC-BASED PHYSICS LEARNING MODULE IN LINEAR MOTION GRAP

Omega June Robert & Nor Farahwahidah Binti Abdul Rahman
robert01@graduate.utm.my

Enrolmen pelajar dalam STEM telah menjadi isu di Malaysia selama bertahun-tahun. Isu ini khususnya dilihat dalam Fizik kerana konsep abstrak mata pelajaran ini menjadikannya mencabar untuk difahami oleh pelajar. Graf Gerakan Linear merupakan salah satu topik yang diperkenalkan dalam kurikulum Fizik Tingkatan 4. Topik ini merangkumi analisis, pentafsiran dan penukaran graf gerakan linear. Walau bagaimanapun, pelajar didapati bergelut dalam mempelajari topik ini. Selain itu, kekurangan media pengajaran yang menarik digunakan dalam pembelajaran graf gerakan linear menyebabkan pelajar kurang minat terhadap topik ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kebolehlaksanaan modul Fizik berasaskan komik dalam meningkatkan pemahaman konsep dan motivasi pelajar. Reka bentuk penyelidikan reka bentuk dan pembangunan telah dilaksanakan dan modul Fizik berasaskan komik, iaitu Adventuring Linear Motion Graph with Teacher Hannah dibangunkan menggunakan Model Penghampiran Berturut-turut (SAM). Seramai 43 orang pelajar Tingkatan 4 SMK Kangkar Pulai dan 11 orang guru pakar dalam bidang pendidikan Fizik telah menyertai penyelidikan ini. Penyelidikan ini membangunkan modul Fizik berasaskan komik selepas menjalankan analisis keperluan terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran Graf Gerakan Linear menggunakan komik. Konsensus pakar yang diperolehi dianalisis menggunakan Kaedah Fuzzy-Delphi (FDM). Hasil analisis ini menunjukkan bahawa semua pakar

mempunyai persetujuan umum tentang kebolehlaksanaan komik sebagai modul pembelajaran yang dapat meningkatkan pemahaman konsep dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Graf Gerakan Linear. Penyelidikan masa depan harus menilai kebolehgunaan modul pembelajaran berasaskan komik merentas bidang subjek dan tahap gred yang berbeza.

The enrolment of students in STEM has been an issue in Malaysia for years. This issue is particularly seen in Physics as the abstract concept of this subject makes it challenging for students to grasp. Linear Motion Graph is one of the topics that is introduced in the Physics Form 4 curriculum. This topic covers the analysis, interpreting and conversion of linear motion graphs. However, students were found to be struggling in learning this topic. Moreover, the lack of interesting instructional media used in learning linear motion graphs has caused students to have less interest in this topic. This research aims to examine the feasibility of comic-based Physics modules in enhancing students' conceptual understanding and motivation. A design and development research design were implemented and a comic-based Physics module, namely, Adventuring Linear Motion Graph with Teacher Hannah was developed using the Successive Approximation Model (SAM). 43 Form 4 students from SMK Kangkar Pulai and 11 expert teachers from the Physics education field participated in this research. This research developed a comic-based Physics module after conducting a need analysis on students' motivation in learning Linear Motion Graph using comics. The experts' consensus obtained was analysed using the Fuzzy-Delphi Method (FDM). The results of this analysis shows that all the experts have a general agreement on the feasibility of the comic as a learning module that can enhance students' conceptual understanding and motivation in learning Linear Motion Graphs. Future research should assess the applicability of comic-based learning modules across different subject areas and grade levels.

THE EFFECTIVENESS OF INQUIRY BASED LEARNING (IBL) ON STUDENTS' PERFORMANCE IN PHYSICS LEARNING

Racheal Rebecca A/p Valiappen & Marlina Binti Ali
racheal.rebecca@graduate.utm.my

Kajian ini menyelidiki keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) dalam meningkatkan pemahaman murid tentang topik 2.7 Impuls dan Daya Impuls dalam Fizik. Walaupun ramai murid masih merasakan Fizik sebagai subjek yang mencabar, kajian ini meneroka potensi Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) sebagai strategi untuk meningkatkan prestasi murid dan mengurangkan kesukaran ini. Kajian ini dijalankan di kalangan murid Fizik Tingkatan 4, yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah pengajaran tradisional, manakala kumpulan rawatan diajar menggunakan kaedah IBL. Instrumen kajian yang digunakan adalah set soalan ujian pra dan ujian pasca objektif yang direka untuk mengukur pemahaman konseptual murid tentang topik

tersebut. Ujian ini terdiri daripada 15 soalan objektif, yang disusun mengikut tahap Taksonomi Bloom, memastikan pengukuran yang komprehensif terhadap pemahaman dan aplikasi topik oleh murid. Data yang dikumpulkan daripada ujian pra dan ujian pasca dianalisis menggunakan SPSS versi 29.0. Analisis melibatkan ujian-t sampel berpasangan untuk menunjukkan perbezaan purata antara skor ujian pra dan ujian pasca. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam skor dari ujian pra ke ujian pasca untuk kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan. Walau bagaimanapun, kumpulan rawatan, yang diajar menggunakan kaedah IBL, menunjukkan peningkatan skor yang lebih besar berbanding kumpulan kawalan, yang diajar menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Selanjutnya, nilai N-Gain, yang mengukur peningkatan relatif dari ujian pra ke ujian pasca, dikira untuk kedua-dua kumpulan. Nilai N-gain untuk kumpulan kawalan adalah 0.444, manakala untuk kumpulan eksperimen, ia lebih tinggi iaitu 0.619. Ini menunjukkan peningkatan relatif yang lebih besar dalam kumpulan rawatan, yang selanjutnya menyokong keberkesanan kaedah IBL. Dapatan kajian ini menyokong penggabungan IBL dalam pendidikan Fizik untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam fizik.

This study investigates the effectiveness of Inquiry-Based Learning (IBL) in enhancing students' understanding of the topic 2.7 Impulse and Impulsive Force in Physics. While many students continue to find Physics a challenging subject, this study explores the potential of Inquiry-Based Learning (IBL) as a strategy to enhance student performance and alleviate these difficulties. The research was conducted among Form 4 physics students, divided into a control group and an experimental group. The control group was taught using traditional teaching methods, while the experimental group was taught using the IBL method. The research instruments used were a set of objective pre-test and post-test questions designed to measure students' conceptual understanding of the topic. The tests consisted of 15 objective questions, structured according to Bloom's Taxonomy levels, ensuring a comprehensive measure of the students' understanding and application of the topic. The data collected from the pre-test and post-test were analyzed using SPSS version 29.0. Furthermore, the N-Gain values, which measure the relative improvement from the pre-test to the post-test, were calculated for both groups. The N-gain value for the control group was 0.444, while for the experimental group, it was higher at 0.619. This indicates a greater relative improvement in the experimental group, further supporting the effectiveness of the IBL method. The analysis involved paired-sample t-tests to highlight the mean difference between the pre-test and post-test scores. The results of the study revealed a significant improvement in scores from the pre-test to the post-test for both the control and experimental groups. However, the experimental group, which was taught using the IBL method, showed a greater increase in scores compared to the control group, which was taught using the traditional teaching method. The t-test values for both groups were significant, indicating that the improvements in both groups were statistically significant. However, the t-value was higher for the experimental group, suggesting that the improvement was greater in the experimental group. The findings

of this study support the incorporation of IBL in Physics education to increase students' performance in physics.

HUBUNGAN DI ANTARA KEBIMBANGAN FIZIK DAN PRESTASI FIZIK DALAM KALANGAN MURID

Siti Aisah Binti A.Rahman & Nina Diana Binti Nawi
siti.aisah@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji hubungan antara kebimbangan Fizik murid dan prestasi Fizik murid di Johor. Penyelidik menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif untuk menjalankan kajian ini. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan fizik di kalangan murid, mengkaji tahap kebimbangan Fizik dan prestasi Fizik dalam kalangan murid dan untuk menentukan hubungan antara kebimbangan fizik dengan prestasi akademik pelajar. Untuk mengukur kebimbangan yang dialami murid dalam Fizik, menggunakan soal selidik kebimbangan Fizik yang diubah suai, yang terdiri daripada 24 soalan. Soal selidik ini mempunyai skala penilaian daripada +1 (kebimbangan minimum) hingga + 5 (kebimbangan sangat tinggi). Seramai 41 orang murid telah menyertai kajian ini. Keputusan untuk kajian ini dibentangkan dalam bentuk angka dan peratusan. Dapatan menunjukkan bahawa, terdapat kebimbangan Fizik dalam kalangan murid pendidikan Fizik di Johor dan kebimbangan terhadap kursus, ujian dan kekurangan pengetahuan Fizik adalah antara faktor yang menyumbang kepada kebimbangan Fizik dalam kalangan murid. Akhir sekali, terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan Fizik dan prestasi Fizik murid di Johor yang bermaksud murid yang mengalami kebimbangan negatif akan berprestasi rendah berbanding murid yang mempunyai kebimbangan positif.

This study was conducted to examine the relationship between students' Physics anxiety and students' Physics performance in Johor. The researcher used a descriptive survey design to conduct this study. The purpose of the study is to identify the factors that cause Physics anxiety among students, examine the level of Physics anxiety and Physics performance among students and to determine the relationship between physics anxiety and students' Physics Performance. To measure students' anxiety in Physics, using a modified Physics anxiety questionnaire, which consists of 24 questions. This questionnaire has a rating scale from +1 (strongly disagree) to +5 (strongly agree). A total of 41 students participated in this study. The results for this study are presented in the form of figures and percentages. Findings show that there is Physics anxiety among students in Johor and anxiety about courses, tests and lack of Physics knowledge are among the factors that contribute to concern about Physics among students. Finally, there is a significant relationship between Physics anxiety and students' Physics performance in Johor which means that students who experience negative anxiety will perform lower than students who have positive anxiety.

KANDUNGAN ILMU ASAS FIZIK DALAM TEKNOLOGI DRON

Suhaidah Binti Hamid & Fatin Aliah Phang Binti Abdullah
suhaidahhamid6@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kandungan ilmu asas Fizik dalam teknologi dron. Teknologi dron dipilih kerana skop penggunaannya yang kian meluas dalam pelbagai sektor seperti industri, pendidikan, ketenteraan dan pertanian (Aqidah et al., 2021). Kajian ini akan berfokus dalam skop pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dimana kaedah yang digunakan adalah analisis dokumen, soal selidik terbuka dan temu bual pakar. Analisis dokumen merujuk kepada analisis DSKP Fizik Tingkatan 4 dan 5 untuk mencari bab-bab yang berhubungkait dengan dron. Pengesahan maklumat hasil analisis ini pula dilakukan melalui soal selidik terbuka kepada pakar dron. DSKP merupakan dokumen standard yang digunakan oleh pihak sekolah sebagai panduan dalam merangka pembelajaran subjek Fizik. Selain itu, temu bual keatas dua orang pakar dron terdiri daripada pensyarah universiti awam dan juga guru sekolah menengah. Latar belakang pakar ini boleh dirujuk pada Jadual 3.1. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pandangan pakar berkaitan ilmu asas Fizik dalam dron. Daripada dapatan kajian ini, pengkaji dapat menyenaraikan topik asas Fizik yang tidak berkaitan, kurang berkaitan dan banyak dikaitkan dalam dron berdasarkan dapatan analisis dokumen dan pandangan pakar. Seorang pakar kesahan protokol telah dilantik untuk menilai protokol temubual sama ada membantu dalam menjawab persoalan kajian ataupun tidak. Berdasarkan hasil kajian didapati bahawa topik yang tiada kaitan dengan dron adalah Fizik Kuantum dan Fizik Nuklear manakala topik yang kurang berkaitan adalah Haba, Gelombang, Cahaya dan Optik, Keelektromagnetan (Aruhan Elektromagnet), Elektrik (Tenaga dan Kuasa Elektrik) serta topik yang banyak disentuh dalam dron adalah Daya dan Gerakan 1 (Inersia,Momentum,Daya, Impuls, Tekanan (Prinsip Bernoulli), Elektrik (Arus dan Beza Keupayaan,Rintangan). Implikasi kajian ini adalah pencetusan idea kepada kajian lanjutan seperti penyelidikan berkaitan strategi pembelajaran yang sesuai dalam pembelajaran Fizik serta pembinaan modul pembelajaran Fizik melalui dron. Kata kunci : kandungan asas Fizik, teknologi dron, analisis dokumen DSKP Fizik Tingkatan 4 dan 5, pandangan pakar dron

This study aims to identify the basic knowledge of Physics in drone technology. Drone technology was chosen because of its widening scope of use in various sectors such as industry, education, military and agriculture (Aqidah et al., 2021). This study will focus on the scope of education. This study uses a qualitative approach where the methods used are document analysis, open questionnaires and expert interviews. Document analysis refers to the analysis of Form 4 and 5 Physics DSKP to find chapters related to drones. Confirmation of the information from this analysis is done through an open questionnaire to drone experts. DSKP is a standard document used by the school as a guide in designing the learning of Physics subjects. In addition, interviews with two drone experts consisted of public university lecturers and high school teachers. The background of these experts can be referred

*to in Table 3.1. The purpose is to get expert views related to the basic science of Physics in drones. From the findings of this study, the researcher was able to list the basic Physics topics that are not related, less related and much related in drones based on the findings of document analysis and expert views. A protocol validity expert was appointed to evaluate the interview protocol whether it helped in answering the research questions or not. Based on the results of the study it was found that the topics that have nothing to do with drones are Quantum Physics and Nuclear Physics while the less related topics are Heat, Waves, Light and Optics, Electromagnetism (Electromagnetic Induction), Electricity (Energy and Electric Power) as well as topics that are touched on a lot in drones are Force and Motion 1 (Inertia, Momentum, Force, Impulse, Pressure (Bernoulli's Principle), Electricity (Current and Potential Difference, Resistance). The implication of this study is the initiation of ideas for further studies such as research related to appropriate learning strategies in learning Physics as well as the construction of Physics learning modules through drones. Keywords : basic content of Physics, drone t*echnology, document analysis of DSKP Physics Form 4 and 5 , drone expert's view

HUBUNGAN PEMIKIRAN KRITIS DAN PENCAPAIAN AKADEMIK MATA PELAJARAN FIZIK DALAM KALANGAN PELAJAR FIZIK TINGKATAN 4 DI SEKOLAH TUN FATIMAH

Thian Swee Huan & Fatin Aliah Phang Binti Abdullah
thianhuan@graduate.utm.my

This study is a survey on the level of Quranic knowledge among students at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The Quran is a miracle bestowed upon the followers of Prophet Muhammad (SAW) as a guide for the lives of all Muslims. The correct recitation of the Quran with proper Tajweed and Tartil not only provides spiritual rewards but also has a positive impact on life, such as inner peace and noble personal character. However, the virtues of reading the Quran cannot be fully realized if there are weaknesses in Quranic knowledge, causing individuals not to incorporate Quranic recitation into their daily lives. This study aims to identify the level of Quranic knowledge among UTM students, determine the factors contributing to the lack of Quranic knowledge among students, and identify steps to enhance students' Quranic knowledge. The research design is quantitative. The researcher used descriptive analysis using the Statistical Package for Social Science (SPSS) 29.0 for Windows. The target sample for this study comprises 137 final-year (fourth-year) students from the School of Education (SOE) at Universiti Teknologi Malaysia. The mean score for the level of Quranic knowledge among UTM students is high (Mean = 4.01). The mean score for the factors contributing to the lack of Quranic knowledge among students recorded a high mean score (Mean = 4.00). The mean score for the steps to enhance Quranic knowledge among students showed a very high mean score (Mean = 4.59). Therefore, the researcher suggests that the university further promotes Quranic culture among UTM students so that graduates not only excel academically but also possess excellent Quranic knowledge.

AMALAN MAHASISWA/I UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP MENUNAIKAN E-ZAKAT FITRAH KONTEMPORARI

Muhammad Firdaus Bin Abu Talib & Sulaiman Bin Kadikon.
firdaus98@graduate.utm.my

Kajian ini merupakan satu tinjauan berkenaan Amalan mahasiswa/i Universiti Teknologi Malaysia terhadap menunaikan e-zakat fitrah kontemporari. Sedia maklum bahawa zakat fitrah kebiasaannya akan dilakukan oleh mereka yang sudah berumah tangga. Akan tetapi tidak menjadi penghalang untuk mahasiswa/i tidak mengetahui kefahaman asas mengenai zakat fitrah dan peralihan trend pembayaran daripada bersemuka kepada atas talian. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman mahasiswa/i UTM terhadap pembayaran zakat fitrah, faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan mereka dalam menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah kontemporari, serta kesan penggunaan pembayaran e-zakat fitrah.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang mengandungi 32 soalan, penggunaan persampelan bertujuan dan kemudian populasi terdiri dari kalangan pelajar tahun 1 hingga 4 Sekolah Fakulti Pendidikan UTM bagi sesi 2023/2024. Seramai 269 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Data diperoleh melalui soal selidik yang dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package of Social Sciences (SPSS) versi 29.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Skor min tahap kefahaman mahasiswa/i UTM terhadap zakat fitrah mencatatkan min yang tinggi iaitu (min = 4.25). Skor min bagi faktor-faktor mahasiswa/i UTM menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah kontemporari ialah (min = 4.71), manakala kesan kesan penggunaan pembayaran e-zakat fitrah ialah (min = 4.67) yang mana kesemuanya mendapat skor min yang tinggi. Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dihuraikan dalam bentuk jadual. Ini menyimpulkan bahawa penggunaan e-zakat fitrah memberikan kesan positif terhadap kepatuhan mahasiswa/i dalam menunaikan tanggungjawab zakat. Oleh itu, kajian ini menyarankan agar pihak universiti memperkenalkan lebih banyak program pendidikan dan sokongan teknikal untuk memperkasakan penggunaan e-zakat fitrah di kalangan mahasiswa/i.

This study is a survey regarding the practices of Universiti Teknologi Malaysia (UTM) students in performing contemporary e-zakat fitrah. It is well known that zakat fitrah is usually performed by those who are already married. However, this does not prevent students from understanding the basic knowledge of zakat fitrah and the transition of payment trends from face-to-face to online. This study aims to measure the level of understanding among UTM students regarding the payment of zakat fitrah, the factors influencing their inclination to use contemporary methods of zakat fitrah payment, and the impact of using e-zakat fitrah payment methods. This study employs a quantitative research design using a questionnaire as the research instrument containing 32 questions, with purposive sampling and the population consists of first to fourth-year students from the School of Faculty of Education at UTM for the 2023/2024 session. A total of 269 respondents participated in this study. Data were obtained through questionnaires analyzed descriptively using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 29.0 to obtain frequencies, percentages, and means. The mean score for UTM students' understanding of zakat fitrah recorded a high mean (mean = 4.25). The mean score for factors influencing UTM students to use contemporary zakat fitrah payment methods was (mean = 4.71), while the impact of using e-zakat fitrah payment was (mean = 4.67), all of which received high mean scores. The data obtained in this study were described in tabular form. This concludes that the use of e-zakat fitrah has a positive impact on students' compliance in fulfilling their zakat obligations. Therefore, this study suggests that the university should introduce more educational programs and technical support to enhance the use of e-zakat fitrah among students.

KERELEVENAN METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR KUIJSI

Muhammad Nasreen Bin Muhammad Shah & Abdul Hafiz Bin Abdullah
muhammadnasreen11@gmail.com

Metodologi pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran merupakan aspek penting dalam melahirkan pelajar dan masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia. Keberkesanan metodologi ini dapat membantu pelajar memahami dan menghayati kandungan al-Quran dengan lebih mendalam. Sejajar dengan itu, penyelidikan ini dilakukan adalah untuk menilai sejauh mana metodologi pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran membantu pelajar dalam memahami tafsir al-Quran, mengenali konteks sejarah dan asbabun nuzul ayat-ayat, serta meningkatkan keberkesanan penggunaan contoh-contoh praktikal. Responden yang diambil sebagai sampel kajian adalah terdiri daripada 48 orang pelajar dari pelajar yang mengambil subjek tafsir al-Quran di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) yang terdiri daripada pelajar diploma tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, pendidikan Islam dan diploma Usuluddin. Set soal selidik telah dibentuk bagi mendapatkan maklumat dan data responden yang mana ia dibahagikan kepada 4 bahagian. Sebanyak 30 item telah disediakan termasuk maklumat latar belakang responden. Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan SPSS versi 29.0. Analisa statistik deskriptif kekerapan, peratus dan min digunakan dalam tatacara menganalisa data. Dapatan kajian menunjukkan metodologi pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran ini banyak membantu pelajar dalam memahami kandungan dan konteks al-Quran. Pencapaian skor yang sederhana tinggi menunjukkan hubungkait yang signifikan antara metodologi pengajaran tafsir al-Quran dengan keberkesanan pemahaman pelajar dalam pengajian tafsir al-Quran. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pelajar dan semua yang terlibat dalam mempertingkatkan pencapaian dalam semua aspek pada masa akan datang.

The methodology of teaching and learning the study of al-Quran interpretation is an important aspect in producing students and society who are knowledgeable and have noble morals. The effectiveness of this methodology can help students understand and appreciate the content of the Quran more deeply. In line with that, this research was conducted to evaluate the extent to which the teaching and learning methodology of Qur'anic interpretation helps students in understanding the interpretation of the Qur'an, recognizing the historical context and asbabun nuzul verses, as well as increasing the effectiveness of the use of practical examples. The respondents who were taken as a study sample consisted of 48 students from students who took the subject of al-Quran interpretation at Johor Sultan Ibrahim Islamic University College (KUIJSI) consisting of tahfiz al-Quran wa al-Qiraat diploma students, Islamic education and Usuluddin diploma students . A set of questionnaires has been formed to obtain information and data from respondents which is divided into 4 parts. A total of 30 items have been prepared including the respondent's

background information. The data obtained was analyzed using SPSS version 29.0. Descriptive statistical analysis of frequency, percentage and mean is used in the data analysis procedure. The findings of the study show that this teaching and learning methodology of al-Quran interpretation helps students a lot in understanding the content and context of the Al-Quran. The achievement of moderately high scores shows a significant relationship between the methodology of teaching tafsir al-Quran and the effectiveness of student understanding in the study of tafsir al-Quran. The results of this study are expected to help students and all those involved in improving achievement in all aspects in the future.

TAHAP PENGETAHUAN ASAS BAHASA ARAB TERHADAP PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Muhammad Wasiq Bin Mohd Shukry & Idris Bin Ismail
wasiqshukry3@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap pengetahuan asas bahasa Arab terhadap pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) dengan Kepujian di Universiti Teknologi Malaysia. Penyataan masalah yang dihadapi adalah penguasaan bahasa Arab yang rendah di kalangan pelajar program ini, meskipun ia adalah bahasa penting untuk memahami teks agama utama. Terdapat tiga objektif utama yang diusulkan: (1) mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar menguasai bahasa Arab, (2) mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai bahasa Arab, dan (3) mengenal pasti tahap kemahiran pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Metodologi kajian ini melibatkan kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar tahun 1 hingga tahun 4 program ini. Data yang dikumpul dianalisis untuk menentukan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar dan masalah- masalah yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa minat pelajar dalam menguasai bahasa Arab dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti motivasi dalaman, sokongan pensyarah, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Namun begitu, pelajar juga menghadapi pelbagai masalah termasuk kekurangan bahan rujukan yang relevan, kaedah pengajaran yang tidak efektif, dan kurangnya peluang untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab secara praktikal. Tahap kemahiran pelajar dalam bahasa Arab didapati masih pada tahap sederhana, dengan kebanyakan pelajar menunjukkan kelemahan dalam kemahiran bertutur dan menulis. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar, termasuk meningkatkan jumlah dan kualiti bahan rujukan, memperbaiki kaedah pengajaran, dan menyediakan lebih banyak peluang untuk berinteraksi dalam bahasa Arab melalui program pertukaran pelajar dan sesi praktikal. Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai tahap penguasaan asas bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) dengan Kepujian di Universiti

Teknologi Malaysia, dan membantu pihak yang bertanggungjawab untuk memperbaiki kelemahan yang ada dalam sistem pembelajaran bahasa Arab.
This study aims to determine the basic proficiency level of Arabic language among Bachelor of Education (Islamic Studies) with Honors students at Universiti Teknologi Malaysia. The problem statement addressed is the low proficiency in Arabic among students of this program, despite it being an essential language for understanding primary religious texts. Three main objectives are proposed: (1) to identify the factors that motivate students to master Arabic, (2) to identify the problems faced by students in mastering Arabic, and (3) to determine the proficiency level of students in Arabic. The methodology of this study involves a survey distributed to students from the first to the fourth year of this program. The collected data was analyzed to determine the relationship between the factors influencing students' interest and the challenges they face in learning Arabic. The findings show that students' interest in mastering Arabic is influenced by various factors such as internal motivation, support from lecturers, and a conducive learning environment. However, students also face several issues, including a lack of relevant reference materials, ineffective teaching methods, and limited opportunities to practice speaking Arabic. The proficiency level of students in Arabic was found to be at a moderate level, with most students showing weaknesses in speaking and writing skills. Based on these findings, this study suggests several measures to enhance Arabic language proficiency among students, including increasing the quantity and quality of reference materials, improving teaching methods, and providing more opportunities for interaction in Arabic through student exchange programs and practical sessions. Finally, it is hoped that this study can provide a clearer understanding of the basic proficiency level of Arabic among Bachelor of Education (Islamic Studies) with Honors students at Universiti Teknologi Malaysia and assist the responsible parties in addressing the deficiencies in the Arabic language learning system.

PENGUASAAN PELAJAR TERHADAP BACAAN NUN SAKINAH DAN TANWIN DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN DI MAAHAD TAHFIZ AL-IMAN TAMAN UNIVERSITI, SKUDAI

Nor Ayuni Binti Mohd Rahim & Abdul Hafiz Bin Abdullah
nurrayuni78@gmail.com

Penggunaan hukum tajwid dalam pembelajaran al-Quran merupakan salah satu dari tuntutan supaya setiap orang islam mempelajari dan mengamalkannya. Oleh sebab itu, kajian berkaitan penguasaan pelajar terhadap bacaan nun mati dan tanwin dalam pembelajaran al-Quran mendapat perhatian penyelidik. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Maahad Tahfiz Al-Iman Taman Universiti, Skudai Johor Bahru Johor. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penguasaan nun mati dan tanwin dalam pembacaan al-Quran, mengenal pasti keberkesanan kaedah pembelajaran nun mati dan tanwin dalam meningkatkan kemahiran

membaca al-Quran dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pelajar tahfiz dalam membaca al-Quran mengikut hukum tajwid. Seramai 48 orang pelajar dari tingkatan 1,2, 3 dan 4 di MTI yang terlibat dalam kajian ini. Penyelidik telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences for Window (SSPS Version 29.0 for windows) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap penggunaan nun mati dan tanwin dalam pembelajaran al-Quran adalah sangat baik dan positif iaitu nilai min 4.11. Sementara itu, dapatan kajian bagi keberkesanan kaedah pembelajaran nun mati dan tanwin dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Quran juga berada pada tahap min yang tinggi iaitu 4.00. Akhir sekali, dapatan kajian bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pelajar tahfiz dalam membaca al-Quran mengikut hukum tajwid iaitu nilai min 4.3. Daripada kajian ini, penyelidik dapat memberikan cadangan kepada pihak-pihak yang berkaitan sebagai penambahbaikan untuk rujukan akan datang.

The use of tajwid law in learning the Quran is one of the demands that every Muslim learn and practice it. For this reason, studies related to students' mastery of reciting nun mati and tanwin in learning the Qur'an have received the attention of researchers. This study was conducted on the students of Maahad Tahfiz Al-Iman Taman Universiti, Skudai Johor Bahru Johor. This study was conducted with the aim of identifying students' perceptions of the mastery of nun mati and tanwin in reciting the Qur'an, identifying the effectiveness of teaching methods of nun mati and tanwin in improving the skills of reading the Qur'an and identifying factors that affect the ability of tahfiz students in reading Al-Quran follows the law of tajwid. A total of 48 students from level 1,2, 3 and 4 at MTI involved in this study. The researcher has used a questionnaire method to obtain information. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences for Windows software (SSPS Version 29.0 for windows) to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The results of the study show that overall the students' perception of the use of nun mati and tanwin in learning the Quran is very good and positive, which is a mean value of 4.11. Meanwhile, the findings of the study for the effectiveness of nun mati and tanwin learning methods in improving Quran reading skills are also at a high mean level of 4.00. Finally, the findings of the study for the factors that affect the ability of tahfiz students in reading the Qur'an according to the law of tajwid, which is a mean score of 4.3. From this study, researchers can provide recommendations to related parties as improvements for future reference.

SUMBANGAN AKTIVITI KOKURIKULUM KEPADA PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Norazmah Binti Yunus & Ahmad Muhyuddin B. Hj.hassan
norazmah98@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan aktiviti kokurikulum kepada pencapain akademik pelajar. Kajian ini dilakukan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, di Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSH),Pengkaji memilih 80 orang responden dari kalangan Pelajar Pendidikan Sains Sukan, terdiri dari pelajar tahun satu dan tahun akhir. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti jenis aktiviti kokurikulum yang diminati oleh pelajar, menilai sejauhmana kesan aktiviti kokurikulum terhadap pencapaian akademik pelajar, serta mengemukan pendekatan yang sesuai untuk memupuk minat pelajar agar aktiviti kokurikulum mampu menyumbang pencapaian akademik yang baik.Pendekatan kajian yang digunakan adalah kuantitatif, dengan penggunaan borang soal selidik dalam bentuk Google Form untuk pengumpulan data dari responden. Analisis data dilakukan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0. Hasil analisis menunjukkan nilai alpha Cronbach keseluruhan sebanyak 0.939, menunjukkan kebolehpercayaan instrumen kajian yang tinggi.Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum yang diminati oleh pelajar UTM mendapat penilaian sangat tinggi dengan purata 4.29. Selain itu, terdapat juga hubungan yang sangat signifikan antara kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik pelajar, yang diberi penilaian 4.51. Langkah-langkah pendekatan untuk memupuk minat pelajar agar aktif dalam kokurikulum, yang membantu meningkatkan pencapaian akademik, mendapat penilaian sangat tinggi dengan nilai minimum 4.68. Dalam kajian ini juga, penyelidik telah menyediakan beberapa cadangan bagi pohak yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dala aktiviti kokurikulum yang dapat membantu mencapaian akademik pelajar yang lebih memberangsangkan.

This study aims to examine the contribution of extracurricular activities to students' academic achievement. The research was conducted at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, in the Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSH). The researcher selected 80 respondents from the Sports Science Education students, consisting of first-year and final-year students. The purpose of this study is to identify the types of co-curricular activities preferred by students, to assess the extent of the impact of co-curricular activities on students' academic achievement, and to propose appropriate approaches to foster students' interest so that co-curricular activities can contribute positively to academic success.A quantitative approach was used, with data collected through a Google Form questionnaire. Data analysis was performed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0. The results showed an overall Cronbach's alpha value of 0.939, indicating high reliability of the research instrument. The findings revealed that UTM students highly rated their interest in extracurricular activities with an

average score of 4.29. Additionally, there was a very significant relationship between extracurricular activities and students' academic achievement, with a score of 4.51. Approaches to foster student interest in participating in extracurricular activities, which help improve academic achievement, received a very high rating with a minimum score of 4.68. The researcher also provided several recommendations for relevant parties to take action to further enhance the effectiveness of extracurricular activities in improving students' academic performance.

PERSEPSI MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM UTM DALAM MENGAPLIKASIKAN GAMIFIKASI BAGI MEREALISASIKAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) ABAD KE-21

Nur Aimi Wahida Binti Mohd Soffa & Abdul Basit Bin Samat @ Darawi
nuraimiwahida@graduate.utm.my

Kajian ini membincangkan gamifikasi dalam konteks Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 yang bertujuan meningkatkan kemahiran berfikir dan pengetahuan pelajar, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Integrasi gamifikasi dalam PdPc terbukti efektif dalam mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan, serta meningkatkan sikap pembelajaran dan prestasi pelajar melalui pelbagai platform dan permainan digital. Namun, penggunaan gamifikasi dalam PdPc abad ke-21 menghadapi cabaran seperti kekurangan minat pelajar terhadap pendekatan pengajaran tradisional dan kekangan dalam mengintegrasi teknologi. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa Pendidikan Pengajian Islam berkaitan konsep PdPc Pendidikan Islam abad ke-21 (Teori 4C1V), aspek teknologi dalam penggunaan gamifikasi (Teori Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan, TPACK), persepsi terhadap gamifikasi dan kesediaan mereka dalam melaksanakan PdPc menggunakan gamifikasi. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 126 orang mahasiswa pendidikan Pengajian Islam tahun satu hingga empat secara rawak dan data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan mahasiswa terhadap konsep 4C1V (min=0.82), teori TPACK (min=0.83), persepsi terhadap gamifikasi (min=4.62), dan kesediaan mengaplikasikan gamifikasi (min=0.97) berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, penting untuk mengetahui persepsi mahasiswa Pendidikan Pengajian Islam UTM mengenai pengaplikasian gamifikasi dalam PdPc abad ke-21 sebagai persediaan untuk merealisasikan PdPc Pendidikan Islam yang berkesan.

This study discusses gamification in the context of 21st-century Learning and Facilitation (PdPc) aimed at enhancing students' thinking skills and knowledge, in line with the Malaysia Education Blueprint (2013-2025). The integration of gamification in PdPc has proven effective in creating more engaging and impactful

learning experiences, as well as improving students' learning attitudes and performance through various platforms and digital games. However, the use of gamification in 21st-century PdPc faces challenges such as students' lack of interest in traditional teaching approaches and constraints in integrating technology. This study aims to identify the level of knowledge of Islamic Education students regarding the concept of 21st-century Islamic Education PdPc (4C1V Theory), the technological aspects of using gamification (Technological Pedagogical Content Knowledge, TPACK Theory), their perceptions of gamification, and their readiness to implement PdPc using gamification. This quantitative study used a questionnaire distributed randomly to 126 Islamic Education students from first to fourth year, and the data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29. The results of the study show that the students' level of knowledge regarding the 4C1V concept (mean=0.82), TPACK theory (mean=0.83), perceptions of gamification (mean=4.62), and readiness to apply gamification (mean=0.97) are at a high level. Therefore, it is important to understand the perceptions of UTM Islamic Education students regarding the application of gamification in 21st-century PdPc as preparation for realizing effective Islamic Education PdPc.

PERSEPSI BAKAL GURU SEKOLAH PENDIDIKAN TERHADAP PELAKSANAAN PENGGUNAAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) DALAM PENDIDIKAN

Nur Ainul Wahidah Binti Nordin & Aminudin Bin Hehsan
nurainulwahidah@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi bakal guru Sekolah Pendidikan UTM, Johor Bharu dalam pelaksanaan Teknologi Artificial Intelligence (AI) dalam pendidikan. Di samping itu, kajian ini ini juga dibuat untuk mengkaji tahap pengetahuan serta tahap Kemahiran bakal guru terhadap penerapan teknologi AI dari sudut Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Seramai 171 bakal guru iaitu mahasiswa Tahun 4 dari Sekolah Pendidikan sebagai sampel kajian yang mana telah selesai menjalani Latihan Mengajar serta telah mempunyai pengalaman dalam pengurusan sewaktu kelas. Kajian adalah berbentuk deskriptif dan ditafsirkan secara kuantitatif dan borang soal selidik telah digunakan sebagai instrument kajian yang mengandungi 21 item soalan yang diedarkan melalui link google form kepada responden. Skala Likert digunakan untuk mendapatkan maklumat dimana soalan-soalan yang dikemukakan adalah dijawab berdasarkan skor soalan. Data yang diperoleh di dalam soal selidik dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSSv) untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan nilai t-test. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, persepsi bakal guru terhadap pelaksaan AI dalam Pendidikan berada pada tahap tinggi. Namun demikian, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi bagi membolehkan untuk merealisasikan Hasrat negara untuk menerapkan penggunaan AI dalam Pendidikan. Oleh itu, di akhir

kajian ini, penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan sebagai rujukan kepada pihak terlibat bagi meningkatkan kemahiran sama ada bakal guru atau guru yang sedang berkhidmat di sekolah.

The purpose of this study is to determine the perceptions of prospective teachers at the UTM School of Education in Johor Bharu on the implementation of Artificial Intelligence (AI) Technology in education. Furthermore, this study was conducted to assess prospective instructors' knowledge and skills in the application of AI technology from the perspective of Teaching and Learning (PdP). As a research sample, 171 prospective teachers from the School of Education's Year 4 program who have completed Teaching Training and classroom management experience were used. The study is descriptive and quantitative, with a questionnaire of 21 question items given to respondents using a Google form link. A Likert scale is used to obtain information where the questions presented are answered based on the question score. The data obtained in the questionnaire was analysed by using the Statistical Package for the Social Science (SPSSv) to obtain frequency, percentage, mean and t-test values. Based on the findings, the perception of prospective teachers towards the implementation of AI in Education is at a high level. However, there are several challenges that need to be overcome in order to realize the country's desire to implement the use of AI in Education. As a result, at the conclusion of this study, the researcher has made some recommendations for the parties concerned to improve the skills of prospective teachers or current instructors in the school.

PENGUASAAN PENULISAN JAWI DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN 4, SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

Nur Alya Binti Baharum & Abd. Rahman Bin Hj Hamzah
alya00@graduate.utm.my / nuralya286@gmail.com

Kajian ini menumpukan kepada "Penguasaan Penulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) Dengan Kepujian". Kajian lepas menunjukkan kurangnya kesedaran dan sokongan terhadap tulisan Jawi, menyebabkan kesulitan penguasaan di kalangan pelajar kerana pengajaran yang terlalu bergantung pada buku teks dan kurang menarik minat. Kajian ini bertujuan mengetahui persepsi kepentingan penulisan Jawi dalam kalangan pelajar SHPI, tahap kemampuan mereka menulis Jawi dengan betul, serta kaedah terbaik untuk menguasainya. Seluruh populasi kajian terdiri daripada 30 pelajar SHPI, yang dipilih kerana mereka akan menamatkan pembelajaran dan telah mempelajari subjek Khat dan Jawi di tahun 4. Kajian menggunakan soal selidik dan data sokongan temu bual bagi perbincangan kepada 3 pensyarah kanan Akademi Tamadun Islam, UTM. Data soal selidik dianalisis menggunakan SPSS Versi 29.0 dan statistik deskriptif. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf. Kebolehpercayaan soal selidik dinilai dengan nilai alpha Cronbach sebanyak 0.837. Hasil kajian menunjukkan persepsi kepentingan penulisan Jawi dalam kalangan pelajar SHPI

pada tahap tinggi dengan min 4.76. Tahap kemampuan pelajar SHPI menulis Jawi dengan betul juga menunjukkan hasil yang positif. Kaedah terbaik menguasai tulisan Jawi memperoleh min 4.50. Rumusan kajian menunjukkan pelajar tahun 4 SHPI di UTM memiliki kesedaran tinggi tentang pentingnya tulisan Jawi dan kemahiran menulis yang baik. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran serta sokongan dari institusi dan pengajar penting untuk meningkatkan penguasaan mereka. Cadangan termasuk melibatkan diri dalam aktiviti tambahan, meningkatkan modul pengajaran dan infrastruktur pembelajaran, dan kajian lanjutan menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan dan keberkesanan kaedah pengajaran tulisan Jawi. Kesimpulannya, meningkatkan penguasaan penulisan Jawi memerlukan usaha yang berterusan dari semua pihak yang terlibat.

This study focuses on "Mastery of Jawi Writing Among 4th Year Bachelor of Education (Islamic Studies) Students with Honors." Previous research has shown a lack of awareness and support for Jawi script, leading to difficulties in mastery among students due to teaching methods that rely too heavily on textbooks and fail to engage interest. This study aims to understand the perception of the importance of Jawi writing among SHPI students, assess their ability to write Jawi correctly, and identify the best methods for mastering it. The study population consists of 30 SHPI students, chosen because they are nearing graduation and have studied the subject of Khat and Jawi in their fourth year. The study employs questionnaires and supporting data from interviews with three senior lecturers from the Academy of Islamic Civilization, UTM. The questionnaire data is analyzed using SPSS Version 29.0 and descriptive statistics. The findings are presented in tables and graphs. The reliability of the questionnaire is evaluated with a Cronbach's alpha value of 0.837. The results show that the perception of the importance of Jawi writing among SHPI students is high, with a mean of 4.76. The students' ability to write Jawi correctly also shows positive results. The best methods for mastering Jawi script achieved a mean score of 4.50. The study concludes that 4th-year SHPI students at UTM have a high awareness of the importance of Jawi writing and demonstrate good writing skills. The use of technology in learning and support from institutions and instructors is crucial to enhancing their mastery. Recommendations include engaging in additional activities, improving teaching modules and learning infrastructure, and conducting further research on factors influencing mastery and the effectiveness of teaching methods for Jawi script. In conclusion, improving Jawi writing proficiency requires ongoing efforts from all involved parties.

TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR PENDIDIKAN PENGAJIAN ISLAM (SHPIH) UTM MENGENAI DARAH WANITA.

Nur Asyikin Binti Mohd Tahir & Bushrah Binti Basiron
asyikin00@graduate.utm.my

Masalah berkaitan darah wanita, khususnya haid dan istihadah, terus menjadi perbahasan dalam kalangan ilmuwan dan masyarakat tempatan. Bahkan, ramai ulama besar melakukan kesilapan dalam isu ini. Tambahan pula, masih terdapat guru Pendidikan Islam yang kurang memahami dan sering salah faham mengenai ilmu berkaitan darah wanita. Sekiranya mereka tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang isu ini, akan menyebabkan pelajar menerima ilmu yang tidak tepat daripada pendidik mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar Pendidikan (Pengajian) Islam di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru berkaitan dengan konsep haid dan istihadah menurut pandangan Mazhab Syafie. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman pelajar terhadap perkara-perkara yang dilarang sewaktu haid dan istihadah. Dengan itu, reka bentuk kajian ini dijalankan secara kuantitatif di mana seramai 97 orang pelajar tahun satu hingga empat dijadikan sampel kajian daripada 126 populasi pelajar Pendidikan (Pengajian) Islam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences for Window (SPSS for Window) version 29.0. Satu set soal selidik yang mengandungi 33 item soalan telah dikaji dan diuji kebolehpercayaannya melalui kajian rintis dan memperolehi nilai Alpha Cronbach = 0.847. Dapatan kajian dipaparkan dalam bentuk jadual kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman pelajar berkaitan konsep haid dan istihadah pada tahap tinggi iaitu 4.30 manakala pemahaman pelajar berkaitan perkara yang dilarang sewaktu haid dan istihadah pada tahap sederhana iaitu 2.85. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai pemahaman yang baik dan positif namun, masih terdapat beberapa pelajar yang kurang memahami konsep serta masih keliru dengan perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah. Susulan daripada dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan beberapa tindakan untuk membantu meningkatkan kefahaman terhadap permasalahan darah wanita.

The issue concerning women's blood, specifically menstruation and istihadah, continues to be a topic of discussion among scholars and the local community. Even many great scholars make mistakes on this issue. Additionally, there are still Islamic Education teachers who lack understanding and often misunderstand the knowledge related to women's blood. If they do not have a clear understanding of this issue, it will result in students receiving inaccurate knowledge from their educators. Therefore, this study was conducted to identify the level of understanding of Islamic Education (Studies) students at Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, regarding the concepts of menstruation and istihadah according to the Shafi'i School of Thought. Furthermore, this study also aims to examine the students' understanding of the prohibitions during menstruation and istihadah. Hence, this

study was designed quantitatively where a sample of 97 first to fourth-year students was selected from a population of 126 Islamic Education (Studies) students. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences for Windows (SPSS for Windows) version 29.0 software. A set of questionnaires containing 33 items was examined and tested for reliability through a pilot study, obtaining a Cronbach's Alpha value of 0.847. The findings of the study are presented in the form of frequency tables, percentages, means, and standard deviations. The results showed that the level of understanding among the students regarding the concept of menstruation and istihadah was high, at 4.30, while the students' understanding of the prohibitions during menstruation and istihadah was moderate, at 2.85. This indicates that most students have a good and positive understanding; however, some students still lack understanding of the concepts and are confused about the prohibitions during menstruation and istihadah. Following these findings, the researchers suggest several actions to help improve understanding regarding women's blood issues.

TAHAP KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN TERHADAP BATAS-BATAS SYARAK DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN PENGAJIAN ISLAM (SHPI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nur Ellisha Binti Irfangi & Bushrah Binti Basiron
nurellisha@graduate.utm.my

Kajian ini merupakan suatu tinjauan untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap batas-batas syarak. Kajian ini dilakukan kepada Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam Universiti Teknologi Malaysia. Tinjauan ini juga bertujuan untuk mendapat maklumbalas mengenai konsep pergaulan bebas dan batas aurat, pengetahuan pelajar tentang pergaulan bebas dan batas aurat dan pengamalan pelajar terhadap batas-batas syarak. Sampel kajian ini terdiri daripada 97 orang pelajar lelaki dan perempuan dari Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam Universiti Teknologi Malaysia. Set soal selidik mengandungi 26 item telah diedarkan kepada responden dan di analisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min dengan menggunakan perisian Statistical Package Social Science (SPSS) 29.0 for Windows. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah alpha 0.831. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kefahaman dan pengamalan yang baik terhadap batas-batas syarak. Di akhir kajian, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

This study is a survey aimed at identifying students' understanding of the boundaries of Shariah. The study was conducted among the Bachelor of Education in Islamic Studies students at Universiti Teknologi Malaysia. The survey also aims to gather feedback on the concepts of free interaction and the boundaries of aurat, students' knowledge about free interaction and the boundaries of aurat, and their practice of

Shariah boundaries. The sample of this study consisted of 97 male and female students from the Bachelor of Education in Islamic Studies at Universiti Teknologi Malaysia. A set of questionnaires containing 26 items was distributed to the respondents and analyzed descriptively to obtain frequency, percentage, and mean values using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0 for Windows. The reliability of the questionnaire was alpha 0.831. The results showed that the majority of students have a good level of understanding and practice regarding the boundaries of Shariah. At the end of the study, the researcher made several recommendations to certain parties. Further research is also suggested for future investigations.

TABIAT SUKA BERTANGGUH DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nur Husna Nazihah Binti Mohamad Azmi & Akmaliza Binti Abdullah
husnazihah25@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk memahami sikap suka bertangguh dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sikap suka bertangguh adalah tindakan menunda atau melengahkan tugas yang sepatutnya diselesaikan pada waktu yang ditetapkan, dan ia telah dikenal pasti sebagai masalah yang meluas di kalangan pelajar universiti. Dalam konteks pengurusan masa, cara seseorang mengendalikan masa adalah lebih penting daripada jumlah masa yang ada, dan pengurusan masa yang berkesan dapat membantu pelajar mencapai kejayaan akademik serta kesejahteraan hidup. Namun begitu, ramai pelajar menghadapi kesukaran dalam mengurus masa, sering terganggu oleh gajet, dan mengalami keraguan diri, yang menyumbang kepada sikap suka bertangguh. Kajian ini mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong sikap suka bertangguh, seperti kurangnya disiplin diri, sikap sambil lewa, dan kesukaran mengatur jadual pembelajaran.

This study aims to understand procrastination among Bachelor of Islamic Studies students at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Procrastination is the act of postponing or delaying tasks that should be completed by a specified time, and it has been identified as a widespread problem among university students. In the context of time management, the way a person handles time is more important than the amount of time available, and effective time management can help students achieve academic success and well-being in life. However, many students face difficulties in managing time, are often distracted by gadgets, and experience self-doubt, which contributes to procrastination. This study identified several factors that encourage procrastination, such as lack of self-discipline, careless attitude, and difficulty in organizing learning schedules.

FAKTOR-FAKTOR DAYA TARIKAN MAHASISWA TERHADAP PROGRAM KEROHANIAN PUSAT ISLAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nur Insheerah Humairaa Binti Mohd Nadzim & Nur Najwa Hanani Binti Abd Rahman
nurinsheerahhumairaa@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menilai faktor-faktor daya tarikan mahasiswa terhadap program kerohanian yang dijalankan oleh Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini mengkaji konsep program kerohanian dari perspektif Islam, mengenalpasti tahap kehadiran mahasiswa, dan mengukur tahap pemahaman mereka terhadap program-program tersebut. Selain itu, kajian ini menganalisis faktor-faktor utama yang mempengaruhi minat mahasiswa untuk menghadiri program kerohanian di Pusat Islam UTM. Data dikumpul melalui kaedah survei dan dianalisis secara kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor seperti kandungan program, penceramah, serta suasana program memainkan peranan penting dalam menarik minat mahasiswa. Cadangan untuk penambahbaikan program kerohanian termasuk memperkaya kandungan program dengan isu-isu semasa dan meningkatkan keterlibatan penceramah yang lebih dinamik dan berpengalaman. Kajian ini memberikan pandangan yang berguna bagi Pusat Islam UTM dalam merancang dan melaksanakan program-program kerohanian yang lebih efektif dan menarik.

This study aims to evaluate the factors that attract students to the spiritual program conducted by the Islamic Center of Universiti Teknologi Malaysia (UTM). This study examines the concept of spiritual programs from an Islamic perspective, identifies the level of student attendance, and measures their level of understanding of the programs. In addition, this study analyzes the main factors that influence the interest of students to attend the spiritual program at the UTM Islamic Center. Data was collected through a survey method and analyzed quantitatively. The results of the study show that factors such as program content, speakers, and program atmosphere play an important role in attracting students' interest. Suggestions for improving the spiritual program include enriching the program content with current issues and increasing the involvement of more dynamic and experienced speakers. This study provides useful insights for the UTM Islamic Center in planning and implementing more effective and interesting spiritual programs.

PERANAN IBADAH BAGI MENANGANI GEJALA ANXIETY DALAM KALANGAN MAHASISWA

Nur Insyirah Binti Rosli & Siti Norlina Bt Muhamad
insyirah-01@graduate.utm.my

Masalah kesihatan mental kini berada di kedudukan kedua sebagai isu kesihatan utama di Malaysia selepas penyakit jantung. Justeru itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk membantu pesakit mental dalam kalangan belia khususnya melalui aspek spiritual. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan mahasiswa terhadap penyakit anxiety. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa Pendidikan Islam UTM terhadap faktor berlakunya anxiety dan untuk mengkaji kesan ibadah dalam membantu mahasiswa menangani gejala anxiety. Justeru itu, seramai 97 orang responden telah diambil daripada mahasiswa Pendidikan Islam UTM sebagai sampel kajian. Set soal selidik yang mempunyai 30 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara diskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan nilai min. Nilai kebolehpercayaan item ini adalah $\alpha = 0.942$. Pada akhir kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pelbagai pihak untuk membantu golongan belia dalam menangani gejala anxiety. Secara ringkasnya, kajian ini penting dan memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam memahami anxiety dan membantu pesakit anxiety menjalani kehidupan seharian dengan baik. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan akan datang.

Mental health issues are now ranked second as a major health concern in Malaysia, following heart disease. Therefore, various parties need to play a role in helping young people with mental health issues, particularly through spiritual aspects. This study aims to examine university students' knowledge of anxiety disorders. It also seeks to identify the perceptions of Islamic Education students at UTM regarding the factors contributing to anxiety and to study the effect of religious practices in helping students manage anxiety symptoms. Consequently, a total of 97 respondents were selected from UTM Islamic Education students as the study sample. A set of questionnaires containing 30 items was distributed to the respondents and analyzed descriptively to obtain frequency, percentage, and mean values. The reliability value of these items is $\alpha = 0.942$. At the end of this study, the researcher has presented several recommendations to various parties to help young people cope with anxiety symptoms. In summary, this study is important and beneficial to various stakeholders in understanding anxiety and assisting anxiety patients in leading their daily lives well. Further research is also suggested for future studies.

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAKSANAAN PAK-21 SIRAH DI SEKOLAH MENENGAH DI SKUDAI, JOHOR BAHRU

Nur Saidatul Najihah Binti Mohd Rashid & Muhammad Talhah Bin Jima'ain
nursaidatulnajihah@gradute.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk melihat Persepsi Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pelaksanaan pengajaran Sirah di sekolah menengah di Skudai, Johor Bahru. Kajian ini meliputi aspek sejarah pengajaran dan pembelajaran Sirah, keperluan pembelajaran Sirah dalam kurikulum pendidikan Islam, konsep-konsep pengajaran Sirah yang diperincikan kepada teknik-teknik yang digunakan oleh GPI dalam pelaksanaan pengajaran Sirah serta faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran Sirah. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan deskriptif dengan mengumpul data melalui instrumen kajian yang telah disesuaikan mengikut konteks pengajaran Sirah. Data yang diperoleh daripada sejumlah responden GPI yang mewakili pelbagai latar belakang akademik dan pengalaman mengajar di Skudai, Johor Bahru. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 29.0. Analisis deskriptif dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai, dan kekerapan bagi setiap item soal selidik. Analisis korelasi juga turut dilaksanakan bagi tujuan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah dengan demografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik-teknik pengajaran Sirah yang digunakan adalah berdasarkan kepada PAK21 menunjukkan kepada tahap yang tinggi. Namun, terdapat beberapa teknik yang bertahapa sederhana iaitu teknik yang menggunakan *Augmented Reality* (AR). Ini akan membantu meningkatkan kualiti pendidikan Islam di sekolah menengah, dengan penekanan kepada pengembangan kurikulum yang lebih relevan dan efektif terhadap keperluan pelajar serta perkembangan pendidikan global masa kini.

This study aims to know the perceptions of Islamic Education Teachers (GPI) regarding the implementation of Sirah teaching in secondary schools in Skudai, Johor Bahru. The study covers the historical aspects of Sirah teaching and learning, the necessity of Sirah learning in the Islamic education curriculum, and the concepts of Sirah teaching, which are detailed into the techniques used by GPI in the implementation of Sirah teaching and the factors influencing its implementation. The methodology used in this study is a descriptive approach, with data collected through a tailored research instrument according to the context of Sirah teaching. Data were obtained from a number of GPI respondents representing various academic backgrounds and teaching experiences in Skudai, Johor Bahru. Data analysis was conducted using IBM SPSS Statistics version 29.0. Descriptive analysis was performed to examine the mean, standard deviation, and frequency for each questionnaire item. Correlation analysis was also conducted to examine the relationship between variables and demographics. The study's findings show that the Sirah teaching techniques used based on 21st-century learning (PAK21) indicate a high level. However, some techniques are at a moderate level, such as those using Augmented Reality (AR). This will help improve the quality of Islamic education in

secondary schools, with an emphasis on developing a curriculum that is more relevant and effective to student needs and the current global education trends.

CABARAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP MURID ORANG ASLI DI SEKOLAH KEBANGSAAN TANAH ABANG

Nurathirah Akilah Binti Norizam & Abdul Basit Bin Samat @ Darawi
nurathirahakilah@graduate.utm.my

Kajian ini merupakan suatu tinjauan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam ketika sesi pengajaran terhadap murid Orang Asli. Kajian ini dilakukan kepada guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Tanah Abang, Mersing. Kajian ini juga adalah ingin mendapatkan maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid Orang Asli, cabaran yang dihadapi dan teknik pengajaran yang digunakan menurut perspektif guru. Sampel kajian terdiri daripada 3 orang guru Pendidikan Islam di mana terdapat 5 soalan yang diajukan berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian. Soalan-soalan tersebut dianalisis menggunakan kaedah tematik di mana terdapat beberapa langkah-langkah yang perlu diambil. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi beberapa cabaran ketika mengajar subjek Pendidikan Islam terhadap murid Orang Asli. Di akhir kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

The study is a survey to identify the challenges faced by Islamic Education teachers during teaching sessions with Orang Asli students. This research was conducted with Islamic Education teachers serving at Sekolah Kebangsaan Tanah Abang, Mersing. The study also aims to gather information regarding the factors influencing the achievement of Orang Asli students, the challenges faced, and the teaching techniques used from the teachers' perspective. The study sample consists of 3 Islamic Education teachers, with 5 questions posed based on the study's objectives and questions. These questions were analyzed using thematic methods where several steps need to be taken. The findings show that teachers face several challenges when teaching the subject of Islamic Education to Orang Asli students. At the end of this study, the researcher presents several suggestions to certain parties. Further research is also recommended for future studies.

PENGURUSAN BAHAN BANTU MENGAJAR GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH TUN FATIMAH, JOHOR BAHRU

Nurliana Natasya Binti Johanis & Nurazmallail Bin Marni
nurliananatasya@graduate.utm.my

Kajian ini mengkaji pengurusan bahan bantu mengajar dalam konteks pendidikan Islam di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru. Penggunaan bahan bantu mengajar adalah elemen penting yang dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan agama. Pendekatan kajian yang digunakan adalah deskriptif dengan menggunakan tinjauan dan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Objektif kajian ialah mengenal pasti kaedah pengurusan sedia ada, mengidentifikasi cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan Islam dalam menguruskan bahan bantu mengajar, serta mengukur tahap keberkesanan pengurusan tersebut terhadap pencapaian pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian NVivo untuk menggali pemahaman yang mendalam melalui analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa, walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan sumber dan penyesuaian kurikulum, pengurusan bahan bantu mengajar di Sekolah Tun Fatimah telah terbukti sistematik dan berkesan dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Implikasi kajian ini meliputi cadangan untuk penambahbaikan sistem pengurusan bahan bantu mengajar serta perlunya sokongan yang lebih baik bagi guruguru dalam konteks pendidikan Islam. Kajian ini memberi sumbangan kepada literatur pengurusan pendidikan dan menjadi rujukan penting bagi pihak sekolah dan pemegang kepentingan dalam meningkatkan kualiti pendidikan Islam di Malaysia.

This study examines the management of teaching aids in the context of Islamic education at Tun Fatimah School, Johor Bahru. The use of teaching aids is an important element that can improve the quality of teaching and learning in religious education. The research approach used is descriptive by using surveys and interviews as data collection methods. The objective of the study is to identify existing management methods, identify the challenges faced by Islamic education teachers in managing teaching aids, and measure the level of effectiveness of such management on student achievement. Data were analyzed using NVivo software to dig deeper into understanding through thematic analysis. The results of the study show that, despite challenges such as lack of resources and curriculum adaptation, the management of teaching aids at Tun Fatimah School has proven to be systematic and effective in supporting the teaching and learning process. The implications of this study include suggestions for improving the management system of teaching aids as well as the need for better support for teachers in the context of Islamic education. This study contributes to the education management literature and is an important reference for schools and stakeholders in improving the quality of Islamic education in Malaysia.

PELAKSANAAN DAN FAKTOR PENYEBAB PENGABAIAN SOLAT FARDHU DALAM KALANGAN MAHASISWA SEKOLAH PENDIDIKAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nurul Af Idah Binti Zakaria & Nur Najwa Hanani Binti Abd Rahman
nurulafidah@graduate.utm.my

Solat fardhu adalah merupakan salah satu ibadah yang sangat penting yang perlu dilakukan oleh setiap mukallaf. Penyelidikan yang dibuat ini adalah untuk melihat sejauh mana pemahaman reponden terhadap ibdah solat fardhu ke atas seorang muslim yang mukallaf. Responden bagi penyelidikan ini adalah daripada mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Sekolah Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Selain itu, penyelidikan ini juga dibuat untuk melihat sejauh mana tahap pengamalan bagi mahasiswa muslim tersebut dalam melakukan ibadah solat fardhu. Kajian ini juga mempunyai tiga bahagian yang dikaji iaitu pemahaman solat fardhu, pelaksanaan dan juga faktor kepada pengabaian solat fardhu keatas seorang muslim. Jumlah bagi keseluruhan sampel yang diambil adalah seramai 250 orang daripada 792 orang mengikut kepada jadual Krechjie dan Morgan. Dalam penyelidikan ini pengkaji telah menggunakan soal selidik sebagai instumen kajian dan menggunakan statisti deskriptif bagi mendapatkan nilai min, kekerapan, sisihan piawai dan peratusan bagi sesebuah item. Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa respondem mempunyai pengetahuan yang baik dalam pemahaman dalam solat dan mendapatkan data min yang berada dalam tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.91. Manakala tahap bagi palaksanaan solat fardhu juga dalam keadaan yang baik dimana min yang diperolehi adalah sebanyak 4.15. Namun, bagi faktor kepada pengabaian soalt fardhu adalah dalam tahap rendah dimana hanya memperolehi 2.53 sahaja. Olehi itu, terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan kepada beberapa pihak yang terlibat yang boleh mengambil Tindakan untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan, Sekolah Pendidikan UTM Skudai.

Fardhu prayer (obligatory prayer) is a crucial act of worship that every mukallaf (responsible adult Muslim) must perform. This research aims to evaluate the respondents' understanding of the obligatory prayers among mukallaf Muslims. The respondents for this study are students from the Faculty of Social Sciences and Humanities, School of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Additionally, the research seeks to assess the extent of the practice of obligatory prayers among these Muslim students. The study examines three main areas: understanding of obligatory prayers, implementation, and factors leading to the neglect of obligatory prayers among Muslims. The total sample size taken is 250 out of 792 individuals, based on the Krejcie and Morgan table. In this research, the researcher utilized a questionnaire as the study instrument and employed descriptive statistics to obtain the mean, frequency, standard deviation, and percentage for each item. The analysis results indicate that respondents have good knowledge and

understanding of prayers, with a high mean score of 4.91. The level of implementation of obligatory prayers is also favorable, with a mean score of 4.15. However, the factors leading to the neglect of obligatory prayers are at a low level, with a mean score of only 2.53. Therefore, several recommendations have been proposed to the relevant parties to take actions to further enhance the practice of obligatory prayers among students of the Faculty of Social Sciences and Humanities, School of Education, UTM Skudai.

KESAN MAKANAN HALAL(TAYYIB) DAN HARAM TERHADAP AKHLAK MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Nurul Izzah Binti Razali & Idris Bin Ismail
izzah01@graduate.utm.my

Kajian ini meneliti kesan makanan halal (tayyib) dan haram terhadap akhlak menurut pandangan Imam al-Ghazali. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji konsep makanan halal dan haram dalam Islam, mengenal pasti hubungan makanan tersebut dengan akhlak individu Muslim serta menganalisis pandangan Imam al-Ghazali mengenai kesan makanan halal (tayyib) dan haram terhadap akhlak seseorang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan tematik, memfokuskan kepada teks dalam kitab-kitab karya Imam al-Ghazali. Pengumpulan data dilakukan melalui pembacaan pustaka dan analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa makanan halal mempunyai kesan positif terhadap tingkah laku, hati, akal fikiran, hawa nafsu, dan ibadah individu Muslim, manakala makanan haram memberi kesan negatif kepada aspek tingkah laku, hati, akal fikiran dan ibadah. Kesimpulannya, pemilihan dan pengambilan makanan yang halal adalah penting untuk membentuk akhlak yang baik dalam kalangan individu Muslim. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan pemakanan halal dan haram dalam Islam dan kesannya terhadap akhlak dan moral setiap individu dalam masyarakat Islam terutamanya kepada pendidik, ibu bapa dan peniaga-peniaga muslim serta membantu perkembangan industri makanan halal di Malaysia.

This study examines the effects of halal (tayyib) and haram food on morals according to the views of Imam al-Ghazali. The main objective of the study is to study the concept of halal and haram food in Islam, identify the relationship between such food and the morals of individual Muslims as well as analyze Imam al-Ghazali's views on the effects of halal (tayyib) and haram food on a person's morals. This study uses a qualitative method with a thematic approach, focusing on the text in the books of Imam al-Ghazali. Data collection is done through literature reading and text analysis. The results of the study show that halal food has a positive effect on the behavior, heart, common sense, lust, and worship of Muslim individuals, while haram food has a negative effect on behavior, heart, common sense and worship. In conclusion, the selection and consumption of halal food is important to form good morals among Muslim individuals. This study is expected to contribute to a deeper

understanding of the importance of halal and haram nutrition in Islam and its impact on the morals and morals of each individual in the Muslim community, especially to educators, parents and Muslim traders as well as help the development of the halal food industry in Malaysia.

TAHAP KESEDIAAN MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN MELALUI *ARTIFICIAL INTELLIGENCE*

Nurul Syamimi Irdiena Binti Muhammad & Aminudin Bin Hehsan
nurulsyamimiirdiena@graduate.utm.my

Kajian ini merupakan suatu tinjauan untuk meneliti tahap kesediaan mahasiswa pendidikan pengajian Islam dalam pelaksanaan pengajaran melalui artificial intelligence (AI). Kajian ini dilakukan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai,Johor Bahru khusus kepada mahasiswa pendidikan pengajian Islam tahun 1 hingga tahun 4. Bagi kajian ini, terdapat tiga objektif yang menjadi tujuan kajian ini dijalankan iaitu pertama, mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa terhadap artificial intelligence (AI). Keduanya, mengukur tahap kemahiran mahasiswa dalam mengintegrasikan kandungan pembelajaran melalui artificial intelligence AI. Ketiga, menganalisis tahap pola kesediaan mahasiswa pendidikan terhadap penggunaan AI dalam pengajaran. Sampel kajian ini terdiri daripada 97 orang mahasiswa lelaki dan perempuan pendidikan pengajian Islam tahun 1 hingga tahun 4. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif yang mana instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik melalui google form. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah alpha 0.940. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menujnukkan bahawa walaupun terdapat kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan AI, terdapat kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengintegrasikan AI dalam pengajaran. Di akhir kajian, pengkaji telah menyarankan beberapa cadangan kepada pihak tertentu. Terdapat kajian lanjutan juga dicadangkan bertujuan memudahkan pengkaji melakukan penyelidikan pada masa akan datang.

This study is a review aimed at examining the readiness level of Islamic Studies education students in implementing teaching through artificial intelligence (AI). The study was conducted at Universiti Teknologi Malaysia,Skudai,Johor Bahru, specifically targeting first to fourth-year Islamic studies education students. There are three objectives of this study first, to identify the students' level of knowledge regarding artificial intelligence (AI) second, to measure the students' skills in integrating learning content through AI and third, to analyze the readiness patterns of Islamic education students in using AI in teaching. The sample consisted of 97 male and female students from first to fourth-year Islamic studies education. The study used a quantitative approach, employing a questionnaire via Google Forms as the instrument. The reliability of the questionnaire was an alpha of 0.940.

Overall, the findings showed that although there is high awareness of the importance of AI, there is a lack of knowledge and skills needed to integrate AI into teaching. At the end of the study, the researcher made several recommendations to relevant parties. Further studies were also suggested to facilitate future research.

KESEDIAAN ASPEK KEJIWAAN MENCEBURI PROFESION PERGURUAN BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN 1 HINGGA 4 SHPI

Qisthuna Najeeyya Binti Zulkiflee & Nasiibah Binti Ramli
qisthunanajeeyya@gmail.com

Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis aspek kesediaan kejiwaan, pengaruh faktor dalaman dan luaran dalam menceburi profesion perguruan bidang pengajian islam. Fokus kajian ini ialah untuk menilai tingkat kesediaan kejiwaan pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UTM, dari tahun 1 hingga 4, dalam konteks memilih karier pengajaran dalam bidang Pengajian Islam, menganalisis pengaruh faktor dalaman seperti motivasi intrinsik, nilai-nilai peribadi, dan kestabilan emosi yang mempengaruhi kesediaan kejiwaan mereka untuk menjadi guru Pengajian Islam, mengkaji impak faktor luaran seperti misi dan visi institusi, suasana pembelajaran, dan tekanan sosial terhadap kesediaan kejiwaan pelajar dalam menceburi profesion perguruan Pengajian Islam. Seramai 38 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Mereka dikehendaki menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Hasil kajian ini menunjukkan didapati bahawa kesediaan kejiwaan pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM untuk menghadapi tugas mengajar di masa hadapan menunjukkan tahap yang positif tahap positif iaitu 4.39. Di akhir kajian beberapa cadangan juga telah dikemukakan sebagai panduan kepada pihak yang tertentu dan sebagai rujukan bagi pengkaji-pengkaji akan datang.

This study was conducted to analyze aspects of psychological readiness, the influence of internal and external factors in entering the teaching profession in the field of Islamic studies. The focus of this study is to assess the level of psychological readiness of Bachelor of Education (Islamic Studies) students at the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities UTM, from year 1 to 4, in the context of choosing a teaching career in the field of Islamic Studies, analyzing the influence of internal factors such as motivation intrinsic, personal values, and emotional stability that affect their psychological readiness to become Islamic Studies teachers, examining the impact of external factors such as the institution's mission and vision, learning atmosphere, and social pressure on students' psychological readiness to enter the teaching profession of Islamic Studies. A total of 38 students were selected as a study sample. They are required to answer the questionnaire that has been distributed. Data was analyzed using Statistical

Package For Social Sciences (SPSS) software. The results of this study show that the psychological readiness of Bachelor of Education (Islamic Studies) students at UTM to face teaching duties in the future shows a positive level of 4.39. At the end of the study, some recommendations have also been presented as a guide to certain parties and as a reference for future researchers.

TAHAP PENGUASAAN BACAAN AL QURAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSH) UTM

Rizuan Bin Nul & Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor
rizuannul5@gmail.com

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan pengetahuan asas bacaan Al Quran dalam kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Kajian ini melibatkan 80 orang pelajar yang berada di tahun akhir. Kajian ini juga melihat persepsi mahasiswa mengenai kepentingan terhadap penguasaan dan pengetahuan asas dalam membaca Al Quran dalam kehidupan seharian mereka sebagai mahasiswa di samping mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan dan pengetahuan asas pelajar dalam bacaan Al Quran. Kaedah kajian atapun metodologi yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini adalah kaedah kuantitatif. Satu soal selidik yang terdiri daripada 4 bahagian iaitu demografi, persepsi terhadap kepentingan tahap penguasaan dan pengetahuan asas dalam membaca Al Quran, Faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan bacaan Al Quran dan akhir sekali menilai tahap penguasaan dan pengetahuan asas bacaan Al Quran. Segala data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS V11.5 (Statistical/ Package for The Social Science) dengan memberi tumpuan kepada kekerapan dan peratusan dan minimum. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bacaan Al Quran pelajar adalah ditahap yang baik dan menguasai asas bacaan Al Quran. Faktor-faktor yang mempengaruhi adalah faktor diri sendiri, faktor ibu, bapa, dan faktor rakan sebaya.selain itu , kajian juga mendapati terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap penguasaan bacaan Al Quran . Sebagai maklum balas terhadap kajian yang dijalankan , pengkaji juga mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.

This study aims to identify the level of mastery and basic knowledge of Al Quran *reading among final year students of the Faculty of Social Sciences and Humanities. This study involves 80 students who are in their final year. This study also looked at students' perceptions of the importance of mastery and basic knowledge in reading the Al Quran in their daily lives as students in addition to identifying the factors that affect students' level of mastery and basic knowledge in reading the Al Quran. The research method or methodology used in carrying out this study is a quantitative method. A questionnaire consisting of 4 parts, namely demographics, perception of*

the importance of the level of mastery and basic knowledge in reading the Al Quran, Factors that affect the level of mastery of reading the Al Quran and finally evaluate the level of mastery and basic knowledge of reading the Al Quran. All data obtained were analyzed descriptively using SPSS V11.5 software (Statistical/ Package for The Social Science) with a focus on frequency and percentage and minimum. The results of the study show that the students' mastery of Al Quran reading is at a good level and master the basics of Al Quran reading. The influencing factors are the personal factors, mother, father, and peer factors. In addition, the study also found that there are several things that need to be done to increase the mastery of reciting Al Quran. As a response to the research conducted, the researcher also put forward suggestions to overcome the problem

TAHAP KESEDARAN MAHSISWA UTM TERHADAP PERANAN BAITUL HIKMAH DALAM MEMBINA TAMADUN ISLAM

Siti Nur Adha Binti Mohd Shah Rizal & Siti Norlina Bt Muhamad
adhashahrizal@gmail.com

Baitul Hikmah, sebagai pusat sumber ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam membina ketamadunan Islam. Walau bagaimanapun fungsi perpustakaan yang berperanan sebagaimana Baitul Hikmah kurang diberi perhatian oleh mahasiswa hari ni. Sebaliknya mereka lebih gemar menggunakan ChatGPT dan lain-lain aplikasi dalam melakukan rujukan penulisan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan Baitul Hikmah dan sumbangan sarjana Islam melalui Baitul Hikmah dalam perkembangan tamadun. Kajian ini juga turut menganalisis tahap integriti mahasiswa dalam melakukan penulisan ilmiah. Kajian ini dilaksanakan secara deskriptif kepada 163 orang mahasiswa tahun akhir Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa mengetahui peranan Baitul Hikmah, sumbangan sarjana Islam dan kepentingan integriti mahasiswa dalam meneroka ilmu yang boleh membina ketamadunan. Impak kajian ini penting kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha meningkatkan kualiti dan penguasaan ilmu yang mantap dalam kalangan pelajar di semua peringkat pengajian.

Baitul Hikmah, as a source of knowledge plays an important role in building Islamic civilization. However, the function of the library which acts as Baitul Hikmah is not given much attention by today's students. On the other hand, they prefer to use ChatGPT and other applications in writing references. The objective of this study is to examine the role of Baitul Hikmah and the contribution of Islamic scholars through Baitul Hikmah in the development of civilization. This study also analyzes the level of integrity of students in doing scientific writing. This study was carried out descriptively to 163 final year students of the Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSH). The findings of this study show that students know the role of

Baitul Hikmah, the contribution of Islamic scholars and the importance of student integrity in exploring knowledge that can build civilization. The impact of this study is important to the Ministry of Education and the Ministry of Higher Education in an effort to improve the quality and mastery of solid knowledge among students at all levels of study.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA TEKNOLOGI DENGAN PENDIDIKAN (KEJURUTERAAN MEKANIKAL) DENGAN KEPUJIAN [SHPJH]

TAHAP CABARAN PEKERJA KIMPALAN DI INDUSTRI PERKAPALAN

Abdul Hakim Bin Adnan & Mohd. Fa'iz Bin Ahmad
abdul99@graduate.utm.my

Industri perkapalan sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang memerlukan kajian mendalam bagi mengenal pasti tahap cabaran pekerja-pekerja mereka. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik cabaran yang dihadapi oleh pekerja kimpalan dalam industri perkapalan, dengan fokus kepada latar belakang masalah, cabaran yang mereka hadapi, dan metodologi kajian yang digunakan. Bab pertama menunjukkan latar belakang yang menggariskan bahawa pentingnya pemahaman terhadap cabaran ini bagi seorang pekerja kimpalan. Bab kedua menghuraikan cabaran-cabaran yang sering dihadapi dalam profesion ini, manakala bab ketiga merangkumi reka bentuk kajian, lokasi kajian, dan analisis data menggunakan perisian SPSS. Bab keempat pula menerangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis data terperinci, sementara bab kelima merumuskan kesimpulan utama dan memberikan cadangan bagi industri serta penyelidik. Hasil kajian menegaskan bahawa perlunya persediaan yang rapi terutamanya dalam aspek mental, emosi, dan kemahiran kendiri bagi setiap pekerja kimpalan. Disamping itu juga penekanan terhadap keselamatan dan kesihatan mereka di tempat kerja perlulah diambil berat bagi memastikan kebajikan pekerja terus terpelihara. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan yang berguna bagi industri perkapalan dalam menyokong pekerja kimpalan menghadapi cabaran yang kompleks dalam bidang ini..

The shipbuilding industry often faces various challenges that require in-depth studies to identify the level of challenges faced by their workers. This study aims to investigate the challenges faced by welding workers in the shipbuilding industry, focusing on the background of the problem, the challenges they encounter, and the methodology used in the study. The first chapter outlines the background, emphasizing the importance of understanding these challenges for welding workers. The second chapter describes the common challenges encountered in this profession, while the third chapter covers the research design, study location, and data analysis using SPSS software. The fourth chapter explains the findings obtained through detailed data analysis, while the fifth chapter summarizes the main conclusions and provides recommendations for the industry and researchers. The results of the study highlight the need for thorough preparation, particularly in the aspects of mental, emotional, and self-skills for every welding worker. Additionally, emphasis on their safety and health at the workplace must be taken seriously to ensure the welfare of workers is maintained. This study is expected to serve as a useful guide for the shipbuilding industry in supporting welding workers to face the complex challenges in this field.

TAHAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN AMALAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN PENSYARAH KOLEJ VOKASIONAL DI NEGERI JOHOR

Abdul Khales Fitri Bin Abdul Ghani & Yusri Bin Kamin
abdulkhalesfitri@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji tahap pengetahuan dan kemahiran amalan teknologi hijau dalam kalangan pensyarah kolej vokasional di Negeri Johor adalah satu inisiatif yang direka bagi membantu mengekalkan kelestarian terhadap alam sekitar. Para pensyarah adalah satu platform pembentukan komuniti yang kearah kelestarian. Namun kurang kajian telah dilaksanakan berkenaan amalan teknologi hijau dalam kalangan pensyarah TVET. Justeru kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan Kemahiran terhadap amalan teknologi hijau dalam kalangan pensyarah Kolej Vokasional (KV) sekitar Negeri Johor. Kajian berbentuk diskriptif dan korelasi ini dijalankan terhadap 140 orang pensyarah TVET dari pelbagai Kolej Vokasional. Instrumen kajian yang digunakan adalah item soal selidik yang diubahsuai dari kajian Nur Azura Said (2019). Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.217. Selain itu, tahap Kemahiran juga adalah tinggi dengan nilai min 4.193. Seterusnya, terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan dan Kemahiran dengan nilai korelasi ($r = 0.050$, $p = 0.140$) menunjukkan hubungan yang positif sangat rendah. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini memberikan implikasi berkenaan dengan kepentingan pengetahuan dan Kemahiran pensyarah terhadap amalan teknologi hijau berapa pada tahap optimum.

The purpose of this study is to assess the level of knowledge and skills in green technology practices among vocational college lecturers in Johor as an initiative designed to help maintain environmental sustainability. Lecturers serve as a platform for forming communities geared towards sustainability. However, there has been a lack of research conducted on green technology practices among TVET lecturers. Therefore, this study is carried out to identify the level of knowledge and skills in green technology practices among Vocational College (KV) lecturers in Johor. This descriptive and correlational study involves 140 TVET lecturers from various Vocational Colleges. The research instrument used is a modified questionnaire from the study by Nur Azura binti Said (2019). The analysis results show that the level of knowledge is high, with an overall mean value of 4.217. Additionally, the skill level is also high, with a mean value of 4.193. Furthermore, there is a significant relationship between knowledge and skills, with a correlation value ($r = 0.050$, $p = 0.140$) indicating a very low positive relationship. In conclusion, the findings of this study imply the importance of lecturers' knowledge and skills in green technology practices at an optimum level.

PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR JABATAN TEKNOLOGI MEKANIKAL DAN PEMBUATAN KOLEJ VOKASIONAL NEGERI JOHOR

Ahmad Harith Bin Mohamad Fazil & Mohd Safarin Bin Nordin
ahmad99@graduate.utm.my

Pasaran kerja di Malaysia pada ketika ini sedang beralih kearah perindustrian menyebabkan permintaan terhadap pekerjaan terus meningkat. Pemilihan kerjaya penting untuk dibuat kerana terdapat pelbagai faktor yang boleh mengganggu pelajar walaupun mereka mempunyai kemahiran dalam bidang spesifik. Graduan KV pada hari ini masih tidak dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan motivasi pelajar yang rendah menyebabkan graduan KV dipecat kerana tidak menepati prestasi dimahukan majikan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti pekerjaan dalam bidang teknologi mekanikal dan pembuatan yang menjadi pilihan pelajar dan mengkaji faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Jabatan Teknologi Mekanikal dan Pembuatan Kolej Vokasional negeri Johor. Responden kajian adalah 213 orang pelajar diploma tahun akhir Jabatan Teknologi Mekanikal dan Pembuatan di 7 Kolej Vokasional negeri Johor. Rekabentuk kuantitatif diskriptif ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperoleh dianalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0. Dapatan kajian telah mengenalpasti pekerjaan yang dipilih oleh pelajar. Jumlah purata min bagi faktor minat 3.981, faktor galakan keluarga 3.918 dan faktor persekitaran 3.611. Ini menunjukkan faktor dalaman dan luaran mempengaruhi pemilihan pekerjaan pelajar. Dapatan kajian ini boleh ditambahbaik dengan meluaskan ke jabatan lain yang terdapat di KV seluruh Malaysia.

The current job market in Malaysia is shifting towards industrialization, leading to increased demand for jobs. Career selection is crucial as various factors can affect students even if they possess skills in specific fields. Today's KV graduates are still unable to meet job market requirements and low student motivation results in KV graduates being dismissed for not meeting employer performance expectations. Therefore, this study was conducted to identify jobs in the mechanical technology and manufacturing fields preferred by students and to examine internal and external factors influencing career choices among students of the Mechanical Technology and Manufacturing Department at KV in Johor. The study respondents were 213 final-year diploma students from the Mechanical Technology and Manufacturing Department in 7 Vocational Colleges in Johor. This descriptive quantitative design used a questionnaire as the research instrument. The data obtained were analyzed for frequency, percentage, mean, and standard deviation using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0. The study findings identified the jobs chosen by students. The average mean scores for the interest factor were 3.981, family encouragement factor 3.918, and environmental factor 3.611. This indicates that internal and external factors influence students' job selection. This study's

findings can be improved by expanding to other departments available at KV throughout Malaysia.

PERSEPSI MAJIKAN TERHADAP TAHAP KEBOLEHPASARAN GOLONGAN OKU MASALAH PENDENGARAN DALAM BIDANG AUTOMOTIF

Amar Badiuzzaman Bin Md Yazed & Aede Hatib Bin Musta'amal @ Jamal
amarmdyazed@gmail.com

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang mengalami ketidakupayaan jangka masa panjang melibatkan fizikal, mental, intelektual atau deria. Ketidakupayaan mereka dipandang serong dalam masyarakat sehingga menghalang potensi sebenar golongan ini memacu pertumbuhan sosio-ekonomi. Oleh itu, kajian yang mengkhususkan kepada maklumbalas majikan terhadap tahap kebolehpasaran golongan OKU masalah pendengaran dalam bidang automotif telah dijalankan di bengkel-bengkel kereta di sekitar Skudai, Johor. Seramai 52 orang majikan telah mengambil bahagian dalam kajian ini secara langsung. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji persepsi majikan terhadap jangkaan tahap pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah golongan OKU masalah pendengaran sekiranya mereka diberikan peluang untuk bekerja sebagai mekanik di bengkel kereta. Analisis kajian ini adalah berbentuk analisis deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan jangkaan tahap pengetahuan dan kemahiran teknikal golongan OKU masalah pendengaran berada pada tahap sederhana manakala tahap kemahiran insaniah berada pada tahap tinggi. Kajian ini berupaya menjadi panduan dan aras kepada penerimaan majikan mengambil pekerja OKU pendengaran dan kepada pembuat dasar untuk menggubal kurikulum bersesuaian dengan keperluan golongan OKU.

Person With Disabilites (PWD) group comprises individuals experiencing long-term disabilities involving physical, mental, intellectual, or sensory impairments. Their disabilities are often stigmatized in society, which hinders their true potential to drive socio-economic growth. Therefore, a study was conducted to specialize in employer feedback on the employability of hearing-impaired OKU individuals in the automotive field at car workshops around Skudai, Johor. A total of 52 employers participated directly in this study. The purpose of this research was to examine employer perceptions regarding the expected level of knowledge, technical skills, and interpersonal skills of hearing-impaired OKU individuals if they were given the opportunity to work as mechanics in car workshops. The analysis of this study is descriptive in nature and employs a survey method using a questionnaire as the research instrument to obtain relevant data. The findings indicate that the expected level of knowledge and technical skills of hearing-impaired OKU individuals is moderate, while their level of interpersonal skills is high. This study has the potential

to serve as a guide and benchmark for employers in hiring hearing-impaired OKU workers and for policymakers in formulating curricula that meet the needs of the OKU community.

KESEDIAAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL (SMPKV) NEGERI JOHOR KE INDUSTRI

Ayu Natasya Binti Muhamad Zaimi & Mohd. Fa'iz Bin Ahmad
ayunatasyaa16@gmail.com

Pendidikan dunia merupakan salah satu sektor terpenting yang menjadi penyumbang kearah kemenjadian masyarakat disesebuah negara. Kepesatann kemajuan dunia memerlukan lebih banyak tenaga mahir untuk menjamin hasil kerja dan kualiti produk berada pada tahap yang terbaik. Revolusi Industri 4.0 memerlukan generasi baru kini perlu siap sedia berdepan dengan pelbagai cabaran dan kemungkinan pada masa yang akan datang. Untuk memastikan generasi atau graduan baru kini mereka perlu sentiasa bersiap sedia dalam pelbagai aspek untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Segala persediaan graduan sebenarnya perlu dilihat dan diteliti dari bangku persekolahan lagi bagi melihat kepada penjurusan minat dan bahagian murid. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat tahap persediaan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dari pelbagai aspek untuk ke Industri. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) merupakan murid yang mempunyai kecacatan mengikut kategori tertentu antaranya pendengaran, penglihatan, sindrome down dan lain-lain. Walaubagaimanapun mereka juga golongan murid yang mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pekerja yang mempunyai kerjaya yang sesuai dengan minat dan keupayaan mereka. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) merupakan sekolah vokasional yang memepersiapkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mengikut bidang kemahiran yang bersesuaian. Banyak kejayaan yang dilakar oleh murid yang telah membuktikan bahawa mereka juga antara golongan yang harus diberikan peuang untuk menempatkan diri di industri kelak. Guru antara golongan penting dalam mempersiapkan murid dalam beberapa aspek penting antaranya ialah Pengetahuan, Kemahiran Praktikal, Kemahiran Memimpin Diri dan Etika. Aspek yang diketengahkan dalam kajian merangkumi kesediaan holistik murid ke Industri.

Education field is one of the most important sectors that contribute to the development of society in a country. The rapid progress of the world requires more skilled workers to guarantee the work results and product quality are at the best level. The Industrial Revolution 4.0 requires the new generation to be ready to face various challenges and possibilities in the future. To ensure that the new generation or graduates now need to be prepared in various aspects to meet the needs of the job market. All graduate preparations actually need to be seen and examined from the school bench again to look at the orientation of the student's interests and parts.

Therefore, this study was conducted to see the level of preparation of Students with Special Educational Needs (MBPK) from various aspects to enter the Industry. Students with Special Educational Needs (SEDs) are students who have disabilities according to certain categories such as hearing, vision, down syndrome and others. However, they are also a group of students who aspire to become an employee who has a career that suits their interests and abilities. Vocational Special Education Secondary School (SMPKV) is a vocational school that prepares Students with Special Educational Needs (MBPK) according to appropriate skill areas. Many successes have been achieved by students who have proven that they are also among the groups that should be given the opportunity to place themselves in the industry in the future. Teachers are among the most important groups in preparing students in several important aspects, including Knowledge, Practical Skills, Self-Leadership and Ethics. Aspects highlighted in the study include the holistic preparation of students for Industry.

KESEDIAAN GURU DAN INOVASI PENGAJARAN MATAPELAJARAN SAINS BAHAN BAGI PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI KIMPALAN DI KOLEJ VOKASIONAL

Fatin Nur Ain Binti Kamaruddin & Nornazira Binti Suhairom
fatinnurain@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan dan inovasi pengajaran guru teknologi kimpalan yang mengajar mata pelajaran USM 2112 Sains Bahan (Materials Science) bagi program diploma di Kolej Vokasional. Aspek kesediaan guru yang dikaji adalah berdasarkan perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran, penilaian pengajaran dan inovasi pengajaran yang dipengaruhi oleh pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran mata pelajaran Sains Bahan. Setiap responden ditemubual dengan rakaman suara menggunakan protokol temubual yang merangkumi dua puluh tiga soalan bagi empat persoalan kajian utama. Populasi kajian ini adalah guru-guru yang mengajar mengajar mata pelajaran USM 2112 Sains Bahan (Materials Science) di Kolej Vokasional bagi Zon Johor. Sampel kajian merupakan lima orang guru yang mengajar di Kolej Vokasional Tanjung Puteri, Kolej Vokasional Kota Tinggi, Kolej Vokasional Tanjung Piai, Kolej Vokasional Segamat dan Kolej Vokasional Batu Pahat. Dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan kod terbuka. Hasil kajian ini menunjukkan guru kurang bersedia dari aspek pengetahuan, kemahiran,dan sikap dalam kategori perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran, penilaian pengajaran. Namun begitu, bagi inovasi dalam pengajaran, keseluruhan responden bersedia dalam melaksanakan inovasi dalam pengajaran bagi mata pelajaran Sains Bahan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kepada ketidaksediaan guru Sains Bahan ini iaitu peralatan atau mesin bagi melaksanakan amali bagi subjek ini tiada, tidak pernah menghadiri sebarang kursus atau latihan

dalam perkhidmatan berkaitan mata pelajaran Sains Bahan dan masa yang tidak mencukupi bagi mendalami modul pembelajaran.

This study was conducted to examine the level of readiness and teaching innovation of welding technology teachers who teach the subject USM 2112 Materials Science for the diploma program at the Vocational College. The aspect of teacher readiness that is studied is based on lesson planning, teaching delivery, teaching evaluation and teaching innovation which are influenced by the knowledge, skills and attitudes of teachers in teaching Materials Science subjects. Each respondent was interviewed with a voice recording using an interview protocol that included twenty-three questions for the four main research questions. The population of this study is the teachers who teach the USM 2112 Materials Science subject at the Vocational College for the Johor Zone. The study sample is five teachers who teach at Tanjung Puteri Vocational College, Kota Tinggi Vocational College, Tanjung Piai Vocational College, Segamat Vocational College and Batu Pahat Vocational College. The findings of the study were analyzed using open code. The results of this study show that teachers are less prepared in terms of knowledge, skills, and attitudes in the categories of lesson planning, teaching delivery, and teaching evaluation. However, for innovation in teaching, all respondents are ready to implement innovation in teaching for Materials Science subjects. There are various factors that influence the unpreparedness of this Materials Science teacher, namely the lack of equipment or machines to carry out practicals for this subject, never attending any course or training in services related to Materials Science subjects and insufficient time to deepen the learning module.

PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK TERAS AKADEMIK

Khairul Hilman Bin Kamarudin & Aede Hatib Bin Musta'amal @ Jamal
khairulhilman@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran serta hubungannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran teras akademik pelajar di Kolej Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor. Kajian ini juga dijlankan bagi mengenalpasti gaya pembelajaran dominan dalam kalangan pelajar kolej vokasional dalam subjek teras akademik. Kajian ini melibatkan seramai 120 orang pelajar dalam program mekanikal yang terdiri daripada tiga kursus iaitu Kimpalan, Permesinan dan juga Automotif. Bahagian pertama mengandungi data demografi pelajar dan bahagian kedua mengandungi item untuk mengenal pasti gaya pembelajaran mengikut gaya pembelajaran VAK iaitu Visual, Auditori dan Kinestetik yang dibangun oleh Neil Fleming (1987) yang mengandungi 15 soalan dan setiap gaya pembelajaran mempunyai 5 soalan berkenaan gaya pemebelajaran tersebut.. Data yang diperoleh

melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan taburan kekerapan, peratusan, dan korelasi dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi mendapat hasil analisis yang lebih tepat dan dapat memenuhi kehendak kajian. Ujian korelasi Pearson digunakan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pengaruh gaya pembelajaran dengan pencapaian dalam mata pelajaran teras akademik. Nilai pekali p yang diperolehi dalam perhubungan kajian ini ialah (p=0.4 hingga 0.7). Hasil daripada analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut. Kajian ini juga mendapati gaya pembelajaran bagi pelajar kolej vokasional ialah Auditori. Selain daripada itu, hasil kajian juga menunjukkan ketiga-tiga kursus mekanikal menunjukkan gaya pembelajaran yang berbeza bagi pembelajaran subjek teras akademik.

This study aims to find out the learning styles practiced by students in acquiring knowledge and skills as well as their relationship with achievement in core academic subjects of students at Tanjung Piai Vocational College, Pontian, Johor. This study was also conducted to identify the dominant learning style among vocational college students in academic core subjects. This study involved a total of 120 students in a mechanical program consisting of three courses namely Welding, Machinery and Automotive. The first part contains student demographic data and the second part contains items to identify the learning style according to the VAK learning style which is Visual, Auditory and Kinesthetic developed by Neil Fleming (1987) which contains 15 questions and each learning style has 5 questions regarding the learning style. The data obtained through the questionnaire was analyzed descriptively by using frequency distribution, percentage, and correlation using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software to obtain more accurate analysis results and meet the needs of the study. The Pearson correlation test was used to examine the relationship between the influence of learning style and achievement in core academic subjects. The value of the p coefficient obtained in the relationship of this study is (p=0.4 to 0.7). The results of the analysis show that there is no significant relationship between the two variables. This study also found that the learning style for vocational college students is Auditory. Apart from that, the results of the study also show that the three mechanical courses show different learning styles for learning core academic subjects.

TAHAP KOMPETENSI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM KALANGAN GURU TEKNOLOGI KIMPALAN DI KOLEJ VOKASIONAL ZON SELATAN

Mardzatul Akmal Binti Che Soh & Nur Hazirah Binti Noh@seth
mardzatulakmal@graduate.utm.my

Memberi penekanan kepada kompetensi pengajar adalah penting bagi mengetahui tahap kompeten mereka terutama dalam pelbagai teknik pengajaran seperti PBP. PBP adalah penting kerana ia membantu pelajar mengembangkan kemahiran berfikir kritis, penyelesaian masalah dan bekerja dalam kumpulan, sekaligus menyediakan mereka dengan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan dengan situasi dunia sebenar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek dalam kalangan guru teknologi kimpalan di Zon Selatan. Objektif kajian termasuklah mengenal pasti tahap pengetahuan, nilai dan sikap, serta kemahiran guru dalam pelaksanaan PBP. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai hubungan antara tahap kompetensi guru dengan jantina, umur, dan pengalaman mengajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Saiz sampel dipilih berdasarkan kaedah Krejcie & Morgan (1970), dengan melibatkan 63 orang guru teknologi kimpalan dari Zon Selatan. Item yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan skala likert yang terdapat 4 tahap iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Instrumen kajian menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat tinggi dengan nilai Alpha Cronbach 0.968. Hasil kajian menunjukkan nilai min tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBP adalah 3.41 (tinggi), nilai min tahap nilai dan sikap adalah 3.42 (tinggi), dan nilai min tahap kemahiran adalah 3.34 (tinggi). Tiada hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan jantina (p=0.31), umur (p=0.22) dan pengalaman mengajar (p=0.61). Begitu juga, tiada hubungan yang signifikan antara tahap nilai guru dengan jantina (p=0.41), umur (p=0.18) dan pengalaman mengajar (p=0.19). Tambahan lagi, tahap kemahiran guru juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan jantina (p=0.33), umur (p=0.29) dan pengalaman mengajar (p=0.14). Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya ialah pihak KPM perlu melaksanakan program latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan teknikal dan pendekatan pengajaran guru teknologi kimpalan. Seterusnya, BPLTV perlu menawarkan bantuan pengajaran yang berkesan kepada semua guru, tanpa mengira faktor demografi mereka. Selain itu, para guru harus terus berusaha meningkatkan kompetensi teknikal mereka melalui kursus latihan, seminar, dan bengkel. Akhirnya, pelajar perlu mengambil bahagian secara aktif dalam semua aktiviti PBP dengan menunjukkan tingkah laku proaktif dan kerjasama antara ahli kumpulan.

analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Through descriptive analysis, the study found that the level of mathematics anxiety was moderate, the level of motivation was high, and Mathematics achievement was satisfactory. Meanwhile, inferential analysis using Spearman correlation showed that there is a weak negative significant relationship between mathematics anxiety and Mathematics achievement (r=-0.332), whereas there is a weak positive significant relationship between motivation and Mathematics achievement (r=0.316). The findings of this study indicate that both factors are significant in influencing Mathematics achievement. This study has implications for various parties, including students, parents, teachers, researchers, the Ministry of Education Malaysia, and related parties. This is because the study illustrates the importance of reducing mathematics anxiety and increasing student motivation to improve Mathematics achievement towards excellence in the future.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN MATEMATIK TAMBAHAN SEBAGAI SUBJEK ELEKTIF STEM DALAM KALANGAN PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA DI KEDAH

Muhammad Akmal Naim Bin Saiful Anuar & Sharifah Binti Osman
muhammadakmalnaim@graduate.utm.my

Kadar peratusan pelajar dalam bidang sains dan sastera yang menjadi sasaran Malaysia adalah sebanyak 60:40. Walaubagaimanapun, dengan penurunan bagi pelajar yang mengambil subjek elektif STEM berkurang sebanyak 15% setiap tahun, negara tidak akan dapat mencapai sasaran nisbah yang telah ditetapkan. Perkara ini adalah disebabkan kebanyakkan pelajar tidak mengambil subjek Matematik Tambahan sewaktu memasuki Tingkatan Empat. Hal ini disebabkan, Matematik Tambahan adalah salah satu subjek Elektif STEM. Namun, MRSM dapat memberikan kadar peratusan sebanyak 100% bagi pelajar yang mengambil subjek Matematik Tambahan. Berdasarkan perspektif pengkaji lain, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelajar bagi mengambil subjek Matematik Tambahan. Antaranya faktor dominan yang dapat dikenal pasti adalah pengaruh ibu bapa, rakan, minat, kebimbangan dan juga program Matematik Tambahan. Tujuan kajian ini adalah ingin mengetahui pengaruh utama antara pengaruh dominan yang mempengarugi pemilihan pelajar. Responden terdiri daripada 238 pelajar yang diambil daripada 5 buah MRSM di Kedah dan reka bentuk kajian adalah secara kuantitatif dengan menggunakan tinjauan soalan kaji selidik. Dapatan kajian dikaji secara deskriptif dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Hasil kajian menunjukkan pengaruh utama yang menyebabkan pelajar tingkatan empat memilih Matematik Tambahan sebagai subjek Elektif STEM adalah pengaruh minat dan kebimbangan pelajar dalam subjek Matematik Tambahan. Hasil kajian ini juga dapat dimanfaatkan kepada guru dan ibu bapa dalam memupuk pengaruh kepada pelajar dan anak mereka agar memilih subjek Matematik Tambahan apabila memasuki tingkatan empat. Namun faktor kecil seperti faktor

sekolah dan faktor masa hadapan juga dipertimbangkan dan dapat juga memberikan kesan yang sama yang dapat dimanfaatkan oleh guru dan ibu bapa

The percentage rate of students in the field of science and literature that is Malaysia's target is as much as 60:40. However, with the decline in students taking STEM elective subjects decreasing by 15% each year, the country will not be able to achieve the ratio target that has been set. This is due to the fact that most students do not take the subject of Additional Mathematics when entering Form Four. This is because Additional Mathematics is one of the Elective STEM subjects. However, MRSM can give a percentage rate of 100% for students who take the subject of Additional Mathematics. Based on the perspective of other researchers, there are several factors that influence students to take the subject of Additional Mathematics. Among the dominant factors that can be identified are the influence of parents, friends, interests, concerns and also the Additional Mathematics program. The purpose of this study is to find out the main influence among the dominant influences that affect student selection. The respondents consisted of 238 students who were taken from 5 MRSM in Kedah and the research design was quantitative by using survey questions. The findings of the study were analyzed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). The results of the study show that the main influence that causes fourth grade students to choose Additional Mathematics as a STEM Elective subject is the influence of students' interests and concerns in the subject of Additional Mathematics. The results of this study can also be used by teachers and parents in fostering influence on students and their children to choose the subject of Additional Mathematics when they enter the fourth form. However, small factors such as school factors and future factors are also considered and can also provide the same effect that can be used by teachers and parents.

GAMIFIKASI DALAM GEOMETRI TAHUN 3 MENGGUNAKAN SCRATCH

Muhammad Nafis Bin Mohd Rafi & Norulhuda Binti Ismail
muhammad.nafis@graduate.utm.my

Pengembangan teknologi yang berkembang dengan pesat pada tahun ini telah memberi kesan yang besar terhadap sistem pengajaran seperti memudahkan proses pengajaran dan pemudahcaraan apabila menggunakan teknologi yang bersesuaian dengan subjek yang diajar. Namun begitu, walaupun sistem pembelajaran telah cenderung ke arah teknologi tetapi sistem pembelajaran kita masih kurang mengimplikasikan teknologi dalam kegunaan semasa di dalam kelas. Murid juga sukar untuk memahami pembelajaran sekiranya hanya berdasarkan teori sahaja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengimplikasikan gamifikasi dalam geometri memfokuskan murid tahun 3 dalam penggunaan Scratch. Tujuan ini boleh dicapai dengan membangunkan gamifikasi berasaskan permainan bagi tajuk geometri (Ruang) tahun 3, mengenalpasti maklum balas pakar terhadap aplikasi gamifikasi bagi tajuk geometri darjah 3 dari segi motivasi murid serta mengenalpasti maklum

balas pakar terhadap aplikasi gamifikasi bagi tajuk geometri tahun 3 dari segi pencapaian. Satu set soal selidik dirancang secara komprehensif telah diedarkan kepada guru-guru yang pakar dalam bidang matematik tahun 3. Kajian ini dapat menghasilkan keberkesanan gamifikasi dalam subjek geometri (ruang) tahun 3 dan memberi motivasi kepada murid dan pencapaian murid tersebut, kajian ini sangat penting untuk rujukan dan panduan pada masa hadapan bagi membolehkan guru-guru dan murid menggunakan gamifikasi ini dalam sistem pembelajaran akan datang.

This year's quick advancements in technology have greatly impacted the educational system, simplified the procedure and facilitating the use of technology that is relevant to the subject matter being taught. The employment of technology in the classroom is still absent from our learning system, despite its tendency in that direction. Learners also struggle to comprehend material if it is solely theoretical in nature. Thus, the purpose of this study is to suggest gamification in geometry by emphasizing the usage of Scratch by third-grade pupils. It is possible to accomplish this goal by creating a game-based gamification for the geometry (space) grade 3 title, getting expert input on how best to apply gamification for student motivation, and getting expert feedback on how best to apply gamification for achievement in the geometry grade 3 title. A set of comprehensively designed questionnaires has been distributed to teachers who are experts in Grade 3 mathematics. This study can produce the effectiveness of gamification in the subject of geometry (space) Grade 3 and motivate students and the achievement of those students, this study is very important to reference and guidance in the future to enable teachers and students to use this gamification in the future learning system.

HUBUNGAN ANTARA PENCAPAIAN DAN KERESAHAN MATEMATIK DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN 4 BAGI MATA PELAJARAN MATEMATIK MODEN DAN MATEMATIK TAMBAHAN

Muhammad Syarifillah Bin Sadon & Najua Syuhada Binti Ahmad Alhassora
msyarifillah@gmail.com

Kajian menunjukkan bahawa mata pelajaran Matematik Moden dan Matematik Tambahan merupakan antara mata pelajaran yang dianggap sukar oleh murid sekolah berbanding mata pelajaran yang lain. Perasaan resah yang dialami oleh setiap murid boleh dijadikan sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian Matematik murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap keresahan Matematik bagi mata pelajaran Matematik Moden dan Matematik Tambahan serta hubungannya terhadap pencapaian kedua mata pelajaran tersebut. Kajian ini melibatkan 191 orang responden murid Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Matematik Moden dan Matematik Tambahan di sekolah menengah sekitar kawasan Skudai, Johor Bahru. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif yang memfokuskan kepada kaedah tinjauan dan menggunakan instrumen soal selidik bagi tujuan

pengumpulan data. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi (ujian-t berpasangan dan ujian korelasi Spearman) untuk mengenalpasti tahap, perbezaan dan hubungan keresahan Matematik bagi Matematik Moden dan Matematik Tambahan dengan pencapaian Matematik. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap keresahan Matematik bagi Matematik Moden dan tahap keresahan Matematik bagi Matematik Tambahan berada pada tahap sederhana resah. Analisis perbezaan tahap keresahan Matematik pula mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan (sig. p = .001) tahap keresahan Matematik bagi mata pelajaran Matematik Moden dan Matematik Tambahan. Selain itu, terdapat hubungan signifikan negatif yang lemah antara tahap keresahan Matematik dan pencapaian Matematik dan antara tahap keresahan Matematik dan pencapaian Matematik Tambahan dengan nilai signifikan dan korelasi masing-masing sig. p = .001, -.444 dan sig. p = .001, -.451. Justeru, kajian ini diharapkan agar lebih banyak strategi dan langkah proaktif dalam mengatasi keresahan Matematik yang dialami oleh setiap murid.

Studies have shown that Modern Mathematics and Additional Mathematics are among the subjects considered difficult by students compared to other subjects. The anxiety experienced by each student can be a factor influencing their performance in Mathematics. Therefore, this study aims to determine the level of Mathematics anxiety for Modern Mathematics and Additional Mathematics subjects and its relationship to achievement in these two subjects. This study involved 191 Form 4 students taking Modern Mathematics and Additional Mathematics at secondary schools around Skudai, Johor Bahru. The study design is quantitative, focusing on survey methods and using a questionnaire instrument for data collection. Data were analysed descriptively and inferentially (paired sample t-tests and Spearman's correlation test) to identify the levels, differences, and relationships of Mathematics anxiety for Modern Mathematics and Additional Mathematics with Mathematics achievement. The findings revealed that the level of Mathematics anxiety for both Modern Mathematics and Additional Mathematics was moderately high. The analysis of the differences in Mathematics anxiety levels showed a significant difference (sig. p=.001) between Modern Mathematics and Additional Mathematics. Additionally, there was a weak significant negative correlation between the level of Mathematics anxiety and Mathematics achievement, as well as between the level of Mathematics anxiety and Additional Mathematics achievement, with significant values and correlations of sig. p=.001, -.444 and sig. p=.001, -.451, respectively. Thus, this study hopes to encourage more strategies and proactive measures to address students' Mathematics anxiety.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBELAJARAN MATEMATIK MENERUSI PENDEKATAN PHOTOVOICE DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nik Salihah Binti Nik Saifullizan & Norulhuda Binti Ismail
niksalihah78@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran Matematik menerusi pendekatan photovoice dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti faktor yang mempengaruhi masalah pembelajaran Matematik menerusi kaedah photovoice dari aspek persekitaran, sumber rujukan, rakan dan guru. Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara photovoice dimana pelajar akan mengambil gambar bagi setiap masalah yang dihadapi dan dihantar kepada pengkaji untuk mengumpulkan data. Seramai 15 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini iaitu 5 orang pelajar yang cemerlang, 5 sederhana dan 5 pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Matematik. Data akan dianalisis secara tematik untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dari perspektif pelajar. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran Matematik sekaligus dapat membantu guru menyediakan asas kepada dasar pembangunan yang lebih baik dan amalan pengajaran yang lebih berkesan pada masa hadapan.

The purpose of this study is to investigate and evaluate the variables that influence high school students' learning of mathematics using the photovoice method. This study aims to determine the variables that affect maths learning problems using the photovoice approach, including the surrounding environment, friends, teachers, and reference materials. Students will take images of every issue they encounter and email it to the researcher as part of this qualitative photovoice study, which will gather data. In all, 15 students—five exceptional, five ordinary, and five mediocre pupils in mathematics—participated in this study. The data will be analysed thematically to gain more detailed information from the student's perspective. The findings of this study are expected to provide a clear image of the challenges that students experience when learning Mathematics, as well as provide teachers with a foundation for improved development policies and more successful teaching practices in the future.

HUBUNGAN ANTARA MINAT DAN PENCAPAIAN MURID DALAM MENYELESAIKAN MASALAH MATEMATIK BERAYAT BAGI TOPIK PERSAMAAN KUADRATIK

Nor Suhaila Binti Sabtu & Najua Syuhada Binti Ahmad Alhassora
nor.suhaila@graduate.utm.my

Penyelesaian masalah matematik berayat merupakan salah satu cabaran bagi murid-murid di sekolah. Kajian lepas menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam menyelesaikan masalah matematik berayat berada pada tahap yang rendah. Hal ini sering dikaitkan dengan kurangnya minat murid terhadap matematik, yang seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyiasat hubungan antara minat dan pencapaian murid dalam menyelesaikan masalah matematik berayat bagi topik Persamaan Kuadratik. Reka bentuk bagi kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif yang memfokuskan kepada analisis korelasi. Data dikumpulkan melalui soalan ujian penyelesaian masalah matematik berayat bagi topik Persamaan Kuadratik dan soal selidik minat. Sampel kajian terdiri daripada murid Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah yang terletak di daerah Johor Bahru. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi bagi menentukan tahap minat dan pencapaian murid serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap minat murid dalam menyelesaikan masalah matematik berayat bagi topik Persamaan Kuadratik adalah sederhana. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian murid dalam ujian penyelesaian masalah matematik berayat pula berada pada tahap yang rendah. Analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan pencapaian murid dalam topik ini. Murid yang menunjukkan minat yang tinggi dalam matematik cenderung mempunyai pencapaian yang lebih baik dalam menyelesaikan masalah matematik berayat dengan nilai korelasi negatif yang lemah (-.025) dan nilai signifikan $p = .847 > .05$. Penemuan kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam bidang pendidikan matematik. Hasil dapatan kajian memberikan bukti empirikal mengenai hubungan antara minat dan pencapaian murid, yang boleh digunakan oleh guru dan pembuat dasar pendidikan untuk merancang intervensi yang lebih efektif dalam pengajaran matematik.

Solving word problems in mathematics is one of the challenges for students in schools. Previous studies have shown that student's achievement in solving mathematical word problems is at a low level. This is often associated with a lack of interest in mathematics, which in turn affects their achievement. Therefore, this study aims to investigate the relationship between students' interest and achievement in solving mathematical word problems on the topic of Quadratic Equations. The research design of this study uses a quantitative approach focusing on correlation analysis. Data were collected through a test on solving mathematical word problems for the topic of Quadratic Equations and an interest questionnaire. The study sample consisted of Form 4 students from a secondary school, located at Johor Bahru state.

The collected data were analyzed using descriptive and inferential analyses to determine the level of students' interest and achievement, as well as the relationship between these two variables. The results of the analysis showed that the level of students' interest in solving mathematical word problems for the topic of Quadratic Equations was moderate. However, the level of achievement in the test was low. Correlation analysis indicated that there was no significant relationship between students' interest and achievement in this topic. Students who showed a high interest in mathematics tended to have better achievement in solving word problems, with a weak negative correlation (-.025) and a significant value of p = .847 > .05. The findings of this study provide an important contribution to the field of mathematics education. The results provide empirical evidence regarding the relationship between students' interest and achievement, which can be used by teachers and education policymakers to plan more effective interventions in mathematics teaching.

PERBEZAAN GAYA PEMBELAJARAN ANTARA PELAJAR LELAKI DAN PELAJAR PEREMPUAN SEKOLAH MENENGAH

Nur Aliya Zehra Binti Amran & Norulhuda Binti Ismail
nuraliyazehra@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar sekolah menengah lelaki dan perempuan dalam mata pelajaran Matematik. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk menilai hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam Matematik. Objektif utama termasuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang cenderung diamalkan oleh setiap pelajar, mengenalpasti perbezaan bilangan gaya pembelajaran antara jantina, dan mengenalpasti hubungkait pemilihan bilangan gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar dalam subjek Matematik. Skop kajian adalah terhad kepada sampel 47 pelajar Tingkatan 2 dari sebuah sekolah di Johor Bahru, menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama. Penemuan dijangka dapat membantu kedua-dua pelajar dalam mengenali strategi pembelajaran yang berkesan dan guru dalam memudahkan pendekatan pengajaran yang disasarkan, akhirnya meningkatkan kefahaman dan prestasi matematik.

This research is conducted to examine the differences in learning styles between male and female secondary school students in Mathematics. The research utilizes a survey method to assess the relationship between learning styles and student performance in Mathematics. Key objectives include identifying the most preferred learning styles, determining the differences in number of learning styles preferred between genders, and evaluating their impact on students' achievements in Mathematics. The study's scope is limited to a sample of 47 Form 2 students from a school in Johor Bahru, employing a questionnaire as the primary research instrument. Findings are expected to aid both students in recognizing effective

learning strategies and teachers in facilitating targeted instructional approaches, ultimately enhancing mathematical comprehension and performance.

TAHAP PENGLIBATAN PELAJAR PRASISWAZAH BAGI PEMBELAJARAN MATEMATIK SECARA DALAM TALIAN DARI ASPEK KOGNITIF, EMOSI DAN TINGKAH LAKU

Nur Amalin Musliha Binti Mohammad Shukor & Sharifah Binti Osman
nuramalinmusliha@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penglibatan pelajar prasiswazah dalam pembelajaran Matematik dalam talian dari aspek kognitif, emosi, dan tingkah laku. Penularan wabak COVID-19 telah memaksa perubahan drastik dalam sektor pendidikan, mengharuskan peralihan kepada pembelajaran dalam talian. Keadaan ini mempengaruhi tahap penglibatan pelajar secara signifikan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan melibatkan sampel pelajar prasiswazah dari Universiti Teknologi Malaysia seramai 58 orang pelajar. Instrumen kajian berupa soal selidik yang dibangunkan berdasarkan teori penglibatan pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan pelajar dari aspek kognitif, emosi, dan tingkah laku adalah berbeza-beza. Penglibatan kognitif menunjukkan tahap yang sederhana, manakala penglibatan emosi dan tingkah laku berada pada tahap yang rendah. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Matematik dalam talian melalui strategi pengajaran yang lebih interaktif dan menyokong secara emosi. Cadangan kajian lanjutan termasuk penerokaan kaedah pembelajaran hibrid dan penyediaan latihan khusus kepada pensyarah untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam talian.

This study was conducted to identify the level of undergraduate student engagement in online mathematics learning from cognitive, emotional, and behavioral aspects. The COVID-19 pandemic has forced drastic changes in the education sector, necessitating a shift to online learning. This situation significantly impacts the level of student engagement. This study employs a descriptive research design and involves a sample of 58 undergraduate students from Universiti Teknologi Malaysia. Based on student engagement theory, a questionnaire serves as the research instrument. The results of the study show that the level of student engagement in cognitive, emotional, and behavioral aspects varies. Cognitive engagement shows a moderate level, while emotional and behavioral engagement are at a low level. The implications of this study indicate an urgent need to enhance student engagement in online mathematics learning through more interactive and emotionally supportive teaching strategies. Recommendations for further research include exploring hybrid learning methods and providing specific training for lecturers to improve the effectiveness of online teaching.

MINAT, KEYAKINAN, PERSEPSI PELAJAR MENENGAH ATAS TERHADAP PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN MATEMATIK

Nur Fatihah Amirah Binti Ahamad & Sharifah Binti Osman
nurfatihahamirah@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti minat, kepercayaan dan persepsi murid menengah atas terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran Matematik. Tiga objektif utama telah dikenal pasti dalam kajian ini: pertama, mengenal pasti minat murid menengah atas terhadap KBAT dalam pembelajaran Matematik; kedua, mengenal pasti keyakinan murid menengah atas tentang KBAT dalam pembelajaran Matematik; dan ketiga, mengenal pasti persepsi murid menengah atas terhadap KBAT dalam pembelajaran Matematik. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpul data daripada sampel pelajar tingkatan empat dan lima di sebuah sekolah menengah. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan untuk mengenal pasti tahap minat, kepercayaan dan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan KBAT dalam pembelajaran Matematik. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang berguna kepada warga pendidik dan penggubal dasar pendidikan dalam usaha menambah baik pelaksanaan KBAT, seterusnya meningkatkan kualiti pembelajaran Matematik di sekolah menengah.

This study aims to identify the interests, beliefs and perceptions of upper secondary students towards the implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in learning Mathematics. Three main objectives have been identified in this study: first, to identify the interest of upper secondary students towards KBAT in learning Mathematics; second, to identify upper secondary students' confidence about KBAT in learning Mathematics; and third, identify the perception of upper secondary students towards KBAT in learning Mathematics. This study uses a survey method with a questionnaire as the main instrument to collect data from a sample of fourth and fifth grade students in a high school. The data obtained was analyzed using descriptive statistics and to identify the level of interest, belief and perception of students towards the implementation of KBAT in Mathematics learning. The results of this study are expected to provide useful information to educators and educational policy makers in an effort to improve the implementation of KBAT, further improving the quality of Mathematics learning in secondary schools.

ANALISIS KESILAPAN MURID BAGI SOALAN PENYELESAIAN MASALAH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS RENDAH (KBAR) DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) UNGKAPAN ALGEBRA BERDASARKAN ANALISIS KESALAHAN NEWMAN

Nur Irdina Sahira Binti Md Yatim & Najua Syuhada Binti Ahmad Alhassora
nurirdinasahira@graduate.utm.my

Kemahiran berfikir merupakan salah satu agenda utama yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terdiri daripada dua aras kognitif iaitu Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Namun, keupayaan penyelesaian masalah Matematik yang melibatkan soalan KBAR dan KBAT dalam kalangan murid bagi topik tertentu masih lagi lemah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa menjawab soalan penyelesaian masalah KBAR dan KBAT bagi topik Ungkapan Algebra. Model Analisis Kesalahan Newman yang terdiri daripada lima fasa iaitu fasa membaca, fasa memahami, fasa membuat transformasi, fasa mengaplikasi dan fasa membuat pengekodan digunakan bagi menganalisis kesalah murid. 74 orang murid Tingkatan 2 daripada sekolah menengah di daerah Johor Bahru terlibat dalam kajian ini. Soalan ujian yang merangkumi topik Ungkapan Algebra digunakan dan dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid berdasarkan lima fasa Analisis Kesalahan Newman. Selain itu, protokol temu bual juga dilaksanakan bagi menyokong hasil dapatkan deskriptif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti murid melakukan kesilapan pada fasa membuat transformasi, fasa mengaplikasi dan fasa membuat pengekodan. Antara kesilapan yang dilakukan oleh murid adalah salah membuat pengiraan, gagal menunjukkan jalan kerja yang lengkap, penggunaan operasi aritmetik yang tidak tepat dan penulisan jawapan akhir yang tidak tepat. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran awal kepada pendidik di luar sana untuk memantapkan lagi sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik terutamanya bagi topik Ungkapan Algebra.

Thinking skills are one of the main agendas emphasized by the Ministry of Education Malaysia (KPM), consisting of two cognitive levels which are Lower-Order Thinking Skills (LOTS) and Higher-Order Thinking Skills (HOTS). However, students' ability to solve Mathematical problems involving LOTS and HOTS questions in certain topics remains weak. Therefore, this study aims to analyse the errors made by students when answering LOTS and HOTS problem-solving questions on the topic of Algebraic Expressions. Newman's Error Analysis Model, which consists of five phases, reading, comprehension, transformation, application, and encoding are used to analyse students' errors. 74 Form 2 students from secondary schools in the Johor Bahru district participated in this study. Test questions covering the topic of Algebraic Expressions were used and analysed descriptively to identify the types of errors made by students based on the five phases of Newman's Error

Analysis. Besides, interview protocols were conducted to support the descriptive findings. The results showed that the majority of students made mistakes in the transformation, application, and encoding phases. The errors included incorrect calculations, failure to show complete workings, incorrect use of arithmetic operations, and inaccurate final answers. This study's findings are expected to provide educators with an initial insight to further enhance the teaching and learning sessions of Mathematics, especially for the topic of Algebraic Expressions.

PEMBANGUNAN AKTIVITI PEMBELAJARAN TANSFORMASI ISOMETRI BERASASKAN ETNOMATEMATIK DALAM TARIAN KUDA KEPANG

Nur Izzah Atirah Binti Mohamad Rasol & Abdul Halim Bin Abdullah
nurizzahatirah@graduate.utm.my

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan aktiviti berasaskan etnomatematik dalam Kuda Kepang untuk murid-murid tingkatan dua bagi mata pelajaran matematik dalam tajuk Bab 11 Transformasi Isometri. Pembangunan aktiviti ini memberi fokus terhadap konsep-konsep matematik yang boleh dikaitkan dengan salah satu budaya ataupun warisan Johor iaitu tarian Kuda Kepang dengan mengambil sukatan matapelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KBSM) sebagai panduan. Pembinaan aktiviti ini berasaskan daripada Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE yang mana model yang digunakan ini menepati segala keperluan dalam pembangunan aktiviti serta dapat memastikan bahawa aktiviti yang dibangunkan ini berada pada landasan yang betul dan hasil pembinaan daripada aktiviti ini dapat digunakan dengan sewajarnya. Pengkaji telah menganalisis untuk mengenal pasti konsep-konsep matematik yang sesuai untuk dikaitkan dalam tarian Kuda Kepang. Antaranya adalah konsep translasi, konsep pantulan, dan putaran. Selain daripada itu, pengkaji juga mengambilkira pandangan pakar tentang tahap kesesuaian pembangunan aktiviti yang dibina berasaskan etnomatematik dalam tarian ini. Di samping itu, kelemahan daripada aktiviti yang dibina serta cadangan penambahbaikan juga diberikan perhatian yang khusus untuk memastikan keberkesanan aktiviti yang telah dibangunkan. Berdasarkan data yang telah dianalisis dan perbincangan yang telah dijalankan, pengkaji telah membuat rumusan dan mengemukakan beberapa cadangan serta memberikan penerangan mengenai pambangunan aktiviti yang telah dibangunkan dalam kajian ini.

The aim of this study is to develop ethnomathematics-based activities within Kuda Kepang for Form Two students in the subject of mathematics, specially in Chapter 11 on Isometric Transformations. The development of these activities focuses on mathematical concepts that can be related to one of Johor's cultural heritages, the Kuda Kepang dance, using the Secondary School Standard Curriculum (KBSM) syllabus as a guide. The construction of these activities is based on the ADDIE Instructional Design Model, ensuring that the development meets all necessary

requirements an that the activities created are appropriate and can be used effectively. The researcher analyzed the Kuda Kepang dance to identify suitable mathematical concepts that could be incorporated. Among these are the concepts of translation, reflection, and rotation. Futhermore, the reseacher considered expert opinions on the suitability of the activities developed based on ethnomathematics within this dance. Additionally, weaknesses in the developed activities and suggestions for improvement were given special attention to ensure their effectiveness. Based on the data analyzed and discussions held, the researcher summarized the findings and proposed several recommendations, along with explanations regqrding the development of activities presented in this study.

PEMBANGUNAN AKTIVITI PEMBELAJARAN TAJUK TRANSFORMASI ISOMETRI BERASASKAN ETNOMATEMATIK DALAM TARIAN ZAPIN

Nur Khairina Binti Khairuddin & Abdul Halim Bin Abdullah
nur.khairina@graduate.utm.my

Penggunaan aktiviti matematik yang menarik dan inovatif di dalam kelas matematik penting bagi memudahkan murid dalam memahami sesuatu konsep matematik. Hal ini kerana matematik sering dianggap subjek yang sukar dan membosankan bagi murid. Selain itu, budaya tradisional turut diberi penekanan kepada generasi hari kini dan akan datang. Sehubungan itu, sebuah aktiviti pembelajaran tajuk Transformasi Isometri berasaskan etnomatematik dalam tarian Zapin telah dibangunkan yang bertujuan untuk membantu murid Tingkatan 2 bagi memahami dengan lebih mendalam tentang topik Transformasi Isometri. Secara spesifik, objektif kajian ini termasuklah mengkaji konsep matematik dalam tarian Zapin, membangunkan aktiviti berasaskan etnomatematik dalam tarian Zapin serta mendapatkan pengesahan daripada pakar berdasarkan aktiviti yang telah dibangunkan. Hasil aktiviti berasaskan etnomatematik dalam tarian Zapin ini kemudian diuji dari segi kesahan oleh lima orang pakar yang terdiri daripada pensyarah matematik, guru matematik dan pakar kebudayaan dengan menggunakan borang soal selidik skala Likert lima mata. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai konsep matematik yang terlibat dalam tarian Zapin serta pembangunan aktiviti berasaskan etnomatematik dalam tarian Zapin ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi daripada kelima-lima pakar iaitu sebanyak 98 peratus. Nilai kesahan untuk menentukan kesahan kandungan aktiviti matematik tersebut diperolehi menggunakan teknik Content Validity Index (CVI). Beberapa cadangan juga turut dikemukakan oleh pakar-pakar mengenai aktiviti matematik yang telah dibangunkan. Implikasinya, pembangunan aktiviti berasaskan etnomatematik dalam tarian Zapin ini diharapkan dapat membantu murid memahami dan meningkatkan pencapaian mereka dalam topik Transformasi Isometri serta memupuk minat terhadap budaya tradisional Melayu dalam diri mereka.

The usage of interesting and innovative mathematical activities in mathematics classes are important to make it easier for students to understand a mathematical concept. This is because mathematics is often considered as a difficult and boring subject for students. In addition, traditional culture is also emphasized for today's and future generations. Hence, an activity based on ethnomathematics in Zapin dance has been developed which aims to help Form 2 students to understand more deeply about topic of Isometric Transformation. Specifically, the objectives of this study include identifying mathematical concepts in Zapin dance, developing activities based on ethnomathematics in Zapin dance as well as obtaining validity test from experts based on the activities that have been developed. The results of ethnomathematics-based activities in the Zapin dance were then tested in terms of validity by five experts consisting of mathematics lecturers, mathematics teachers and cultural experts using a five-point Likert scale questionnaire. The results of the study found that there are various mathematical concepts involved in the Zapin dance as well as the development of ethnomathematics-based activities in the Zapin dance, which has a high validity value from the five experts, which is 98 percent. The validity value to determine the validity of the content of the mathematical activity was obtained using the Content Validity Index (CVI) technique. Some suggestions were also presented by the experts regarding the mathematical activities that have been developed. The implication is that the development of ethnomathematics-based activities in Zapin dance is expected to help students understand and improve their achievements in the topic of Isometric Transformation as well as foster an interest in traditional Malay culture within them.

PENCAPAIAN MENYELESAIKAN MASALAH MATEMATIK BERAYAT BAGI SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS RENDAH DAN ARAS TINGGI TOPIK BULATAN DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN 3

Nur Syazatu Ayuni Binti Mohamad Zakri & Najua Syuhada Binti Ahmad Alhassora

nursyazatuayuni@graduate.utm.my

Menyelesaikan masalah Matematik berayat memerlukan keupayaan murid menggunakan kemahiran berfikir yang melibatkan penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penguasaan kemahiran berfikir berupaya menentukan pencapaian murid dalam menyelesaikan masalah Matematik. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis tahap pencapaian menyelesaikan masalah Matematik berayat bagi soalan KBAR dan KBAT topik Bulatan serta perbezaannya. Faktor yang mempengaruhi kesukaran semasa menyelesaikan masalah Matematik berayat bagi soalan KBAR dan KBAT turut dikaji. Reka bentuk kajian ini adalah gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif (mixed-method). Bagi kajian kuantitatif, instrumen soalan ujian Matematik berayat terdiri daripada 8 soalan mengikut aras kognitif dijalankan

terhadap 73 orang sampel manakala bagi kajian kualitatif, temu bual menggunakan instrumen protokol temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap 8 orang sampel. Sampel kajian ini ialah murid Tingkatan 3 dari dua buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Analisis statistik deskriptif, analisis statistik inferensi menggunakan ujian-t bersandar dan analisis tematik digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh dalam kajian. Hasil dapatan analisis statistik deskriptif mendapati bahawa tahap pencapaian menyelesaikan masalah Matematik berayat bagi soalan KBAR berada pada tahap baik manakala soalan KBAT berada pada tahap sederhana. Hasil dapatan analisis statistik inferensi menggunakan ujian-t bersandar pula mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian menyelesaikan masalah Matematik berayat antara soalan KBAR dan KBAT (sig. p = 0.001). Sementara itu, hasil dapatan analisis tematik pula mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi kesukaran semasa menyelesaikan masalah Matematik berayat bagi soalan KBAR dan KBAT adalah kesukaran memahami kehendak soalan, kesukaran mengaplikasi formula Matematik dan kesukaran mengingat konsep Bulatan. Oleh hal yang demikian, guru Matematik dan pihak sekolah perlu membantu murid meningkatkan kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah Matematik berayat yang kompleks.

Solving word problems in Mathematics requires students to use thinking skills that involve both Lower-Order Thinking Skills (LOTS) and Higher-Order Thinking Skills (HOTS). Mastery of these thinking skills can determine students' achievement in solving Mathematical problems. Therefore, this study aims to analyze the level of achievement in solving word problems for LOTS and HOTS questions on the topic of Circles, as well as their differences. Additionally, the factors influencing the difficulty in solving word problems for LOTS and HOTS questions are also examined. This study employs a mixed-methods approach, combining quantitative and qualitative methods. For the quantitative study, a Mathematics word problem test consisting of 8 questions based on cognitive levels was administered to 73 samples. For the qualitative study, interviews using a semi-structured interview protocol were conducted with 8 samples. The study samples were Form 3 students from two secondary schools in the Johor Bahru district. Descriptive statistical analysis, inferential statistical analysis using paired t-tests and thematic analysis were used to analyze the data obtained in the study. The findings from the descriptive statistical analysis showed that the level of achievement in solving word problems for LOTS questions was good, while for HOTS questions it was moderate. The results from the inferential statistical analysis using paired sample t-tests indicated a significant difference in the level of achievement in solving word problems between LOTS and HOTS questions (sig. p = 0.001). Meanwhile, the thematic analysis revealed that the factors influencing the difficulty in solving word problems for LOTS and HOTS questions included difficulty in understanding the requirements of the questions, difficulty in applying Mathematical formulas, and difficulty in recalling concepts related to Circles. Therefore, Mathematics teachers and schools need to help students enhance their thinking skills in solving complex Mathematical word problems.

KESEDIAAN GURU PELATIH BIDANG SAINS DAN MATEMATIK DALAM PELAKSANAAN ELEMEN PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Nurafiqa Najwa Binti Aman & Najua Syuhada Binti Ahmad Alhassora
nurafiqanajwa@graduate.utm.my

Pembelajaran Abad Ke-21 merupakan salah satu perkara penting kepada guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan menarik. Namun, hasil dapatan kajian lepas mendapati bahawa tidak semua guru bersedia untuk melaksanakan PAK21 semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih bidang Sains dan Matematik dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan perbezaan tahap kesediaan antara guru pelatih bidang Sains dan Matematik berteraskan elemen kolaborasi, komunikasi, kreatif, pemikiran kritis, nilai murni dan etika (4K1N). Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif (tinjauan) yang melibatkan 68 orang guru pelatih bidang Sains dan Matematik. Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik skala empat mata yang terdiri daripada 27 item bagi mengukur tahap kesediaan pelaksanaan elemen 4K1N. Analisis deskriptif dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih bidang Sains dan Matematik. Sementara itu, analisis inferensi dilaksanakan bagi menentukan perbezaan tahap kesediaan pelaksanaan elemen PAK21 dalam kalangan guru pelatih bagi elemen 4K1N. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru pelatih bidang Sains dan Matematik adalah pada tahap yang tinggi (median=4.00) dan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pelaksanaan antara kelima-lima elemen 4K1N (sig. p= .001). Oleh itu, diharapkan dengan adanya kajian ini, kesedaran guru pelatih berkaitan kepentingan kesediaan dalam mengaplikasikan elemen 4K1N semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan.

21st Century Learning is crucial for Science and Mathematics teachers in implementing effective and engaging teaching and learning. However, previous studies have found that not all teachers are ready to implement 21st Century Learning during teaching and learning sessions. Therefore, this study aims to identify the readiness level of trainee teachers in Science and Mathematics to implement 21st century learning and to examine the differences in readiness levels between trainee teachers in Science and Mathematics based on the elements of collaboration, communication, creativity, critical thinking, moral values, and ethics (4K1N). This study is a quantitative survey involving 68 trainee teachers in Science and Mathematics. The instrument used in this study is a four-point scale questionnaire consisting of 27 items to determine the readiness level for implementing 4K1N. Descriptive analysis was conducted to identify the readiness level of trainee teachers in Science and Mathematics. Meanwhile, inferential analysis was performed to determine the differences in readiness levels for the implementation of 21st century learning elements among trainee teachers for the 4K1N elements. The findings indicate that the readiness level of trainee teachers in Science and Mathematics is high (median=4.00), and there are significant

differences in the implementation of the five 4K1N elements (sig. p= .001). Therefore, it is hoped that this study will raise awareness among trainee teachers about the importance of being prepared to apply the 4K1N elements during teaching and learning sessions.

FAKTOR PENGETAHUAN KANDUNGAN DAN PENGETAHUAN PEDAGOGI TERHADAP KESEDIAAN GURU MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH DALAM PENGAJARAN TOPIK MATEMATIK PENGGUNA

Nurhidayah Binti Salleh & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
nurhidayah01@graduate.utm.my

Pengenalan topik baharu dalam kurikulum pendidikan matematik memerlukan guru untuk bersedia bagi memastikan kandungan tersebut dapat disampaikan secara berkesan. Untuk itu, terdapat dua pengetahuan utama yang perlu dikuasai guru dalam pengajaran topik matematik pengguna iaitu pengetahuan kandungan dan pedagogi. Namun bergitu, kajian melibatkan kesediaan guru dalam topik matematik pengguna melibatkan kedua dua pengetahuan tersebut masih kurang dilaksanakan di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka faktor pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi terhadap kesediaan guru matematik sekolah menengah dalam pengajaran topik matematik pengguna. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kuantitaif melalui kajian tinjauan seramai 107 orang guru di daerah Johor Bahru telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diadaptasikan dari kajian lepas. Instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi setelah melalui kajian rintis. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian statistik IBM SPSS Versi 29 melibatkan analisis deskriptif seperti median dan inferensi iaitu ujian korelasi Spearman Rho. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kandungan, pedagogi dan kesediaan guru matematik berada pada tahap yang memuaskan. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan antara kedua-dua pengetahuan dengan kesediaan guru. Kajian ini memberikan implikasi bahawa perlu ada peningkatan dalam latihan dan pembangunan profesional untuk guru matematik bagi meningkatkan pengetahuan kandungan dan pedagogi mereka dalam topik matematik pengguna. Usaha ini penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran topik matematik pengguna dalam kurikulum sekolah menengah.

The introduction of new topics in the mathematics curriculum requires teachers to be adequately prepared to deliver the content effectively. For this purpose, teachers need to master two essential types of knowledge in teaching consumer mathematics topics: content knowledge and pedagogical knowledge. However, studies involving the readiness of teachers in consumer mathematics topics, focusing on these two types of knowledge, are still limited in Malaysia. Therefore, this study was conducted to explore the factors of content knowledge and pedagogical knowledge on the

readiness of secondary school mathematics teachers in teaching consumer mathematics topics. The study employed a quantitative design through a survey method, involving 107 teachers from the Johor Bahru district, selected through a simple random sampling technique. Data were collected using a questionnaire instrument adapted from previous studies, which demonstrated high validity and reliability after a pilot study. The data were analyzed using IBM SPSS Version 29 statistical software, involving descriptive analysis such as median, and inferential analysis using Spearman's Rho correlation test. The findings indicated that the levels of content knowledge, pedagogical knowledge, and teacher readiness were satisfactory. The results also showed a relationship between the two types of knowledge and teacher readiness. This study implies that there is a need for enhanced training and professional development for mathematics teachers to improve their content and pedagogical knowledge in consumer mathematics topics. This effort is crucial to ensure the effectiveness of teaching and learning of consumer mathematics topics in the secondary school curriculum.

HUBUNGAN PENGURUSAN MASA PELAJAR DAN PENDEKATAN PENGAJARAN PENSYARAH TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PROGRAM PENDIDIKAN MATEMATIK

Nuri Nazmi Bin Abu Bakar & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
nurinazmi@graduate.utm.my

Pada masa kini, Institusi Pengajian Tinggi perlu melahirkan graduan dalam bidang pendidikan yang memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Hal ini kerana pencapaian yang cemerlang dapat mempengaruhi pengetahuan bakal guru yang akan berkhidmat di sekolah kelak. Untuk memastikan pencapaian akademik dapat dicapai, maka wujud suatu keperluan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik tersebut. Kajian lepas menunjukkan bahawa masih kurang kajian yang meneroka faktor pengurusan masa dan pengajaran pensyarah dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Untuk itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka faktor pengurusan masa dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Seramai 100 orang pelajar program Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan (Matematik) di Universiti Teknologi Malaysia telah dipilih melalui persampelan bertujuan dalam kajian ini. Pengutipan data telah dilakukan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen ini telah diadaptasi daripada kajian lepas dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 29.0 melibatkan analisis diskriptif iaitu median dan inferensi seperti ujian korelasi spearman rho. Dapatan menunjukkan bahawa pengurusan masa, pendekatan pengajaran pensyarah dan pencapaian akademik pelajar pada tahap yang memuaskan.Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara

pengurusan masa dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini memberikan implikasi kepada pelajar pendidikan dengan cara pelajar akan dapat mengurus masa mereka dengan lebih baik lagi dan sentiasa melibatkan diri dengan pengajaran pensyarah untuk mencapai pencapaian akademik yang lebih baik lagi.

Currently, higher education institutions need to produce graduates in the field of education who achieve excellent academic performance. This is because excellent performance can influence the knowledge of future teachers who will serve in schools To ensure academic achievement is attained, there is a need to understand the factors that influence such achievement. Previous studies have shown that there is still a lack of research exploring the factors of time management and lecturer teaching in influencing students' academic achievement. Therefore, this study was conducted to explore the factors of time management and lecturer teaching on students' academic achievement. This study was carried out using a quantitative research design through a survey method. A total of 100 students from the Bachelor of Science with Education(Mathematics) program at Universiti Teknologi Malaysia were selected through purposive sampling for this study. Data collection was conducted using a questionnaire instrument. This instrument was adapted from previous studies and has high validity and reliability. The data obtained were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software version 29.0, involving descriptive analysis such as median and inferential analysis like Spearman rho correlation test.The findings show that time management, lecturer teaching approach, and student academic achievement are at a satisfactory level. The findings also indicate that there is a relationship between time management and lecturer teaching on students academic achievement. This study has implications for education students in that they will be able to manage their time better and always engage with lecturer teaching to achieve better academic performance.

TAHAP KESEDIAAN MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU PRA-PERKHIDMATAN MATEMATIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DI SEKOLAH MENENGAH

Nurul Halizah Binti Roslan & Abdul Halim Bin Abdullah
nurulhalizah@graduate.utm.my

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan mengajar dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan ke atas guru pra-perkhidmatan matematik UTM yang telah menjalani latihan mengajar iaitu pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Matematik (4SHPM) dan juga guru pra-perkhidmatan matematik UTM yang akan menjalani latihan mengajar, (3SHPMH). Objektif kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan mengajar guru pra-perkhidmatan matematik dari aspek kognitif, psikomotor, dan sikap, serta untuk

mengkaji tahap kesediaan dari ketiga-tiga aspek ini merentas jantina dan tahun pengajian. Pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada pakar mengenai soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk memastikan tahap kesesuaian berdasarkan tajuk kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji juga telah menggunakan perisian Google Sheet dan juga Perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk menganalisis hasil dapatan kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan analisis tahap kesediaan guru pra-perkhidmatan matematik berdasarkan aspek kognitif, psikomotor dan sikap sementara analisis inferensi digunakan untuk menganalisis tahap kesediaan guru pra-perkhidmatan bagi kesemua aspek merentas jantina dan tahun pengajian. Selain itu, kelemahan daripada kajian selidik yang dijalankan serta cadangan penambahbaikan juga diketengahkan untuk memastikan persoalan kajian terjawab. Akhir sekali, berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis dan dibincangkan, pengkaji telah membuat rumusan dan juga memberikan cadangan bagi kajian lanjutan dan penerangan mengenai kajian yang dijalankan ini

The purpose of this study is to identify the teaching readiness level of pre-service mathematics teachers at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) in secondary schools. This study is conducted on UTM pre-service mathematics teachers who have undergone teaching practice, specifically Bachelor of Education in Mathematics (4SHPM) students, and UTM pre-service mathematics teachers who will undergo teaching practice (3SHPMH) students. The objectives of this study are to identify the teaching readiness level of pre-service mathematics teachers from the aspects of cognitive, psychomotor, and attitude, and to examine the readiness level from these three aspects across gender and years of study. The researcher sought expert opinions on the questionnaire distributed to respondents to ensure its suitability based on the established research topic. The researcher also used Google Sheets and the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to analyze the research findings. Descriptive analysis was used to describe the readiness level of pre-service mathematics teachers based on cognitive, psychomotor, and attitude aspects, while inferential analysis was used to analyze the readiness level of pre-service teachers for all aspects across gender and years of study. Additionally, weaknesses from the conducted survey and improvement suggestions were highlighted to ensure the research questions are answered. Finally, based on the analyzed and discussed findings, the researcher made conclusions and provided suggestions for further research and an explanation of the conducted study.

KEBERKESANAN PENGAJARAN TRANSFORMASI ISOMETRI BERINTEGRASIKAN TARIAN KUDA KEPANG DAN ZAPIN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK MURID TINGKATAN DUA

Nurul Hazreen Binti Hanafi & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
nurulhazreen@graduate.utm.my

Pengenalan kurikulum baharu matematik menuntut para guru untuk menjalankan pengajaran secara kreatif. Untuk itu, guru digalakkan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran dengan mengintegrasikan elemen kesenian dengan bahan maujud dan teknologi bagi meningkatkan kefahaman konsep matematik murid dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka. Namun begitu, pengajaran sedia ada guru masih tertumpu kepada pengajaran tradisional dan pencapaian murid dalam matematik terutama dalam topik transformasi isometri masih berada pada tahap yang rendah. Dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan modul pengajaran transformasi isometri berintegrasikan tarian kuda kepang dan zapin terhadap pencapaian akademik murid berdasarkan kumpulan murid yang menggunakan modul dengan kumpulan murid yang menggunakan kaedah konvensional. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kuasi eksperimen yang dinilai melalui ujian pra dan ujian pasca kumpulan tidak setara yang melibatkan 60 murid Tingkatan 2 dari daerah Johor Bahru, Johor dan telah dilaksanakan selama lima minggu. Pengutipan data telah dilakukan dengan menggunakan instrumen ujian pencapaian bagi topik transformasi isometri. Data dianalisis menggunakan ujian-t tidak bersandar menerusi SPSS versi 29. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian akademik murid selepas penggunaan modul pengajaran berbanding dengan pendekatan konvensional. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan impak positif penggunaan modul pengajaran ke atas sekolah, pembangunan kurikulum, ibu bapa dan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) matematik.

The introduction of a new mathematics curriculum requires teachers to conduct instruction creatively. Therefore, teachers are encouraged to diversify their teaching materials by integrating artistic elements with suitable materials and technology to enhance students' understanding of mathematical concepts and subsequently improve their academic performance. However, current teaching practices remain focused on traditional methods, and students' achievement in mathematics, especially in the topic of isometric transformations remains at a low level. Hence, this study aims to examine the impact of a teaching module on isometric transformations integrated with Kuda Kepang and Zapin dance on students' academic achievement by comparing a group of students using the module with a group using conventional methods. Employing a quasi-experimental design, the effectiveness of this module is evaluated through pre-tests and post-tests involving 60 Form 2 students from the Johor Bahru district, Johor and this study was conducted over five weeks. The quantitative data collected through achievement tests on the topic of isometric transformations were analyzed using an independent

t-test via SPSS version 29. The results indicated a significant difference in students' academic achievement after using the teaching module compared to the conventional approach. Overall, this study demonstrates the positive impact of the teaching module on schools, curriculum development, parents, and the teaching and learning process of mathematics.

PEMBANGUNAN MODUL ASAS PENGGUNAAN KALKULATOR CASIO FX570ES PLUS

Nurul Munirah Binti A Ramli & Norulhuda Binti Ismail
nurul.munirah@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul asas penggunaan kalkulator Casio FX-570ES PLUS yang dapat membantu murid memahami dan menggunakan kalkulator saintifik dengan lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Pengenalan dan pelaksanaan penggunaan kalkulator di sekolah-sekolah Malaysia adalah untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menekankan kepentingan penggunaan teknologi kalkulator dalam memudahkan pemahaman konsep matematik dan membantu guru menyampaikan pembelajaran yang lebih berkesan. Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan modul kemahiran penggunaan kalkulator dan menilai keberkesanan modul ini terhadap kefahaman dan motivasi murid. Kajian ini juga membincangkan tentang pelbagai pendekatan dan strategi yang boleh digunakan oleh guru untuk mengintegrasikan penggunaan kalkulator dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kalkulator saintifik dapat meningkatkan pemahaman murid dalam menyelesaikan masalah matematik, tetapi memerlukan bimbingan yang berkesan untuk memastikan murid benar-benar menguasai penggunaannya. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru dan sekolah dalam meningkatkan strategi pengajaran matematik dan menyediakan sumber pembelajaran yang lebih baik kepada murid.

This study aims to develop a basic module for using the Casio FX-570ES PLUS calculator, which can help students understand and use scientific calculators more effectively in teaching and learning Mathematics. The introduction and implementation of calculators in Malaysian schools aim to enhance the quality of teaching and learning. This study emphasizes the importance of using calculator technology to facilitate the understanding of mathematical concepts and assist teachers in delivering more effective lessons. The main objectives of this study are to develop a skills module for using calculators and to evaluate the effectiveness of this module on students' understanding and motivation. This study also discusses various approaches and strategies that teachers can use to integrate calculator usage into the teaching and learning process. The findings indicate that the use of scientific calculators can improve students' understanding of solving mathematical problems, but effective guidance is required to ensure students fully master their use.

This study is expected to help teachers and schools improve their mathematics teaching strategies and provide better learning resources for students.

PENILAIAN PENGAJARAN TRANSFORMASI ISOMETRI BERINTEGRASIKAN ELEMEN KUDA KEPANG DAN ZAPIN TERHADAP PENGHARGAAN KEINDAHAN MATEMATIK

Nurul Rabiatul Adawiyah Binti Suhaimee & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
rabiatul00@graduate.utm.my

Guru matematik digalakkan untuk menggunakan bahan pengajaran inovatif dalam pengajaran transformasi isometri. Pengajaran ini dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui pengintegrasian elemen kesenian. Ini kerana penghargaan keindahan matematik berupaya meningkatkan kefahaman murid dalam kandungan pembelajaran matematik. Namun begitu, guru menghadapi kesukaran untuk menggunakan bahan pengajaran inovatif melibatkan gabungan elemen kesenian terutama kuda kepang dan zapin. Untuk itu, kajian ini dijalankan bagi menentukan keberkesanan pengajaran transformasi isometri berintegrasikan elemen kuda kepang dan zapin terhadap penghargaan keindahan matematik dalam kalangan murid tingkatan dua. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kaedah eksperimental kuasi melibatkan soal selidik sebelum dan selepas bagi kumpulan tidak setara. Data yang diperoleh daripada kajian eksperimental telah diperkukuhkan dengan dapatan temu bual. Kajian ini melibatkan 60 murid tingkatan dua di daerah Johor Bahru, Johor dan kajian ini telah dilaksanakan selama lima minggu. Pengutipan data telah dilakukan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 29 melibatkan analisis ujian t tidak bersandar. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penghargaan keindahan matematik terhadap pembelajaran matematik antara kumpulan murid yang menggunakan modul pengajaran dengan kumpulan murid yang menggunakan kaedah konvensional. Dapatan temu bual pula menunjukkan kumpulan murid yang menngunakan modul pengajaran dapat lebih mengingati dan memahami konsep transformasi isometri dengan lebih efektif disebabkan aktiviti menyeronokkan dalam modul. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan impak yang positif terhadap penggunaan modul pengajaran di sekolah, pembangun kurikulum, ibu bapa dan proses pembelajaran dan pemudahcaraan matematik.

Mathematics teachers are encouraged to use innovative teaching materials in teaching isometric transformations. This teaching can be implemented effectively through the integration of artistic elements. This is because the appreciation of the beauty of mathematics can improve students' understanding of the content of mathematics learning. However, teachers face difficulties in using innovative teaching materials involving a combination of artistic elements, especially kuda

kebang and zapin. For that reason, this study was carried out to determine the effectiveness of isometric transformation teaching integrated elements of braided horse and zapin on the appreciation of the beauty of mathematics among second grade students. This study was conducted using a quantitative design, which is a quasi-experimental method involving questionnaire before and after for unequal groups. The data obtained from the experimental study was reinforced with the findings of the interviews. This study involved 60 second form students in the district of Johor Bahru, Johor and this study was carried out for five weeks. Data collection was done using a questionnaire instrument that has high validity and reliability. The data obtained was analyzed using SPSS version 29 involving independent t test analysis. Findings show that there is a significant difference in the level of appreciation of the beauty of mathematics in learning mathematics between the group of students who use teaching modules and the group of students who use conventional methods. The findings of the interview show that the group of students who use the teaching module can better remember and understand the concept of isometric transformation more effectively. Overall, this study provides a positive impact on the use of teaching modules in schools, curriculum developers, parents and the process of learning and facilitating mathematics.

AKTIVITI PENGAJARAN KONSEPTUAL MATEMATIK BERINTEGRASIKAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK BAGI GURU MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH

Nurul Syahirah Binti Mohamad & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
syahirah-01@graduate.utm.my

Dalam dunia pendidikan kini, guru matematik perlu memfokuskan kepada pengajaran konseptual matematik. Walaubagaimanapun, guru dalam era ini kurang berupaya untuk melaksanakan pengajaran konseptual dalam matematik. Kajian ini bertujuan untuk menyenaraikan aktiviti pengajaran konseptual matematik yang diintegrasikan dengan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) bagi guru-guru matematik sekolah menengah. Untuk mendapat kesepakatan pakar terhadap aktiviti pengajaran yang dicadangkan, reka bentuk kajian kuantitaif dengan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi telah digunakan. Seramai 13 orang pakar yang terdiri daripada 7 orang pakar profesional dan 6 orang pakar lapangan telah dipilih dari bidang pendidikan matematik untuk menjawab soal selidik. Dalam kajian ini, soal selidik telah dibangunkan oleh pengkaji dengan menggunakan tinjauan literatur. Soal selidik yang dibangunkan telahpun disahkan oleh pakar dan mempunyai nilai kebolehgunaan yang tinggi. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian hamparan data melibatkan tiga perkara utama iaitu nilai threshold (d) ≤ 0.2, nilai peratusan kesepakatan pakar $\geq 75\%$ dan nilai skor Fuzzy (A) ≥ 0.5. Dapatan menunjukkan kesemua pakar bersetuju dengan 21 aktiviti pengajaran yang telah dicadangkan di mana merancang aktiviti yang melibatkan murid untuk melaksanakan sesi sumbang saran secara dalam kumpulan berada pada kedudukan yang pertama manakala meminta murid untuk berkongsi hasil

kefahaman mereka secara individu berada pada kedudukan yang terakhir. Hasil dapatan ini juga menunjukkan kesemua pakar bersepakat dengan klasifikasi aktiviti dan kebolehgunaan aktiviti. Secara keseluruhannya, dapatan ini telah menghasilkan satu aktiviti pengajaran konseptual matematik berintegrasikan pembelajaran berasaskan projek. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran yang efektif dan lebih berkesan.

In the current educational landscape, mathematics teachers need to focus on *conceptual mathematics teaching. However, teachers in this era often lack the capability to implement conceptual teaching in mathematics. This study aims to outline conceptual mathematics teaching activities integrated with Project-Based Learning (PBL) for secondary school mathematics teachers. To achieve expert consensus on the proposed teaching activities, a quantitative research design utilizing the Fuzzy Delphi method was employed. A total of 13 experts, consisting of 7 professional experts and 6 field experts, were selected from the field of mathematics education to respond to the questionnaire. In this study, the questionnaire was developed by the researcher using a literature review. The developed questionnaire was validated by experts and exhibited high usability. The data obtained were analyzed using spreadsheet software, focusing on three main criteria: threshold value (d) ≤ 0.2, expert consensus percentage ≥ 75%, and Fuzzy score (A) ≥ 0.5. The findings indicate that all experts agreed with the 20 proposed teaching activities, with planning activities that involve students in group brainstorming sessions ranked first, while asking students to share their understanding individually ranked last. The results also show that all experts concurred with the classification and usability of the activities. Overall, these findings have produced a set of conceptual mathematics teaching activities integrated with project-based learning. Therefore, this study can serve as a guide for teachers to implement more effective and efficient teaching practices.*

AKTIVITI PENGAJARAN PENYELESAIAN MASALAH BERASASKAN KAEDAH KONTEKSTUAL BAGI GURU MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH

Radhul Adwa Bin Hamzah & Mohamad Ikram Zakaria, Dr
radhuladwa@graduate.utm.my

Pengajaran penyelesaian masalah dapat dilaksanakan secara berkesan dengan mengaitkan kepada konteks kehidupan seharian murid. Untuk itu, kaedah kontekstual dilihat berupaya membantu guru dalam melaksanakan pengajaran penyelesaian masalah secara berkesan. Namun, guru menghadapi masalah untuk melaksanakan kerana kurangnya panduan untuk melaksanakan kaedah kontekstual dalam penyelesaian masalah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyenaraikan aktiviti pengajaran penyelesaian masalah berasaskan kaedah kontekstual bagi guru matematik sekolah menengah. Kajian ini dilaksanakan secara

kuantitatif dengan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Seramai 13 orang pakar professional dan lapangan dari bidang pendidikan matematik telah dilantik bagi menjawap soal selidik yang telah diberikan secara atas talian. Soal selidik ini telah dibangunkan oleh pengkaji melalui kaedah tinjauan literatur dan disahkan oleh pakar dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Data telah dianalisis menggunakan perisian hamparan data melibatkan tiga pertimbangan utama iaitu nilai $d \leq 0.2$, nilai nilai skor Fuzzy > 0.5 dan kesepakatan setiap item melebihi 75%. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 20 aktiviti mempunyai kesepakatan yang tinggi yang mana item membimbing murid mengaitkan konsep matematik dalam kehidupan seharian murid berada pada kedudukan yang pertama manakala melakukan aktiviti lapangan yang memberikan pengalaman secara langsung berkenaan matematik berada pada tempat terakhir. Dapatan juga menunjukkan kesemua pakar bersepakat dengan klasifikasi aktiviti dan kebolehgunaan aktiviti. Implikasinya, kajian ini dapat membantu guru dalam merancang aktiviti pengajaran mereka dengan lebih baik bagi mewujudkan satu suasana pengajaran penyelesaian masalah yang berkesan.

Teaching problem-solving can be effectively carried out by relating it to the daily life context of students. For this reason, the contextual method is seen as capable of assisting teachers in implementing effective problem-solving teaching. However, teachers face difficulties in implementing it due to a lack of guidelines for applying the contextual method in problem-solving. Therefore, this study was conducted with the aim of listing problem-solving teaching activities based on the contextual method for secondary school mathematics teachers. This study was carried out quantitatively using the Fuzzy Delphi method. A total of 13 professional and field experts from the field of mathematics education were appointed to respond to the questionnaire that was provided online. The questionnaire was developed by the researcher through the literature review method and validated by experts, and it has a high reliability value. The data was analyzed using spreadsheet software involving three main considerations, namely, the value $d \leq 0.2$, the Fuzzy score value > 0.5, and the agreement of each item exceeding 75%. The findings show that a total of 20 activities have high agreement, with the item guiding students to relate mathematical concepts to their daily lives ranking first, while conducting field activities that provide direct experiences related to mathematics ranks last. The findings also indicate that all experts agree with the classification of activities and the usability of the activities. The implication is that this study can help teachers in planning their teaching activities better to create an effective problem-solving teaching environment.

PERSEPSI GURU PRA-PERKHIDMATAN TERHADAP ISI KANDUNGAN, PERSEMBAHAN KANDUNGAN DAN KAEDAH PENTAKSIRAN DALAM BUKU TEKS MATEMATIK KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH TINGKATAN SATU

Suhaib Bin Fadzlan Shahidi & Abdul Halim Bin Abdullah
suhaib01@graduate.utm.my

Buku teks merupakan bahan bantu mengajar yang boleh menjadi satu wacana dalam menjamin kelancaran sesi pembelajaran di dalam kelas. Sehubungan itu, buku teks perlu sentiasa dikaji dari semasa ke semasa agar elemen elemen yang ingin diterapkan selari dengan kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sentiasa relevan. Di samping kepentingan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran, masih kurang kajian dalam melihat persepsi pengguna terhadap buku teks matematik. Justeru, kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini dijalankan untuk menentukan persepi guru pra-perkhidmatan terhadap buku teks matematik Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tingkatan satu dari aspek isi kandungan, persembahan kandungan dan kaedah pentaksiran. Seramai 56 orang pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 program Pendidikan Matematik dari Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah terlibat sebagai responden kajian. Instrumen pengukuran yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji adalah berdasarkan tinjauan literatur digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian. Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa tahap persepsi guru pra-perkhidmatan terhadap isi kandungan, persembahan kandungan dan kaedah pentaksiran buku teks matematik KSSM tingkatan satu berada pada tahap tinggi masing-masing dengan nilai median keseluruhan 4.00. Sementara itu, analisis ujian Friedman melaporkan bahawa terdapat perbezaan signifikan (p= .012) antara persepsi guru pra-perkhidmatan terhadap aspek isi kandungan dengan aspek persembahan kandungan. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi berkenaan kepentingan penggunaan buku teks dalam proses pembelajaran dan penilaian murid.

Textbooks are teaching aids that can be a discourse in ensuring a smooth learning session in the classroom. In this regard, textbooks need to be constantly reviewed from time to time so that the elements to be applied in line with the content of the Curriculum and Assessment Standards Document (DSKP) are always relevant. In addition to the importance of textbooks in the teaching and learning process, there is still a lack of research looking at users' perceptions of mathematics textbooks. Therefore, a quantitative study in the form of a survey was conducted to determine the perception of pre-service teachers on the form one secondary school standard curriculum (KSSM) mathematics textbooks in terms of content, content presentation and assessment methods. A total of 56 Year 3 and Year 4 students of the Mathematics Education programme from the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) were involved as respondents.

The instruments developed by the researcher are based on a review of the literature used to measure the variables of the study. The results of the descriptive analysis found that the level of perception of pre-service teachers towards the content, content presentation and assessment method of form one KSSM mathematics textbooks was at a high level with an overall median value of 4.00. Meanwhile, Friedman's test analysis reported that there was a significant difference (p= .012) between the perception of pre-service teachers towards the content aspect and the content presentation aspect. The findings from this study are expected to have implications regarding the importance of the use of textbooks in the learning process and student assessment.

TAHAP PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN (PTPK) DALAM KALANGAN GURU PRA-PERKHIDMATAN MATEMATIK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Tea Jia Xian & Abdul Halim Bin Abdullah
teaxian@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan menentukan tahap komponen-komponen pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (PTPK) dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini juga bertujuan menentukan perbezaan tahap komponen-komponen PTPK guru pra-perkhidmatan matematik merentas jantina, tahun pengajian universiti, pengalaman latihan mengajar dan tempoh pembelajaran dalam talian. Reka bentuk kajian ini adalah tinjauan dengan pendekatan kajian secara kuantitatif. Sejumlah 59 guru pra-perkhidmatan matematik di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan menerusi borang soal selidik yang menggunakan Skala Likert 5 Mata. Dapatan kajian menunjukkan tahap semua komponen PTPK guru pra-perkhidmatan matematik di UTM berada tahap sangat memuaskan dengan median yang sebanyak 4.00. Analisis kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan antara jantina guru pra-perkhidmatan matematik dengan komponen pengetahuan pedagogi (PP). Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara komponen pengetahuan kandungan (PK) dan pengetahuan teknologi pedagogi (PTP) dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik dari segi tahun pengajian. Manakala dari segi pengalaman latihan mengajar, terdapat perbezaan signifikan komponen PP dan PTP dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik. Akhir sekali, analisis kajian ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara komponen PK dan PTP dengan tempoh pembelajaran dalam talian dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik. Perbincangan dapatan kajian merangkumi kesan perubahan kaedah pembelajaran kepada pembelajaran dalam talian, cabaran yang dihadapi ketika pembelajaran dalam talian, perbezaan pengalaman mikro pengajaran dan latihan mengajar, kesan purata nilai gred kumulatif atau terkumpul (CGPA) terhadap komponen-komponen PTPK dalam kalangan guru pra-perkhidmatan matematik.

This study was conducted to determine the level of technological pedagogical content knowledge (TPACK) among pre-service mathematics teachers at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). This study also aims to determine the differences in the level of pre-service mathematics teachers' TPACK components across gender, year of study, teaching training experience and online learning period. The design of this study is a survey with a quantitative approach. A total of 59 pre-service mathematics teachers at the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities were involved in this study. Research data was collected through a questionnaire that used a 5-point Likert scale. The findings of the study show that the level of all components of the TPACK of pre-service mathematics teachers at UTM is at a very satisfactory level with a median of 4.00. The analysis of the study found that there is a significant difference between the gender of pre-service mathematics teachers with the pedagogical knowledge (PK). This study shows that there is a significant difference between the content knowledge (CK) and technological pedagogical knowledge (TPK) among pre-service mathematics teachers for the aspect of years of study. For the aspect of teaching training experience, there is a significant difference in PK and TPK components among pre-service mathematics teachers. Finally, the analysis of this study explains that there is a significant difference between CK and TPK components with the duration of online learning among pre-service mathematics teachers. The discussion of the study findings includes the effect of changing the learning methods to online learning, the challenges faced during online learning, the difference of the experience of micro teaching and teaching training, the effect of the cumulative grade point average (CGPA) towards the components of TPACK among pre-service mathematics teachers.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA TEKNOLOGI DENGAN PENDIDIKAN (BINAAN BANGUNAN) DENGAN KEPUJIAN [SHPQH]

PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PEMBENTUKAN KEMAHIRAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH MELALUI PEMILIHAN PERMAINAN

Al Khawarizmie Bin Zulkfly & Mohamad Izzuan Bin Mohd Ishar
khawarizmie0647@gmail.com

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan awal bagi kanak-kanak agar membentuk semangat dan keperibadian individu sebelum melangkah ke alam persekolahan. Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak dididik dan diasuh dengan pelajaran dan permainan. Namun begitu, permainan memperjelaskan suatu kerja yang boleh mengembangkan kemahiran dan kebolehan dari dalam diri bagi mencungkil bakat yang terpendam. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pembentukan kemahiran kanak-kanak prasekolah melalui pemilihan permainan. Seramai 116 responden dalam kalangan ibu bapa prasekolah di daerah Skudai di Negeri Johor telah terlibat dalam kajian ini. Ibu bapa diberikan borang soal selidik melalui Google Form yang telah diedarkan dengan bantuan guru tadika. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29 telah digunakan untuk menjalankan analisis deskriptif data bagi menentukan kekerapan min bagi ketiga-tiga tinjauan. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kefahaman ibu bapa terhadap fungsi permainan yang dibeli untuk kanak-kanak prasekolah mempunyai nilai min yang tinggi, cabaran ibu bapa dalam mengendalikan kaedah bermain dalam pembentukan kemahiran awal kanak-kanak di rumah mempunyai nilai min sederhana dan tahap penglibatan ibu bapa dalam pembentukan kemahiran awal kanak-kanak di rumah melalui permainan mempunyai nilai min yang tinggi. Hasil kajian ini dapat memperlihatkan persepsi ibu bapa terhadap pembentukan kemahiran kanak-kanak melalui pemilihan permainan. Dapat disimpulkan bahawa kajian ini dapat membantu ibu bapa serta pengajar dan pemilik taska dan tadika untuk aktiviti kemahiran berasaskan permainan di rumah supaya mereka dapat memantau tumbesaran anak-anak mereka.

Preschool education is an early education for children to form their individual spirit and personality before stepping into the world of schooling. At the preschool level, children are educated and nurtured with lessons and games. Nevertheless, the game explains a work that can develop skills and abilities from within to unearth hidden talents. Therefore, this study aims to identify parents' perceptions of preschool children's skills development through the selection of games. A total of 116 respondents among preschool parents in Skudai district in the State of Johor were involved in this study. Parents were given a questionnaire through Google Form which was distributed with the help of kindergarten teachers. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29 was used to conduct a descriptive analysis of the data to determine the mean frequency for the three surveys. The findings of the study found that the level of parents' understanding of the function of games purchased for preschool children has a high mean value, the challenge of parents in handling the method of playing in the formation of children's early skills at home has a medium mean value and the level of parental involvement in the formation of

early childhood skills at home through play has a high mean value. The results of this study can show the perception of parents towards the formation of children's skills through the selection of games. It can be concluded that this study can help parents as well as teachers and owners of nurseries and kindergartens for game-based skill activities at home so that they can monitor their children's growth.

TAHAP KEPUASAN PELAJAR TERHADAP PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN KOLEJ KEDIAMAN UTM

Amira Ain Naziha Binti Abdul Hapzis & Sarimah Bt. Ismail
ainaziha15@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan pelajar terhadap penyelenggaraan kebersihan di kolej kediaman Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pemboleh ubah bagi kajian ini adalah tahap kepuasan pelajar terhadap penyelenggaraan kebersihan struktur bangunan, infrastruktur bangunan dan perkhidmatan. Kajian kauntitatif dijalankan keatas 385 orang yang terdiri responden yang daripada pelajar UTM Kampus JB yang menetap di antara 10 buah Kolej Kediaman yang terdapat di dalam UTM JB iaitu KRP, KTF, KTR, KTHO, KTDI, KTC, KP, K9&K10, KP dan KDOJ. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik min, sisihan piawai, Spearman Rho dan Anova oleh perisian statistical package for social science (SPSS) versi 29.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan pelajar terhadap penyelenggaraan kebersihan struktur bangunan, infrastruktur bangunan dan perkhidmatan adalah rendah dengan nilai min keseluruhan ialah 1.5106. Hubungan terhadap tahap kepuasan pelajar dengan tahap kebersihan struktur bangunan dan tahap penyelenggaraan kebersihan infrastruktur bangunan menunjukkan nilai purata r yang sama (r=.732) dan hubungan yang kuat. Hubungan yang kuat juga ditunjukkan bagi tahap penyelenggaraan kebersihan perkhidmatan (r=.738). Perbezaan yang signifikan juga ditunjukkan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji mengikut Kolej Kediaman di UTM JB ($p<0.01$). Kajian ini mencadangkan kajian perbandingan dilakukan kepada penyelidik akan datang untuk membandingkan tahap penyelenggaraan kebersihan Kolej Kediaman UTM Kampus Johor Bahru dengan Kolej Kediaman UTM di Kampus Kuala Lumpur.

This study aims to examine the level of student satisfaction with the maintenance of cleanliness in the residential college of Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The variable for this study is the level of student satisfaction with the maintenance of the cleanliness of building structures, building infrastructure and services. A quantitative study was carried out on 385 people who consisted of respondents who were students of UTM Campus JB who resided among the 10 Residential Colleges in UTM JB namely KRP, KTF, KTR, KTHO, KTDI, KTC, KP, K9&K10, KP and KDOJ. Data was collected using a questionnaire and analyzed using mean, standard deviation, Spearman Rho and Anova statistics by statistical package for social

science (SPSS) version 29.0. The findings of the study show that the level of student satisfaction with the maintenance of cleanliness of building structures, building infrastructure and services is low with an overall mean value of 1.5106. The relationship between the level of student satisfaction with the level of cleanliness of the building structure and the level of maintenance of the cleanliness of the building infrastructure shows the same average r value (r=.732) and a strong relationship. A strong relationship is also shown for the level of service cleanliness maintenance (r=.738). A significant difference was also shown for the three variables studied according to the Residential College at UTM JB (p<0.01). This study suggests that a comparative study be conducted for future researchers to compare the level of cleanliness maintenance of UTM Residential College Johor Bahru Campus with UTM Residential College in Kuala Lumpur Campus.

TAHAP KESEDIAAN PELAJAR PROGRAM TEKNOLOGI PEMBINAAN TERHADAP PEMBELAJARAN TEORI DI KOLEJ VOKASIONAL

Farha Adibah Binti Azlan & Sharifah Maryam Binti Syed Azman
adibahfarha99@gmail.com

Dalam memantapkan lagi pengetahuan teori di sekolah, kesediaan pelajar memainkan peranan yang penting bagi menjamin kemenjadian pembelajaran yang dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan pelajar dalam program Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional dari aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Bentuk kajian yang telah dilaksanakan adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Penelitian dilakukan dengan mengumpulkan data dari 244 orang pelajar Kolej Vokasional di negeri Johor yang sedang mengikuti program tersebut menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29. Masalah yang dihadapi oleh pelajar juga dikaji dimana ianya adalah untuk melihat faktor yang menjadi kekangan kepada pembelajaran teori oleh pelajar bidangTeknologi Pembinaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, pelajar menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi dalam aspek kognitif, dengan penumpuan yang tinggi dalam pengetahuan teori dan pemahaman konsep asas pembinaan. Secara afektif, pelajar juga menunjukkan kesediaan yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, serta motivasi yang baik untuk mempelajari subjek-subjek berkaitan. Bukan itu sahaja, dari aspek psikomotor juga menunjukkan tahap yang tinggi dimana pelajar mampu meggunakan tenaga fizikal mereka dalam melaksanakan sesuatu pembelajaran walaupun ianya berkaitan teori sahaja. Masalah yang dihadapi oleh pelajar juga berada pada tahap yang tinggi dimana pelajar tidak mempunyai masalah berkaitan pembelajaran dan faktor-faktor yang menjadi kekangan tersebut dilihat pelajar mampu meneruskan pembelajaran teori mereka tanpa ada sebarang kekangan. Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran komprehensif mengenai kesediaan pelajar dalam program Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional, dan

seterusnya dapat memberi cadangan untuk penambahbaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta pengukuhan latihan praktikal mahupun pengetahuan teori bagi memastikan pembangunan kompetensi yang holistik di kalangan pelajar. *In strengthening theoretical knowledge at school, students play an important role in ensuring the learning that is done. This study aims to examine the level of readiness of students in the Construction Technology program at Vocational Colleges from cognitive, affective, and motor aspects. The form of research that has been carried out is by using quantitative methods. Research by collecting data from 244 Vocational College students in the state of Johor who followed the program using the questionnaire method. The data obtained was analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 29. The problems faced by the students were also studied where it was to see the factors that became knowledge to the theory of learning by students in the field of Construction Technology. The results of the study show that overall, students show a high level of readiness in cognitive aspects, with a high concentration in theoretical knowledge and understanding of the basic concepts of construction. Affectively, students also show a high readiness for teaching and learning in class, as well as good motivation to learn related subjects. Not only that, from the psychomotor aspect it also shows a high level where students are able to use their physical energy in carrying out a learning even if it is related to theory only. The problems faced by students are also at a high level where students do not have problems related to learning and factors that are factors that cause students to continue their theoretical learning without any consequences. In conclusion, this study provides a complete overview of the readiness of students in the Construction Technology program at Vocational Colleges, and can further provide recommendations for improving teaching and learning approaches as well as strengthening practical training and theoretical knowledge to ensure the development of holistic competencies among students.*

HALA TUJU KERJAYA PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN BINAAN BANGUNAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DALAM SEKTOR INDUSTRI PENBINAAN

Fatin Norshuhada Binti Azman & Mohamad Izzuan Bin Mohd Ishar
fatinnorshuhada@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk meneliti Hala Tuju Kerjaya Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Binaan Bangunan dalam sektor industri pembinaan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti pembangunan kerjaya graduan program Pendidikan Binaan Bangunan dalam Sektor Industri Pembinaan, mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan kerjaya graduan, serta menentukan hala tuju program Pendidikan Binaan Bangunan dalam sektor industri pembinaan.Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah digunakan.

Kajian kuantitatif secara skala likert dan soalan kualitatif pertanyaan terbuka merupakan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data. Data kuantitatif akan diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada graduan program Pendidikan Binaan Bangunan.Kajian ini melibatkan seramai 106 orang graduan Sarjana Muda Pendidikan Binaan Bangunan.Pada bahagian A dan B, data dianalisiskan menggunakan perisian SPSS versi 29 untuk mendapat nilai kekerapan, peratusan, skor mindan sisihan piawai. Manakala pada bahagian C, pengkaji menganalisis data menggunakan pendekatan seperti kualitatif dengan mengklasifikasikan jawapan responden kepada bahagian kecil . Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai perkembangan kerjaya graduan program Pendidikan Binaan Bangunan. Dari analisis hala tuju kerjaya graduan Program Sarjana Muda Pendidikan, jelas bahawa majoriti graduan Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Binaan Bangunan cenderung menjadi guru. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil yang memilih untuk bekerja dalam industri pembinaan seperti kejuruteraan dan drafter, serta pekerjaan lain yang mungkin tidak berkaitan langsung dengan pendidikan atau pembinaan. Ini mencerminkan fleksibiliti dan kemampuan graduan untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai peluang pekerjaan yang tersedi. Dengan itu, hasil kajian ini akan dapat membantu institusi pendidikan tinggi dalam merancang dan melaksanakan program pendidikan yang lebih efektif, serta membantu graduan dalam merancang dan mengembangkan kerjaya mereka dengan lebih berkesan dalam sektor pembinaan.

The purpose of this study is to investigate the Career Direction of Bachelor of Construction Education students in the construction industry sector. The main objective of this study is to identify the career development of graduates of the Building Construction Education program in the Construction Industry Sector, identify the factors that influence the career development of graduates, as well as determine the direction of the Building Construction Education program in the construction industry sector. In this study, quantitative and qualitative approaches. Quantitative research using a likert scale and qualitative open-ended questions are the approaches used in this study to obtain data. Quantitative data will be obtained through a questionnaire distributed to graduates of the Building Construction Education program. This study involved a total of 106 Bachelor of Building Construction Education graduates. In parts A and B, the data was analyzed using SPSS version 29 software to obtain frequency values, percentages, scores mean standard deviation. While in part C, the researcher analyzed the data using a qualitative approach by classifying the respondents' answers into small sections. The results of this study are expected to provide a clear picture of the career development of graduates of the Building Construction Education program. From the analysis of the career direction of Bachelor of Education Program graduates, it is clear that the majority of Bachelor of Education graduates in the field of Building Construction tend to become teachers. However, there are also a small number who choose to work in the construction industry such as engineering and drafting, as well as other jobs that may not be directly related to education or construction. This

reflects the flexibility and ability of graduates to adapt to the various job opportunities available. With that, the results of this study will be able to help higher education institutions in planning and implementing more effective educational programs, as well as helping graduates in planning and developing their careers more effectively in the construction sector.

TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR TAHUN 4 SARJANA MUDA TEKNOLOGI DENGAN PENDIDIKAN UTM

Mohd Iqbal Naqiuddin Bin Zulkipli & Muhammad Sukri B Saud
mohdiqbalnaqiuddin@graduate.utm.my

Kadar pengangguran dalam kalangan graduan pada masa kini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh para graduan selain daripada keputusan akademik yang cemerlang. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran insaniah dan mengenalpasti elemen kemahiran insaniah yang paling dominan dalam kalangan pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Dengan Pendidikan UTM. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan persampelan rawak. Seramai 52 orang respoden yang terdiri daripada pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Dengan Pendidikan UTM telah dilibatkan dalam kajian ini. Data yang telah dikumpulkan telah dianalisis menggunakan SPSS v.26 bagi mendapatkan nilai frekuensi, peratus, min skor dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran insaniah pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Dengan Pendidikan UTM berada pada tahap tinggi mengikut intreperatasi min skor yang diperoleh dan elemen kemahiran insaniah yang paling dominan adalah kemahiran interpersonal berbanding elemen kemahiran insaniah yang lain. Cadangan kepada pengyelidik akan datang adalah untuk menjalankan kajian kepada responden dan lokasi kajian yang berbeza seperti pelajar tahun 2, 3,dan 4 di universiti-universiti yang menawarkan PLTV serta penyelidik akan datang boleh menjalankan kajian secara kualitatif bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih mendalam.

The unemployment rate among graduates is increasing year by year. Soft skills are essential skills that graduates need to master in besides the excellent academic results. This study was conducted to identify the level of soft skills and to determine the most dominant element of soft skills among fourth-year students Bachelor Technology with Education at UTM. This study used a quantitative research design with random sampling. 52 respondents of fourth-year students Bachelor of Technology with Education at UTM were involved in this study. The data collected was analysed using SPSS v.26 to obtain the frequency, percentage, mean score, and standard deviation. The findings of the study indicate that the level of soft skills among fourth-year students of the Bachelor of Technology with Education at UTM is high according to the interpretation of the mean scores obtained and the most dominant element of soft skills is interpersonal skills which has the highest min score

compared to other elements of soft skills. The recommendations for future researchers are to conduct studies on different respondents and locations, such as second, third, and fourth-year students at universities offering TVET programs. Future researchers can also conduct qualitative studies to obtain the depth of the research findings.

TAHAP KESEDIAAN PENSYARAH KOLEJ VOKASIONAL TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI AUGMENTED REALITY SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR.

Monica Ann A/p Subramaniam & Dayana Farzeeha Binti Ali
monicaann@graduate.utm.my

Penggunaan teknologi dalam pendidikan semakin berkembang pesat, dan salah satu inovasi terkini adalah teknologi Augmented Reality (AR) yang mempunyai potensi besar sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM). Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kesediaan pensyarah kolej vokasional terhadap penggunaan teknologi AR sebagai BBM aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap. Kajian ini dijalankan di Kolej Vokasional Setapak, Kuala Lumpur. Kajian secara kuantitatif ini melibatkan seramai 62 orang pensyarah sebagai responden. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25 untuk memperoleh frekuensi, peratusan dan min. Hasil daripada analisis kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.938$. Dapatan menunjukkan kesediaan pensyarah dari aspek pengetahuan adalah sederhana (min=2.57). Namun, kajian mendapati kesediaan pensyarah vokasional berada pada tahap yang rendah dari aspek kemahiran (min=1.72), dan kesediaan pensyarah dari aspek sikap berada pada tahap yang tinggi (min=4.45). Oleh itu, dapatan secara keseluruhan menunjukkan kesediaan pensyarah Kolej Vokasional terhadap penggunaan teknologi AR sebagai BBM adalah berada pada tahap yang sederhana dengan min keseluruhan 2.92. Bagi menjayakan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjadikan teknologi AR sebagai transformasi pendidikan alaf baru, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi kegunaan kajian pada masa akan datang.

The use of technology in education is rapidly evolving, and one of the latest innovation is Augmented Reality (AR) technology, which has significant potential as a Teaching Aid (TA). This study aims to examine the readiness level of vocational college lecturers regarding the use of Augmented Reality (AR) technology as a teaching aid (TA) in terms of knowledge, skills, and attitudes. This study was conducted at Setapak Vocational College, Kuala Lumpur. This quantitative study involved 62 lecturers as respondents. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 25 to obtain frequencies, percentages, and means. The results of the pilot study analysis showed that the reliability value of the questionnaire items was high, with $\alpha = 0.938$. Findings

indicate that the readiness of lecturers in terms of knowledge is moderate (mean=2.57). However, the study found that the readiness of vocational lecturers in terms of skills is low (mean=1.72), and the readiness of lecturers in terms of attitude is high (mean=4.45). Therefore, the overall findings indicate that the readiness of Vocational College lecturers towards the use of Augmented Reality (AR) technology as a teaching aid (TA) is at a moderate level, with an overall mean of 2.92. To realize the Ministry of Education Malaysia's aspiration of making Augmented Reality (AR) technology a part of new-era educational transformation, several suggestions have been put forward for future research use.

PERSEPSI GURU TERHADAP PEMANSUHAN ALIRAN PENDIDIKAN ASAS VOKASIONAL DALAM NEGERI JOHOR

Muhammad Asrul Huzhaimi Bin Salamat & Mohd Zolkifli Bin Abd Hamid
muhammad-99@graduate.utm.my

Perlaksanaan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) merupakan salah satu usaha kerajaan bagi menghasilkan generasi yang bersedia dari segi keterampilan pekerjaan yang baik menerusi sebuah sistem pendidikan yang berteraskan teknik dan vokasional (TVET). Namun, setelah tujuh tahun perlaksanan PAV ke dalam sistem pendidikan, ianya telah dimansuhkan pada tahun 2018. Kajian ini dilakukan betujuan untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap pemansuhan aliran PAV, persepsi guru terhadap hala tuju murid PAV dan persepsi guru terhadap pelaksanaan semula PAV di Sekolah Menengah harian dalam negeri Johor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana temu bual terbuka separa strukur digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sebanyak enam responden telah ditemu bual bagi mendapatkan data kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik dengan melakukan pengkodan dan pemetaan tema bagi mencari tema utama dan sub tema yang mempunyai hubungkait terhadap persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar guru setuju dengan pemansuhan PAV. Seterusnya, guru berpendapat bahawa hala tuju pelajar PAV selepas tamat tingkatan tiga adalah tidak jelas. Akhir sekali guru bersetuju PAV dilasanakan semula sekiranya, pelaksanaan semula ini mengambil kira beberapa penambahbaikan pada beberapa aspek PAV. Sekiranya pelaksanaan semula PAV tidak menjalani penambahbaikan dan kekal dengan rangka pelaksanaan yang sedia ada guru tidak bersetuju PAV dilaksanakan semula.

The implementation of Basic Vocational Education (PAV) represents one of the government's efforts to produce a generation well-prepared with proficient job skills through an education system based on technical and vocational education and training (TVET). However, after seven years of PAV's integration into the education system, it was abolished in 2018. This study aims to identify teachers' perceptions of the abolition of the PAV stream, their perceptions of the future directions of PAV

students, and their views on the reimplementation of PAV in daily secondary schools in the state of Johor. This study employs a qualitative approach, using semi-structured open interviews as the research instrument. The study sample was selected using purposive sampling methods. A total of six respondents were interviewed to gather research data. The data obtained were analyzed using thematic methods, involving coding to identify major themes and sub-themes related to the research questions. The results indicate that the majority of teachers agree with the abolition of PAV. Furthermore, teachers believe that the future direction for PAV students after completing Form Three is unclear. Lastly, teachers agree with the reimplementation of PAV, provided that it includes improvements in several aspects. If the reimplementation does not undergo improvements and remains with the existing framework, teachers do not support the reimplementation of PAV.

PENGHASILAN TEMPLATE PEMOTONGAN BATA SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR (ABM) BAGI BAKAL GURU BAGI MATAPELAJARAN KERJA BATA

Nur Aina Fathihah Binti Ramly & Ahmad Nabil Bin Md. Nasir
nurainafathihah@graduate.utm.my

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk membangunkan Template Pemotongan Bata sebagai Alat Bantu Mengajar bagi matapelajaran Kerja Bata di Kolej vokasional di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kemahiran asas bakal guru untuk menggunakan alatan tangan disamping kajian ini juga dibuat untuk meningkat tahap pengetahuan bakal guru terhadap penggunaan alatan tangan bagi matapelajaran kerja bata. Metodologi yang digunakan adalah dengan mendapatkan maklum balas terhadap penggunaan alatan ini bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Product and Service Solutions (SPSS). Hasil kajian menunjukkan bahawa Template Pemotongan Bata ini dapat berfungsi dengan baik dan layak untuk dijadikan sebagai Alat Bantu Mengajar bagi matapelajaran Kerja Bata. Penemuan ini membuktikan bahawa penggunaan ABM mampu mengukuhkan lagi kemahiran bakal guru dan juga pelajar dalam menggunakan alatan tangan selain dapat membantu pelajar memahami konsep pengajaran dengan baik. Kesimpulannya, Kajian ini dapat mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengenalpasti ciri-ciri Alat Bantu Mengajar, Membangunkan Template Pemotongan Bata dan menganalisis kefungsian Template Pemotongan Bata. Kajian ini memberikan sumbangan yang penting bagi bidang Pendidikan Teknologi dan vokasional. Cadangan unutk kajian lanjut adalah untuk menambah baik fungsi yang ada pada Template Pemotongan Bata bersesuaian dengan Matapelajaran yang akan diajar.

The purpose of this research is to develop a Brick Cutting Template as a Teaching Aid for the Brickwork subject at a vocational college in Malaysia. This study was conducted to identify the level of basic skills of prospective teachers to use hand

tools in addition to this study was also made to increase the level of knowledge of prospective teachers regarding the use of hand tools for the subject of brickwork. The methodology used is to get feedback on the use of these tools to further strengthen the findings of this study. The data collected was analyzed using Statistical Product and Service Solutions (SPSS) software, The results of the study show that this Brick Cutting Template can work well and is suitable to be used as a Teaching Aid for the Brickwork subject. This finding proves that the use of ABM is able to further strengthen the skills of prospective teachers and students in using hand tools as well as helping students to understand teaching concepts well. In conclusion, this research was able to achieve the set objectives of identifying the characteristics of Teaching Aids, Developing Brick Cutting Templates and analyzing the functionality of Brick Cutting Templates. This study provides an important contribution to the field of Technology and Vocational Education. A suggestion for further study is to improve the functionality of the Brick Cutting Template in accordance with the Subjects to be taught.

IMPAK BEBAN TUGAS GURU BINAAN BANGUNAN TERHADAP KUALITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DI KOLEJ VOKASIONAL NEGERI JOHOR

Nur Anis Izzati Binti Roslan & Sharifah Maryam Binti Syed Azman
nuranisizzati@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menyelidik impak peningkatan beban tugas terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran guru Binaan Bangunan di Kolej Vokasional negeri Johor. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferensi serta teknik persampelan rawak mudah yang melibatkan seramai 52 orang guru Binaan Bangunan Kolej Vokasional. Seterusnya, kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan data daripada responden. Hasil data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi memperoleh nilai skor min, kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan korelasi. Justeru, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa beban tugas yang semakin bertambah saban hari telah menjejaskan sedikit sebanyak kualiti pengajaran dan pembelajaran guru Binaan Bangunan di Kolej Vokasional negeri Johor. Pada waktu sama, hasil dapatan kajian bagi cadangan penambahbaikan pula menunjukkan para guru memerlukan penambahan staf sokongan atau kerani bagi mengambil alih tugas pengkeranian yang harus mereka lakukan serta pembahagian tugas antara para guru perlulah dilakukan dengan teliti dan adil tidak mengira umur dan pangkat. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan faedah dan panduan kepada pihak berkepentingan bagi memperbaiki pengurusan beban tugas dan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari masa ke masa.

This study aims to investigate the impact of increasing workload on the teaching

quality of Building Construction teachers in the state of Johor Technical College. This investigation was also carried out using a survey design. The study data were analysed using descriptive and inferential analysis method as well as simple random sampling technique. involving 52 Building Construction teachers at the Technical College of Vocational Education. Next, this study uses surveys as a tool for gathering information from respondents. The data obtained will be analysed using SPSS software to obtain Mean, frequency, percentage, standard deviation and correlation values. The results therefore show that the increasing workload upon the days had slightly dropped the quality of teaching and learning of the Building Construction teachers at the Johor State Vocational College. Furthermore, the research findings for improvement suggestion also pointed out that instructors need support staff or clerks to take over clerical duties that they are expected to do and meticulous and fair task-sharing among teachers is necessary regardless of age and rank. Therefore, this examination is expected to benefit stakeholders by offering suggestions on improvement of manpower management in charge loads with an aim of boosting teaching and learning quality over years to come.

PEMBANGUNAN MODEL PROSEDUR PEMASANGAN BESI TETULANG SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR (ABM) BAGI KURSUS TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

Nur Dina Binti Charma & Dayana Farzeeha Binti Ali
nurdina@graduate.utm.my

Dalam landskap pendidikan yang dinamik, peranan alat bantu mengajar menjadi semakin penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang berkesan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan model pengajaran bagi pensyarah kolej vokasional bagi program teknologi pembinaan supaya dapat melaksanakan pengajaran menggunakan alat bantu mengajar berasaskan model. Terdapat tiga objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti elemen yang diperlukan dalam pembangunan model dengan pandangan pakar, membangunkan model pengajaran menggunakan reka bentuk model ADDIE dan mengenalpasti persepsi pensyarah terhadap model Prosedur Pemasangan Besi Tetulang Sebagai Alat Bantu Mengajar. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang terdiri daripada 28 orang responden di kalangan pensyarah-pensyarah kolej vokasional bagi program teknologi pembinaan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang senarai semak bagi mengenalpasti objektif pertama dan borang soal selidik bagi objektif kedua. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian IBM Statistical Package for the Social Science (SPSS), untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian mendapati model pengajaran berjaya dibangunkan dengan menggunakan reka bentuk model ADDIE. Analisis keputusan kajian menunjukkan tahap kesesuaian setiap elemen berada pada tahap tinggi berdasarkan pandangan pensyarah. Kesimpulannya, model Prosedur Pemasangan Besi Tetulang ini menepati dan

bersesuaian digunakan oleh pensyarah sebagai sumber rujukan utama sekaligus menjadikan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar.

In a dynamic educational landscape, the role of teaching aids is becoming increasingly important in shaping effective learning experiences. Therefore, this study was conducted to develop a teaching model for vocational college lecturers for the construction technology program so that they can implement teaching using model-based teaching aids. Three research objectives have been determined, namely identifying the elements needed in the development of the model with expert views, developing a teaching model using the design of the ADDIE model and identifying the lecturer's perception of the Reinforcement Installation Procedure model as a teaching aid. This study was conducted using a quantitative method consisting of 28 respondents among the lecturers of vocational colleges for the construction technology programme. The instruments used in this study were a checklist form to identify the first objective and a questionnaire form for the second objective. The data obtained were analysed using the IBM Statistical Package for the Social Science (SPSS) software, to obtain the values of frequency, percentage, mean and standard deviation. The study results found that the teaching model was successfully developed using the design of the ADDIE model. The analysis of the study results showed that each element's suitability level was at a high level based on the lecturer's view. In conclusion, the Reinforcement Installation Procedure model is suitable for lecturers to use as the main source of reference and makes learning effective for students.

TAHAP KESEDIAAN PENSYARAH KOLEJ VOKASIONAL BIDANG TEKNOLOGI PEMBINAAN TERHADAP PENGGUNAAN BUILDING INFORMATION MODELING (BIM) DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

Nur Khaleda Binti Lalim & Salmalina Binti Salleh
nurkhaleda@graduate.utm.my

Industri pembinaan Malaysia menghadapi masalah seperti kelewatan projek, kos melebihi bajet, dan kualiti lemah, yang memerlukan pendekatan inovatif seperti Building Information Modeling (BIM) untuk meningkatkan kecekapan. Namun, tahap penggunaan BIM di Malaysia masih rendah, dan kebanyakan penyelidikan BIM tertumpu kepada aplikasi praktikal dalam industri berbanding kajian mengenai integrasi BIM dalam kurikulum pendidikan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan dari aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran pensyarah Kolej Vokasional di Negeri Johor dalam bidang teknologi pembinaan terhadap penggunaan BIM dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Metodologi kajian ini adalah kuantitatif. Soal selidik diberikan kepada pensyarah bidang teknologi pembinaan di Kolej Vokasional di Johor. Dapatan kajian menunjukkan tahap

kesediaan pensyarah dari segi amalan sikap, kemahiran dan pengetahuan berada dalam tahap yang tinggi tetapi masih perlu ditingkatkan. Seterusnya, cadangan penambahbaikan termasuk menyediakan latihan berterusan, menambahbaik modul BIM dalam kurikulum, dan mendapatkan sokongan berterusan daripada pihak industri untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pensyarah, memastikan para pensyarah dapat menyediakan pelajar dengan lebih baik untuk keperluan industri pembinaan yang semakin mencabar. Kesimpulannya, dengan peningkatan tahap kesediaan dan sokongan yang berterusan, pensyarah Kolej Vokasional akan lebih bersedia mengaplikasikan BIM dalam PdPc, sekaligus menghasilkan graduan yang kompeten dan mampu memenuhi keperluan industri pembinaan masa kini.

The Malaysian construction industry faces issues such as project delays, budget overruns, and poor quality, necessitating innovative approaches like Building Information Modeling (BIM) to enhance efficiency. However, the adoption rate of BIM in Malaysia remains low, and most BIM research focuses on practical applications in the industry rather than studies on integrating BIM into educational curricula. Therefore, this study aims to examine the readiness of vocational college lecturers in Johor in the field of construction technology in terms of their attitudes, knowledge, and skills towards the use of BIM in teaching and learning (PdPc). The research methodology is quantitative. A survey was administered to lecturers in the field of construction technology at vocational colleges in Johor. The findings indicate that the lecturers' readiness in terms of attitudes, skills, and knowledge is at a high level but still needs improvement. Recommendations for improvement include providing continuous training, enhancing BIM modules in the curriculum, and obtaining ongoing support from the industry to improve lecturers' skills and knowledge, ensuring that lecturers can better prepare students for the increasingly demanding construction industry. In conclusion, with increased readiness and continuous support, vocational college lecturers will be more prepared to apply BIM in PdPc, thereby producing graduates who are competent and capable of meeting the current needs of the construction industry.

PEMBANGUNAN MODUL INTERAKTIF "SANITARI SALIRAN DAN PEMBETUNGAN" BAGI PRORAM TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

Nurul Anisyahira Binti Khalid & Dayana Farzeeha Binti Ali
nurulanisyahira@graduate.utm.my

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran berpandukan teknik pembelajaran abad ke-21 atau dengan kata nama lain PAK-21 tertumpu kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam mencorak isi pembelajaran. Penyediaan modul interaktif adalah bagi membantu guru menyampaikan isi pengajaran dengan lebih berkesan dengan bantuan penyediaan BBM yang menarik dan mudah untuk difahami oleh pelajar yang berasaskan teknologi. Oleh yang demikian, pembangunan modul interaktif Sanitari, Saliran dan Pembetungan bagi kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional Malaysia merupakan satu usaha bagi membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dimana ianya merangkumi daripada isi kandungan pelajaran secara ringkas, padat serta mudah difahami. Objektif kajian ini jalankan adalah bagi mengenalpasti elemen yang diperlukan dalam pembangunan modul interaktif bagi kursus teknologi pembinaan, membangunkan modul interaktif sanitari, saliran dan pembetungan berpandukan model ADDIE dan mengenalpasti kebolehgunaan pensyarah terhadap modul interaktif yang dibangunkan. Seterusnya, dalam kajian ini pengkaji menggunakan penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian deskriptif. Menerusi kajian deskriptif, pengkaji menggunakan reka bentuk tinjauan dimana data yang dikutip merupakan daripada keseluruhan populasi dan statistik asas seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Terdapat dua instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu borang senarai semak dan borang penilaian. Setelah data diperolehi, pengkaji menganalisis data tersebut mengggunakan perisian Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 27. Melalui hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa responden bersetuju dan memberi pandangan yang positif tentang pembangunan modul interatif sanitari, saliran dan pembetungan yang dibangunkan.

The effectiveness of teaching and learning processes guided by 21st-century learning techniques, or otherwise known as PAK-21, focuses on the skills and readiness of teachers in shaping the content of learning. The preparation of interactive modules aims to assist teachers in delivering lessons more effectively with the aid of engaging and easily understandable multimedia materials that are technology-based for students. Therefore, the development of interactive modules for Sanitation, Drainage, and Plumbing in the Construction Technology course at Malaysian Vocational Colleges is an effort to support lecturers and students in the teaching and learning process (PdPc). This includes concise, comprehensive, and easily understandable lesson content. The objectives of this study are to identify the necessary elements in developing interactive modules for construction technology courses, to develop interactive modules for sanitation, drainage, and plumbing

based on the ADDIE model, and to assess lecturers' usability of the developed interactive modules. In this study, the researcher employs quantitative research in the form of descriptive research. Through descriptive research, survey designs are used where data collected represent the entire population, and basic statistics such as frequency, percentage, mean, and standard deviation are utilized.Two research instruments are employed: a checklist and an evaluation form. After data collection, the researcher analyzes the data using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 27. The research findings indicate that respondents agree and provide positive feedback regarding the development of interactive modules for sanitation, drainage, and plumbing.

PERBANDINGAN TAHAP VISUALISASI DAN MINAT DALAM MATA PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN ANTARA PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK.

Nurul Izzah Binti Mohd Yusof & Mohamad Rasidi Bin Pairan
nurulizzah.my@graduate.utm.my

Dalam era globalisasi dan perkembangan pesat industri kejuruteraan, Lukisan Kejuruteraan menjadi satu aspek yang penting dalam industri ini dan para pelajar perlulah menguasainya sebelum menjejakkan kaki ke industri bagi memastikan negara kita mengeluarkan jurutera yang berkualiti. Namun, terdapat kekurangan dalam penelitian perbezaan tahap visualisasi dan minat berdasarkan jantina dalam pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan mengenalpasti tahap visualisasi pelajar lelaki dan perempuan, tahap minat mereka terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan, dan perbezaan tahap visualisasi serta minat terhadap Lukisan Kejuruteraan antara pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Teknik. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan instrumen soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian: demografi responden, Mental Rotation Test (MRT) untuk mengukur tahap visualisasi, dan soal selidik skala likert 5 mata untuk mengukur tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Seramai 171 pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Teknik Terengganu telah dipilih sebagai responden, terdiri daripada 122 pelajar lelaki dan 49 pelajar perempuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap visualisasi antara pelajar lelaki dan perempuan, di mana pelajar lelaki menunjukkan tahap visualisasi yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Purata markah MRT bagi pelajar lelaki adalah lebih tinggi, menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai kemahiran visualisasi yang lebih baik. Dalam aspek minat, pelajar perempuan menunjukkan minat yang lebih tinggi terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan berbanding pelajar lelaki. Analisis statistik menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap minat antara kedua-dua kumpulan ini, dengan pelajar perempuan lebih cenderung menunjukkan minat tinggi terhadap pembelajaran Lukisan Kejuruteraan. Namun, analisis data menunjukkan bahawa

visualisasi dan minat tidak berhubungkait antara satu sama lain. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pihak sekolah dan pendidik dalam merancang dan melaksanakan strategi pengajaran yang dapat meningkatkan tahap visualisasi dan minat pelajar dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Pendekatan pengajaran yang inklusif dan berbeza mengikut jantina mungkin diperlukan untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi semua pelajar. Cadangan untuk kajian lanjutan termasuk memperluaskan kajian kepada lebih banyak sekolah dan populasi pelajar yang lebih besar untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif.

In the era of globalization and the rapid development of the engineering industry, Engineering Drawing has become an important aspect of this industry, and students need to master it before entering the industry to ensure that our country produces quality engineers. However, there is a lack of research on the differences in visualization levels and interest based on gender in technical and vocational education in Malaysia. Therefore, this study aims to fill this knowledge gap by identifying the visualization levels of male and female students, their interest in the subject of Engineering Drawing, and the differences in visualization and interest in Engineering Drawing between male and female students in Sekolah Menengah Teknik. This study uses a quantitative method with a questionnaire instrument consisting of three parts: respondent demographics, the Mental Rotation Test (MRT) to measure the level of visualization, and a 5-point Likert scale questionnaire to measure the level of student interest in the subject. A total of 171 fourth-form students from Sekolah Menengah Teknik Terengganu were selected as respondents, consisting of 122 male students and 49 female students. The findings of the study show that there is a significant difference in the level of visualization between male and female students, where male students show a higher level of visualization than female students. The mean MRT score for male students is higher, indicating that male students have better visualization skills. In terms of interest, female students show a higher interest in Engineering Drawing subjects than male students. Statistical analysis shows that there is a significant difference in the level of interest between these two groups, with female students more likely to show a high interest in learning Engineering Drawing. However, data analysis shows that visualization and interest are not corelate to each other. This study provides important implications for schools and educators in planning and implementing teaching strategies that can increase students' levels of visualization and interest in Engineering Drawing subjects. An inclusive and gender-differentiated teaching approach may be necessary to ensure effective teaching and learning for all students. Recommendations for further research include expanding the study to more schools and larger student populations to obtain a more comprehensive picture.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGAJARAN KURSUS BUILDING INFORMATION MODELING (BIM) DALAM KALANGAN PENSYARAH TEKNOLOGI AWAM DI KOLEJ VOKASIONAL DI ZON SABAH

Ruzaini Rafiuddin Bin Rasmet & Mohd Hizwan Bin Mohd Hisham
ruzainirafiuddin@graduate.utm.my

Salah satu institusi TVET menerusi Kolej Vokasional (KV) bagi program Teknologi Pembinaan telah menawarkan kursus dengan kod EDM 3012 Building Information Modeling (BIM) bagi memenuhi keperluan industri pembinaan di Malaysia pada masa kini. Namun, adakah tenaga pengajar yang terdiri daripada barisan pensyarah bersiap sedia dengan perubahan yang berlaku khususnya di negeri Sabah disebabkan oleh statistik kajian lepas yang menunjukkan bahawa negeri Sabah antara pengguna teknologi Building Information Modeling yang tertinggi di Malaysia. Kajian yang telah dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif secara deskriptif bagi mengetahui faktor yang mempengaruhi pengajaran pensyarah Teknologi Awam bagi kursus EDM 3012 Building Information Modeling di Kolej Vokasional di zon Sabah dari tiga aspek yang diukur iaitu kompetensi dan pengalaman mengajar pensyarah, fasiliti institusi dan alat bantu mengajar pensyarah. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat keperluan dan peningkatan dalam aspek kompetensi pensyarah kerana kurangnya tahap kepedulian pensyarah untuk mengemaskini pengetahuan terkini berkaitan dengan bidang BIM ini yang mana disebabkan oleh ketidakterlibatan pensyarah dalam pengajaran kursus ini secara langsung. Secara kesimpulannya, meskipun pensyarah mempunyai pembahagian khusus dalam mengajar kursus-kursus tertentu, ini tidak bererti pensyarah tersebut tidak perlu mengambil peduli dengan kursus lain apatah lagi kursus yang masih dibawah bumbung bidang yang sama. Bahkan, setiap ilmu itu pasti mempunyai perkaitan apatah lagi bidang ilmu yang sama.

One of the TVET institutions through the Vocational College (KV) for Construction Technology program has offered courses with the code EDM 3012 Building Information Modeling (BIM) to meet the needs of the construction industry in Malaysia nowadays. However, is the teaching staff consisting of lecturers ready for the changes that occur, especially in the state of Sabah due to the statistics of past studies that show that Sabah is among the highest users of Building Information Modeling technology in Malaysia. This study was conducted using descriptive quantitative methods to determine the factors that affect the teaching of Civil Technology lecturers for the EDM 3012 Building Information Modeling course at KV in Sabah Zone from three aspects measured, consists of competence and teaching experience of lecturers, institutional facilities, and teaching aids of lecturers. The results of the study found that there is a need and increase in the competence of lecturers due to the lack of concern level of lecturers to update the latest knowledge related to the field of BIM, which is caused by the lack of involvement of lecturers in the teaching of this course directly. In conclusion, although lecturers have specific divisions in teaching certain courses, this does not

mean that lecturers do not need to care about other courses, let alone courses that are still under the roof of the same field. In fact, every knowledge has its own connection with others.

MODEL SUB STRUKTUR BANGUNAN SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR (ABM) BAGI PELAJAR TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

Zulaiqa Binti Zulkarnain & Ahmad Nabil Bin Md. Nasir
zulaiqa@graduate.utm.my

Pembangunan model sub struktur bangunan sebagai alat bantu mengajar (ABM) merupakan langkah strategik untuk mempermudah proses penyampaian maklumat dari pensyarah kepada pelajar semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dijalankan. Model ini berperanan sebagai medium yang efektif dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan cara yang lebih visual dan dinamik. Model sub struktur bangunan yang telah dibangunkan bertujuan untuk memberi sokongan kepada pensyarah dalam PdPc, memperkayakan pengalaman pembelajaran, dan mencipta persekitaran pendidikan yang lebih menarik. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menguji keberkesanan model sub struktur bangunan sebagai ABM, khususnya dalam konteks subjek “Building Construction I” bagi pelajar Diploma Semester 2. Kajian ini melibatkan pelaksanaan temubual dengan guru pakar Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional, dengan tujuan mendapatkan pandangan mereka mengenai kesesuaian dan keberkesanan model ini dalam proses pengajaran. Keberkesanan model sebagai ABM akan dinilai melalui ujian dan penilaian yang teliti terhadap kefungsiannya. Ini melibatkan proses penilaian terhadap pemahaman pelajar, daya ingatan, dan keberkesanan penggunaan model dalam meningkatkan kefahaman terhadap topik-topik yang diajar. Kajian menunjukkan bahawa pensyarah menghadapi masalah dalam menerangkan kedudukan substruktur kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, penyelidik telah mengenal pasti ciri-ciri yang diperlukan untuk menghasilkan model ABM dan seterusnya membina model ABM tersebut. Dengan kajian ini, diharapkan dapat memberikan sumbangan positif terhadap perkembangan pendidikan teknikal di peringkat Kolej Vokasional.

The development of a building substructure model as a teaching aid (ABM) is a strategic step to facilitate the delivery of information from lecturers to students during the teaching and learning process (PdPc). This model serves as an effective medium for conveying lesson content in a more visual and dynamic manner. The developed building substructure model aims to support lecturers in PdPc, enrich the learning experience, and create a more engaging educational environment. The primary goal of this study is to test the effectiveness of the building substructure model as an ABM, particularly in the context of the "Building Construction I" subject for Diploma Semester 2 students. This study involves conducting interviews with

expert teachers in Construction Technology at Vocational Colleges to gather their views on the suitability and effectiveness of this model in the teaching process. The effectiveness of the model as an ABM will be evaluated through careful testing and assessment of its functionality. This involves evaluating students' understanding, memory retention, and the effectiveness of the model in enhancing comprehension of the topics taught. The study indicates that lecturers face challenges in explaining the position of substructures to students. Consequently, the researchers have identified the necessary features to produce the ABM model and subsequently built the ABM model. It is hoped that this study will contribute positively to the development of technical education at the Vocational College level.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA TEKNOLOGI DENGAN PENDIDIKAN (ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK) DENGAN KEPUJIAN [SHPRH]

ELEMEN KECERDASAN BUATAN DALAM KERJA MAHIR UNTUK LATIHAN VOKASIONAL DI UNIVERSITI AWAM

Abdul Bariq Hamzi Bin Abdul Majid & Mohd Hizwan Bin Mohd Hisham
abdulbariqhamzi@graduate.utm.my

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam latihan vokasional di universiti awam Malaysia adalah subjek kajian ini. Melalui aplikasi yang dicipta oleh telefon pintar, komputer, kenderaan tanpa pemandu dan dron, teknologi kecerdasan buatan telah mengubah landskap kehidupan harian orang ramai. Kajian ini bertujuan untuk melakukan tinjauan awal tentang penggunaan AI dalam kerja mahir, mencari isu yang timbul, dan melihat bagaimana AI memberi kesan kepada latihan vokasional. Data kualitatif dikumpul melalui analisis kandungan dan tinjauan literatur. Hasil kajian menunjukkan bahawa, terutamanya dalam negara membangun, AI telah digunakan dalam pelbagai sektor ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, apabila AI semakin digunakan, terdapat beberapa isu keselamatan data, penyalahgunaan, dan etika yang perlu ditangani dengan serius. Memandangkan pengalaman, pengetahuan, dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks, kecerdasan buatan tidak setanding dengan kecerdasan manusia. Keperluan untuk memasukkan teknologi AI ke dalam kurikulum dan kaedah pengajaran vokasional adalah cabaran utama. Tanpa latihan dan sokongan yang mencukupi, pensyarah vokasional di universiti awam menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan alat dan metodologi AI. Secara keseluruhan, walaupun AI mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kualiti dan efisiensi pengajaran, usaha yang lebih besar dan menyeluruh diperlukan untuk memastikan penggabungan yang berkesan tanpa mengabaikan aspek kemanusiaan dalam pendidikan vokasional.

The use of artificial intelligence (AI) in vocational training at public universities in Malaysia is the subject of this study. Through applications created by smartphones, computers, driverless vehicles, and drones, artificial intelligence technology has transformed the landscape of daily life. This study aims to conduct a preliminary survey on the use of AI in skilled work, identify emerging issues, and examine how AI impacts vocational training. Qualitative data was collected through content analysis and literature reviews. The findings indicate that, particularly in developing countries, AI has been utilized in various economic and social sectors. However, as AI usage increases, there are several serious issues related to data security, misuse, and ethics that need to be addressed. Given the experience, knowledge, and ability to solve complex problems, artificial intelligence is not on par with human intelligence. The need to incorporate AI technology into the curriculum and vocational teaching methods is a major challenge. Without adequate training and support, vocational lecturers at public universities face difficulties in adapting to AI tools and methodologies. Overall, while AI has the potential to enhance the quality and efficiency of teaching, greater and more comprehensive efforts are required to ensure effective integration without neglecting the human aspect of vocational education.

KAJIAN KES PERLAKSAAN PROGRAM PENDIDIKAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DARI ASPEK KONTEKS DAN INPUT DENGAN MENGGUNAKAN MODEL CIPP

Adriana Farisha Binti Saiful & Salmalina Binti Salleh
adrianafarisha@graduate.utm.my

Program Pendidikan Elektrik dan Elektronik merupakan sebuah program pendidikan yang direka khas bagi melahirkan bakal guru elektrik dan elektronik di dalam sistem pendidikan TVET Malaysia. Kekurangan ilmu pengetahuan berkenaan setiap isi kandungan pelajaran dan tidak mahir menggunakan alatan tangan merupakan antara faktor yang menyebabkan guru pelatih mengalami masalah sewaktu menjalani latihan mengajar. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi cadangan penambahbaikan kurikulum Program Pendidikan Elektrik dan Elektronik yang sedia ada. Model penilaian CIPP digunakan di dalam kajian ini bagi (1) mengenalpasti kesesuaian hasil pembelajaran Program Pendidikan Elektrik dan Elektronik dari segi konteks berdasarkan model CIPP dan (2) mengenalpasti kesesuaian perancangan struktur kurikulum Program Pendidikan Elektrik dan Elektronik dari segi input berdasarkan model CIPP. Kajian ini telah dilaksanakan melalui penyelidikan kualitatif dengan menggunakan instrumen temubual melalui protokol temubual yang dibina oleh pengkaji. Sampel kajian ini dipilih daripada 4 orang ketua jabatan dan ketua program daripada institusi TVET dalam bidang teknologi elektrik dan teknologi elektronik di sekitar Johor. Analisis data yang digunakan di dalam kajian ini ialah analisis tematik. Melalui hasil keseluruhan dapatan kajian, hasil pembelajaran (PLO) program yang telah dirancang adalah sesuai dilaksanakan dan mengikut piawaian umum di dalam pendidikan selaras dengan MQF edisi kedua. Tambahan pula, terdapat beberapa penambahbaikian tentang jam kredit, penyusunan kursus yang ditawarkan dan penambahbaikan kursus elektif bagi minor elektrik dan elektronik terhadap perancangan struktur kurikulum Program Pendidikan Elektrik dan Elektronik. Kajian ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) 2021 hingga 2025 iaitu memartabatkan pendidikan TVET bagi meningkatkan sosioekonomi Malaysia.

The Electrical and Electronics Education Program is an educational program specially designed to produce potential electrical and electronic teachers for the Malaysian TVET education system. A lack of knowledge regarding each lesson's content and a lack of proficiency in using hand tools are among the factors that cause trainee teachers to experience problems during their teaching training. Therefore, this study was carried out to propose curriculum improvements for the existing Electrical and Electronic Education Program. The CIPP evaluation model was used in this study to (1) identify the appropriateness of the learning outcomes of the Electrical and Electronic Education Program in terms of context based on the CIPP model, and (2) identify the appropriateness of the curriculum structure planning of the Electrical and Electronic Education Program in terms of input based on the CIPP model. This study was carried out through qualitative research using

interview instruments developed by the researcher. The sample for this study was selected from four department heads and program heads from TVET institutions in the field of electrical technology and electronic technology around Johor. The data analysis used in this study is thematic analysis. According to the overall results, the program's planned learning outcomes (PLO) are suitable for implementation and adhere to general education standards in line with the second edition of the MQF. Furthermore, there are several improvements regarding credit hours, the organization of courses offered, and the enhancement of elective courses for minors in electricity and electronics in relation to the curriculum structure planning of the Electrical and Electronics Education Program. This study aligns with the Twelfth Malaysia Plan (RMK-12) 2021 to 2025, which aims to dignify TVET education to improve Malaysia's socioeconomics.

HUBUNGAN ANTARA PENGUASAAN AKADEMIK DENGAN TAHAP KEBERGANTUNGAN APLIKASI AI PELAJAR TEKNIKAL DAN KEJURUTERAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Ahmad Azfar Bin Abu Bakar & Muhamad Afzamiman Bin Aripin
ahmadazfar@graduate.utm.my

Perkembangan teknologi yang pesat dan meluas tidak dapat dinafikan telah merevolusikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam dunia hari ini. Terutamanya, kewujudan dan integrasi kecerdasan buatan telah memainkan peranan penting dalam mengubah landskap pendidikan. Diakui secara meluas bahawa, apabila digunakan secara positif , kecerdasan buatan boleh meningkatkan proses pembelajaran dengan baik. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menyiasat sejauh mana pelajar menggunakan aplikasi kecerdasan buatan dengan cara yang memberi kesan positif kepada penguasaan akademik mereka, serta untuk memastikan sama ada terdapat kecenderungan pelajar yang mengunakan AI tanpa berfikir untuk menyiapkan tugasan akademik mereka yang berpotensi membawa kepada kemerosotan penguasaan akademik mereka. Bagi mengenalpasti tujuan kajian ini, kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif dan menggunakan kaedah korelasi untuk mengkaji hubungan antara penguasaan akademik dan kebergantungan aplikasi kecerdasan buatan dalam kalangan pelajar teknikal dan kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Saiz sample yang diambil berdasarkan formula fisher untuk menentukan saiz minimum yang perlu diambil bagi menentukan tahap kepercayaan terhadap kajian ini. Setelah menjalankan penyelidikan dan menganalisis dapatan kajian, terbukti bahawa pelajar teknikal dan kejuruteraan di UTM mempamerkan tahap penguasaan akademik yang tinggi, yang sepadan dengan kebergantungan yang besar terhadap aplikasi kecerdasan buatan. secara purata, responden daripada kajian ini dapat memperoleh manfaat yang ketara daripada penggunaan kecerdasan buatan dan menyumbang kepada peningkatan penguasaan akademik mereka.Kesimpulan daripada kajian ini, majoriti responden memanfaatkan aplikasi AI dalam meningkatkan penguasaan

This study aims to evaluate the effectiveness of gym weight training in improving *leg muscle strength in cycling athletes. The background of the study shows that cycling in Malaysia is growing with athletes who excel at the international level. This study uses an experimental approach involving six cycling athletes from the state of Johor aged between 17 and 21 years. The research methodology involves gym weight training that is systematically planned and monitored by physical fitness trainers and researchers. The subject must undergo a leg strength pre-test and then the subject must undergo a 4-week gym weight training program. The gym weight training program has been produced by the researcher. Subjects are divided into three groups, namely the track group, the gym group and the gym&track group. After four weeks of training, all six subjects had to undergo a leg strength post-test. The leg strength pre and post test was performed using a 6 second sprint test on wahoo with predetermined resistance. The results of the study show that there is a significant increase in leg muscle strength after undergoing gym weight training. Athletes who follow weight training in the gym show an increase in leg strength of around 20%. The discussion shows that gym weight training is important in the*

training program of cycling athletes to improve performance and reduce the risk of injury. Research recommendations include expanding this study with a larger sample and a longer period of time to understand the long-term effects of gym weight training on cycling athletes.

KEBERKESANA PENGGUNAAN WAHOO DALAM MENGHASILKAN KEKUATAN OTOT KAKI KEPADA ATLET SUKAN BERBASIKAL

Mohamad Faiz Bin Mohd Hata & Zainal Abidin B Zainuddin

Kajian lepas membuktikan bahawa kesan program latihan berintensiti tinggi mampu meningkatkan kekuatan otot kaki jika latihan yang diberikan adalah tepat dan mengikut ansur maju yang betul. Kajian ini ingin membuktikan adakah penggunaan alatan Wahoo trainer dapat meningkatkan kekuatan otot kaki kepada atlet berbasikal negeri Johor dan subjek yang menjadikan sukan berbasikal sebagai sukan rekreasi. Kajian ini berbentuk eksperimental dengan pendekatan pre dan post kajian yang melibatkan seramai 6 orang subjek. Subjek dikehendaki melakukan ujian pre terlebih dahulu. Selepas itu, subjek akan menjalani latihan mengikut program latihan yang telah ditetapkan oleh pengkaji selama empat minggu. Seterusnya, subjek akan menjalani ujian post untuk pengkaji mendapatkan data. Data dari ujian yang di ambil untuk perbandingan antara kumpulan menggunakan ujian t-test dan ANOVA Single Factor menggunakan statistical Package for Social Science (SPSS). Keputusan keseluruhan menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($p > 0.05$). Namun, hasil menunjukkan bahawa jika penggunaan Wahoo di tambah dengan latihan Road akan menjadikan nilai ($p < 0.05$). Kesimpulanya, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang maksimum mengenai peningkatan kekuatan otot kaki dengan menggunakan alatan Wahoo Trainer.

Past studies prove that the effect of a high-intensity training program is able to increase leg muscle strength if the training given is accurate and according to the correct advanced tolerance. This study wants to prove whether the use of Wahoo trainer tools can increase leg muscle strength in cycling athletes in the state of Johor and subjects who make cycling a recreational sport. This study is experimental with a pre and post study approach involving a total of 6 subjects. Subjects are required to do a pre-test first. After that, the subjects will undergo training according to the training program that has been set by the researcher for four weeks. Next, the subject will undergo a post-test for the researcher to obtain data. Data from the test taken for comparison between groups using the t-test and Single Factor ANOVA using the statistical Package for Social Science (SPSS). The overall results show a non-significant difference ($p > 0.05$). However, the results show that if the use of Wahoo is added to Road training will increase the value ($p < 0.05$). It is hoped that this study can provide a maximum understanding of increasing leg muscle strength by using Wahoo Trainer tools.

KEBERKESANAN URUTAN SUKAN DAN PNF DALAM MENINGKATKAN PEMULIHAN DALAM KALANGAN ATLET PENCAK SILAT UTM

Muhamad Zafar Iqbal Bin Zulkifly & Izwyn Zulkapri, Dr
muhamadzafariqbal@graduate.utm.my

Penglibatan masyarakat dalam bidang sukan pada masa kini amat memberangsangkan dan penyertaannya semakin meningkat sekaligus menjadi satu cabaran dalam dunia sukan. Kecederaan dalam sukan terutama sukan yang melibatkan sentuhan (contact sport) seperti silat, taekwando, muaythai dan sebagainya sangat terdedah dengan kecederaan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan tahap kecederaan yang dialami oleh atlet Pencak Silat UTM berdasarkan tahap kesakitan sebelum dan selepas mendapatkan rawatan dalam masa 3 minggu dan untuk mengenalpasti keberkesanan rawatan urutan sukan dan PNF berdasarkan limitasi pembengkokkan lutut atlet Pencak Silat UTM selepas 3 minggu . Kajian kes ini melibatkan 8 orang dalam kalangan pelajar prasiswazah di Insitutisi Pengajian Tinggi (IPT) di bahagian Selatan Malaysia iaitu negeri Johor. Borang biografi, skala kesakitan dan julat pembengkokkan lutut yang diadaptasi daripada kajian lepas (Mulya, D. Y., Suwondo, A., & Setyaningsih, Y. 2021) digunakan untuk mengukur tahap kesakitan, julat pembengkokkan lutut dan biografi (umur, jantina, tahun pengajian). Dapatan kajian menunkkan nilai yang signifikan terhadap rawatan urutan sukan dan PNF berdasarkan limitasi pembengkokkan lutut atlet Pencak Silat UTM iaitu baring lutut kiri fleksi 0.01, baring lutut kanan fleksi 0.018, meniarap lutut kiri fleksi 0.01 dan lutut kanan fleksi 0.003 . Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tahap kesakitan kecederaan (pain scale) yang dialami oleh atlet Pencak Silat UTM selepas 3 minggu sebelum rawatan adalah 9 (sakit berat) dan selepas mendapatkan rawatan adalah 4 (sakit sederhana). Hal ini menunjukkan keberkesanan urutan sukan dan PNF dalam bagi pemulihan selepas mendapatkan rawatan dalam tempoh 3 minggu.

The community's involvement in sports nowadays is very encouraging and its participation is increasing at the same time becoming a challenge in the world of sports. Injuries in sports, especially sports that involve contact (contact sport) such as silat, taekwondo, muaythai and so on are very prone to injury. Therefore, this study was conducted to determine the level of injury suffered by UTM Pencak Silat athletes based on the level of pain before and after receiving treatment within 3 weeks and to identify the effectiveness of manual therapy and PNF treatment based on the limitation of knee bending of UTM Pencak Silat athletes after 3 weeks . This case study involves 8 people among undergraduate students at a Higher Education Institution (IPT) in the southern part of Malaysia, namely the state of Johor. The biography form, pain scale and knee flexion range adapted from a previous study (Mulya, D. Y., Suwondo, A., & Setyaningsih, Y. 2021) was used to measure the level of pain, knee flexion range and biography (age, gender, year of study) . The findings of the study show a significant value to the treatment of sports massage and PNF

based on the limitation of knee bending of UTM Pencak Silat athletes, namely lying left knee flexion 0.01, lying right knee flexion 0.018, prone left knee flexion 0.01 and right knee flexion 0.003. In addition, the findings of the study show that the level of injury pain (pain scale) experienced by UTM Pencak Silat athletes after 3 weeks before treatment was 9 and after receiving treatment was 4. This shows the effectiveness of sports massage and deep PNF for recovery after receiving treatment in the period 3 weeks.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA SAINS DENGAN PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) DENGAN KEPUJIAN [SHPSH]

KESAN WAKTU SENAMAN TERHADAP DAYA INGATAN (PAGI VS PETANG)

Ahmad Nuriman Bin Zainal & Zainal Abidin B Zainuddin
ahmadnuriman@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan waktu senaman terhadap daya ingatan, dengan memfokuskan kepada perbezaan antara senaman pada waktu pagi dan waktu petang. Senaman diketahui mempunyai banyak faedah terhadap kesihatan fizikal dan mental, namun masih kurang kajian yang meneliti kesan waktu senaman terhadap fungsi kognitif, terutamanya daya ingatan. Kajian ini akan menyiasat sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam peningkatan daya ingatan apabila senaman dilakukan pada waktu pagi atau waktu petang. Hipotesis kajian menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara kesan senaman pagi dan petang terhadap daya ingatan. Metodologi kajian adalah berbentuk eksperimental dengan penggunaan instrumen ujian daya ingatan sebelum dan selepas melakukan senaman aerobik yang berintensiti sederhana. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang subjek dalam kalangan pelajar di UTM. Pembahagian kumpulan senaman pagi dan senaman petang dipilih secara rawak dengan menggunakan pendekatan double-blinded approach. Selepas melakukan senaman, subjek perlu melakukan 3 ujian berbentuk permainan matematik dimulai dengan permainan Sudoku, Fillomino dan Sifir. Ujian permainan ini digunakan bagi mengukur tahap daya ingatan. Analisis data dari ujian dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan kesan waktu senaman dengan menggunakan Ujian-T sampel tidak bersandar melalui Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 2.0. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara senaman pagi dan senaman petang terhadap peningkatan daya ingatan. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada pelajar dan masyarakat umum dalam memilih waktu senaman yang ideal untuk meningkatkan daya ingatan. Ini juga akan menyumbang kepada penyediaan garis panduan senaman yang lebih berkesan bagi meningkatkan kesihatan kognitif masyarakat.

This study aims to explore the effect of exercise time on memory, focusing on the difference between morning and evening exercise. Exercise is known to have many benefits for physical and mental health, but there is still a lack of research examining the effect of exercise time on cognitive function, especially memory. This study will investigate whether there is a significant difference in improving memory when exercise is done in the morning or in the evening. The research hypothesis states that there is no significant difference between the effect of morning and evening exercise on memory. The research methodology is experimental with the use of memory test instruments before and after performing moderate intensity aerobic exercise. The study sample consisted of 20 subjects among students at UTM. The distribution of morning exercise groups and afternoon exercise groups were randomly selected using a doubleblinded approach. After doing the exercise, the subject has to do 3 tests in the form of mathematical games starting with Sudoku,

Fillomino and Sifir games. This game test is used to measure the level of memory. Data analysis from the test was performed to identify the difference in the effect of exercise time by using the independent sample T-Test through the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 2.0. The results of the study show that there is no significant difference between morning exercise and evening exercise in improving memory. The results of the study are expected to provide guidance to students and the general public in choosing the ideal exercise time to improve memory. This will also contribute to the provision of more effective exercise guidelines to improve the cognitive health of the community

KECERDASAN EMOSI ATLET SUKAN BERPASUKAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN NUSA JAYA

Andi Putra Syahrizal Bin Mahri & Muhamad Hafiz Bin Ismail
andiputrasyahrizal@graduate.utm.my

Kecerdasan emosi (EQ) merujuk kepada keupayaan individu bagi mengenalpasti serta berupaya untuk mengurus emosi kendiri dengan baik. Kajian ini mempunyai satu objektif iaitu mengenal pasti kecerdasan emosi (EQ) atlet sukan berpasukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusajaya, Gelang Patah, Johor. Seramai 30 orang pelajar yang terdiri daripada atlet sukan berpasukan di sekolah berkenaan telah menjadi responden bagi kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar yang berumur 13 tahun, 14 tahun dan 16 tahun. Seterusnya, instrumen yang digunakan adalah Iventori Kecerdasan Emosi Malaysia (IKEM) yang mempunyai 25 item bagi mengukur kecerdasan emosi pelajar. Bagi kajian ini, data yang diperoleh hasil daripada soal selidik yang dilakukan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statiscal Package for Social Science Version 27 for Windows (SPSS V27) bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Kajian ini menunjukkan implikasi emosi sama ada positif atau negatif mampu untuk memberikan pengaruh terhadap prestasi sukan sama ada stamina ataupun mental terhadap setiap bidang sukan yang dimasuki.

Emotional intelligence (EQ) refers to an individual's ability to identify and manage their own emotions well. This study has one objective which is to identify the emotional intelligence (EQ) of team sports athletes at Taman Nusajaya National Secondary School, Gelang Patah, Johor. A total of 30 students who are team sports athletes at the school have been respondents for this study. They consist of students who are 13 years old, 14 years old and 16 years old. Next, the instrument used is the Malaysian Emotional Intelligence Inventory (IKEM) which has 25 items to measure students' emotional intelligence. For this study, the data obtained from the questionnaire was analyzed descriptively by using the software Statistical Package for Social Science Version 27 for Windows (SPSS V27) to obtain the mean value and standard deviation. This study shows that emotional implications, whether positive

or negative, can have an influence on sports performance, whether it's stamina or mental for every sport that is entered.

KESAN LATIHAN MASA REAKSI TERHADAP MASA YANG DIAMBIL SEMASA FASA LONJAKAN LARIAN PECUT DAN MASA KESELURUHAN LARIAN

Basil Dap Anak Sani & Nur Fatihah Binti Raimi
basildap@graduate.utm.my

Kekuatan otot, teknik larian, daya tahan otot dan kuasa eksplosif telah dibuktikan sebagai penyumbang kepada prestasi atlet pecut. Terdapat kajian melaporkan bahawa masa reaksi juga memainkan peranan penting bagi mempercepatkan masa larian. Namun, kajian yang dijalankan bagi membuktikan bahawa latihan masa reaksi berjaya mempercepatkan masa larian amat terhad. Justeru pengkaji ingin melihat sejauh mana latihan masa reaksi ini mempengaruhi masa yang diambil semasa fasa lonjakan dan masa keseluruhan larian. Kajian ini merupakan kajian eksperimental terhadap terhadap 10 orang atlet pecut lelaki Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Atlet dibahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan latihan yang menjalani latihan masa reaksi. Latihan masa reaksi adalah penting untuk meningkatkan keupayaan atlet memberikan respon dengan cepat dan tepat terhadap isyarat mula dalam larian pecut dan situasi lain yang memerlukan tindak balas pantas. Pengukuran dilakukan sebelum dan selepas tempoh latihan untuk menilai perubahan dalam masa fasa lonjakan, dan masa keseluruhan larian. Keputusan menunjukkan bahawa kumpulan latihan hanya mengalami perningkatan yang kecil dalam perubahan masa lonjakan dan masa keseluruhan larian. Sebaliknya kumpulan kawalan menunjukan perningkatan yang lebih tinggi daripada kumpulan latihan dalam perubahan masa lonjakan dan masa keseluruhan larian. Ujian t-test independent dilakukan bagi melihat masa yang diambil untuk sebelum dan selepas latihan masa reaksi terhadap masa yang diambil semasa fasa lonjakan dan masa keseluruhan larian antara kumpulan. Dapatan kajian menunjukan tidak terdapat perbezaan signifikan ($p>0.482$) diantara kumpulan kawalan dan latihan terhadap perubahan masa fasa lonjakan. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan ($p>0.502$) diantara kumpulan kawalan dan latihan bagi perubahan masa keseluruhan. Kesimpulannya, latihan masa reaksi hanya memberikan sedikit perubahan sahaja untuk mengurangkan masa larian. Melalui keputusan ini dapat dilihat bahawa latihan masa reaksi sahaja mungkin tidak mencukupi untuk meningkatkan prestasi larian pecut dan perlu digabungkan dengan pendekatan latihan yang lebih menyeluruh.

Muscular strength, running technique, muscular endurance and explosive power have been proven to contribute to the performance of sprinters. There are studies reporting that reaction time also plays an important role in speeding up running time. However, the research conducted to prove that reaction time training

successfully accelerates running time is very limited. Thus the researcher wants to see how far this reaction time training affects the time taken during the jump phase and the overall running time. This study is an experimental study on 10 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) male sprinters. Athletes were divided into two groups, a control group and a training group that underwent reaction time training. Reaction time training is important to improve the athlete's ability to respond quickly and accurately to the start signal in sprints and other situations that require quick reactions. Measurements were performed before and after the training period to assess changes in spike phase time, and overall running time. The results showed that the training group experienced only a small increase in the change in jump time and overall running time. On the other hand, the control group showed a higher increase than the training group in the change in jump time and overall running time. An independent t-test was performed to see the time taken for pre- and post-training reaction time against the time taken during the jump phase and the overall running time between groups. The results of the study show that there is no significant difference (p>0.482) between the control and training groups regarding the change in the surge phase time. The findings of the study also show that there is no significant difference (p>0.502) between the control and training groups for the overall time change. In conclusion, reaction time training provides only minor changes to reduce running time. Through these results it can be seen that reaction time training alone may not be sufficient to improve sprint performance and should be combined with a more comprehensive training approach.

KESAN PENGGUNAAN ELECTRIC MUSCLE STIMULATION TERHADAP KEUPAYAAN KONTRAKSI OTOT TANGAN PESAKIT STROK : KAJIAN KES

Boy De Freddie Juhanes & Syahrul Ridhwan Bin Morazuki
freddie@graduate.utm.my

Electric Muscle Stimulation (EMS) merupakan salah satu intervensi terapeutik yang berpotensi untuk meningkatkan fungsi otot pesakit strok. Walau bagaimanapun, keberkesanan EMS dalam meningkatkan kadar kontraksi otot, keupayaan dan koordinasi pada bahagian tangan masih belum banyak dieksplorasi. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan EMS terhadap keupayaan kontraksi otot serta keupayaan dan koordinasi tangan pesakit strok. Kajian kes ini memerlukan subjek menjalankan ujian handgrip strength untuk mendapatkan nilai kontraksi otot dan Vienna Test System: Motor Performance Series Workboard (VTS: MLS) untuk mendapatkan skor bagi aktiviti Aimming, Tapping, Line Tracking dan Steadiness sebelum dan selepas intervensi EMS pada frekuensi 12Hz selama 20 minit, 3 kali seminggu selama 6 minggu. Dapatan kajian mendapati peratus peningkatan kontraksi bagi otot Left Extensor Digitorum adalah sebanyak 37.54%, Left Extensor Carpi Radialis sebanyak 128.61%, dan Left Brachioradialis adalah sebanyak 54.36%. Peratus perubahan skor ujian handgrip turut mencatatkan

peningkatan sebanyak 94.5%. Bagi ujian keupayaan dan koordinasi tangan, peratusan peningkatan bagi aktiviti Aimming adalah sebanyak 50.43%, aktiviti Tapping meningkat sebanyak 15.76%, aktiviti Line Tracking meningkat sebanyak 11.27% dan aktiviti Steadiness sebanyak 16.97%. Oleh itu, penggunaan EMS dalam intervensi terapeutik memberikan kesan kepada kontraksi otot, keupayaan dan koordinasi tangan pesakit strok yang memberikan implikasi yang positif untuk menjalankan hidup yang lebih berkualiti.

Electric Muscle Stimulation (EMS) is a therapeutic intervention with the potential to enhance muscle function in stroke patients. However, the effectiveness of EMS in improving muscle contraction rates, capability, and coordination in the hand has not been extensively explored. Therefore, this study aims to examine the effects of EMS on muscle contraction ability, as well as hand capability and coordination in stroke patients. This case study required the subject to perform a handgrip strength test to obtain muscle contraction values and the Vienna Test System: Motor Performance Series Workboard (VTS: MLS) to obtain scores for Aiming, Tapping, Line Tracking, and Steadiness activities before and after EMS intervention at a frequency of 12Hz for 20 minutes, three times a week for six weeks. The findings revealed that the percentage increase in contraction for the Left Extensor Digitorum muscle was 37.54%, the Left Extensor Carpi Radialis muscle was 128.61%, and the Left Brachioradialis muscle was 54.36%. The handgrip test score percentage also recorded an increase of 94.5%. For the hand capability and coordination tests, the percentage improvement for Aiming activity was 50.43%, Tapping activity increased by 15.76%, Line Tracking activity increased by 11.27%, and Steadiness activity increased by 16.97%. Therefore, the use of EMS in therapeutic interventions has a positive impact on muscle contraction, hand capability, and coordination in stroke patients, contributing to a better quality of life.

TAHAP KESAKITAN DI OTOT CALF DAN QUADRICEP PADA POSISI STATIK DAN DINAMIK BAGI ATLET TARIK TALI UTM

Gogulaan A/l Ravintharan & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
gogulaan@graduate.utm.my

Tarik tali merupakan satu sukan yang dimain secara professional. Tarik tali ialah permainan yang dimainkan oleh orang dari seluruh dunia. Kesakitan otot adalah masalah yang sering dihadapi oleh atlet, terutama bagi mereka yang terlibat dalam sukan yang memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi seperti sukan tarik tali. Kesakitan otot adalah masalah yang kerap dialami oleh atlet tarik tali, terutamanya pada otot quadriceps dan calf. Kajian ini bertujuan untuk menilai dan membandingkan tahap kesakitan di bahagian otot quadriceps dan calf pada posisi statik dan dinamik dalam kalangan atlet tarik tali di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sampel kajian terdiri daripada lima atlet sukan tarik tali yang mewakili UTM. Pengkaji menggunakan beberapa instrument kajian seperti borang akuan

subjek, borang skor ujian dan VAS untuk melaksanakan kajian ini. Pengkaji menjalankan ujian seperti ujian squat, wall sit, standing calf raise dan juga ujian incline trademill walking untuk mendapatkan tahap kesakitan. Kajian ini menggunakan data diskriptif membincangkan min dan sisihan piawai bagi tahap kesakitan yang terdapat pada bahagian otot quadriceps dan calve pada posisi statik dan dinamik. Data infrensi membincangkan nilai p bagi perbezaan kesakitan yang terdapat pada bahagian otot calf dan quadricep selepas latihan pada posisi statik dan dinamik. Hasil kajian menunjukkan nilai- p yang didapati adalah 0.008 untuk posisi statik dan 0.004 untuk posisi dinamik, kedua-dua dapatan menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap kesakitan antara otot calf dan quadriceps selepas latihan. Latihan statik menyebabkan kesakitan yang lebih tinggi pada otot calf, sementara latihan dinamik menyebabkan kesakitan yang lebih tinggi pada otot quadriceps. Kesimpulannya, jenis posisi latihan memberi impak yang berbeza terhadap kedua-dua otot tersebut..

Tug of war is a sport that is played professionally. Tug of war is a game played by people from all over the world. Muscle soreness is a problem that athletes often face, especially for those involved in sports that require high physical strength such as tug-of-war. Muscle soreness is a frequent problem experienced by tug-of-war athletes, especially in the quadriceps and calf muscles. This study aims to assess and compare the level of pain in the quadriceps and calf muscles in static and dynamic positions among tug-of-war athletes at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The study sample consisted of five tug of war athletes representing UTM. The researcher used several research instruments such as the subject declaration form, test score form and VAS to carry out this study. The researchers conducted tests such as squat tests, wall sits, standing calf raises and even incline trademill walking tests to get the level of pain. This study used descriptive data to discuss the mean and standard deviation for the level of pain found in the quadriceps and calve muscles in static and dynamic positions. The inference data discussed the p-value of the difference in pain in the calf and quadricep muscles after training in static and dynamic positions. The results showed that the p-value found was 0.008 for the static position and 0.004 for the dynamic position, both findings showed a significant difference in the level of pain between the calf muscles and the quadriceps after training. Static training causes higher pain in the calf muscles, while dynamic training causes higher pain in the quadriceps muscles. In conclusion, the type of training position has a different impact on the two muscles.

BMI CHANGES THROUGH REGULAR ACTIVITY AMONG OVERWEIGHT SPORTS SCIENCE STUDENTS

Goh Pei Ying & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
gohying@graduate.utm.my

Pada era globalisasi ini, isu penyakit kronik dalam kalangan masyarakat semakin serius dan mengikuti kes kematian juga turut meningkat. Salah satu faktor yang utama menyebabkan isu-isu tersebut berlaku ialah seseorang itu merupakan kategori berlebihan berat badan atau obesiti. Biasanya orang begini kurang mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti melaksanakan aktiviti berkala yang sihat. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mewujudkan satu kaedah yang mudah dan berkos rendah yang mengkaji perubahan Indeks Jisim Badan (BMI) menerusi aktiviti berkala dalam kalangan pelajar sains sukan yang berlebihan berat badan. Pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif diaplikasikan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat seramai 13 orang (N=13) subjek daripada Program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan), UTM yang memiliki BMI pada kategori berat badan berlebihan iaitu 25.0 kg/m² hingga melebihi 29.9 kg/m². berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Selama 21 hari, subjek perlu mencatat aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan dari pagi hingga malam dalam borang maklumat. Tiada rancangan program atau modul latihan khusus bagi subjek, subjek hanya perlu mengikuti situasi tersendiri dan merancang aktiviti harian. BMI subjek dalam pra ujian dan pos ujian akan diukur. Pengkaji menilai dan menyenaraikan jenis aktiviti berkala subjek berdasarkan Metabolic Equivalent of Task (MET) dengan tahap intensiti aktiviti seperti tahap intensiti rendah, sederhana atau tinggi. Hail kajian mendapati bahawa penurunan yang signifikan purata pra BMI dan pos BMI iaitu sebanyak 27.27±1.10 kg/m² sebelum kajian kepada 26.71±1.15 kg/m² selepas kajian. Seramai 8 orang subjek berjaya menurunkan BMI selepas 21 hari manakala 5 orang subjek mengekalkan BMI selepas 21 hari. Keputusan yang dinilai dan dianalisis daripada ujian T sampel berpasangan menunjukkan perubahan yang signifikan iaitu pada nilai ($P<0.05$). Penetapan tema menerusi aktiviti berkala juga ditentukan supaya menjadi cadangan kepada golongan masyarakat untuk menurunkan berat badan. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa menerusi aktiviti berkala selama 21 hari memberikan perubahan yang signifikan dan kesan positif kepada BMI subjek.

In this era of globalization, the issue of chronic diseases within society has become *increasingly serious, and the associated mortality rates are also increasing. One of the primary factors contributing to these issues is individuals falling into the category of being overweight or obese. This category usually involves individuals without a healthy lifestyle, such as regular physical activities. The main purpose of this study is to establish a simple and low-cost method to examine changes in Body Mass Index (BMI) through regular activities among overweight sports science students. Both quantitative and qualitative approaches are applied in this study. This study involved 13 subjects (N=13) from the Bachelor of Science and Education (Sports Science) Program in UTM, who have a BMI in the overweight category (25.0*

kg/m² to over 29.9 kg/m²). These subjects were interested in participating in this study. Over 21 days, the subjects recorded their daily activities from morning to night in an information form. The subjects had no specific program or training module; they were only required to follow their routines and plan their daily activities. The subjects' BMI was measured before and after the test period. The researchers evaluated and categorized the types of regular activities based on the Metabolic Equivalent of Task (MET) and the intensity level of the activities, such as low, moderate, or vigorous intensity. The results of the study showed that there was a change in the mean ± standard deviation of BMI from 27.27±1.10 in the pre-test to 26.71±1.15 in the post-test. A total of 8 subjects successfully reduced their BMI after 21 days, while five subjects maintained their BMI. The results, evaluated and analyzed using paired sample t-tests, showed a significant change with a value of (P<0.05). Identifying themes through regular activities was also determined to provide suggestions for the general public to reduce weight. In conclusion, this study found that regular activities over 21 days resulted in significant changes and positive effects on the subjects' BMI.

KEKUATAN GENGGAMAN OTOT TANGAN DALAM KALANGAN ATLET KAYAK MALAYSIA

Haanii Annatasha Binti Mohd Azmi @ Hyacinth & Hadafi Fitri Bin Mohd Latip

haaniiannatasha@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap kekuatan genggaman otot tangan dalam kalangan atlet kayak Malaysia dan menganalisis perbezaan kekuatan tangan kanan dan kiri. Objektif pertama kajian ini adalah untuk menilai tahap kekuatan genggaman tangan atlet kayak Malaysia secara keseluruhan, manakala objektif kedua adalah untuk menganalisis perbezaan kekuatan antara tangan kanan dan tangan kiri dalam kalangan atlet. Persampelan dilakukan dengan memilih atlet kayak Malaysia yang aktif dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Prosedur persampelan dan kaedah pengumpulan data diterangkan secara terperinci, termasuk penggunaan instrumen tinjauan yang disahkan untuk mengukur kekuatan genggaman otot tangan. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah statistik yang sesuai untuk mendapatkan hasil yang bermakna. Hasil kajian menunjukkan kekuatan genggaman otot tangan kiri dan kanan bagi atlet kayak tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Ini menunjukkan bahawa latihan yang dijalankan oleh atlet adalah seimbang dan berkesan untuk kedua-dua belah tangan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara dalam kekuatan otot antara jantina. Atlet lelaki menunjukkan kekuatan otot yang lebih tinggi berbanding atlet wanita, yang mungkin disebabkan oleh faktor fisiologi dan jenis latihan yang dilakukan. Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran yang mendalam

tentang kekuatan genggaman otot tangan dalam kalangan atlet kayak Malaysia. Penemuan ini boleh digunakan untuk mereka bentuk program latihan yang lebih berkesan dan khusus untuk meningkatkan prestasi atlet. Latihan yang seimbang untuk kedua-dua lengan adalah penting, tetapi perhatian khusus harus diberikan kepada perbezaan jantina dalam kekuatan otot. Dengan pendekatan latihan yang lebih fokus, prestasi atlet kayak Malaysia dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

This study was conducted to measure the level of hand muscle grip strength among Malaysian kayak athletes and to analyze the difference in right and left hand strength. The first objective of this study is to assess the hand grip strength level of Malaysian kayak athletes as a whole, while the second objective is to analyze the difference in strength between the right hand and left hand among athletes. Sampling was done by selecting Malaysian kayak athletes who are active in nationa level competitions. Sampling procedures and data collection methods are described in detail, including the use of a validated survey instrument to measure hand muscle grip strength. The collected data is analyzed using appropriate statistical methods to obtain meaningful results. The results of the study show that the grip strength of the left and right hand muscles for kayak athletes does not show a significant difference. This shows that the exercises carried out by the athletes are balanced and effective for both hands. However, there are significant differences in muscle strength between the gender. Male athletes show higher muscle strength than female athletes, which may be due to physiological factors and the type of training performed. In conclusion, this study provides an in-depth picture of hand strength profiles among Malaysian kayak athletes. These findings can be used to design more effective and specific training programs to improve athlete performance. Balanced training for both arms is important, but special attention should be paid to gender differences in muscle strength. With a more focused training approach, the performance of Malaysian kayak athletes can be improved to a higher level.

HUBUNGAN KEMAHIRAN MOTOR HALUS DAN PERKEMBANGAN BAHASA LISAN KANAK-KANAK BERUMUR EMPAT TAHUN

Hajar Fatini Binti Md. Yusoff & Halijah Bt. Ibrahim
hajarfatini@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara perkembangan motor halus dengan perkembangan bahasa lisan kanak-kanak yang berumur empat tahun. Metodologi kajian ini adalah melalui pemerhatian serta ujian kemahiran motor halus dan ujian penilaian perkembangan bahasa lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian lapangan dengan pemilihan sepuluh orang subjek yang berumur empat tahun terdiri daripada lima orang lelaki dan lima orang perempuan. Tiga item dari ujian Bruininks-Oseretsky Test of Motor Proficiency (BOTMP-2) digunakan untuk mengukur tahap perkembangan motor halus kanak-

kanak dan satu aspek dari ujian Indikator Kemahiran Literasi Awal (IKLA) digunakan bagi menilai tahap perkembangan bahasa lisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat korelasi di antara perkembangan kemahiran motor halus dengan perkembangan bahasa lisan kanak-kanak berumur empat tahun melalui item tumpuan iaitu hubungan ujian tumpuan dengan mewarna bentuk (r=0.59), tumpuan dengan menyalin bulatan (r=0.51) dan tumpuan dengan membuat titik dalam bulatan (r=0.61). Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa aktiviti teraputik yang memerlukan tumpuan dan respon dari kanak kanak dapat meningkatkan perkembangan motor halus dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

This study was conducted to identify the relationship between fine motor development and oral language development in four-year-old children. The methodology of this study involved observation as well as fine motor skills tests and oral language development assessment tests. This study utilized a field study approach with a selection of ten four-year-old subjects, consisting of five boys and five girls. Three items from the Bruininks-Oseretsky Test of Motor Proficiency (BOTMP-2) were used to measure the level of fine motor development in the children, and one aspect from the Early Literacy Skills Indicators (ELSI) test was used to assess the level of oral language development. The findings of the study showed that there is a correlation between the development of fine motor skills and the development of oral language in four-year-old children through the focus items, namely the relationship between the focus test and coloring shapes (r=0.59), focus and copying a circle (r=0.51), and focus and making dots in circles (r=0.61). These findings are consistent with previous studies which stated that therapeutic activities requiring focus and response from children can enhance the development of fine motor skills and children's language development.

KEBERKESANAN PENGGUNAAN TENS DAN PAD PEMANAS ELEKTRIK DALAM KALANGAN ATLET

Haziq Danial Bin Ruslam & Muhamad Hafiz Bin Ismail
haziqdanial@graduate.utm.my

TENS ialah kaedah rawatan mudah yang menyampaikan impuls elektrik melalui kulit. Sakit belakang adalah salah satu punca utama ketidakupayaan di seluruh dunia. Pengurusan terapeutik pesakit atau individu yang menghidap LBP kronik (Lower Back Pain) sememangnya mencabar terutama bagi individu yang aktif bersukan. Selain itu, aplikasi haba juga boleh memberi kesan positif pada kesakitan, fungsi fizikal, ketidakupayaan, julat pergerakan, kualiti hidup, kekuatan otot dan kekejangan tisu. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan TENS (Transcutaneous Electrical Nerve Stimulation) dan pad pemanas elektrik (Hot pack) dalam mengurangkan kesakitan pada bahagian belakang subjek. Kajian ini melibatkan reka bentuk penyelidikan eksperimen dengan 10 orang individu

dibahagikan kepada dua kumpulan, kumpulan yang menjalani TENS dan pad haba (A) dan kumpulan kawalan (B) dalam tempoh empat minggu. Semua subjek dikehendaki menjalani pra dan pasca dengan melakukan palpasi (palpation) untuk mengukur atau mengenal pasti tahap kesakitan yang dialami di bahagian belakang badan dengan menggunakan NRPS (Numeric Rating Pain Scale). Ujian t berpasangan digunakan untuk membandingkan penilaian pra dan pasca sakit belakang dalam kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) antara lakuan pra dan pasca dalam kumpulan A, manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kumpulan B dari segi tahap kesakitan. Kesimpulannya, penggunaan TENS dan pad haba ini dapat mengurangkan kesakitan sakit belakang yang dialami oleh seseorang individu.

TENS is a simple treatment method that delivers electrical impulses through the skin. Back pain is one of the leading causes of disability worldwide. Therapeutic management of patients or individuals suffering from chronic LBP (Lower Back Pain) is indeed challenging, especially for individuals who are active in sports. In addition, heat application can also have a positive effect on pain, physical function, disability, range of motion, quality of life, muscle strength and tissue stiffness. The main purpose of this study is to evaluate the effectiveness of TENS (Transcutaneous Electrical Nerve Stimulation) and electric heating pad (Hot pack) in reducing pain in the subject's back. This study involved an experimental research design with 10 individuals divided into two groups, a group that underwent TENS and heat pads (A) and a control group (B) over a period of four weeks. All subjects are required to undergo pre and post palpation to measure or identify the level of pain experienced in the back of the body using the NRPS (Numeric Rating Pain Scale). Paired t-tests were used to compare pre- and post-assessments of back pain within groups. The findings of the study show a significant difference ($p<0.05$) between pre and post behavior in group A, while there is no significant difference in group B in terms of pain level. In conclusion, the use of TENS and heat pads can reduce back pain experienced by an individual.

KESAN LATIHAN PLIOMETRIK TERHADAP KEKUATAN OTOT BAWAH BADAN ATLET SEPAK TAKRAW UTM

Hazwan Hakim Bin Napis & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
hazwanhakim@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan Pliometrik terhadap kekuatan otot bawah badan atlet sepak takraw di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Penyelidikan ini melibatkan tiga orang atlet sepak takraw lelaki yang terdiri daripada tekong, perejam, dan pengumpan. Kaedah eksperimental digunakan dengan mengaplikasikan pra-ujian dan pasca-ujian Standing Broad Jump. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27 dan Microsoft Excel. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam prestasi lompatan berdiri selepas intervensi latihan Pliometrik. Min jarak lompatan meningkat daripada 222.66 cm dalam ujian pra kepada 237 cm dalam ujian pasca, dengan peningkatan min sebanyak 14.34 cm. Walau bagaimanapun, sisihan piawai turut meningkat dari 7.5056 kepada 14.7309, menunjukkan variasi yang lebih besar dalam prestasi individu selepas latihan. Ujian statistik t menunjukkan nilai t adalah 2.226 dan nilai p adalah 0.156, yang lebih besar daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam prestasi tidak signifikan secara statistik. Oleh itu, walaupun terdapat peningkatan dalam prestasi selepas latihan Pliometrik, peningkatan tersebut tidak cukup signifikan untuk disahkan secara statistik. Kesimpulannya, latihan Pliometrik menunjukkan potensi dalam meningkatkan kekuatan otot bawah badan atlet sepak takraw, namun kajian lanjut dengan bilangan subjek yang lebih besar dan metodologi yang lebih komprehensif diperlukan untuk mengesahkan keberkesanan latihan ini. Kajian ini menyediakan asas penting untuk penyelidikan seterusnya dan panduan kepada jurulatih dalam merancang program latihan yang lebih efektif.

This study aims to evaluate the effectiveness of plyometric training on the lower body muscle strength of sepak takraw athletes at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The research involved three male sepak takraw athletes, including a tekong, a striker, and a feeder. An experimental method was employed, utilizing pre-test and post-test Standing Broad Jump assessments. Data were analyzed using SPSS version 27 and Microsoft Excel. The study's findings indicate an improvement in standing jump performance following the plyometric training intervention. The mean jump distance increased from 222.66 cm in the pre-test to 237 cm in the post-test, reflecting a mean increase of 14.34 cm. However, the standard deviation also increased from 7.5056 to 14.7309, indicating greater variation in individual performance after the training. The statistical t-test showed a t-value of 2.226 and a p-value of 0.156, which is greater than 0.05. This indicates that the improvement in performance is not statistically significant. Therefore, while there was an improvement in performance after plyometric training, it was not sufficient to be confirmed as statistically significant. In conclusion, plyometric training shows potential in enhancing the lower body muscle strength of sepak takraw athletes. However, further studies with larger sample sizes and more comprehensive

methodologies are needed to confirm the effectiveness of this training. This study provides an important foundation for future research and guidance for coaches in designing more effective training programs.

"TINJAUAN PERSEPSI MAHASISWA TAHUN EMPAT SEKOLAH PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP OBESITI : FAKTOR, KESAN, DAN STRATEGI PENGURUSAN"

Jude Russel Justtin & Muhamad Hafiz Bin Ismail
judejusttin@graduate.utm.my

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi mahasiswa Tahun 4 Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya obesiti, kesan berlakunya obesiti serta strategi pengurusan obesiti dalam kalangan mahasiswa. Obesiti membawa maksud sebagai pengumpulan lemak berlebihan dalam tisu adipos yang dikenalpasti melalui Indeks Jisim Tubuh (BMI). Kajian ini menggunakan metodologi tinjauan dengan populasi sasaran terdiri daripada mahasiswa tahun akhir Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian merangkumi soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk mendapatkan data demografi responden serta persepsi mereka terhadap faktor, kesan dan strategi pengurusan obesiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor berlaku obesiti yang paling ramai mahasiswa setuju adalah tiada penglibatan dalam aktiviti fizikal. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kesan obesiti yang paling ramai mahasiswa setuju adalah masalah kesihatan jangka panjang seperti penyakit jantung dan diabetes. Bagi strategi pengurusan obesiti yang paling disetujui oleh mahasiswa adalah pelbagaikan pilihan makanan yang sihat dan berkhasiat di kantin kampu. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami isu obesiti dalam kalangan mahasiswa dan menyediakan panduan untuk intervensi yang lebih berkesan.

This study was conducted to find out the perceptions of Year 4 students of the School of Education, Universiti Teknologi Malaysia, on the factors that influence obesity, the effects of obesity, and obesity management strategies among students. Obesity refers to the accumulation of excess fat in adipose tissue, known for sure through the Body Mass Index (BMI). This study uses a survey methodology with a target population consisting of final-year students of Universiti Teknologi Malaysia. The research instrument includes a questionnaire that is divided into several sections to obtain the respondents' demographic data as well as their perceptions of factors, effects, and obesity management strategies. The findings of the study show that the most common cause of obesity among students is a lack of physical activity. Furthermore, this study discovered that the effects of obesity that most students agree on are long-term health problems such as heart disease and diabetes. As for the obesity management strategy most agreed upon by the students, there are a variety of healthy and nutritious food options in the campus canteen. This study

makes an important contribution to understanding the issue of obesity among students and provides guidance for more effective interventions.

TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN PERTOLONGAN CEMAS DI KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN PENDIDIKAN (KIMIA) DENGAN KEPUJIAN, SEKOLAH PENDIDIKAN, FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Matius Njuk Yakup & Kamaruzaman Bin Soeed
yakup@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan penguasaan pertolongan cemas di kalangan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kimia) dengan Kepujian di Universiti Teknologi Malaysia. Terdapat banyak kes kemalangan di sekolah yang menyebabkan kecederaan pelajar akibat kelalaian dan kekurangan pengetahuan tentang pertolongan cemas. Selain itu, didapati bahawa tahap penguasaan pertolongan cemas di kalangan guru tidak memuaskan dan tidak selari dengan apa yang telah dipelajari. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang pertolongan cemas, tahap penguasaan pertolongan cemas, dan perbezaan tahap pengetahuan dan penguasaan di kalangan pelajar tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan bukan berbentuk eksperimental dengan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 28 orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kimia) di Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian berupa borang soal selidik yang merangkumi bahagian demografi, tahap pengetahuan, dan tahap penguasaan. Analisis data dilakukan menggunakan perisian SPSS versi 29.0 dengan kaedah analisis deskriptif dan ujian-t tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar adalah tinggi dengan min 3.86 dan sisihan piawai 0.70. Manakala, tahap penguasaan pertolongan cemas adalah sederhana dengan min 2.90 dan sisihan piawai 0.82. Dapatan kajian bagi analisis inferensi pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan dan tahap penguasaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai pertolongan cemas, namun tahap penguasaan mereka adalah sederhana. Ini menunjukkan keperluan untuk mempertingkatkan latihan praktikal dan pengalaman dalam pertolongan cemas untuk memastikan pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan lebih berkesan dalam situasi sebenar.

This study aims to identify the level of knowledge and mastery of first aid among final-year Bachelor of Science in Education (Chemistry) with Honors students at Universiti Teknologi Malaysia. There have been numerous accidents in schools resulting in student injuries due to negligence and lack of knowledge about first aid.

Additionally, it has been found that the mastery level of first aid among teachers is unsatisfactory and not aligned with what has been taught. The objectives of this study are to identify the students' level of knowledge about first aid, the level of mastery of first aid, and the differences in the level of knowledge and mastery among these students. This study employs a non-experimental survey design with a quantitative approach. The study sample consists of 28 final-year Bachelor of Science in Education (Chemistry) students at Universiti Teknologi Malaysia. The research instrument is a questionnaire that includes demographic sections, knowledge level, and mastery level. Data analysis was conducted using SPSS version 29.0 with descriptive analysis methods and independent t-tests. The study's findings indicate that the students' knowledge level is high with a mean of 3.86 and a standard deviation of 0.70. Meanwhile, the level of first aid mastery is moderate with a mean of 2.90 and a standard deviation of 0.82. The findings from the inferential analysis show no significant differences in the level of knowledge and mastery between male and female students. Overall, this study shows that students have a high level of knowledge regarding first aid, but their mastery level is moderate. This indicates the need to enhance practical training and experience in first aid to ensure that students can apply their knowledge more effectively in real-life situations.

KESAN PENGAMBILAN MAKANAN BERKALORI RENDAH TERHADAP PRESTASI SPECIAL JUDO FITNESS TEST (SJFT) ATLET JUDO JOHOR

Matronati Mel Motusin & Kamaruzaman Bin Soeed
matronati@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pengaruh pengambilan makanan berkalori rendah atas prestasi Special Judo Fitness Test (SJFT). Dalam kajian yang sebelum ini, kesan terhadap penurunan berat badan atas prestasi atlet Judo telah diuji menggunakan teknik berasaskan makmal yang mungkin tidak dapat mengungkapkan keseluruhan berkenaan pertempuran Judo yang sebenar (Lakičević et al., 2020). Objektif bagi kajian ini ialah mengenalpasti prestasi SJFT, membanding prestasi SJFT sebelum dan selepas pengambilan makanan berkalori rendah dan membandingkan prestasi SJFT kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi atlet Judo Johor. Kumpulan atlet yang berpengalaman dalam Judo akan menjadi subjek. Seramai enam orang subjek diambil untuk melaksanakan kajian ini dan akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kajian ini akan memantau pengambilan makanan atlet selama 14 hari sebagai persediaan ke pertandingan dan menilai prestasi atlet terhadap ujian Special Judo Fitness Test (SJFT) sebelum dan selepas kajian dijalankan. Keputusan bagi kajian ini memperlihatkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan melalui ujian SJFT dan dianalisis menggunakan Ujian T Sampel Berpasangan yang di atas kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Penemuan daripada kajian ini mengharapkan dapat memberikan pemahaman berkenaan bagaimana pengambilan

makanan berkalori rendah mampu mempengaruhi prestasi atlet dan tindak balas fisiologi atlet Judo dengan potensi implikasi untuk sukan tempur yang lain juga (Lakičević et al., 2020). Kajian ini dapat menyumbang kepada pengetahuan sedia ada dengan mengkaji kesan khusus tenaga yang terhad dan pengambilan cecair yang terhad atas atlet Judo sepanjang tempoh latihan dijalankan. Cadangan untuk kajian akan datang adalah tempoh kajian perlu dipanjangkan untuk mendapat kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Selain itu, memperbanyakkan lagi bilangan subjek kerana bilangan subjek mampu mempengaruhi data yang diperolehi dimana data tersebut lebih tekal.

This study was conducted to study the impact of low-calorie food intake on performance of the Special Judo Fitness Test (SJFT). In previous studies, the effect on weight loss on the performance of Judo athletes has been tested using laboratory-based techniques that may not be able to reveal the whole regarding actual Judo battles (Lakičević et al., 2020). The objective of the study was to identify the performance of SJFT, compare the performance before and after a low-calorie meal intake and compare performance of experimental and control groups of Johor Judo athletes. A group of experienced athletes in Judo will be the subject. A total of six subjects were taken to carry out the study and would be divided into two groups: the experimental group and the control group. The study will monitor the dietary intake of athletes for 14 days in preparation for the competition and evaluate the athlete's performance on the Special Judo Fitness Test (SJFT) test before and after the study was conducted. The results of this study showed that there were no significant differences through the SJFT test and analyzed using the T-Test Pair Samples that were above the experimental group and the control group. The findings from this study hope to provide an understanding of how low-calorie food intake can affect athlete performance and physiological responses of Judo athletes with potential implications for other martial sports as well (Lakičević et al., 2020). This study could contribute to existing knowledge by studying the specific effects of limited energy and limited fluid intake on Judo athletes throughout the duration of training carried out. The suggestion for future studies is that the duration of the study should be extended to obtain a higher degree of credibility. In addition, multiplies the number of subjects because the number can affect the data obtained where the data is more authentic.

PENGUKURAN KUALITI PERKHIDMATAN: PENYEDIAAN KEMUDAHAN SUKAN DI GIMNASIUM SEKITAR JOHOR BAHRU

Megat Imran Haikal Bin Megat Abd Halim & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
megatimranhaikal@graduate.utm.my

Kualiti perkhidmatan di gimnasium adalah faktor kritikal yang boleh mempengaruhi kepuasan dan pengekalan pengguna. Kajian ini memberi tumpuan kepada penilaian kualiti perkhidmatan kemudahan sukan di gimnasium sekitar johor bahru, dengan tujuan untuk menilai keadaan semasa kualiti perkhidmatan di gimnasium, dengan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna. Data dikumpulkan melalui tinjauan yang diedarkan kepada pengguna gimnasium di sekitar johor bahru. Hasil kajian mendapati bahawa, tahap kepuasan pengguna gimnasium di sekitar johor bahru terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah berada di tahap serdahana. Seterusnya, tahap penilaian pengguna gimnasium di sekitar johor bahru terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah pada tahap tertinggi iaitu dari aspek jaminan dan empati iaitu dengan nilai 4.11. Hasil dari kajian ini juga mendapati bahawa peralatan yang disediakan dapat menampung jumlah pengguna gim sedia ada tidak mencukupi. Kepentingan kajian ini lebih fokus kepada pengguna gimnasium di sekitar johor bahru. Oleh itu, maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat digunakan oleh para pengusaha gimnasium dan pengkaji yang akan datang. Pelaksanaan penambahbaikan ini dapat meningkatkan mutu kepuasan pengguna dan keahlian gim yang baru. Penyelidik masa depan perlu mempertimbangkan untuk memperluaskan meneroka wilayah lain untuk mengesahkan penemuan ini.

Service quality in a gym is a critical factor that can influence user satisfaction and retention. This study focuses on the evaluation of the service quality of sports facilities in gymnasiums around Johor Bahru, with the aim of evaluating the current state of service quality in gymnasiums, by identifying the factors that affect user satisfaction. Data was collected through a survey distributed to gym users around Johor Bahru. The results of the study found that the level of satisfaction of gym users around Johor Bahru towards the quality of the services provided is at a moderate level. Next, the level of evaluation of gym users around Johor Bahru on the quality of service provided is at the highest level, which is from the aspect of assurance and empathy, with a value of 4.11. The results of this study also found that the equipment provided to accommodate the number of existing gym users is insufficient. The importance of this study is more focused on gym users around Johor Bahru. Therefore, the information obtained from this study can be used by gym operators and future researchers. The implementation of these improvements can improve the quality of user satisfaction and new gym memberships. Future researchers should consider expanding to explore other regions to confirm these findings.

KESAN LATIHAN KOORDINASI TANGAN - MATA TERHADAP KETEPATAN DAN MASA REAKSI DALAM KALANGAN PEMAIN E - SUKAN UTM

Mohamad Aiman Hakimi Bin Mamat @ Muhammad & Nur Fatihah Binti Raimi

mohamadaimanhakimi@graduate.utm.my

Sukan elektronik (e-sukan) telah menjadi fenomena global yang mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam dekad terakhir. Kajian ini meneliti pengaruh ketepatan dan masa reaksi terhadap prestasi dalam e-sukan, setanding dengan kepentingan yang sama dengan sukan konvensional. Tambahan lagi, koordinasi mata-tangan (hand-eye coordination) juga berkait dengan permainan video atau e-sukan, hasil kajian menunjukkan bahawa semua pemain menggunakan strategi tangan-mata semasa bermain permainan video. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perubahan prestasi ketepatan dan masa reaksi sebelum dan selepas menjalani latihan koordinasi tangan-mata. Kajian juga menyelidik keberkesanan latihan tersebut terhadap dua aspek ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah eksperimental dengan dua kumpulan (kawalan dan eksperimen): satu kumpulan menjalani latihan koordinasi tangan-mata (Wall Ball Bounce, Ball Dribbling, dan Ball Juggling) diikuti dengan ujian sebelum, dan selepas latihan, sementara kumpulan kawalan hanya menjalani ujian pada masa pre, dan post kajian tanpa latihan. Masa reaksi dan ketepatan telah diukur menggunakan AimLab. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan terhadap masa reaksi dan ketepatan dalam kalangan pemain e-sukan sebelum dan selepas menjalani latihan koordinasi tangan-mata. Bagi perbandingan kumpulan, pengkaji telah menggunakan ujian t-test independent dilakukan bagi melihat perbandingan perubahan masa reaksi dan ketepatan diantara kumpulan kawalan dan eksperimen. Dapatan kajian bagi perbandingan kumpulan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($p>0.05$) diantara kumpulan kawalan dan eksperimen. Kesimpulanya, latihan koordinasi tangan-mata telah memberikan peningkatan kepada prestasi masa reaksi kumpulan eksperimen namun tidak memberikan peningkatan terhadap ketepatan pemain dalam e-sukan.

Electronic sports (e-sports) have become a global phenomenon that has garnered increasing attention over the last decade. This study examines the influence of accuracy and reaction time on performance in e-sports, which is comparable in importance to conventional sports. Additionally, hand-eye coordination is also related to video games or e-sports; the study results show that all players use hand-eye strategies while playing video games. This study aims to identify changes in accuracy and reaction time performance before and after undergoing hand-eye coordination training. The study also investigates the effectiveness of such training on these two aspects. The researchers employed an experimental method with two groups (control and experimental): one group underwent hand-eye coordination training (Wall Ball Bounce, Ball Dribbling, and Ball Juggling) followed by pre- and

post-training tests, while the control group only underwent tests at the pre- and post-study times without training. Reaction time and accuracy were measured using AimLab. The study's findings show changes in reaction time and accuracy among e-sports players before and after undergoing hand-eye coordination training. For group comparison, the researchers used an independent t-test to compare changes in reaction time and accuracy between the control and experimental groups. The study's findings for group comparison showed a significant difference ($p>0.05$) between the control and experimental groups. In conclusion, hand-eye coordination training improved the reaction time performance of the experimental group but did not enhance the accuracy of players in e-sports.

KESAN LATIHAN PLIOMETRIK TERHADAP BAHAGIAN BAWAH BADAN (LOWER EXTREMITIES) DALAM KALANGAN ATLET ULTIMATE FRISBEE UTM

Mohamad Amirudin Aiman Bin Mohammad Azan & Diyana Zulaika Binti Abdul Ghani

mohamadamirudinaiman@utm.my

Ultimate Frisbee adalah sukan yang memerlukan komponen kuasa terutamanya apabila melompat untuk mendapatkan disc di udara. Ultimate Frisbee memerlukan kemampuan individu untuk melakukan lompatan ke hadapan atau mendatar dan juga lompatan menegak. Objektif sukan ini adalah setiap pasukan perlu menjaringkan gol dengan cara menangkap hantaran di zon akhir pihak lawan. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji latihan bagi meningkatkan komponen kuasa melalui latihan pliometrik laju dan perlahan berdasarkan kepada masa sentuhan tanah. Kaedah persampelan bertujuan digunakan bagi kajian ini dengan 15 orang atlet lelaki Ultimate frisbee UTM dibahagikan kepada dua kumpulan eksperimental dan satu kumpulan kawalan bagi melihat kesan kuasa bahagian bawah badan. Kajian ini merupakan kajian eksperimental yang menggunakan ujian pra dan ujian pasca serta dianalisis secara kuantitatif menggunakan analisis ANOVA sehala dan Ujian T-berpasangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan jarak lompatan bagi kumpulan aktiviti pliometrik laju dan aktiviti pliometrik perlahan namun bagi kumpulan kawalan tidak menunjukkan peningkatan dari segi jarak lompatan. Ujian T-berpasangan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan aktiviti pliometrik laju namun terdapat perbezaan yang signifikan bagi kumpulan aktiviti pliometrik perlahan. Ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan bagi prestasi kuasa bahagian bawah badan di antara setiap kumpulan sebelum dan selepas intervensi program latihan pliometrik. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan perbezaan tetapi ianya tidak signifikan. Beberapa perkara yang boleh ditambahbaik bagi kajian ini adalah seperti tempoh masa dilanjutkan bagi latihan pliometrik selama 4 hingga 6 minggu supaya perbezaan dan kesan kepada prestasi kuasa atlet akan lebih besar diantara pra-ujian

dan juga pasca-ujian. Selain itu, jadual harian atlet separuh masa yang padat serta kawalan prosedur intervensi sewaktu melakukan aktiviti latihan dengan betul dan tepat mengikut masa yang telah ditetapkan bagi setiap kumpulan intervensi.

Ultimate Frisbee is a sport that requires a power component especially when jumping to get the disc in the air. Ultimate Frisbee requires the individual's ability to perform forward or horizontal jumps as well as vertical jumps. The objective of this sport is for each team to score a goal by catching a pass in the opponent's end zone. This study was conducted to examine exercises to increase the power component through fast and slow plyometric exercises based on ground contact time. Purposive sampling method was used for this study with 15 UTM Ultimate frisbee male athletes divided into two experimental groups and one control group to see the effect of lower body power. This study is an experimental study that uses pre-test and post-test and is analyzed quantitatively using one-way ANOVA analysis and paired T-test. The results of the study found that there was an increase in jump distance for the fast plyometric activities group and slow plyometric activities group, but the control group did not show an increase in terms of jump distance. The paired T-test showed that there was no significant difference for the pre-test and post-test for the control group and the fast plyometric activities group, but there was a significant difference for the slow plyometric activities group. A one-way ANOVA test showed that there was no significant difference in lower body power performance between each group before and after the plyometric training program intervention. Overall, this study showed a difference but it was not significant. Things that can be improved for this study are such as the extended period of time for plyometric training for 4 to 6 weeks so that the difference and effect on the athlete's power performance will be greater between the pre-test and post-test. In addition, the daily schedule of student-athletes is compact as well as the control of intervention procedures while doing training activities correctly and precisely according to the time that has been set for each intervention group.

PENGARUH LATIHAN DAYA TAHAN KARDIOVASKULAR TERHADAP PRESTASI ATLET 400 METER UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Mohamad Amirul Arif Bin Mohd Azri & Kamaruzaman Bin Soeed
mohamadamirularif@graduate.utm.my

Daya tahan kardiovaskular merupakan satu elemen kecergasan fizikal yang penting sebagai seorang atlet. Berdasarkan prestasi yang ditunjukkan oleh atlet 400 meter Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semasa pertandingan di peringkat universiti, mereka hanya mampu mempertahankan kelajuan larian mereka pada 300 meter yang pertama sahaja mereka tidak dapat mengekalkan kelajuan mereka pada 100 meter yang terakhir. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh latihan daya tahan kardiovaskular terhadap prestasi atlet 400 meter dari UTM. Pengkaji telah

melakukan kajian eksperimental selama 6 minggu yang melibatkan 6 orang atlet lelaki berpengalaman dalam acara 400 meter dari UTM. Kesemua subjek perlu melakukan ujian masa larian 400 meter sebelum dan selepas program latihan daya tahan kardiovaskular diberikan kepada mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa latihan daya tahan kardiovaskular mempunyai pengaruh positif terhadap prestasi 400 meter atlet. Secara khususnya, atlet dapat mengekalkan kelajuan mereka dengan lebih baik semasa 100 meter terakhir perlumbaan, yang sebelum ini menjadi cabaran disebabkan tahap daya tahan otot dan kardiovaskular yang suboptimum. Dengan menangani isu-isu berkaitan daya tahan ini, atlet dapat mencapai prestasi keseluruhan yang lebih baik dalam acara 400 meter yang sangat kompetitif. Kesimpulannya, latihan daya tahan kardiovaskular yang disasarkan dapat menjadi intervensi yang berkesan untuk meningkatkan keupayaan atlet 400 meter. Cadangan untuk kajian akan datang adalah melakukan kajian terhadap atlet 400 meter lari berpagar UTM kerana acara larian tersebut lebih mencabar dan memerlukan daya tahan yang baik untuk mencapai prestasi larian yang optimum.

Cardiovascular endurance is an important element of physical fitness as an athlete. Based on the performance shown by the Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 400 meter athletes during the competition at the university level, they were only able to maintain their running speed in the first 300 meters only they could not maintain their speed in the last 100 meters. This study aims to examine the influence of cardiovascular endurance training on the performance of 400 meter athletes from UTM. The researcher has conducted an experimental study for 6 weeks involving 6 experienced male athletes in the 400 meter event from UTM. All subjects had to perform a 400 meter run time trial before and after the cardiovascular endurance training program was administered to them. The results of the study show that cardiovascular endurance training has a positive influence on the performance of 400 meter athletes. In particular, athletes were able to maintain their speed better during the last 100 meters of the race, which had previously been a challenge due to suboptimal levels of muscular and cardiovascular endurance. By addressing these endurance-related issues, athletes can achieve better overall performance in the highly competitive 400-meter event. In conclusion, targeted cardiovascular endurance training can be an effective intervention to improve the performance of 400 meter athletes. A suggestion for future research is to conduct a study on UTM 400 meter hurdles athletes because the running event is more challenging and requires good endurance to achieve optimal running performance.

KESEDARAN TERHADAP AMALAN PEMAKANAN SEIMBANG DALAM KALANGAN STAF SEKOLAH PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

Mohamad Amirul Bin Noor Naim & Muhamad Hafiz Bin Ismail
mohamadamirul@graduate.utm.my

Tahap pengetahuan merujuk kepada ilmu yang dimiliki oleh seseorang dalam sesuatu perkara. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu bagi mengenalpasti tahap pengetahuan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai terhadap amalan pemakanan seimbang, mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai dan menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai dengan faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai. Seramai 80 orang staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai telah menjadi responden dalam kajian ini. Seterusnya, terdapat sebanyak 25 item soalan di dalam soal selidik untuk mengetahui tahap pengetahuan serta faktor pemilihan makanan staf. Data yang diperolehi daripada soal selidik telah diedarkan dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science versi 29 (SPSS) bagi mendapatkan nilai min dan sisihan. Seterusnya, bagi mengetahui hubungan diantara kedua-dua pembolehubah iaitu tahap pengetahuan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai dengan faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai adalah dengan menganalisis data menggunakan ujian kolerasi pearson. Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai pada tahap 47.53 ± 6.53. Dapatan kajian untuk faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan staf Sekolah Pendidikan UTM Skudai pula adalah 42.43 ± 14.773. Hasil kajian menggunakan ujian kolerasi pearson mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dan faktor pemilihan makanan kerana nilai signifikan pada kajian ini adalah ($p<0.05$, $p=.139$). Secara keseluruhannya, kajian ini mengkaji hubungan diantara tahap pengetahuan dan faktor pemilihan makanan staf Sekolah Pendidikan UTM, Skudai.

The level of knowledge refers to the knowledge possessed by a person in a matter. This study has three objectives which are to identify the level of knowledge of UTM Skudai School of Education staff regarding balanced nutrition practices, identify the factors that influence food selection of UTM Skudai School of Education staff and determine if there is a significant relationship between the level of knowledge of UTM Skudai School of Education staff with factors affecting the selection of food for UTM Skudai School of Education staff. A total of 80 UTM Skudai School of Education staff have been respondents in this study. Next, there are as many as 25 question items in the questionnaire to find out the level of knowledge and factors in staff food selection. The data obtained from the questionnaire was distributed and analyzed using the Statistical Package for Social Science version 29 (SPSS) software to obtain the mean and standard deviation. Next, to find out the relationship between

the two variables, namely the level of knowledge of UTM Skudai School of Education staff and the factors that influence the food selection of UTM Skudai School of Education staff, is to analyze the data using the Pearson correlation test. Findings from this study show that the level of knowledge of UTM Skudai School of Education staff is at a level of 47.53 ± 6.53. The findings of the study for the factors that influence the selection of food for the staff of UTM Skudai School of Education are 42.43 ± 14.773. The results of the study using the Pearson correlation test found that there was no significant difference between the level of knowledge and food selection factors because the significant value in this study was (p<0.05, p=.139). Overall, this study examines the relationship between the level of knowledge and food selection factors of UTM Education School staff, Skudai.

KEPENTINGAN KNEE GUARD TERHADAP ATLET SUKAN BADMINTON UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

Mohamad Ishkandar Bin Jasarudin & Kamaruzaman Bin Soeed

Penguasaan kedudukan tubuh dalam permainan merupakan perkara yang penting dalam memastikan pemain dapat mengambil bulu tangkis dalam kedudukan betul dan mampu merancang pergerakkan. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan kepada atlet dan pesakit di pusat fisioterapi Acuhealing, didapati banyak pemain badminton sering mengalami kecederaan pada bahagian lutut. Pergerakkan yang pantas dan sokongan daripada lutut menyebabkan pemain sering mengalami kecederaan yang teruk pada bahagian tersebut. Kebanyakan pemain badminton mengalami masalah pada bahagian lutut (A. Muttalib et al., 2009). Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan pemakaian knee guard terhadap julat pergerakan dan persepsi pemain badminton. Objektif kajian adalah mengenalpasti julat pergerakan pemain badminton dan menganalisa keperluan sukan bagi atlet terhadap pemakaian knee guard sebelum berlaku kecederaan. Kajian ini dijalankan dengan mengumpul maklumat subjek, mengukur tahap julat pergerakan (ROM), memberi borang soal selidik dan menganalisis julat pergerakan serta pemakaian pelindung lutut kepada pemain badminton. Seramai 20 orang atlet dan pemain badminton di UTM menjadi subjek kajian. Jenis kecederaan yang kerap berlaku dalam kalangan pemain badminton UTM adalah Anterior Cruciate Ligament (ACL) dan Medial Collateral Ligament (MCL) iaitu sebanyak 9 subjek yang mengalami jenis kecederaan tersebut. Manakala Lateral Collateral Ligament (LCL) pula sebanyak 7 subjek yang alami. Hasil soal selidik menunjukkan median yang tinggi dalam persepsi pemain terhadap penggunaan knee guard. Median soal selidik soalan A ,Q1 3.00,Q2 4.00,Q3 4.00,Q4 5.00,Q5 4.00,Q6 4.50,Q7 5.00,Q8 4.00,Q9 4.00,Q10 4.00. Manakala soalan B Q1 3.00,Q2 4.00,Q3 4.00,Q4 4.00,Q5 4.00,6 4.00,Q7 4.00,Q8 4.50,Q9 5.00,Q10 4.00. Kajian ini telah membuktikan bahawa pemakaian knee guard mempunyai kesan positif terhadap julat pergerakan lutut (ROM) dan dapat membantu mengurangkan risiko kecederaan lutut di kalangan pemain badminton.

Cadangan penambahbaikan dalam kajian adalah mengkaji pelbagai jenis knee guard yang berlainan dan perkaitkan masalah kecederaan pemain dalam senarai semak.

Mastery of body position in the game is important in ensuring that players are able to take badminton in the correct position and be able to plan their movements. Based on observations made to athletes and patients at the Acuhealing physiotherapy centre, it was found that many badminton players often suffer from knee injuries. Rapid movement and support from the knee cause players to often suffer severe injuries to those areas. Most badminton players suffer from knee problems (A. Muttalib et al., 2009). This study was conducted to examine the effect of wearing a knee guard on the range of movement and perception of badminton players. The objective of the study was to identify the range of movement of badminton players and to analyse the sporting needs of athletes to wear knee guards before injuries occur. The study was conducted by collecting information on the subjects, measuring the level of range of motion (ROM), giving questionnaires and analysing the range of movement as well as the wearing of knee protectors to badminton players. A total of 20 athletes and badminton players at UTM were the subjects of the study. The types of injuries that often occur among UTM badminton players are Anterior Cruciate Ligament (ACL) and Medial Collateral Ligament (MCL) which are 9 subjects who suffer from these types of injuries. Meanwhile, Lateral Collateral Ligament (LCL) was experienced by 7 subjects. The results of the questionnaire showed a high median in players' perception of the use of knee guards. Median questionnaire A ,Q1 3.00,Q2 4.00,Q3 4.00,Q4 5.00,Q5 4.00,Q6 4.50,Q7 5.00,Q8 4.00,Q9 4.00,Q10 4.00. While question B Q1 3.00, Q2 4.00, Q3 4.00, Q4 4.00, Q5 4.00, 6 4.00, Q7 4.00, Q8 4.50, Q9 5.00, Q10 4.00. This study has proven that wearing a knee guard has a positive effect on the range of motion of the knee (ROM) and can help reduce the risk of knee injuries among badminton players. The proposed improvement in the study was to examine different types of knee guards and link player injury problems to the checklist.

ANALISIS SUDUT PERGERAKAN KEMAHIRAN TARIK TALI PADA FASA PERSEDIAAN, BERTAHAN DAN MENARIK OLEH ATLET TARIK TALI

Mohamad Mustaqim Bin Mohd Samadi & Halijah Bt. Ibrahim
mohamad.mustaqim@graduate.utm.my

Tarik tali ialah sukan yang memerlukan gabungan kekuatan fizikal, teknik yang betul, dan koordinasi pasukan yang tinggi. Setiap pergerakan dalam penarikan tali dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu fasa persediaan, fasa bertahan dan fasa menarik. Setiap fasa ini memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pasukan dalam menarik tali. Walau bagaimanapun, kajian terperinci mengenai analisis sudut pergerakan dalam fasa masih terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan analisis yang mendalam tentang kinematik pergerakan dalam setiap pergerakan dalam permainan tarik tali. Kajian ini menggunakan

pendekatan kuantitatif dengan analisis kinematik. Seramai 5 orang atlet tarik tali telah dipilih sebagai sampel kajian. Data pergerakan dikumpul menggunakan rakaman kamera dan aplikasi Kinovea untuk mengukur sudut tangan, badan dan kaki yang terhasil. Proses pengumpulan data melibatkan simulasi pertandingan tarik tali yang direkodkan dan analisis pergerakan menggunakan perisian Kinovea. Dapatan kajian mendapati terdapat 5 daripada 6 sudut yang menunjukkan perbezaaan yang signifikan pada fasa persediaan, bertahan dan menarik iaitu sudut tangan bagi kamera kanan ($F=16.72$, $p<0.05$) dan kiri ($F=14.14$, $p<0.05$), sudut badan bagi kamera kiri ($F=11.94$, $p<0.05$) dan sudut kaki bagi kamera kanan ($F=112.53$, $p<0.05$) dan kiri ($F=19.58$, $p<0.05$). Seterusnya terdapat 1 perbandingan yang menujukkan tiada perbezaan yang signifikan pada fasa persediaan, bertahan dan menarik bagi kamera kanan ($F=1.12$, $p>0.05$). Hal ini menujukkan bahawa setiap subjek kajian ini memiliki perbezaan yang signifikan pada bahagian sudut pergerakan bagi tangan, badan dan kaki walaupun mereka menarik tali dalam posisi yang sama

Tug of war is a sport that requires a combination of physical strength, proper technique, and high team coordination. Each movement in pulling the rope is divided into three main phases which are the preparatory phase, the defensive phase and the pulling phase. Each of these phases plays an important role in determining the team's success in pulling the strings. However, detailed studies on in-phase motion angle analysis are still limited. This study aims to fill this gap with an in-depth analysis of movement kinematics in each movement in the game of tug-of-war. This study uses a quantitative approach with kinematic analysis. A total of 5 tug-of-war athletes were selected as a study sample. Movement data is collected using camera footage and the Kinovea app to measure the resulting hand, body and leg angles. The data collection process involved simulating a recorded tug-of-war competition and analyzing movements using Kinovea software. The findings of the study found that there are 5 out of 6 angles that show significant differences in the preparatory, defensive and attractive phases, namely the hand angle for the right and left cameras, the body angle for left camera and leg angle for right and left camera . Next there is 1 comparison that shows no significant difference in the preparatory, sustaining and exciting phases for the right camera. This shows that each subject of this study has a significant difference in the angle of movement for the hands, body and legs even though they pull the rope in the same position.

PENGARUH LATIHAN INTERVAL KEPADA DAYA TAHAN OTOT ATLET TINJU AMATUR

Mohd Haikal Bin Hamka & Halijah Bt. Ibrahim
mohdhaikal@graduate.utm.my

Tahap kecergasan fizikal merupakan aspek penting dalam sukan tinju. Salah satu komponen kecergasan yang perlu dimiliki oleh atlet tinju adalah daya tahan otot. Maka latihan interval intensiti tinggi (HIIT) adalah salah satu latihan fizikal yang perlu diaplikasikan untuk melatih dan membina keupayaan otot seseorang untuk bekerja dalam intensiti yang tinggi dan tempoh masa yang pendek. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menguji keberkesanan program latihan yang dibentuk ke atas kumpulan eksperimen atlet tinju amatur Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Selain itu, pengkaji ingin mengukur tahap daya tahan otot atlet dan mengukur perbezaan setelah menjalani latihan serta ujian pra dan pasca. Seramai 7 orang subjek telah terlibat untuk memberikan pengkaji data yang diperlukan dalam kajian ini. Terdapat sembilan struktur ujian yang dijalankan keatas subjek iaitu, Ujian Tekan Tubi, Ujian Bangkit Tubi, Ujian Burpee, Ujian Plank, Ujian Squat, Ujian Tumbukan Jab, Hook, Uppercut dan Ujian Shuttle Run. Kajian ini dilaksanakan selama 5 minggu untuk melatih dan mendapatkan data yang diperlukan sebelum dianalisis menggunakan Microsoft Excel 2016 dan IBM SPSS Statistic. Berdasarkan keputusan analisis ujian t berpasangan yang dilakukan, nilai yang diperolehi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap komponen ujian. Disamping itu, data menunjukkan kecergasan atlet tinju UTM bagi daya tahan otot berada pada tahap yang cemerlang. Ujian T berpasangan menunjukkan Ujian Tekan Tubi ($t(5) = -38.00$, $p = .001$), Ujian Bangkit Tubi ($t(5) = -5.16$, $p = .004$), Ujian Burpee ($t(5) = -10.30$, $p = .001$), Ujian Plank ($t(5) = -4.80$, $p = .005$), Ujian Squat ($t(5) = -9.92$, $p = .001$), Ujian Tumbukan Jab ($t(5) = -9.92$, $p = .001$), Hook ($t(5) = -4.705$, $p = .005$), Uppercut ($t(5) = -11.43$, $p = .001$) dan Ujian Shuttle Run ($t(5) = 7.17$, $p = .001$). Hal ini kerana terdapat perubahan yang baik dari segi peningkatan dalam setiap ujian yang telah dijalankan. Kesimpulanya, program latihan HIIT amat sesuai bagi membina kecergasan daya tahan otot atlet. Akhir sekali, sesebuah program latihan perlu direka khusus untuk meningkatkan sesuatu aspek kecergasan agar keberhasilannya dapat diperoleh.

The level of physical fitness is an important aspect in the sport of boxing. One of the fitness components that boxers need to have is muscle endurance. So high intensity interval training (HIIT) is one of the physical exercises that is applied to train and build the ability of a person's muscles to work at a high intensity and a short period of time. The purpose of this study is to test the effectiveness of the training program formed on an experimental group of amateur boxing athletes at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). In addition, the researcher wants to measure the level of endurance of the athlete's muscles and measure the difference after undergoing a pre- and post-test. A total of 7 subjects were actively involved to provide the researcher with the data needed in this study. There are nine test structures that are

conducted on the subject, namely, Push Up Test, Push Up Test, Burpee Test, Plank Test, Squat Test, Jab Punch Test, Hook, Uppercut and Shuttle Run Test. This study was carried out for 5 weeks to train and obtain the necessary data before being analyzed using Microsoft Excel 2016 and IBM SPSS Statistic. Based on the results of the paired t test analysis, the values obtained show that there is a significant difference for each test component. Studies show that the fitness of UTM boxers for muscle endurance is at an excellent level. A paired T-test showed the Push-up Test (t (5) = -38.00, p = .001), the Push-up Test (t (5) = -5.16, p = .004), the Burpee Test (t (5) = -10.30 , p = .001), Plank Test (t (5) = - 4.80, p = .005), Squat Test (t (5) = -9.92, p = .001), Jab Punch Test (t (5) = -9.92, p = .001), Hook (t (5) =-4.705, p = .005), Uppercut (t (5) = -11.43, p = .001) and Shuttle Run Test (t (5) = 7.17, p = .001). This is because there are good changes in terms of improvement in every test that has been conducted. In conclusion, the HIIT training program is very suitable for building the athlete's muscular endurance fitness. A training program needs to be designed specifically to improve an aspect of fitness so that success can be obtained.

KESAN LATIHAN IMAGERI TERHADAP KETEPATAN PUKULAN DI KALANGAN ATLET WOODBALL UTM

Muhamad Danial Arif Bin Kamarudin & Kamaruzaman Bin Soeed
muhamaddanialarif@graduate.utm.my

Prestasi atlet sering dikaitkan dengan kecemerlangan dan kemenangan yang dikecapi dalam sesuatu pertandingan. Pukulan yang tidak tepat akan menjejaskan jumlah kiraan skor dalam sukan woodball. Antara latihan psikologi yang boleh diberikan kepada atlet adalah latihan imageri dimana ianya meransang mental atlet. Prestasi atlet boleh dipertingkatkan dan kemahiran baru boleh dipelajari melalui latihan imageri. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti kesan latihan pukulan dan latihan imageri terhadap atlet woodball UTM. Kajian ini merupakan kajian eksperimental terhadap terhadap 30 orang atlet woodball UTM yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan yang melakukan latihan imageri bersama latihan pukulan dan kumpulan kawalan yang melakukan latihan pukulan selama empat minggu. Kesemua subjek perlu melakukan ujian pre dan post bagi ujian parking, ujian gate in dan ujian full fairway. Kemudian subjek kawalan melakukan tiga jenis latihan iaitu latihan parking, latihan gate in dan latihan full fairway. Manakala tambahan satu latihan bagi kumpulan rawatan iaitu latihan imageri. Data dianalisis menggunakan sampel ujian-t berpasangan untuk melihat perbandingan ujian pre dan ujian post bagi kedua-dua kumpulan. Dapatan kajian mendapati terdapat 2 pengujian yang menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) bagi kumpulan rawatan iaitu ujian gate in dan ujian full fairway. Bagi kumpulan kawalan, terdapat 2 pengujian yang menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) iaitu ujian gate in dan ujian full fairway. Namun terdapat 2 jenis pengujian yang tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p > 0.05$) bagi kedua-

dua kumpulan iaitu ujian parking 5 meter dan 10 meter. Walaupun terdapat peningkatan pada ujian tersebut, namun peningkatannya adalah tidak signifikan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa latihan selama 4 minggu yang dilakukan adalah tidak mencukupi bagi meningkatkan prestasi kedua-dua kumpulan bagi beberapa pengujian. Cadangan untuk kajian akan datang diharapkan dapat memperuntukkan masa latihan yang secukupnya kepada subjek supaya dapat meningkatkan prestasi mereka terhadap ketepatan pukulan dalam sukan woodball.

Athlete performance is often associated with excellence and victory achieved in a competition. Inaccurate shots will affect the total score count in woodball. Among the psychological training that can be given to athletes is imagery training where it stimulates the athlete mentally. Athletes' performance can be improved and new skills can be learned through imagery training. The purpose of this study was to identify the effects of hitting training and imagery training on UTM woodball athletes. This study is an experimental study on 30 UTM woodball athletes who were divided into two groups, namely the treatment group that did imagery training along with hitting training and the control group that did hitting training for four weeks. All subjects must do a pre and post test for the parking test, gate-in test and full fairway test. Then the control subjects did three types of training, namely parking training, gate in training and full fairway training. While an additional training for the treatment group is imagery training. Data were analyzed using a paired-sampel t test to compare the pre-test and post-test for both groups. The findings of the study found that there were 2 tests that showed a significant difference ($p < 0.05$) for the treatment group, namely the gate-in test and the full fairway test. For the control group, there were 2 tests that showed a significant difference ($p < 0.05$), namely the gate-in test and the full fairway test. However, there are 2 types of testing that do not show significant differences ($p > 0.05$) for both groups, namely the 5 meter and 10 meter parking test. Although there was an improvement in the test, the improvement was not significant. In conclusion, this study shows that 4 weeks of training is not enough to improve the performance of both groups for some tests. Recommendations for future studies are expected to allocate sufficient training time to the subjects in order to improve their performance on shot accuracy in woodball sports.

KESAN ROKOK ELEKTRONIK TERHADAP PRESTASI KECERGASAN ATLET BERDASARKAN TAHAP KAPASITI UDARA DALAM PARU-PARU

Muhammad Afif Syazani Bin Hairol & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
muhammadafifsyazani@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki kesan penggunaan rokok elektronik terhadap prestasi kecergasan atlet, khususnya dengan mengukur kapasiti udara dalam paru-paru mereka. Peningkatan penggunaan rokok elektronik, atau vape, di kalangan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk atlet, menimbulkan kebimbangan di kalangan penyelidik dan profesional kesihatan. Rokok elektronik pada asalnya dianggap sebagai alternatif yang lebih selamat berbanding rokok tradisional kerana ia tidak menghasilkan asap tembakau yang berbahaya. Namun, kajian menunjukkan bahawa wap dari rokok elektronik mengandungi bahan kimia yang boleh mempengaruhi kesihatan paru-paru dan prestasi kardiovaskular. Kajian ini menggunakan metode eksperimen yang melibatkan dua kumpulan subjek: atlet yang menggunakan rokok elektronik dan yang tidak menggunakannya. Data diperoleh melalui ujian spirometri yang mengukur kapasiti paru-paru sebelum dan selepas senaman fizikal iaitu larian diatas treadmill. Hasil kajian ini menyelidik kesan rokok elektronik terhadap prestasi atlet, dengan fokus pada fungsi paru-paru yang diukur melalui Forced Vital Capacity (FVC). Analisis ujian tberpasangan menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam FVC antara kumpulan yang menggunakan rokok elektronik dan yang tidak menggunakannya. Walau bagaimanapun, terdapat variasi dalam keputusan antara hari pertama dan kedua ujian, dengan hari kedua menunjukkan perbezaan yang lebih ketara. Analisis ujian-t sampel tidak bersandar terhadap atlet yang menggunakan rokok elektronik dan yang tidak menggunakannya selepas 4 minggu latihan pula menunjukkan hasil yang tidak signifikan. Ujian-t untuk kesamaan min menghasilkan nilai t=-1.17, dengan perbezaan min antara dua kumpulan sebanyak -0.48. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak mencapai tahap signifikan konvensional ($p<0.05$), sama ada bagi ujian satu hala ($p=0.14$) atau dua hala ($p=0.28$). Perbezaan min yang kecil dan saiz sampel yang terhad ($N=5$) mungkin mempengaruhi keputusan ini. Kajian ini menyimpulkan bahawa tiada bukti kukuh mengenai kesan rokok elektronik terhadap prestasi atlet berdasarkan pengukuran FVC. Namun, disarankan agar kajian lanjut dijalankan dengan saiz sampel yang lebih besar, tempoh yang lebih panjang, dan pengukuran parameter tambahan untuk menilai kesan jangka panjang penggunaan rokok elektronik terhadap prestasi atlet secara lebih komprehensif.

The purpose of this study aims to investigate the effects of electronic cigarette use on athletes' fitness performance, specifically by measuring their lung air capacity. The increasing use of electronic cigarettes, or vapes, among various segments of society, including athletes, has raised concerns among researchers and health professionals. Electronic cigarettes were initially considered a safer alternative to traditional cigarettes as they do not produce harmful tobacco smoke. However,

One of the purposes of monitoring the ankle injury treatment process in the ongoing recovery phase is to see the improvement of the recovery process and the effectiveness of the treatment program carried out. In the sport of rugby, high intensity physical contact will increase the risk of injury to players. In this study, a total of 3 rugby players in the forward position and 3 people in the backline position who were injured in the ankle underwent a treatment process based on the health component. The findings of the study found that there were 3 tests that showed significant differences for all subjects, namely body mass index, pain scale and range of motion (dorsiflexion & plantarflexion) before the recovery phase until the recovery phase. Although the increase in range of motion and the decrease in pain scale over the six treatment sessions were not parallel, the differences were significant. This shows that a 3-week treatment session is sufficient to help the recovery process for rugby players with ankle injuries and can prove the

effectiveness of a combination of treatment using therapy tools and sports massage against ankle injuries.

ANALISIS CORAK PERMAINAN TAKTIKAL PASUKAN BOLA SEPAK REMAJA MALAYSIA

Muhammad Naguib Helmi Bin Mohd Kamar & Izwyn Zulkapri
muhammadnaguibhelmi@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis corak permainan taktikal dalam kalangan pasukan bola sepak remaja Malaysia di peringkat sub-elit kebangsaan dan elit negeri. Melalui penggunaan analisis video, objektif kajian menganalisa statistik perlawanan pasukan bola sepak remaja Malaysia (sub-elit kebangsaan dan elit negeri) dan mengenal pasti corak permainan (playing style) pasukan bola sepak remaja Malaysia (sub-elit kebangsaan dan elit negeri).Latar belakang masalah yang dibincangkan termasuk pentingnya bola sepak dalam pembangunan fizikal, mental, dan sosial remaja Malaysia, serta peranan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) dalam memupuk bakat remaja. Metodologi yang digunakan melibatkan pendekatan deskriptif untuk mengenal pasti perbezaan dalam corak taktikal antara pasukan sub-elit dan elit negeri serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan corak tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan analisis corak permainan dapat dilihat seperti pasukan Sub-Elit Kebangsaan menggunakan taktikal yang lebih seimbang iaitu pertahanan dan serangan, pasukan Elit Negeri 1 sangat agresif dalam menyerang, pasukan Elit Negeri 2 lebih cenderung kepada pertahanan tetapi mereka bersedia untuk membuat serangan balas dan pasukan terkahir iaitu Elit Negeri 3 menggunakan taktikal yang seimbang tetapi lebih cenderung ke arah pertahanan. Keputusan kajian menunjukkan 3 pasukan menggunakan taktikal yang lebih baik iaitu pasukan Sub-elit Negeri, Elit Negeri 1 dan Elit Negeri 2. Kajian ini juga mencadangkan penambahbaikan seperti penambahan bilangan perlawanan bagi setiap pasukan untuk mendapatkan data yang lebih komprehensif terhadap corak taktikal yang digunakan. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu jurulatih dan pemain dalam meningkatkan latihan dan strategi permainan, sekaligus memajukan bola sepak remaja Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

This study aims to analyze the tactical game patterns in Malaysian youth football teams at the national sub-elite and state elite levels. Through the use of video analysis, the objective study analyzes the match statistics of the Malaysian youth football team (national sub-elite and state elite) and identifies the playing pattern (playing style) of the Malaysian youth football team (national sub-elite and state elite). Background The issues discussed include the importance of football in the physical, mental, and social development of Malaysian youth, as well as the role of the National Football Development Program (NFDP) in shaping youth talent. The methodology used involves a descriptive approach to identify differences in tactical patterns between sub-elite and state elite teams as well as the factors that influence the selection of those patterns. The results of this study show that the analysis of the

game pattern can be seen such as the National Sub-Elite team using more balanced tactics which are defense and attack, the State Elite 1 team is very aggressive in attacking, the State Elite 2 team is more inclined to defense but they are ready to counter attack and the last team which is Elit Negeri 3 uses balanced tactics but is more inclined towards defense. The results show that 3 teams use better tactics, which are State Sub-elite teams, State Elite 1 and State Elite 2. This study also suggests improvements such as increasing the number of matches for each team to obtain more complete data on the study of tactical patterns used. The results of this study are expected to help coaches and players in improving training and strategic play, as well as advancing Malaysian youth football to a higher level.

ANALISIS PERKAITAN ANTARA SUDUT LEPASAN DENGAN PENDARATAN BAGI APPARATUS PALANG TUNGGAL DALAM GIMNASTIK ARTISTIK

Muhammad Nur Haiqal Bin Usman & Hadafi Fitri Bin Mohd Latip
muhammad.nur.haiqal@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkaitan antara sudut lepasan dan pendaratan bagi apparatus palang tunggal dalam sukan gimnastik artistik. Kajian ini dilakukan dengan mengambil kira aspek teknikal dan biomekanik yang mempengaruhi kestabilan dan kekemasan pendaratan gimnas. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap sudut lepasan satu putaran salto belakang mempengaruhi fasa pendaratan dalam apparatus palang tunggal. Kajian ini juga meneliti tahap tinggi satu putaran salto belakang dan hubungannya dengan kekemasan pendaratan. Metodologi kajian melibatkan reka bentuk kajian lapangan dengan pengambilan data menggunakan perisian Kinovea untuk menganalisis sudut lepasan dan apex putaran salto. Seramai 10 orang gimnas lelaki dari Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dipilih sebagai subjek kajian. Data antropometrik dan indeks jisim badan (BMI) turut diambil kira dalam analisis ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara sudut lepasan dengan kekemasan pendaratan pada nilai ($r(10) = -.308$, $p = .387$). Gimnas yang melepaskan lakuan pada sudut yang lebih optima mampu mendarat dengan lebih stabil dan kemas. Selain itu, apex satu putaran salto belakang juga didapati tidak signifikan terhadap kekemasan pendaratan pada nilai ($r(10) = .063$, $p = .862$). Kajian ini memberikan implikasi penting kepada jurulatih gimnastik dalam merancang dan melaksanakan latihan yang lebih efektif dengan memberikan penekanan kepada sudut lepasan dan apex putaran salto. Ini dapat membantu gimnas dalam meningkatkan prestasi dan mengurangkan risiko kecederaan semasa melakukan lakuan pada apparatus palang tunggal.

This study aims to analyze the relationship between the release angle and landing for the horizontal bar apparatus in artistic gymnastics. The study considers the technical and biomechanical aspects that influence the stability and neatness of a

gymnast's landing. The main objective of this study is to identify the extent to which the release angle of a backward somersault rotation affects the landing phase in the horizontal bar apparatus. The study also examines the height of a backward somersault rotation and its relationship with the neatness of the landing. The study's methodology involves a field study design with data collection using Kinovea software to analyze the release angle and apex of the somersault rotation. Ten male gymnasts from Tunku Mahkota Ismail Sports School were selected as subjects for the study. Anthropometric data and body mass index (BMI) were also considered in this analysis. The study's findings indicate that there is no significant relationship between the release angle and the neatness of the landing, with a value of (r (10) = -.308, p = .387). Gymnasts who perform the action at a more optimal angle are able to land more stably and neatly. Additionally, the apex of a backward somersault rotation was also found to be insignificant in relation to the neatness of the landing, with a value of (r (10) = .063, p = .862). This study provides important implications for gymnastics coaches in planning and implementing more effective training by emphasizing the release angle and apex of the somersault rotation. This can help gymnasts improve their performance and reduce the risk of injury while performing actions on the horizontal bar apparatus.

HUBUNGAN ANTARA PANJANG LANGKAH DENGAN MASA DALAM ACARA 10,000M JALAN KAKI ATLET IPT PADA TREK LURUS

Muhammad Nur Zahied Bin Md.hamidun & Izwyn Zulkapri
zahiedhamidun07@gmail.com

Atlet jalan kaki memerlukan teknik yang tepat untuk menjadikan pergerakan lokomotor kaki atlet sentiasa berada dalam keadaan yang betul . Sehubungan dengan itu , panjang langkahan dan kekerapan langkahan atlet perlu dijadikan tumpuan utama untuk menganalisis keberkesanannya terhadap kelajuan atlet ketika di dalam situasi perlumbaan . Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengukur panjang langkah dan masa yang diambil untuk jarak yang ditentukan dalam kajian atlet jalan kaki kejohanan Varsity Track and Field IPT 2023/2024 di dalam acara 10,000m jalan kaki lelaki . Hasil daripada dapatan nilai kedua-dua pembolehubah tersebut akan dibandingkan untuk mendapatkan perkaitan antara panjang langkah (stride length) dan catatan masa sampel . Seramai 6 orang atlet jalan kaki (n=6) telah dipilih untuk dijadikan subjek kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan kerana semua subjek merupakan atlet yang bertanding mewakili universiti awam di dalam siri sirkit atau kejohanan yang mempunyai peringkat yang sama . Nilai yang diperolehi daripada pengukuran secara rakaman video akan dianalisis secara nilai min seorang atlet kemudian menggunakan kaedah korelasi untuk menentukan hubungan antara dua pembolehubah iaitu panjang langkah dan masa setiap sampel .Selepas analisis data deskriptif dijalankan,data kajian yang diperolehi dianalisis menggunaka ujian Korelasi Pearson untuk mendapatkan hubungan antara pamjang langkah dan juga masa yang diambil seterusnya untuk memastikan hipotesis kajian

diterima atau ditolak. Hasil analisis ujian,nilai p<0.03 dan nilai r=0.856 dimana ia adalah signifikan diantara dua pembolehubah yang diukur dalam kajian.Kesimpulannya,panjang langkah sampel kajian yang tinggi akan dapat mengurangkan masa perlumbaan 10,000m jalan kaki lelaki di kejohanan siri yang akan datang.

Racewalking athletes require proper technique to ensure that the locomotor movement of their legs is always in the correct condition. Therefore, the stride length and frequency of strides of athletes need to be the main focus for analyzing their effectiveness in terms of speed during races. This study aims to measure the stride length and time taken for a specified distance in the racewalking event of the Varsity Track and Field IPT 2023/2024 in the men's 10,000m racewalking category. The results of both variables will be compared to establish the relationship between stride length and race time. Six racewalking athletes (n=6) were selected as study subjects using purposive sampling because all subjects compete representing public universities in circuit series or championships of the same level. Values obtained from video recording measurements will be analyzed per athlete and then correlated to determine the relationship between the two variables, stride length and time for each sample.After conducting descriptive data analysis, the study data obtained were analyzed using Pearson's Correlation test to determine the relationship between stride length and time taken, thereby confirming or rejecting the study hypothesis. The test results showed a value of p < 0.03 and r = 0.856, indicating a significant correlation between the two variables measured in the study.In conclusion, a longer stride length in the study sample can reduce the race time for the men's 10,000m racewalking event in upcoming series championships.

PERKAITAN LENGKUNG KAKI (FOOT ARCH) DENGAN INDEKS JISIM BADAN

Muhammad Safwan Bin Abu Shairi & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
muhammad.safwan@graduate.utm.my

Setiap individu mempunyai lengkung kaki (foot arch) yang berbeza dan pembentukannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah berat badan. Sehubungan dengan itu kajian ini ingin melihat perkaitan lengkung kaki (foot arch) dengan indeks jisim badan. Seramai 30 orang subjek dipilih dengan berusia diantara 21 hingga 24 tahun. Subjek dipilih secara rawak didalam kajian ini Setiap subjek akan mengecop tapak kaki mereka di atas kertas A4 yang disediakan. Dalam masa yang sama pengiraan menggunakan Clarke Angle digunakan bagi menentukan jenis lengkung kaki. Dalam kajian ini juga pengukuran tinggi dan berat subjek juga diambil untuk menentukan ketegori indeks jisim badan mereka. iaitu underweight, normal, overweight dan obese. Hasil kajian menggunakan ujian korelasi Pearson dan didapati nilai r = 1.0. Hasil analisis ini menunjukkan nilai koefisien korelasi Pearson sebanyak r = -0.75, yang mencadangkan bahawa negatif yang kuat diantara kedua-

dua pembolehubah tersebut. Ini menunjukkan bahawa, secara umum peningkatan dalam lengkung kaki mempunyai hubungkait dengan penurunan dalam BMI. Dan sebaliknya. Ini secara tidak langsung boleh mempengaruhi cara individu bergerak dan mengimbangi tubuh badan.

Every person has a unique foot arch, which is determined by a variety of factors, including body weight. This research aims to investigate the association between foot arch and body mass index. A group of thirty individuals aged 21 to 24 were chosen as volunteers. In this study, subjects are selected at randomness. Each participant will stamp their footprints on the A4 paper provided. At the same time, a Clarke Angle calculation is employed to establish the kind of foot curve. In this study, respondents' height and weight were measured to establish their BMI category, which included underweight, normal, overweight, and obese. The study's results were obtained using the Pearson correlation test, which revealed a value of r = 1.0. The Pearson correlation with a value of - 0.75 indicates a significant negative link between the two variables. This demonstrates that, on general, more foot curvature is related with a lower BMI. And reverse it, this can have an indirect effect on how an individual moves and balances their body

KESAN INCLINE DAN DECLINE DALAM AKTIVITI TEKAN TUBI TERHADAP KONTRAKSI OTOT MENGGUNAKAN ELECTROMYOGRAPHY

Muhammad Shahidan Bin Zulkefli & Halijah Bt. Ibrahim
shahidanmeteoryte@gmail.com

Tekan tubi merupakan aktiviti fizikal yang dilakukan dengan cara siku dibengkokkan dan badan berada pada kedudukan lurus dan naik semula secara berterusan, fungsi aktiviti ini adalah untuk melatih dan menguatkan otot-otot di bahagian atas badan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kesan incline dan decline dalam aktiviti tekan tubi terhadap kontraksi otot. Seramai 10 orang subjek terlibat dalam kajian ini dan subjek tersebut terdiri daripada golongan lelaki yang memiliki bacaan BMI yang normal (18.5kg/m² hingga 25kg/m²). Setiap subjek yang diambil perlu melakukan aktiviti tekan tubi incline (bahagian bawah badan di atas lantai dan bahagian atas badan di atas bangku dengan sudut lebih kurang 45˚) dan tekan tubi decline (bahagian bawah badan berada atas bangku dan bahagian atas badan berada di atas lantai dengan sudut lebih kurang 45˚) menggunakan bangku. Setiap subjek perlu melakukan 12 kali pengulangan bagi tekan tubi incline dan tekan tubi decline untuk mendapatkan bacaan kontraksi otot pektoralis major, deltoid dan trisep dimana otot-otot ini akan dilekatkan dengan menggunakan wireless sensor Electromyography (EMG) dan data akan diambil berdasarkan bacaan nilai EMG maksimum. Ujian T Berpasangan menunjukkan otot pektoralis major kiri, trisep kanan, dan trisep kiri menunjukkan perbezaan kontraksi otot yang signifikan ($p<0.05$) terhadap tekan tubi incline dan tekan tubi decline. Manakala otot pectoralis

major kanan, deltoid kanan, dan deltoid kiri menunjukkan perbezaan kontraksi otot yang tidak signifikan ($p>0.05$) terhadap tekan tubi incline dan tekan tubi decline. Dapatan kajian bagi tekan tubi incline dan tekan tubi decline menunjukkan kesemua jenis otot bahagian kiri dan kanan yang dikaji adalah tidak signifikan, pektoralis major kanan ($t=0.450,p=0.664$), deltoid kanan ($t=0.002,p=0.998$), dan trisep kanan ($t=1.942,p=0.084$). Manakala otot pektoralis major kiri ($t=0.078,p=0.940$), deltoid kiri ($t=1.767,p=0.111$), dan trisep kiri adalah ($t=0.143,p=0.889$). Justeru itu, aktiviti tekan tubi berbeza posisi iaitu posisi incline tidak menunjukkan kontraksi otot yang amat berbeza. Cadangan penambahbaikan saya untuk kajian masa hadapan ialah pengkaji dapat mengkaji otot-otot lain yang masih belum dikaji seperti otot bicep, abdomen, dan lain-lain. Selain itu, saya mencadangkan pada kajian akan datang dapat melibatkan wanita sebagai subjek memandangkan subjek dalam kajian ini hanya terdiri daripada golongan lelaki sahaja.

Push-ups are a physical activity performed by bending the elbows and keeping the body in a straight position and rising again continuously, the function of this activity is to train and strengthen the muscles in the upper body. The purpose of this study was to see the effect of incline and decline in push-up activities on muscle contraction. A total of 10 subjects were involved in this study and the subjects consisted of men with normal BMI readings (18.5kg/m² to 25kg/m²). Every subject taken has to do incline push-ups (lower body on the floor while upper body on the bench with 45˚ angle) and decline push-ups (upper body on the floor while lower body on the bench with 45˚ angle) using a bench. Each subject needs to do 12 repetitions for incline push-ups and decline push-ups to get a reading of the contraction of the pectoralis major, deltoid and tricep muscles where these muscles will be attached using a wireless Electromyography (EMG) sensor and the data will be taken based on the value reading EMG maximum. Paired T test shows that the left pectoralis major muscle, right triceps, and left triceps show a significant difference in muscle contraction ($p<0.05$) for incline push-ups and decline push-ups. While the right pectoralis major, right deltoid, and left deltoid muscles showed a non-significant difference in muscle contraction ($p>0.05$) for incline push-ups and decline push-ups. The results of the study for incline push-ups and decline push-ups show that all types of left and right side muscles studied are not significant, right pectoralis major ($t=0.450,p=0.664$), right deltoid ($t=0.002,p=0.998$), and right triceps ($t=1.942,p=0.084$). While the left pectoralis major muscle ($t=0.078,p=0.940$), left deltoid ($t=1.767,p=0.111$), and left triceps are ($t=0.143,p=0.889$). Therefore, push-up activities in different positions, i.e. the incline position, do not show very different muscle contractions. My suggestion for improvement for future studies is that researchers can study other muscles that have not yet been studied such as bicep muscles, abdomen, etc. In addition, I suggest that future studies can involve women as subjects since the subjects in this study only consist of men.

PERKAITAN ANTARA KEMAHIRAN MENGGELECEK DENGAN KEMAHIRAN ASAS MOTOR KASAR

Muhammad Yasseer Zaidan Bin Yuhadli & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
yasseer@graduate.utm.my

Kemahiran mengelecek bola merupakan salah satu kemahiran kritikal yang perlu dikuasai. Namun ia juga mungkin dipengaruhi oleh kemahiran asas pergerakan motor kasar .Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara kemahiran mengelecek dan kemahiran asas pergerakan motor kasar pemain bola sepak akar umbi, Dua instrumen utama digunakan: Dribbling Test Instrument by Bobby Charlton untuk mengukur kemahiran mengelecek dan Test of Gross Motor Development-2 (TGMD-2) untuk menilai kemahiran asas pergerakan motor kasar. Sampel kajian terdiri daripada pemain bola sepak akar umbi bawah 12 tahun dari sebuah akademi bolasepak komuniti. Data yang dianalisis secara deskiptif dan inferensi menggunakan statistical Package for Social Science (SPSS). Nilai korelasi r = -0.354 yang diperoleh menunjukkan hubungan negatif sederhana antara dua pemboleh ubah, di mana peningkatan kemahiran asas motor kasar , penurunan masa dalam kemahiran menggelecek yang lain. Namun, nilai p = 0.125 menunjukkan bahawa hubungan ini tidak signifikan secara statistik, maknanya tiada bukti kukuh untuk mengesahkan hubungan yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah. Berdasarkan hasil kajian ini , jurulatih atau pembimbing bagi akademi bolasepak boleh menjalankan latihan yang memfokuskan kepada penguasaan asas kemahiran motor kasar ini dan kemahiran lain seperti ketangkasan bagi membolehkan kemampuan menggelecek para pemain dapat ditingkatkan

The skill of dribbling the ball is one of the critical skills that need to be mastered. However, it may also be affected by basic gross motor movement skills. Therefore, this study aims to examine the relationship between dribbling skills and basic motor movement skills of grassroots soccer players, Two main instruments are used: Dribbling Test Instrument by Bobby Charlton to measure dribbling skills and Test of Gross Motor Development-2 (TGMD-2) to assess basic gross motor movement skills. The study sample consisted of grassroots soccer players under 12 years of age from a community soccer academy. Data analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for Social Science (SPSS). The obtained correlation value of r = -0.354 shows a moderate negative relationship between the two variables, where the increase in basic gross motor skills, the decrease in time in other dribbling skills. , the value of p = 0.125 shows that this relationship is not statistically significant, which means there is no evidence, but it confirms a strong statistical relationship between the two variables. Based on the results of this study, coaches or mentors for soccer academies can conduct training that focuses on the basic mastery of these gross motor skills and other skills such as skills that allow the dribbling ability of the players to be improved.

PERBANDINGAN PENGGUNAAN DUMBBELL DAN RESISTANCE BAND TERHADAP KONTRAKSI OTOT BISEPS

Muhammad Zikry Bin Harsam & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
zikry00@graduate.utm.my

Alatan merupakan antara salah satu medium yang membantu meningkatkan kekuatan otot. Setiap alatan berkemungkinan memberikan kesan yang berbeza terhadap kekuatan otot. Sehubungan itu, kajian ini ingin melihat perbezaan kontraksi otot biseps yang dihasilkan dari penggunaan dumbbell dan resistance band. Pengukuran kontraksi otot biseps dilakukan dengan menggunakan Electromyography (EMG). Kajian ini melibatkan 10 orang subjek lelaki (umur: 24.40 ± 0.70 tahun, tinggi: 171.80 ± 6.05 cm, berat badan: 74.90 ± 13.63 kilogram, BMI: 25.41 ± 4.45 kg/m2, 1RM: 16.40 ± 3.34 kilogram) yang perlu melakukan aktiviti biceps curl dengan menggunakan dumbbell dan resistance band dalam tempoh jarak 3 hari antara aktiviti yang telah diberikan. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan kontraksi otot biseps di antara pengguna dumbbell dan resistance band dengan nilai t = 0.429, p = 0.679. Perbezaan hanya dapat dilihat melalui penganalisaan secara deskriptif sahaja. Ini menunjukkan walaupun nilai kontraksi otot biseps bagi pengguna dumbbell lebih tinggi berbanding pengguna resistance band, namun perbezaan tersebut tidak begitu ketara. Walaubagaimanapun, hal ini menunjukkan bahawa dumbbell merupakan alat yang lebih efektif kerana menghasilkan kontraksi otot yang lebih tinggi berbanding resistance band.

Equipment is one of the mediums that help enhance muscle strength. Each piece of equipment may have different effects on muscle strength. Therefore, this study aims to observe the differences in biceps muscle contraction from the use of dumbbells and resistance bands. The measurement of biceps muscle contraction was conducted using Electromyography (EMG). This study involved 10 male subjects (age: 24.40 ± 0.70 years, height: 171.80 ± 6.05 cm, weight: 74.90 ± 13.63 kilograms, BMI: 25.41 ± 4.45 kg/m², 1RM: 16.40 ± 3.34 kilograms) who performed biceps curl activities using dumbbells and resistance bands with a 3-day interval between the activities. The study found no significant difference in biceps muscle contraction between the use of dumbbells and resistance bands, with t = 0.429 and p = 0.679. Differences were only observed through descriptive analysis. This indicates that although the biceps muscle contraction value for dumbbell users was higher compared to resistance band users, the difference was not significantly different. Nevertheless, this suggests that dumbbells may be a more effective tool as they produce higher muscle contraction compared to resistance bands.

ANALISIS SUDUT DAN KELAJUAN BOLA HOKI MENGGUNAKAN TEKNIK TAP PUSH DALAM PENALTY STROKE

Muhd Fakhrullah Izzuddin Bin Junaidi & Nur Fatihah Binti Raimi
imuhdfakrullah00@gmail.com

Teknik tap push merupakan salah satu teknik yang asas yang perlu dikuasai oleh semua pemain hoki, terutama dalam penalty stroke. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sudut tangan dan sudut kaki, serta kelajuan bola ketika melakukan teknik tap push ke arah empat penjuru gol yang telah ditetapkan iaitu penjuru A, penjuru B, penjuru C dan penjuru D. Empat penjuru gol ini merupakan antara penjuru yang sukar untuk di capai oleh penjaga gol. Seramai enam orang atlet hoki dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mewakili peringkat Ipt dalam hoki telah dipilih untuk menjadi subjek dalam kajian ini. Keenam enam subjek akan melakukan empat kali percubaan penalty stroke. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kamera, perisian kinovea, tripod, kayu hoki dan bola hoki. Setiap daripada mereka perlu melakukan percubaan menjaringkan gol ke arah empat penjuru yang telah ditetapkan. Sudut tangan dan sudut kaki serta kelajuan bola akan di analisis menggunakan aplikasi kinovea. Kajian mendapati bahawa kombinasi sudut tangan dan sudut kaki serta kelajuan yang konsisten mempengaruhi kejayaan dalam menghasilkan gol dalam penalty stroke. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa sudut tangan dan sudut kaki serta kelajuan bola merupakan faktor-faktor yang penting dalam menjaringkan gol semasa penalty stroke menggunakan teknik tap push. Sudut tangan dan kaki yang lebih konsisten serta kelajuan bola yang tinggi cenderung meningkatkan peluang untuk menjaringkan gol.

The tap push technique is one of the basic techniques that should be mastered by all hockey players, especially in penalty strokes. In addition, this study aims to analyze the angle of the hand and the foot, as well as the speed of the ball when performing the push push technique towards the four defined goal corners: A, B, C and D. These four goals are among the hard ones to reach for a goalkeeper. A total of six hockey athletes from the Malaysian University of Technology (UTM) who represent the Ipt level in hockey have been selected to be the subject of this study. Six-six subjects will perform four penalty stroke attempts. The instruments used in this study are cameras, kinovea software, tripods, hockey wood and hockey balls. Each of them has to do an attempt to score a goal in the direction of the four angles that have been set. Angles of hand and foot and ball speed will be analyzed using the kinovea application. Studies found that a combination of hand and foot angles as well as consistent speed influenced success in scoring goals in a penalty stroke. The conclusion of this study suggests that the angle of the hand and the foot and the speed of the ball are important factors in scoring goals during a penalty stroke using the push tap technique. A more consistent angle of hands and legs as well as a higher speed of the ball tend to increase the chances of scoring a goal.

KESAN PENGAMBILAN MINUMAN BERKAFEIN DAN MINUMAN TENAGA TERHADAP PRESTASI LOMPATAN MENEGAK DAN LOMPATAN KE HADAPAN

Nabihah Binti Baharudin & Syahrul Ridhwan Bin Morazuki
nabihah00@graduate.utm.my

Kajian terdahulu telah membuktikan bahawa pengambilan kafein dapat meningkatkan prestasi lompatan yang bersifat eksplosif. Namun minuman tenaga yang turut mengandungi kafein, karbohidrat dan elektrolit juga berpotensi untuk memberikan kesan yang sama. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan pengambilan minuman tenaga dan minuman berkafein terhadap prestasi lompatan menegak dan lompatan ke hadapan. Seramai 12 orang atlet bola jaring Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berumur antara 21 hingga 26 tahun terlibat dengan kajian ini. Kajian berbentuk eksperimental ini melibatkan 2 kumpulan subjek yang dikehendaki untuk mengambil minuman berkafein dan minuman tenaga pada 2 sesi pengujian tanpa mengetahui jenis minuman yang diambil. Kedua-dua minuman tersebut diambil 60 minit sebelum pengujian lompatan menegak dan lompatan ke hadapan dilaksanakan. Pengambilan minuman berkafein didapati dapat meningkatkan prestasi lompatan menegak dan lompatan ke hadapan dengan signifikan. Peningkatan prestasi lompatan menegak dan lompatan ke hadapan juga meningkat susulan pengambilan minuman tenaga. Namun, analisis ujian-t berpasangan mendapati hanya prestasi lompatan menegak yang meningkat dengan signifikan. Berdasarkan dapatan kajian, peningkatan prestasi lompatan eksplosif yang lebih baik daripada pengambilan minuman berkafein mungkin dipengaruhi oleh kadar pengambilan kafein yang lebih tinggi, sekaligus meningkatan rangsangan sistem neuromuscular semasa aktiviti eksplosif dilakukan.

Previous studies have proven that caffeine intake can enhance explosive jump performance. However, energy drinks which also contain caffeine, carbohydrates, and electrolytes have the potential to provide similar effects. Therefore, this study was conducted to examine the effects of caffeine drink and energy drink intake on vertical and standing broad jump performance. A total of 12 netball athletes from Universiti Teknologi Malaysia (UTM) aged between 21 and 26 years participated in this study. This experimental study involved two groups of subjects who were required to consume energy drinks and caffeinated drinks in two testing sessions without knowing the type of drink consumed. Both drinks were consumed 60 minutes before the vertical and standing broad jump tests were performed. Caffeine drink intake was found to significantly enhance vertical and standing broad jump performance. Performance in vertical and standing broad jumps also improved following the intake of energy drinks. However, paired t-test analysis found that only vertical jump performance increased significantly. Based on the findings, the higher improvement in explosive jump performance from caffeine drink intake might be influenced by the higher caffeine intake, thereby increasing neuromuscular stimulation during explosive activities.

ANALISIS KINEMATIK BAHAGIAN KAKI BAGI TEKNIK LARIAN ATLET JARAK JAUH UTM

Noorafham Bin Noorazman & Diyana Zulaika Binti Abdul Ghani
noorafham@graduate.utm.my

Dalam larian jarak jauh, atlet perlu menggunakan teknik larian yang baik dari segi teknik toe take-off dan terminal swing yang akan mempengaruhi panjang langkah dalam memastikan larian yang dilakukan sentiasa konsisten. Maka fasa toe take-off dan terminal swing amat berkait rapat dengan panjang langkah ketika melakukan larian. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis kinematik bahagian kaki bagi teknik larian atlet jarak jauh UTM. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan kinematik teknik toe take-off, terminal swing dan panjang langkah dalam kalangan atlet jarak jauh UTM. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian pemerhatian dan perbandingan. Seramai 4 orang atlet jarak jauh UTM dipilih untuk melaksanakan ujian larian jarak jauh. Subjek akan berlari sebanyak tujuh kali pusingan di trek larian Stadium Azman Hashim UTM. Setiap larian akan direkod menggunakan kamera untuk dianalisis. Perisian kinovea digunakan untuk analisis data sudut terminal swing, toe take-off dan panjang langkah. Kajian ini menggunakan analisis Anova untuk mengenalpasti perbezaan sudut terminal swing, toe take-off dan panjang langkah bagi kesemua empat subjek. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p<0.01$) bagi purata sudut terminal swing dan panjang langkah untuk kesemua subjek. Manakala purata sudut toe take-off menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($p>0.01$). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelari menggunakan teknik larian berbeza mengikut kepada keselesaan mereka ketika melakukan larian. Tambahan lagi, larian jarak jauh memerlukan strategi setiap pusingan bagi mengekalkan prestasi larian. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian yang diperoleh akan dapat membantu kajian lain pada masa akan datang dalam meningkatkan prestasi atlet jarak jauh kerana data-data yang diperolehi boleh dijadikan rujukan atau panduan untuk pengkaji akan datang yang selepas ini mahu memfokuskan analisis kinematik kepada atlet satu jantina sahaja. Kesimpulannya, teknik larian dengan sudut terminal swing dan toe take-off mempunyai hubungan bagi membantu atlet mendapatkan panjang langkah yang lebih jauh ketika melakukan larian.

In long-distance runs, athletes need to use good running techniques in terms of toe take-off and terminal swing techniques that will affect the length of steps in ensuring that the runs performed are consistent. Then the toe take-off phase and the swing terminal are closely related to the length of the step when running. Similarly, this study is aimed at analyzing the kinematics of the leg part of the UTM long-distance athlete running technique. In addition, the study also aims to compare the kinematics of toe take-off techniques, swing terminals and step lengths among UTM long-distance athletes. The method used in this study is in the form of observational and comparative studies. A total of four UTM long-distance athletes were selected to run

the long run test. Subjects will run seven rounds on the Azman Hashim UTM Stadium race track. Every run will be recorded using cameras for analysis. The kinovea software is used for data analysis of the swing terminal angle, toe take-off and step length. The study used Anova analysis to identify differences in swing terminal angle, toe take-off and step length for all four subjects. The study finds that there is a significant difference ($p<0.01$) in the average swing terminal angle and step length for all subjects. While the average toe take-off angle shows an insignificant difference ($p>0.01$). The results of this study prove that runners use different running techniques according to their comfort when running. Furthermore, long-distance runs require a strategy of each round to maintain running performance. Overall, the findings of the study will be able to help other future studies in improving the performance of long-distance athletes as the data obtained can serve as a reference or guidance for future researchers who later want to focus their kinematical analysis on one-sex athlete only. In conclusion, running techniques with terminal swing angles and toe take-offs have a connection to helping athletes get further step lengths when running.

PERBANDINGAN PENGAMBILAN AIR MINERAL DAN AIR ISOTONIK TERHADAP JUMLAH KANDUNGAN AIR DI DALAM BADAN (TBW) SELEPAS LARIAN 5 KILOMETER

Norazri Bin Nordin & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
norazri.nordin16@gmail.com

Hidrasi memainkan peranan yang sangat penting di dalam prestasi seseorang atlet, pencegahan kecederaan dan proses pemulihan. Acara larian 5 kilometer yang berlangsung di persekitaran luar boleh mengganggu tahap hidrasi tubuh badan akibat perpeluhan semasa larian, suhu persekitaran dan intensiti larian. Pengambilan cecair adalah cara utama untuk mengekalkan tahap hidrasi, jumlah air dalam badan yang normal dan mengelakkan daripada dehidrasi. Kajian ini bertujuan untuk menilai pengekalan Jumlah Kandungan Air di dalam Badan (TBW) untuk hidrasi di antara air mineral dan air isotonic selepas larian 5 kilometer. Seramai 24 pelajar lelaki Universiti Teknologi Malaysia telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan dibahagikan kepada kumpulan air mineral dan kumpulan air isotonik. Alat pengukuran yang digunakan adalah ujian komposisi badan menggunakan Tanita Body Analyzer untuk menilai Indeks Jisim Badan (BMI) dan Jumlah Kandungan Air Di Dalam Badan (TBW). Data dianalisa secara analisis deskriptif (min dan sisihan piawai bagi semua pembolehubah yang diukur) dan analisis inferensi (Ujian – t berpasangan dan Ujian – t tidak bersandar). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap TBW (kg) Sebelum dan Selepas Larian 5 Kilometer bagi kedua – kedua kumpulan air mineral dan air isotonik iaitu dengan nilai $p = 0.001$. Walau bagaimanapun, data menunjukkan tidak terdapat perbezaan bagi TBW jika dibandingkan antara Kumpulan kawalan dan bukan kawalan dengan nilai $t = 0.342$, $p = 0.713$ namun data

deskriptif masih menunjukkan trend penurunan pada jumlah sebelum dan selepas larian 5 kilometer. Kesimpulannya, terdapat perbezaan ketara dalam bacaan TBW sebelum dan selepas larian 5 kilometer dalam kedua – dua kumpulan, tetapi tidak terdapat perbezaan ketara antara kumpulan air mineral dan air isotonik selepas larian. Kajian ini memberikan panduan kepada atlet tentang pentingnya hidrasi yang betul dan jenis minuman yang sesuai untuk mengekalkan tahap hidrasi, meningkatkan prestasi dan menyokong proses pemulihan.

Hydration plays a very important role in an athlete's performance, injury and recovery process. A 5 kilometer running event that takes place in an outdoor environment can disrupt the body's hydration level due to sweating during the run, the environmental temperature and the intensity of the run. Fluid intake is the main way to maintain a normal level of hydration, the amount of air in the body and prevent dehydration. This study aims to evaluate the retention of Total Body Water (TBW) for hydration between mineral water and isotonic water after 5 kilometers. A total of 24 male students of University Technology Malaysia were selected using the purposive sampling method and divided into mineral water groups and isotonic water groups. The measurement tool used is a body composition test using the Tanita Body Analyzer to assess Body Mass Index (BMI) and Total Body Water (TBW). Data were analyzed by descriptive analysis (mean and standard deviation of all measured variables) and inferential analysis (Paired samples T – test and Independent samples T – test). The results of the study show that there is a significant difference in TBW (kg) before and after the 5 Kilometer run for both groups of mineral water and isotonic water with a value of p = 0.001. However, the data shows that there is no difference for TBW when compared between the control and non – control groups with a value of t = 0.342, p = 0.713, but descriptive data still shows a decreasing trend in the amount before and after 5 kilometers. In conclusion, there was a significant difference in TBW readings before and after the 5 kilometer run in both groups, but there was no significant difference between the mineral water and isotonic water groups after the run. This study provides guidance to athletes on the importance of proper hydration and the appropriate type of drink to maintain hydration levels, improve performance and support the recovery process.

PERKAITAN ANTARA SUDUT LENGKUNG KAKI (FOOT ARCH) DENGAN KESTABILAN INDIVIDU.

Nur Farhah Ilyani Binti Muzaini & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
nurfarhahilyani@graduate.utm.my

Sudut lengkung kaki secara umumnya dibahagikan kepada tiga jenis : tinggi, normal dan rata. Setiap lengkung kaki ini akan mempengaruhi cara berjalan, berdiri dan juga prestasi atlet semasa bersukan. Namun, kajian mengenai perkaitan antara sudut lengkung kaki dengan kestabilan individu masih terhad. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sudut lengkung kaki dengan kestabilan

individu. Seramai 15 orang subjek lelaki dan 15 orang subjek perempuan yang terlibat dalam kajian ini. Setiap subjek menjalani dua jenis ujian iaitu ujian Clarke Angle dan ujian keseimbangan Y. Bagi ujian Clarke Angle, subjek perlu mengecop tapak kaki dominan mereka sebanyak tiga kali dan dikira setiap sudutnya untuk mengetahui jenis sudut lengkung kaki individu. Ujian keseimbangan Y mempunyai tiga arah : anterior, posterolateral dan posteromedial. Perkaitan antara sudut lengkung kaki dengan pembolehubah yang dikaji dianalisa secara deskriptif (min ± sisihan piawai) dan inferensi (korelasi Pearson) menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara sudut lengkung kaki tinggi dengan ujian keseimbangan Y pada arah anterior dengan nilai r = -0.82, posterolateral dengan nilai r = -0.553 dan posteromedial dengan nilai r = -0.603. Bagi sudut lengkung kaki normal terdapat perkaitan dengan arah posterolateral dengan nilai r = 0.64 dan dengan arah posteromedial dengan nilai r = 0.64. Namun tiada perhubungan yang signifikan antara sudut lengkung kaki rata dengan kestabilan individu pada mana – mana arah. Oleh itu, kajian ini bertentangan dengan kajian terdahulu apabila sudut lengkung kaki rata telah membuktikan bahawa lengkung kaki ini tidak mempengaruhi pada mana – mana arah dalam dapatan kajian. Maka, sudut lengkung kaki rata tidak mempengaruhi cara kita berjalan, berdiri dan prestasi semasa bersukan. Manakala sudut lengkung kaki tinggi dan normal mempengaruhi kestabilan individu bagi aktiviti seharian.

Foot arch angle consists of three types of arches which are high, normal and flat. Every foot arch will affect the way of walking, standing and athlete sport performances. However, there is still limited research about the relationship between foot arch and individual stability. Furthermore, this research was conducted to identify the relationship between foot arch and individual stability. A total of 15 male and female subjects were involved in this research. Every subject has done 2 types of tests which are Clark Angle test and Y balance test. For the Clark Angle test, each of the subjects must stamp their dominant foot three times to calculate their foot angle and to determine their foot arch angle. The Y balance test consists of three directions which are anterior, posterolateral and posteromedial. The relationship between foot arch angle and the variable studied was analyzed descriptively (mean and standard deviation) and inferentially (Pearson's correlation) by the Statistical Package for the Social Science (SPSS). The result of the study showed that there is a significant relationship between high foot arch angle with Y balance test on anterior direction with the value of r = - 0.82, posterolateral r = - 0.553 and posteromedial r = - 0.603. There is a relationship between normal foot arch angle on posterolateral direction with the value of r = 0.64 and posteromedial direction with the value of r = 0.64. However, there is no significant relationship between flat foot arch angle with individual stability in any direction. Therefore, this research contradicted with the past research when the flat foot arch angle has proved that this type of arch did not have any influences on any direction based on their research findings. Then, flat foot arch angle did not have any effect

on the way of walking, standing and sports performance. Whereas high and normal foot arch angle influences the individual stability for daily activities.

RAWATAN TERAPEUTIK CRYOSTRETCHING DAN URUTAN SUKAN TERHADAP KETIDAKSELESAAN OTOT SELEPAS AKTIVITI BOULDERING

Nur Nabila Binti Jamhari & Zainal Abidin B Zainuddin
nurnabila@graduate.utm.my

Kajian yang lepas telah mendapati bahawa pendaki sering mengalami ketidakselesaan otot disebabkan oleh pergerakan berulang dan penggunaan otot yang berlebihan. Pendaki cenderung untuk mengalami ketidakselesaan otot dan memerlukan rawatan pemulihan segera untuk meningkatkan prestasi semasa bertanding dan memastikan keselesaan otot semasa melakukan aktiviti harian. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan rawatan cryostretching dan urutan sukan secara terapeutik terhadap pemulihan ketidakselesaan otot selepas aktiviti bouldering. Sembilan orang subjek yang terdiri daripada perempuan telah dipilih dan dibahagikan kepada tiga kumpulan : kumpulan kawalan, kumpulan cryostretching dan kumpulan urutan sukan. Setiap kumpulan menjalani rawatan yang telah ditetapkan selepas melakukan aktiviti bouldering. Data ketidakselesaan otot dikumpulkan menggunakan skala kesakitan Visual Analog Scale (VAS) dan catatan masa kelajuan subjek dalam ujian Wall Climbing yang disediakan dan dianalisis untuk menentukan keberkesanan rawatan selepas aktiviti bouldering dan selepas rawatan terapeutik. Data dari ujian ini diambil untuk perbandingan antara kumpulan menggunakan ANOVA single-factor dan ANOVA repeated-measures melalui Statistical Package for Social Science (SPSS) dan perisian Microsoft Excel 2016. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua rawatan cryostretching dan urutan sukan memberikan kesan yang signifikan ($p<0.05$) dalam mengurangkan ketidakselesaan otot berbanding dengan kumpulan kawalan. Namun, terdapat perbezaan tetapi tidak secara statistik di antara keberkesanan kedua-dua rawatan tersebut antara kumpulan cryostretching dan urutan sukan. Kajian ini menyimpulkan bahawa rawatan cryostretching lebih efektif dalam mengurangkan ketidakselesaan otot berbanding urutan sukan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada atlet, jurulatih, dan individu yang terlibat dalam aktiviti mendaki dinding atau sukan climbing dalam memilih kaedah pemulihan yang lebih efektif untuk ketidakselesaan otot.

Previous studies have found that climbers often experience muscle discomfort due to repetitive movements and excessive use of muscles. Climbers are prone to muscle discomfort and require immediate recovery treatments to enhance performance during competitions and ensure muscle comfort during daily activities. Therefore, this study aims to evaluate the effectiveness of therapeutic cryostretching and sports massage treatments on the recovery of muscle discomfort after bouldering activities.

Nine female subjects were selected and divided into three groups: control group, cryostretching group, and sports massage group. Each group underwent the designated treatments after performing bouldering activities. Muscle discomfort data were collected using the Visual Analog Scale (VAS) and the subjects' speed records in the Wall Climbing test were provided and analyzed to determine the effectiveness of the treatments after bouldering and therapeutic treatments. Data from these tests were compared between the groups using single-factor ANOVA and repeated-measures ANOVA through the Statistical Package for Social Science (SPSS) and Microsoft Excel 2016 software. The results showed that both cryostretching and sports massage treatments had a significant effect ($p<0.05$) in reducing muscle discomfort compared to the control group. However, there was a difference, although not statistically significant, in the effectiveness of the two treatments between the cryostretching and sports massage groups. This study concludes that cryostretching treatment is more effective in reducing muscle discomfort compared to sports massage. This study is expected to provide guidance to athletes, coaches, and individuals involved in sports climbing activities in choosing more effective recovery methods for muscle discomfort.

KEBERKESANAN FOAM ROLLING DALAM MENGURANGKAN DELAYED ONSET MUSCLE SORENESS (DOMS)

Nur Wahida Amalin Binti Muhammad Helmi Kannan & Nur Fatihah Binti Raimi

nurwahida00@gmail.com

Foam rolling merupakan salah satu rawatan pemulihan yang digunakan terhadap individu yang mengalami delayed onset muscle soreness (DOMS). DOMS merupakan ketidakselesaan otot yang berlaku selepas aktiviti fizikal yang boleh menyebabkan prestasi diri seseorang individu semakin menurun. Pelbagai kaedah pemulihan dan rawatan yang digunakan termasuklah foam rolling. Antara rawatan yang digunakan adalah melalui regangan, intervensi pemakanan, krioterapi, hidroterapi, senaman ringan dan termasuklah farmakologi iaitu rawatan yang menggunakan ubatan jenis anti – radang non – steroid (NSAIDs). Foam rolling dikatakan memberikan kesan positif kepada individu dan dapat mengurangkan tahap ketidakselesaan pada otot namun sejauhmanakah keberkesanan rawatan ini selepas tempoh 72 jam aktiviti fizikal tidak diketahui. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membandingkan Skala Analog Visual (VAS), Lilitan Otot Gastrocnemius dan Range of Motion (ROM) antara kumpulan foam rolling (FR) dan kumpulan kawalan (K) sebelum dan selepas melakukan protokol DOMS. Seramai 20 orang subjek terbahagi kepada 10 lelaki dan 10 perempuan dengan purata umur 22.75 ± 0.91 tahun, berat badan 59.15 ± 9.79 kg, tinggi 162.65 ± 8.07 cm dan indeks jisim badan 22.13 ± 2.88 kg m² terlibat di dalam kajian ini dan dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak dan sama rata. Kesemua subjek dikehendaki melakukan protokol DOMS iaitu Counter Movement Jump sebanyak 5 set iaitu 10 kali ulangan bagi

setiap set. Selepas melakukan protokol DOMS, kumpulan foam rolling akan melakukan protokol foam rolling selama dua minit manakala kumpulan kawalan tidak akan menerima sebarang rawatan. Pengukuran VAS, lilitan otot gastrocnemius dan ROM dicatatkan pada empat jangka masa iaitu sebelum protokol DOMS, selepas 24 jam, 48 jam dan 72 jam. Perbandingan antara kumpulan foam rolling dan kumpulan kawalan dianalisis secara deskriptif (purata ± sisihan piawai) dan inferensi ujian t tidak bersandar menggunakan perisian Statistical Package Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan selepas 24 jam bagi VAS (p=0.003) manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan selepas 24 jam bagi lilitan otot gastrocnemius (p=0.175) dan ROM (p=0.620). Secara keseluruhan, kumpulan foam rolling mengalami proses pemulihan DOMS lebih cepat berbanding dengan kumpulan kawalan yang tidak mendapat rawatan. Walaubagaimanapun, ketiadaan perbezaan yang signifikan bagi lilitan otot gastrocnemius dan ROM menunjukkan bahawa keterbatasan pengukuran objektif dan variasi individu sementara perubahan signifikan dalam VAS menunjukkan bahawa foam rolling dapat mempengaruhi persepsi subjektif terhadap kesakitan dan pemulihan.

Foam rolling is one of the rehabilitation treatments used for individuals with delayed onset muscle soreness (DOMS). DOMS is a muscle discomfort that occurs after physical activity that can cause a person's performance to decrease. Various rehabilitation and treatment methods are used including foam rolling. Among the treatments used are stretching, nutritional interventions, cryotherapy, hydrotherapy, light exercise and include pharmacological treatments that use non – steroidal anti – inflammatory drugs (NSAIDs). Foam rolling is said to have a positive effect on individuals and can reduce the level of discomfort in the muscles, but the extent of the effectiveness of this treatment after a period of 72 hours of physical activity is not known. Accordingly, this study was conducted to compare the Visual analogue scale (VAS), gastrocnemius muscle circumference and Range of Motion (ROM) between the foam rolling group (FR) and the control group (K) before and after performing the DOMS protocol. A total of 20 subjects divided into 10 males and 10 females with an average age of 22.75 ± 0.91 years, body weight of 59.15 ± 9.79 kg, height of 162.65 ± 8.07 cm and body mass index of 22.13 ± 2.88 kg m2 were involved in this study and were divided into two groups randomly and evenly. All subjects were required to perform the DOMS protocol, namely Counter Movement Jump for 5 sets of 10 repetitions for each set. After performing the DOMS protocol, the foam rolling group will perform the foam rolling protocol for two minutes while the control group will not receive any treatment. Measurements of the VAS, gastrocnemius muscle circumference and ROM were recorded at four times intervals before the DOMS protocol, after 24 hours, 48 hours and 72 hours. The comparison between the foam rolling group and the control group was analysed descriptively (mean ± standard deviation) and the inference of the Independent t-test using Statistical Package Social Science (SPSS) software. The results showed a significant difference after 24 hours for VAS (p=0.003) while there was no significant difference after 24 hours for gastrocnemius muscle circumference

(p=0.175) and ROM (p=0.620). Overall, the foam rolling group experienced a faster DOMS recovery process compared to the control group that did not receive treatment. However, the absence of significant differences for gastrocnemius muscle circumference and ROM suggests that objective measurement limitations and individual variation while significant changes in VAS suggest that foam rolling can affect subjective perception of pain and recovery.

PERKAITAN ANTARA SUDUT LENGKUNG KAKI (FOOT ARCH) DENGAN RISIKO KECEDERAAN DALAM SUKAN BOLA BALING

Nursyazreen Natasha Binti Jafri & Hadafi Fitri Bin Mohd Latip
nursyazreennatasha@graduate.utm.my

Jenis bentuk kaki yang berbeza mempengaruhi jenis sukan yang diceburi. Oleh hal yang demikian, pemerhatian perlu dilakukan bagi menentukan sama ada dalam kalangan atlet bola baling mempunyai jenis bentuk tapak kaki rata (flat feet), biasa (normal) atau lengkungan tinggi (high arch). Kesemua atlet sukan bola baling UTM disasarkan menjadi responden kajian yang dipilih menerusi persampelan bertujuan. Kajian ini dijalankan menerusi 3 kaedah iaitu ujian Wet Test, analisis Kinovea dan edaran borang soal selidik secara dalam talian. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Responden; Bahagian B: Sejarah Kecederaan Kaki Semasa Bermain Sukan Bola Baling. Data deskriptif yang diperolehi dalam kajian ini diterjemahkan dalam bentuk frekuensi (f dan peratusan (%). Analisis kolerasi Pearson dengan nilai signifikan ditetapkan pada nilai $p<0.05$ akan digunakan untuk menentukan hubungan di antara semua pembolehubah. Dapatan kajian menunjukan terdapat hubungan di antara pembolehubah yang signifikan iaitu di antara jenis lengkung kaki (foot arch) dengan sudut pergelangan kaki atlet sukan bola baling apabila mencatatkan nilai Pearson r = .366 di mana nilai signifikan yang ditunjukkan ialah $p<0.05$, menjadikan hubungan antara keduanya berkolerasi. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara jenis lengkung kaki (foot arch) dengan sudut pergelangan kaki atlet sukan bola baling UTM.

Different types of foot shapes affect the type of sports played. Therefore, observation needs to be done to determine whether handball athletes have flat feet, normal or high arches. All UTM handball athletes were targeted as respondents of the study selected through purposive sampling. This study was conducted through 3 methods, namely the Wet Test, Kinovea analysis and the distribution of questionnaires online. This questionnaire contains two parts which are Part A: Demographics of Respondents; Part B: History of Foot Injuries While Playing Handball Sports. The descriptive data obtained in this study is translated in the form of frequency (f and percentage (%). Pearson's correlation analysis with a significant value set at a value of $p<0.05$ will be used to determine the relationship between all variables. The results of the study show that there is a relationship between the variables that

significant that is between the type of foot arch and ankle angle of handball athletes when recording the Pearson r value = .366 where the significant value shown is p<0.05, making the relationship between the two correlated. This study concludes that there is a correlation which is significant between the type of foot arch (foot arch) and ankle angle of UTM handball athletes.

PERBANDINGAN STATUS HIDRASI BERDASARKAN TOTAL BODY WATER (TBW) ATLET JARAK JAUH SELEPAS PENGAMBILAN AIR ISOTONIK, AIR KELAPA DAN AIR MINERAL

Nurul Najihah Binti Mohd Shamsuddin & Nur Fatihah Binti Raimi
najihah00@graduate.utm.my

Individu yang menjalankan aktiviti sukan akan mengalami perubahan dalam status hidrasi disebabkan oleh tindak balas fisiologi badan untuk mengekalkan homeostasis. Bagi mengekalkan status hidrasi ini, pengambilan minuman yang boleh mengelakkan dehidrasi amatlah digalakkan. Justeru kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat perubahan total body water (TBW) sebelum dan selepas pengambilan air isotonik, air kelapa dan air mineral. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis perbandingan air isotonik, air kelapa dan air mineral terhadap status hidrasi berdasarkan total body water (TBW). Seramai 12 orang subjek dari kalangan atlet jarak jauh telah dipilih untuk menjalani kajian ini dan subjek ini dibahagikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan ini diberikan jenis air minuman yang berbeza iaitu air isotonik, air kelapa dan air mineral. Subjek-subjek ini telah melakukan larian sejauh 3000 meter di atas treadmill. Subjek diberikan 100 ml minuman pertama selepas menempuh jarak larian 1500 meter dan diberikan lagi 50 ml minuman selepas jarak 2500 meter. Ini menjadikan jumlah minuman yang diminum oleh subjek ialah 150 ml. Total Body Water (TBW) diambil sebelum dan selepas subjek menjalani kajian menggunakan mesin Tanita. Perubahan total body water (TBW) ditentukan dengan menolak total body water (TBW) sebelum melakukan larian dan total body water (TBW) selepas melakukan larian. Manakala perbandingan perubahan total body water (TBW) bagi ketiga-tiga kumpulan dianalisis menggunakan One-Way Anova dalam perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan perubahan air isotonik meningkat sebanyak 0.20, air kelapa menunjukkan peningkatan sebanyak 0.10 dan air mineral meningkat sebanyak 0.33. Walaupun hasil kajian menunjukkan perbezaan namun ianya tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) di antara air isotonik, air kelapa dan air mineral terhadap status hidrasi berdasarkan total body water (TBW). Kesimpulannya, tidak dapat perbezaan yang ketara bagi ketiga-tiga kumpulan air terhadap total body water (TBW).

Individuals who practice sports activities will experience changes in hydration status due to the body's physiological response to maintain homeostasis. To maintain this hydration status, consumption of beverages that can prevent dehydration is

highly recommended. This study aims to look at changes in total body water (TBW) before and after the intake of isotonic water, coconut water and mineral water. In addition, this study also aims to analyze the ratio of isotonic water, coconut water and mineral water to hydration status based on total body water (TBW). A total of 12 subjects from among long-distance athletes were selected to undergo this study and these subjects were divided into three groups. Each group was given different types of drinking water, namely isotonic water, coconut water and mineral water. These subjects had performed a 3000-meter run on a treadmill. The subjects were given the first 100 ml of drink after covering a distance of 1500 meters and were given another 50 ml of drink after a distance of 2500 meters. This makes the amount of drink drunk by the subject is 150 ml. Total Body Water (TBW) was taken before and after the subjects underwent the study using the Tanita machine. The change in total body water (TBW) is determined by subtracting the total body water (TBW) before running and the total body water (TBW) after running. While the comparison of total body water (TBW) change for the three groups was analyzed using One-Way Anova in SPSS software. The results showed changes in isotonic water increased by 0.20, coconut water showed an increase of 0.10 and mineral water increased by 0.33. Although the results showed differences, there was no significant difference ($p < 0.05$) between isotonic water, coconut water and mineral water on hydration status based on total body water (TBW). In conclusion, there is no significant difference between the three groups of water and total body water (TBW).

KESAN LATIHAN BEBANAN TERHADAP KEUPAYAAN KONTRAKSI OTOT KAKI DENGAN JARAK LUNGE ATLET LAWAN PEDANG NEGERI JOHOR

Nurul Shamera Balqis Binti Radin Kamarul & Syahrul Ridhwan Bin Morazuki
nurulshamerabalqis@graduate.utm.my

Keupayaan kontraksi otot kaki yang tinggi berpotensi mempengaruhi jarak lunge bagi sukan lawan pedang. Bagi tujuan ini, seramai 6 orang atlet lawan pedang dalam acara Sabre menjalani latihan bebanan selama 8 minggu berturut-turut. Semua subjek menjalani ujian lunge sebelum mengikuti latihan bebanan yang diberikan oleh penyelidik. Subjek menjalani ujian lunge yang sama selepas minggu ke-4 dan minggu ke-8 latihan bebanan. Semasa ujian lunge dijalankan, Delsys Trigno Wireless EMG Sensors diletakkan pada 3 bahagian otot kaki utama iaitu pada otot gastrocnemius, hamstring dan quadricep. selepas 4 minggu menjalani latihan bebanan, terdapat peningkatan pada kontraksi otot gastrocnemius dan hamstring, manakala kontraksi otot quadriceps menunjukkan penurunan. Pada ujian pos, dapatan kajian mendapati, penurunan keupayaan kontraksi pada otot gastrocnemius dan hamstring, namun terdapat peningkatan pada kontraksi otot quadriceps. Walau bagaimanapun, analisis Anova sehala mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara semua ujian lunge yang dilaksanakan. Selain itu, analisis korelasi Pearson

juga mendapati bahawa tiada perkaitan yang signifikan antara keupayaan kontraksi otot kaki dengan jarak lunge. Kesimpulannya, walaupun terdapat peningkatan jarak lunge selepas menjalani latihan bebanan, namun kajian mendapati tiada perkaitan yang jelas antara peningkatan keupayaan kontraksi otot dengan jarak lunge bagi atlet lawan pedang.

The high ability of leg muscle contraction potentially affects the lunge distance in fencing athletes. To explore this, 6 fencers from the Sabre event underwent an 8-week consecutive weight training program. All subjects were tested for lunge distance before starting the researcher-prescribed weight training. The same lunge test was administered after 4 and 8 weeks of weight training. During the lunge tests, Delsys Trigno Wireless EMG Sensors were placed on the three main leg muscles: gastrocnemius, hamstring, and quadriceps. After 4 weeks of weight training, there was an increase in contraction of the gastrocnemius and hamstring muscles, while the quadriceps showed a decrease in contraction. At the post-test, the study found a decrease in the ability of gastrocnemius and hamstring muscle contractions, but there was an increase in quadriceps muscle contraction. However, one-way ANOVA analysis indicated no significant difference among all lunge tests conducted. Furthermore, Pearson correlation analysis also found no significant relationship between the ability of leg muscle contraction and lunge distance. In conclusion, despite an increase in lunge distance after weight training, the study found no clear relationship between increased leg muscle contraction ability and lunge distance in fencing athletes.

PERKAITAN DI ANTARA HIDRASI DAN KELETIHAN MENTAL DALAM KALANGAN ATLET JARAK JAUH NEGERI JOHOR

Puspa Letchumy A/p Jaintheran & Diyana Zulaika Binti Abdul Ghani
puspaletchumy@graduate.utm.my

Sukan jarak jauh menyebabkan atlet terdedah kepada keadaan cuaca yang panas dan kelembapan yang tinggi secara berpanjangan dan keadaan ini mempengaruhi prestasi atlet dari segi mental dan fizikal. Tahap hidrasi adalah salah satu aspek penting dalam mengekalkan prestasi seseorang atlet dan kehilangan cecair melalui peluh boleh mengakibatkan dehidrasi kepada atlet. Maka, kajian ini mengkaji hubungan antara tahap hidrasi dan keletihan mental dalam kalangan atlet jarak jauh di negeri Johor. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap hidrasi dan keletihan mental atlet sebelum dan selepas latihan, serta menganalisis hubungan di antara kedua-dua faktor tersebut. Dalam kajian ini, populasi sasaran pengkaji terdiri daripada atlet-atlet jarak jauh di Sekolah Sukan Malaysia, Tunku Mahkota Ismail, Johor. Secara keseluruhan terdapat 15 orang atlet jarak jauh pelbagai umur dari 13 tahun hingga 20 tahun. Persampelan kajian ini menggunakan persampelan bertujuan

dimana hanya memfokuskan pada atlet jarak jauh dan seramai 15 orang atlet jarak jauh akan melibatkan diri dalam kajian ini. Kaedah penganalisisan yang digunakan adalah analisis deskriptif dia min dan sisihan piawai. Dapatan kajian, nilai antara tahap hidrasi dan skor MFS dengan nilai p<0.946, bagi keletihan mental. Pengurusan penghidratan yang efektif penting untuk meningkatkan prestasi atlet dan mengurangkan keletihan mental. Kehilangan cecair melalui peluh semasa berlatih atau bertanding boleh mengakibatkan dehidrasi, yang boleh menjejaskan prestasi atlet dengan mengurangkan tahap kecekapan fizikal, ketahanan, dan ketumpatan mental. Kesimpulannya, memahami dan mempraktikkan penghidratan yang betul merupakan aspek penting dalam persediaan atlet untuk mencapai prestasi maksimum, sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Long-distance sports expose athletes to prolonged hot and humid weather conditions, which affect their mental and physical performance. Hydration level is one of the critical aspects in maintaining an athlete's performance, and losing fluids through sweat can lead to dehydration for athletes. Therefore, this study examines the relationship between hydration levels and mental fatigue among long-distance athletes in the state of Johor. The study aims to identify the hydration levels and mental fatigue of athletes before and after training, as well as to analyze the relationship between these two factors. The study population consists of long-distance athletes from the Malaysian Sports School, Tunku Mahkota Ismail, Johor. Overall, there are 15 long-distance athletes of various ages from 13 to 20 years old. This study uses purposive sampling, focusing exclusively on long-distance athletes, with a total of 15 athletes participating in the study. The analytical method used includes descriptive analysis and standard deviation. The study findings indicate a value (p<0.946) between mental fatigue and hydration. Effective hydration management is crucial for enhancing athlete performance and reducing mental fatigue. Fluid loss through sweat during training or competition can lead to dehydration, which can impair athlete performance by reducing physical efficiency, endurance, and mental concentration. In conclusion, understanding and practicing proper hydration are essential aspects of athlete preparation for achieving maximum performance, whether at the national or international level.

KEBERKESANAN LATIHAN KUASA TERHADAP PRESTASI LAKUAN LUNGE ATLET LAWAN PEDANG

Raziq Hakimi Bin Roosli & Diyana Zulaika Binti Abdul Ghani
rhakimi.rh@gmail.com

Kuasa, ketangkasan, imbangan, dan masa reaksi merupakan komponen kecergasan yang penting dalam sesuatu sukan. Lawan pedang adalah sukan pertempuran atau bertarung antara dua orang atlet iaitu salah seorang perlu menyerang atau bertahan. Terdapat kajian melaporkan bahawa kuasa juga memainkan peranan penting bagi meningkatkan prestasi lakuan lunge ketika bermain. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji prestasi lakuan lunge di kalangan atlet lawan pedang sebelum dan selepas menjalani intervensi latihan kuasa selama tiga minggu. Seramai enam orang atlet lawan pedang berumur antara 14 hingga 17 tahun telah dipilih sebagai subjek dalam kajian ini. Ujian yang digunakan adalah ujian lunge, dimana subjek dikehendaki melakukan jangkauan lunge di atas jumping mat sejauh mungkin. Terdapat dua kali ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca dan setiap ujian terdapat dua kali percubaan dan nilai terbaik akan diambil. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Paired T-Test pada aras signifikan $p<0.05$ melalui Statistical Package For Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian yang dijalankan dan nilai t ialah -7.857, manakala nilai $p=0.039$ ($p<0.05$) dan ini menunjukkan hipotesis null ditolak. Kesimpulannya, program latihan yang dijalankan selama tiga minggu ini menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap prestasi lakuan lunge. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh keberkesanan dari segi perlaksanaan latihan dan corak program latihan yang dipelbagaikan menyebabkan ianya signifikan. Ini menunjukkan bahawa intervensi latihan selama tiga minggu yang dilakukan adalah mencukupi bagi meningkatkan kuasa bahagian anggota bawah badan atlet sukan lawan pedang. Oleh hal demikian, latihan dari segi komponen kuasa perlu diberikan penekanan oleh jurulatih lawan pedang bagi meningkatkan prestasi lakuan lunge agar mudah untuk memenangi suatu perlawanan.

Power, agility, balance, and reaction time are important components of fitness in a sport. Fencing is a combat sport or fight between two athletes, where one of them has to attack or defend. Studies have reported that power also plays an important role in improving lunge performance when playing. Therefore, this study aims to examine the performance of lunge practice among Johor fencing athletes before and after undergoing a three-week power training intervention. A total of six Johor fencing athletes aged between 14 and 17 years old were selected as subjects in this study. The test used is the lunge test, where the subject is required to reach the lunge on the jumping mat as far as possible. There are two tests namely the pre and post and each test there are two attempts and the best score will be taken. The data obtained was analyzed using the Paired T-Test at a significant value of $p<0.05$ through the Statistical Package For Social Science (SPSS). The results of the study found that there was a significant difference in the tests conducted and the t-value

was -7.857, while the value of p=0.039 (p<0.05) and this showed that the null hypothesis was rejected. In conclusion, the three-week training program showed a significant difference in lunge performance. This is likely due to the effectiveness in terms of training implementation and the diversification of training programme patterns, which makes it significant. This shows that the three-week training intervention carried out is sufficient to increase the strength of the lower limbs of the sports athletes against the sword. Therefore, training in terms of power components should be emphasized by the fencing coach to improve the performance of lunge actions so that it is easier to win a match.

AKTIVITI DAYA TAHAN OTOT SEBAGAI INTERVENSI UNTUK PEMULIHAN BERDASARKAN KEPUTUSAN AKTIVITI SIT-UP UJIAN SEGAK

Rozaidha Binti Robi & Zainal Abidin B Zainuddin
rozaidha@graduate.utm.my

Daya tahan otot adalah kemampuan otot melakukan aktiviti berulang kali atau dalam jangka masa yang lama iaitu dengan menjalani program latihan yang diberikan selama 4 minggu. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan cadangan latihan daya tahan otot sebagai intervensi dalam ujian SEGAK. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Skudai dan melibatkan 12 orang pelajar yang memperoleh skor kurang memuaskan dalam ujian daya tahan otot, khususnya dalam aktiviti sit-up. Metodologi kajian melibatkan latihan intervensi yang merangkumi plank, Russian twist, dan hamstring bridge selama 4 minggu dengan frekuensi 3 kali seminggu. Dapatan kajian dianalisa secara deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi yang menggunakan kaedah Ujian-t. Keputusan kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam daya tahan otot selepas menjalani latihan intervensi ini. Analisis menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam bilangan sit-up antara sebelum dan selepas program latihan. Kajian ini menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dalam daya tahan otot selepas 4 minggu program latihan berbanding 2 minggu. Dengan ini, latihan yang dicadangkan berkesan untuk meningkatkan daya tahan otot pelajar. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan untuk kajian-kajian masa depan dalam usaha memperbaiki intervensi ujian SEGAK dan dijadikan saranan praktikal kepada sekolah dan pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan jasmani untuk meningkatkan daya tahan otot pelajar melalui latihan yang teratur dan berstruktur.

Muscle endurance is the ability of muscles to perform activities repeatedly or for a long time. This is achieved by following a training program given for 4 weeks. This study was conducted to assess the effectiveness of a proposed muscle endurance training intervention for the SEGAK test. The study was carried out at a school in the Skudai district and involved 12 students who received unsatisfactory score in the muscle endurance test, specifically in the sit-up activity. The study's methodology

included an intervention training program consisting of Plank, Russian Twist, and Hamstring Bridge exercises o 4 weeks, with a frequency of 3 times a week. The study's findings were analyzed descriptively (mean score and standard deviation) and using inferential analysis with a t-test method. The results showed a significant improvement in muscle endurance after undergoing this training intervention. The analysis showed a significant difference in the number of sit-ups before and after the training program. This research indicates a more significant improvement in muscle endurance after 4 weeks of the training program compared to 2 weeks. Therefore, the proposed training is effective in improving student's muscle endurance. This study is expected to serve as a guide for future studies in improving SEGAK test interventions and as a practical recommendation to schools and stakeholders in physical education to enhance student's muscle endurance through regular and structured training.

HUBUNGAN ANTARA SUDUT HAYUNAN DAN KEDUDUKAN AKHIR BOLA WOODBALL SELEPAS DIPUKUL DALAM SUKAN WOODBALL

Shamsul Hairul Akmal Bin Shahid & Izwyn Zulkapri, Dr
shamsulsehebat@gmail.com

Sudut hayunan memainkan peranan yang sangat penting kerana apabila atlet tidak mampu melakukan pukulan dengan baik, bola berkemungkinan akan melepasi garisan fairway. Atlet akan dikenakan penalti Out of Boundary (OB) dan jumlah pukulan akan ditambah satu. Ini akan meningkatkan jumlah pukulan atlet sekaligus menyukarkan atlet untuk memenangi pertandingan. Oleh itu, kajian mempunyai dua objektif iaitu yang pertama untuk mengenal pasti kesan sudut hayunan terhadap jumlah pukulan pemain dalam permainan woodball dan objektif kedua adalah untuk mengenal pasti kesan sudut hayunan terhadap kedudukan akhir bola woodball selepas dipukul. Dalam kajian ini, sampel terdiri daripada 8 orang atlet woodball UTM Skudai tahun akhir yang mempunyai pengalaman bermain sukan woodball antara satu sehingga dua tahun. Hasil analisis data, kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sudut hayunan terhadap jumlah pukulan pemain. Ini kerana dalam pengujian pertama, Bahagian C menunjukkan jumlah pukulan yang tertinggi iaitu 4.75±1.28 pukulan berbanding Bahagian B sebanyak 1.63±0.52 pukulan. Namun begitu, Bahagian C mempunyai purata sudut hayunan yang lebih kecil berbanding Bahagian B di mana Bahagian C adalah 57.68±19.88° darjah dan Bahagian B adalah 63.34±8.10° darjah. Bagi pengujian kedua, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara sudut hayunan terhadap kedudukan akhir bola woodball selepas dipukul. Dapatan kajian menunjukkan pola meningkat linear iaitu semakin tinggi sudut hayunan, semakin jauh kedudukan akhir bola woodball selepas dipukul. Purata kedudukan akhir bola woodball pada sudut 30° darjah, 60° darjah dan 90° darjah adalah 8.76±0.85m, 17.36±1.27m dan 40.82±1.20m. Ujian korelasi juga telah menunjukkan nilai $r=0.957$ dan nilai $p<0.001$ di mana ianya membuktikan terdapat kolerasi positif yang tinggi antara ketiga-tiga

kategori sudut terhadap kedudukan akhir bola woodball selepas dipukul. Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar pengkaji lain dapat meluaskan populasi dan sampel kajian untuk kajian lanjutan. Pengkaji yakin kajian ini akan dapat membantu jurulatih dalam melakukan latihan yang sesuai untuk memperbaiki kemahiran memukul atlet serta dapat membantu pengkaji akan datang.

The angle of the shot plays a very important role because when the athlete is not able to hit the shot well, the ball will likely cross the fairway line. Athletes will be penalized with Out of Boundary (OB) and given one additional stroke. This will increase the athlete total number of strokes and will make it more difficult for the athlete to win the competition. Therefore, the study has two objectives, the first is to identify the effect of the angle of the swing on the number of strokes of the player in the woodball game and the second objective is to identify the effect of the angle of the swing on the final position of the woodball after being hit. In this study, the sample consisted of 8 final year UTM Skudai woodball athletes who had experience playing woodball between one and two years. As a result of the data analysis, the study found no significant difference between the angle of the swing and the number of shots of the player. This is because in the first test, Section C showed the highest number of shots which was 4.75±1.28 shots compared to Section B's 1.63±0.52 shots. However, Section C has a smaller average swing angle than Section B where Section C is 57.68±19.88° degrees and Section B is 63.34±8.10° degrees. For the second test, the study found that there is a significant difference between the angle of the swing and the final position of the woodball after being hit. The results of the study show a linear increasing pattern that is, the higher the angle of the swing, the farther the final position of the woodball after being hit. The average final position of woodball at 30° degrees, 60° degrees and 90° degrees is 8.76±0.85m, 17.36±1.27m and 40.82±1.20m. The correlation test has also shown a value of $r=0.957$ and a value of $p<0.001$ where it proves that there is a high positive correlation between the three angle categories to the final position of the woodball after being hit. , the researcher suggested that other researchers can expand the study population and sample for further studies. The researcher is confident that this study will help coaches in doing appropriate exercises to improve the athlete's hitting skills and can help future researchers.

KEBERKESANAN PNF TERHADAP FLEKSIBILITI DAN ROM ATLET SILAT UTM

Siti Nur Shazwani Binti Ali & Nur Fatihah Binti Raimi
sitinurshazwani@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat keberkesanan apabila mengaplikasikan kaedah regangan PNF terhadap peningkatan fleksibiliti dan ROM atlet silat di UTM bagi membantu atlet menggunakan teknik regangan yang berkesan dalam jangka masa yang singkat. Kajian ini merupakan kajian eksperimental terhadap enam orang atlet silat UTM yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang akan melakukan latihan regangan PNF dan kumpulan yang akan menjalankan latihan regangan biasa. Kedua – dua kumpulan akan melakukan latihan ini selama tiga hari pada setiap minggu selama empat minggu. Responden daripada kedua – dua kumpulan akan menjalani ujian jangkauan melunjur dan ukuran ROM terhadap dua lakuan iaitu lakuan fleksi kaki dan ekstensi kaki secara pra dan pasca. 'Independent T test' akan digunakan bagi melihat perbandingan perubahan kedua – dua kumpulan terhadap latihan yang diberikan serta mengenalpasti perubahan sebelum dan selepas bagi kedua – dua kumpulan latihan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) di antara kumpulan latihan regangan PNF dengan kumpulan latihan regangan biasa terhadap kedua - dua lakuan kerana kedua - dua lakuan mempunyai jumlah signifikan melebihi ($p>0.05$). Kesimpulannya, kedua – dua latihan regangan dapat memberikan perubahan terhadap fleksibiliti dan ROM atlet tetapi latihan regangan PNF terbukti memberikan perubahan yang lebih besar berbanding latihan regangan yang biasa kepada fleksibiliti dan ROM atlet silat UTM.

This study was conducted to assess the effectiveness of applying PNF stretching methods in improving the flexibility and ROM of silat athletes at UTM, aiming to help athletes use effective stretching techniques in a short period of time. This experimental study involved six UTM silat athletes divided into two groups: one group performing PNF stretching exercises and another group performing regular stretching exercises. Both groups carried out these exercises three days a week for four weeks. Respondents from both groups underwent a sit-and-reach test and ROM measurements for two actions: leg flexion and leg extension, both pre- and post-training. An Independent T-test was used to compare the changes between the two groups regarding the given exercises and to identify changes before and after for both training groups. The study findings indicated that there was no significant difference ($p<0.05$) between the PNF stretching group and the regular stretching group for both actions, as both actions had a significance level exceeding ($p>0.05$). In conclusion, both stretching exercises led to changes in the flexibility and ROM of the athletes, but the PNF stretching exercises were proven to bring about greater changes compared to regular stretching exercises in the flexibility and ROM of UTM silat athletes.

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN KUALITI PERHUBUNGAN ANTARA JURULATIH DAN ATLET

Umi Maisarah Binti Kasiran & Syahrul Ridhwan Bin Morazuki
umimaisarah@graduate.utm.my

Kecerdasan emosi dengan kualiti hubungan antara jurulatih dan atlet berpotensi untuk mempengaruhi motivasi, kawalan emosi serta membina hubungan baik untuk mencapai matlamat dalam sukan. Oleh itu, kajian dijalankan untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan kualiti hubungan antara jurulatih dan atlet. Seramai 14 responden dari kalangan jurulatih dan 136 responden dari kalangan atlet terlibat dalam kajian ini. Semua responden menjawab soal selidik yang merangkumi aspek kecerdasan emosi dengan kualiti hubungan antara jurulatih dan atlet. The Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS) digunakan bagi mengkaji kecerdasan emosi. Soal selidik ini mengandungi empat dimensi bagi kecerdasan emosi, iaitu penilaian emosi kendiri, peraturan emosi, penggunaan emosi dan lain-lain penilaian emosi. Bagi mengkaji kualiti perhubungan antara jurulatih dan atlet, The Coach-Athlete Relationship Questionnaire (CART-Q) digunakan. Terdapat 3 dimensi bagi kualiti perhubungan antara jurulatih dan atlet, iaitu komitmen, keakraban dan saling melengkapi. Dapatan kajian mendapati nilai median tertinggi bagi konstruk kecerdasan emosi adalah penilaian emosi kendiri, penggunaan emosi dan lain-lain penilaian emosi. Bagi konstruk kualiti perhubungan antara jurulatih dan atlet pula, ketiga-tiga dimensi menunjukkan nilai kualiti perhubungan antara jurulatih dan atlet adalah tinggi. Selain itu, analisis kolerasi juga menunjukkan terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan kualiti hubungan antara jurulatih dan atlet. Berdasarkan dapatan kajian, kecerdasan emosi dengan kualiti hubungan antara jurulatih dan atlet saling berkait untuk meningkatkan motivasi, memahami emosi sendiri serta membina hubungan baik untuk mencapai matlamat mereka.

Emotional intelligence with the quality of the relationship between coaches and athletes has the potential to influence motivation, emotional control as well as building good relationships to achieve goals in sports. Therefore, a study was conducted to examine the relationship between emotional intelligence and the quality of the relationship between coaches and athletes. A total of 14 respondents from among coaches and 136 respondents from among athletes were involved in this study. All respondents answered a questionnaire that included aspects of emotional intelligence with the quality of the relationship between coach and athlete. The Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS) is used to assess emotional intelligence. This questionnaire contains four dimensions of emotional intelligence, namely emotional self-assessment, emotional regulation, emotional use and other emotional assessment. To assess the quality of the relationship between coaches and athletes, the Coach-Athlete Relationship Questionnaire (CART-Q) was used. There are 3 dimensions of the quality of the relationship between coach and athlete, namely commitment, closeness and complementarity. The findings found that the highest

median values for emotional intelligence constructs were self-assessment of emotions, emotional use and other emotional assessments. As for the construct of the quality of the relationship between coaches and athletes, all three dimensions indicate the value of the quality of the relationship between coaches and athletes is high. In addition, correlation analysis also showed that there was a moderately significant relationship between emotional intelligence and the quality of the relationship between coaches and athletes. Based on the findings, emotional intelligence and the quality of the relationship between coaches and athletes are linked to increase motivation, understand their own emotions and build good relationships to achieve their goals.

PERBANDINGAN TAHAP KEBIMBANGAN ATLET BOLA TAMPAR ANTARA PERLAWANAN SEPARUH AKHIR DAN PERLAWANAN AKHIR PADA PERINGKAT UNIVERSITI

Muhammad Azizi Fahmi Bin Abdullah & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
muhammadazizifahmi@graduate.utm.my

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji perbandingan tahap kebimbangan antara perlawanan separuh akhir dan perlawanan akhir bagi atlet bola tampar pada peringkat universiti. Atlet bola tampar terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi universiti. Tahap kebimbangan sering terjadi pada perlawanan separuh akhir atau perlawanan akhir. Oleh itu, kajian ini mengukur tahap kebimbangan mengikut elemen kognitif, somatik dan keyakinan diri seseorang atlet. Tahap kebimbangan diukur berdasarkan Competitive Sport Anxiety Inventory- 2R (CSAI-2R) mengikut peringkat umur dan jantina. Hasil kajian mendapati perlawanan separuh akhir menunjukkan nilai p yang lebih tinggi dalam pengukuran tahap kebimbangan berbanding pada perlawanan akhir perlawanan akhir. Berdasarkan analisis ujian menunjukkan nilai antara pembolehubah perlawanan separuh akhir dan perlawanan akhir bagi atlet bola tampar dimana nilai signifikannya adalah p = 0.6205 pada perlawanan separuh akhir berbanding p = 0.4758 pada perlawanan akhir. Justeru, tahap kebimbangan perlawanan akhir lebih tinggi sedikit berbanding tahap kebimbangan pada perlawanan separuh akhir kerana nilainya yang lebih dekat dengan nilai 0.05. Namun demikian, tahap kebimbangan berada pada tahap yang normal.

The purpose of this research is to investigate the relationship between the average length of a student's semi-final and final leg in a university. The players in the volleyball pool are university students and senior high school students. The most common occurrence of anxiety is in the semi-final or final stage competition. As a result, this technique shortens the time required to fully develop cognitive, automatic, and self-awareness skills in athletes. The scale of anxiety is based on the Competitive Sport Anxiety Inventory-2R (CSAI-2R), which measures upper and lower extremities. The cognitive abilities of the observer are the most important factors in the level of anxiety of the final legislation. Based on the analysis, the

difference between the mean of the two paths—the first one being the one that begins at the end and the one that ends at the end for the athlete—is p = 0.6205 for the one that ends at the end and p = 0.4758 for the path that begins at the beginning. Simply said, the anxiety level on final stage is somewhat higher than the anxiety level at the semi-final stage of the tournament since the p value is closer to the threshold of 0.05. However, the usual trajectory is where the anxiety tail is located.

UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi

JAWATANKUASA PROJEK SARJANA MUDA (PSM)
FAKULTI SAINS PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI

BUKU ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)
2023/2024